

All information detailed in this Annual Report is correct at the time of printing.  
Maklumat yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini adalah betul pada tarikh pencetakan.

**Bank Islam Malaysia Berhad** (98127-X)


Level 32, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur

Tel (6)03 2088 8000  
Fax (6)03 2088 8033


[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

ADVANCING







FOR THE GOOD OF ALL



CELEBRATING

**30**  
YEARS





## RATIONALE

The cover design of this year's annual report highlights the Kufic script – the oldest calligraphic form of Arabic script. It was in this script that the first copies of the Qur'an were written. Interpreted as “Advancing for the Good of All”, it signifies the Bank's commitment to progress for the benefit of all its stakeholders. Consisting of straight lines and angles, the Kufic script's similarity to today's digital scan codes and circuitry reflects the transcendence of knowledge, and provides an interesting symbolism of ancient wisdom in modern times. Emerging as digital data, the tiny graphic squares comprising people's images are a representation of the Bank's commitment.

As 2012 comes to an end, Bank Islam, the nation's pioneering Islamic financial services provider is celebrating the approach of its 30th anniversary. This is a significant milestone and a timely moment to reflect on its resilient and dynamic role towards transforming the global Islamic financial landscape. It has been a fruitful albeit challenging journey and the year reflects the Bank's momentum in reaching new heights and touching more lives as a pioneering force that has become a progressive, innovative and dynamic force in the industry.

## RASIONAL

Hiasan kulit luar laporan tahunan bagi tahun ini menyetengahkan skrip Kufik – iaitu skrip kaligrafi Arab yang tertua. Dalam skrip inilah, salinan pertama Al-Quran ditulis. Skrip ini yang boleh ditafsirkan sebagai “Terus Maju Demi Manfaat Bersama” menggambarkan komitmen Bank untuk terus maju demi kebaikan semua pemegang sahamnya. Skrip Kufik ini juga terdiri daripada garis lurus dan sudut yang mempunyai persamaan dengan kod imbas digital dan pelitarannya pada hari ini, serta menggambarkan pengetahuan yang luar biasa dan menyediakan simbol yang menarik tentang kebijaksanaan purba pada zaman moden. Segi empat grafik kecil yang dibawakan dalam bentuk data digital mengabadikan imej manusia sebagai tanda komitmen Bank.

Menjelang berakhirnya tahun 2012, Bank Islam, sebagai perintis dalam penyedia perkhidmatan kewangan Islam negara, akan menyambut ulang tahunnya yang ke-30 tidak lama lagi. Peristiwa ini merupakan satu pencapaian penting dan detik yang tepat untuk menggambarkan daya tahan dan peranannya yang dinamik ke arah mengubah landskap kewangan Islam global. Walaupun mencabar, tahun ini merupakan satu perjalanan yang berhasil dan menggambarkan usaha Bank yang semakin bertambah ke arah mencapai kedudukan baharu dan menyentuh banyak aspek kehidupan sebagai daya perintis yang kini menjadi pendorong yang progresif, inovatif dan dinamik dalam industri.

## INTRODUCTION PENGENALAN

Your Trusted Bank for 30 Years Bank Yang Diyakini Selama 30 Tahun	2
Vision & Mission Statement Visi & Pernyataan Misi	4
Core Brand Values Nilai Jenama Teras	5
Milestones 2008 – 2012 Pencapaian Kami 2008 – 2012	6
Financial Highlights Sorotan Kewangan	12
Financing by Contract Pembiayaan Mengikut Kontrak	16
Financing by Segment of Business Units Pembiayaan Mengikut Segmen Unit Perniagaan	17

## CORPORATE HIGHLIGHTS SOROTAN KORPORAT

Shareholding Structure Struktur Pemegang Saham	20
Shareholders Information Maklumat Pemegang Saham	21
Corporate Information Maklumat Korporat	22
Organisation Chart Carta Organisasi	24
Board of Directors Lembaga Pengarah	26
Profile of Board of Directors Profil Lembaga Pengarah	28
Shariah Supervisory Council Majlis Pengawasan Syariah	40
Profile of Shariah Supervisory Council Profil Majlis Pengawasan Syariah	42
Management Team Barisan Pengurusan	50
Profile of Management Team Profil Barisan Pengurusan	54

Profile of Regional Managers Profil Pengurus Wilayah	64
Profile of Chief Executive Officers of Subsidiaries Profil Ketua Pegawai Eksekutif Subsidiari	66
Awards and Accolades Anugerah dan Pengiktirafan	68
Media Highlights Sorotan Media	70

## ACCOUNTABILITY AKAUNTABILITI

Chairman's Statement Pernyataan Pengerusi	76
Statement of Corporate Governance Penyata Tadbir Urus Korporat	86
Ethics, Integrity & Trust Etika, Integriti & Amanah	126



**76** Chairman's Statement  
Pernyataan Pengerusi



**138** Managing Director's  
Operational Review  
Ulaskan Operasi  
Pengarah Urusan

# Contents Kandungan



**INSIGHTS**  
**PANDANGAN**

Economic Review 132

Ulasan Ekonomi

Managing Director's Operational Review 138

Ulasan Operasi Pengarah Urusan

**INITIATIVES**  
**INISIATIF**

Calendar of Significant Events 160

Kalendar Peristiwa Penting

Advancing Corporate Responsibility 170

Memajukan Tanggungjawab Korporat

Advancing Service Excellence 182

Meningkatkan Kecemerlangan Perkhidmatan

Advancing Human Resources 188

Memajukan Sumber Manusia

Advancing Information Technology 192

Memajukan Teknologi Maklumat

Advancing Shariah Compliance 196

Memajukan Pematuhan Syariah

**OTHERS**  
**LAIN-LAIN**

Directory and Branch Network 200

Direktori dan Rangkaian Cawangan

# Your Trusted Bank for 30 Years

## Bank Yang Diyakini Selama 30 Tahun

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (“BANK ISLAM”) IS ON THE VERGE OF CELEBRATING ITS 30 YEARS OF OPERATION IN THE COUNTRY, WHICH IS A TESTAMENT TO THE ENDURING QUALITY AND EXCELLENCE OF MALAYSIA’ MAIDEN SHARIAH-BASED BANKING INSTITUTION. GUIDED BY THE EXCELLENT PIONEERING WORKS OF ITS PREDECESSOR AND STRICT ADHERENCE TO THE ISLAMIC PRINCIPLES AND VALUES, THE BANK CONTINUES TO GAIN REPUTE AND TRUST AS THE ICON OF ISLAMIC BANKING.

Three decades of continuous growth and innovation have seen Bank Islam cementing its standing as the foremost Islamic bank in the country. From its humble beginning with about 30 employees, the Bank has expanded both in size and customer base, culminating in about 4,000-strong workforce serving the ever-growing five million customers. The Bank’s expanding network now comprises 127 branches and more than 1,000 self-service terminals nationwide, and the numbers can only go up as Bank Islam strives to reach out and meet the demands of its growing list of clientele. Over the years, the Bank has undergone a number of transformations and rebranding exercises which, not only underscore the fact that it is keeping up with time and trends, but also has the effect of enhancing the customers’ banking experience.

The Bank’s list of offerings has also grown, along with increasing quality and sophistication to match those offered by the long-established conventional banks. From the traditional financing, savings and investment types of products exclusively for individual customers during the early years of establishment, the range of its Shariah-based financial products, services and business solutions has significantly expanded to cater to the fast-changing financial needs of customers from all categories including those related to micro financing, wealth management, capital market, treasury and structured products. Bank Islam now offers a comprehensive list of more than 70 sophisticated and innovative banking products and services.

The growing strength of the Bank is underpinned by its recent year-on-year strong financial performance and the growing paid-up capital, which in turn, leads to the growth of its assets. Bank Islam has been engaged in a number of aggressive expansion programmes with involvement in, among others, notable transactions in Sukuk and Corporate Mandates. Another key ingredient to these successive growths is the Bank’s commitment to products and services innovations that best meet the demands of its customers, hence promoting greater uptakes. These are best exemplified by its acclaimed Transact-at-Palm (“TAP-i”) mobile banking solution that provides electronic banking transaction services but without requiring the use of Internet. For the record, TAP-i has received industry’s recognitions as being one of the most innovative banking products, garnering the BPA Trailblazer Awards’ “Special Commendation” and MOSTI award for “Innovation in Islamic Financial Services”.

As Islamic economy continues to be widely accepted globally, Bank Islam intends to continue its role as the leading light of the Islamic banking industry. Leveraging its experience as the country’s pioneer Islamic bank, the Bank plays a leading role in promoting the expansion of Malaysia’s brand of Islamic finance into other markets, especially in the region. This has helped developed Bank Islam into a well-established and universally recognised brand. As the number of local and global financial services continues to increase, Bank Islam remains keenly aware of the pioneering role it must continue to play.

As Malaysia aspires to become an international Islamic hub, the Bank will continue to lead the way in driving Islamic economy forward. Bank Islam has become a source of reference for Shariah-based banking and finance, and this has been instrumental in the rapid development of the Islamic banking and financial industry in the country.

30 years on, Bank Islam is increasingly being viewed by its peers as one of the major banking institutions in the industry. That the Bank has gained global recognitions and acclaims are attributed, in no small part, to its innovative streaks and continuous efforts to drive the development of Islamic banking not just in the country but also globally. With Bank Islam consistently occupying the position as one of the strongest Islamic banks around, as documented by both local and international authorities, the Bank remains on course to become “A Global Leader in Islamic Banking”.





**BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (“BANK ISLAM”) AKAN MERAIKAN 30 TAHUN OPERASINYA DI NEGARA INI, YANG MERUPAKAN BUKTI KEPADA KUALITI DAN KECEMERLANGAN YANG BERKEKALAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN BERASASKAN SYARIAH YANG PERTAMA DI MALAYSIA. BERPANDUKAN HASIL KERJA PERINTISAN YANG CEMERLANG OLEH PELOPORNYA SERTA PEGANGAN YANG TEGUH PADA PRINSIP DAN NILAI ISLAM, BANK TERUS MEMPEROLEH REPUTASI DAN KEPERCAYAAN SEBAGAI IKON PERBANKAN ISLAM.**

Pertumbuhan dan inovasi yang berterusan selama tiga dekad telah membolehkan Bank Islam mengukuhkan kedudukannya sebagai bank Islam terkemuka di negara ini. Dari permulaan yang sederhana dengan kira-kira 30 pekerja, Bank telah berkembang dari segi saiz dan jumlah pelanggan. Kini, Bank mempunyai kira-kira 4,000 tenaga kerja yang memberikan perkhidmatan kepada lima juta pelanggan yang sentiasa bertambah. Rangkaian Bank yang semakin berkembang kini terdiri daripada 127 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara, dan bilangan ini akan terus meningkat dalam usaha Bank Islam untuk menjangkau pelanggan baharu dan memenuhi permintaan pelanggannya yang semakin bertambah. Selama 30 tahun, Bank telah melakukan beberapa transformasi dan penjenamaan semula yang bukan sahaja menekankan hakikat bahawa Bank sentiasa mengikuti peredaran masa dan perubahan trend, tetapi juga membolehkan Bank memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Senarai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank juga telah bertambah, berserta dengan peningkatan dalam kualiti dan kecanggihan untuk menandingi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank konvensional yang telah lama bertapak. Bermula dengan pembiayaan, simpanan dan produk pelaburan tradisional khusus untuk pelanggan individu pada tahun-tahun awal penubuhannya, rangkaian produk kewangan, perkhidmatan dan penyelesaian perniagaan berasaskan Syariah telah diperluas dengan begitu ketara bagi memenuhi keperluan kewangan pelanggan yang semakin pesat berubah daripada semua kategori, termasuk yang berkaitan dengan pembiayaan mikro, pengurusan harta, pasaran modal, perbendaharaan dan produk berstruktur. Bank Islam kini menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan yang canggi dan inovatif.

Bank berkembang dengan semakin pesat seperti yang dapat dilihat melalui prestasi kewangannya yang kukuh pada tahun-ke-tahun (year-on-year) baru-baru ini dan modal berbayarnya yang semakin meningkat, yang seterusnya membawa kepada pertumbuhan asetnya. Bank Islam giat melaksanakan beberapa program perluasan secara agresif dengan penglibatan dalam, antara lain, urus niaga penting Sukuk dan Mandat Korporat. Faktor penting lain yang menyumbang kepada pertumbuhan berturut-turut ini ialah komitmen Bank terhadap produk dan perkhidmatan yang inovatif yang dapat memenuhi permintaan pelanggan, dengan itu menggalakkan lebih ramai orang memilih Bank Islam. Penyelesaian perbankan mudah alih Transact-at-Palm (“TAP-i”) yang mendapat pujian ramai merupakan contoh terbaik produk dan perkhidmatan yang inovatif ini. Ia menyediakan perkhidmatan urus niaga perbankan elektronik tanpa memerlukan penggunaan Internet. Sebagai rekod, TAP-i telah diiktiraf oleh industri sebagai salah satu produk perbankan yang paling inovatif, menerima “Pujian Khas” dalam BPA Trailblazer Awards dan anugerah MOSTI untuk “Inovasi dalam Perkhidmatan Kewangan Islam”.

Memandangkan ekonomi Islam terus diterima secara meluas di seluruh dunia, Bank Islam berhasrat untuk meneruskan peranannya sebagai bank utama dalam industri perbankan Islam. Dengan memanfaatkan pengalamannya sebagai bank Islam perintis di negara ini, Bank memainkan peranan utama dalam mempromosikan pengembangan jenama kewangan Islam Malaysia dalam pasaran lain, terutamanya di rantau ini. Usaha ini telah membantu Bank Islam menjadi jenama yang mantap dan dikenali di seluruh dunia. Selaras dengan bilangan perkhidmatan kewangan tempatan dan global yang semakin meningkat, Bank Islam sentiasa sedar akan keperluan untuk meneruskan peranannya sebagai perintis.

Selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat Islam antarabangsa, Bank akan terus menerajui pemacuan ekonomi Islam. Peranan Bank Islam sebagai sumber rujukan bagi perbankan dan kewangan berasaskan Syariah adalah sangat penting bagi membantu industri perbankan dan kewangan Islam di negara ini berkembang pesat.

Selepas 30 tahun beroperasi, Bank Islam semakin dilihat oleh rakan bank sebagai salah sebuah institusi perbankan utama dalam industri. Pengiktirafan dan pujian yang diterima oleh Bank di peringkat global adalah disebabkan semangat inovasinya dan usaha berterusan untuk memacu pembangunan perbankan Islam, bukan sahaja di negara ini tetapi juga di seluruh dunia. Dengan kedudukan Bank Islam sebagai salah sebuah bank Islam yang paling kukuh seperti yang disahkan oleh pakar tempatan dan antarabangsa, Bank berada di laluan yang betul untuk menjadi “Pemimpin Global dalam Perbankan Islam”.

# Vision **Visi**

TO BE A GLOBAL LEADER IN ISLAMIC BANKING

“Global Leader” is defined as being the ultimate guidance and source of reference for innovative Shariah-based products and services

**MENJADI PEMIMPIN GLOBAL DALAM PERBANKAN ISLAM**

“Pemimpin Global” ditakrifkan sebagai panduan dan sumber rujukan utama bagi produk dan perkhidmatan yang inovatif berlandaskan prinsip Syariah

## Mission Statement **Pernyataan Misi**

To continually develop and innovate universally accepted financial solutions in line with Shariah Principles

To provide a reasonable and sustainable return to shareholders

To provide a conducive working environment and to become an Employer of Choice for top talents in the market

To deliver comprehensive financial solutions of global standards using state-of-the-art technology

To be a responsible and prudent corporate citizen

Beriltizam untuk terus membangun dan memperbaharui penyelesaian kewangan yang diterima sejagat sejajar dengan prinsip Syariah

Menawarkan pulangan yang munasabah dan mampan kepada para pemegang saham

Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan menjadi Majikan Pilihan bagi mereka yang berbakat besar

Menghasilkan penyelesaian kewangan yang lengkap bertaraf global melalui penggunaan teknologi canggih terkini

Menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan berhemat

# Core Brand Values

## Nilai Jenama Teras

### A LEADER

Our Islamic Products are the Benchmark  
Reputed as the pioneer in Islamic banking, we helped build the Islamic banking industry

### DYNAMIC

Progressive and Innovative  
We are constantly moving ahead as we offer new and technologically advanced products and services

### PROFESSIONAL

Fast, Efficient and Responsive Service  
We are knowledgeable and equipped to handle global business challenges

### CARING

Approachable and Supportive Partner  
We help fulfill every customer's financial needs

### TRUSTWORTHY

Dependable and Reliable  
100% Shariah-based products, services and corporate values

### PEMIMPIN

Produk Islam kami menjadi Tanda Aras Industri  
Terkenal sebagai perintis dalam perbankan Islam, kami membantu membangunkan industri perbankan Islam

### DINAMIK

Progresif dan Inovatif  
Kami terus bergerak maju dengan menawarkan produk dan perkhidmatan baharu dan terkini dari segi teknologi

### PROFESIONAL

Khidmat Pantas, Cepak dan Tangkas  
Kami berpengalaman dan bersedia menghadapi cabaran perniagaan global

### PRIHATIN

Rakan Kongsi yang Mudah Didekati dan Sedia Membantu  
Kami membantu memenuhi keperluan kewangan setiap pelanggan

### AMANAHAH

Berwibawa dan Diyakini  
Produk, perkhidmatan dan nilai korporat yang berlandaskan Syariah 100%

# Milestones 2008 – 2012

## Pencapaian Kami 2008 – 2012

### 2008

- Celebrated its 25<sup>th</sup> anniversary  
Meraikan ulang tahun ke-25
- Recorded highest profit of RM308.27 million in 25 years  
Mencatat keuntungan tertinggi dalam tempoh 25 tahun berjumlah RM308.27 juta
- Launched a new product called “Commodity Undertaking-i”, an Islamic option based product to be used for asset liability management purpose and investment purpose  
Melancarkan produk baharu yang dipanggil “Aku Janji Komoditi-i”, sebuah produk berasaskan opsyen Islam yang boleh digunakan untuk tujuan pengurusan aset dan liabiliti serta pelaburan
- Launched our first Islamic structured and capital protected funds, An Najah NID-i, the first Shariah-based structured product with health care as the investment theme  
Melancarkan dana berstruktur dengan jaminan perlindungan modal Islam pertama, An-Najah-i, produk berstruktur pertama berlandaskan Syariah dengan penjagaan kesihatan sebagai tema pelaburan
- Expanded its foreign currency retail services with the opening of its first bureau de change (“BDC”) outlet at the Low Cost Carrier Terminal (“LCCT”), Kuala Lumpur International Airport  
Memperluaskan perkhidmatan mata wang asing runcit dengan pembukaan cawangan biro tukaran wang asing (“BDC”) pertamanya di Low Cost Carrier Terminal (“LCCT”), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

### 2009

- Nationwide branch expansion  
Memperluaskan cawangan di seluruh negara
- Awarded Reader’s Digest “Platinum Trusted Brand Award 2009 for Islamic Financial Services”  
Menerima Anugerah Reader’s Digest bagi “Jenama Platinum Dipercayai untuk Perkhidmatan Kewangan Islam 2009”
- Awarded “Best Mixed Asset MYR Balanced Islamic Fund” for period ending December 2008 in conjunction with The Edge-Lipper Malaysia Fund Awards 2009 for Bank Islam’s ASBI Dana Al-Munsif managed by its subsidiary, BIMB Investment Management Berhad  
Menerima anugerah “Aset Campuran Terbaik bagi Dana Islam Terimbang dalam Ringgit Malaysia” (Best Mixed Asset MYR Balance Islamic Fund) bagi tempoh berakhir Disember 2008 sempena The Edge-Lipper Malaysia Fund Awards 2009 untuk ASBI Dana Al-Munsif yang diuruskan oleh BIMB Investment Management Berhad, anak syarikat Bank Islam
- Strategic Collaboration between Bank Islam subsidiary Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd and Bank Muamalat Indonesia Group to cooperate in the promotion of Islamic trust products to the world’s largest Islamic population  
Menjalani Kerjasama Strategik melalui subsidiari Bank Islam, iaitu Bank Islam Trust Company (Labuan) Ltd dengan Kumpulan Bank Muamalat Indonesia dalam mempromosi produk amanah Islam di Indonesia, iaitu negara paling ramai umat Islam di dunia
- Launched Al-Awfar, a first-of-its-kind savings-i and investment-i account which offers cash prizes  
Melancarkan Al-Awfar, iaitu kombinasi akaun simpanan-i dan pelaburan-i yang pertama seumpamanya yang menawarkan hadiah wang tunai
- The first Islamic banking institution in Malaysia to launch its Bank Islam World MasterCard Card – the first Islamic World MasterCard Card in Asia Pacific  
Menjadi institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang melancarkan Kad World MasterCard Bank Islam – Kad World MasterCard Islam yang pertama di Asia Pasifik



2009

- Manager for the Terengganu Investment Authority RM5 billion IMTN Programme guaranteed by the Government of Malaysia; a landmark 30-year issue, being the longest tenured bond issued in Malaysia for both Sukuk and conventional bond markets  
Menjadi Pengurus bagi Program Nota Islam Bertempoh Sederhana Badan Pelaburan Terengganu bernilai RM5 bilion yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia; terbitan mercu tanda 30-tahun, iaitu merupakan bon yang diterbitkan di Malaysia dengan tempoh matang paling lama untuk pasaran Sukuk dan bon konvensional
- Launched “Sinar Letrik Home Campaign” where the Bank will help home owners pay their electricity bills for five consecutive years under a collaboration entered into with Tenaga Nasional Berhad  
Melancarkan “Kempen Rumah Sinar Eletrik” di mana Bank akan membantu pemilik rumah membayar bil elektrik mereka untuk tempoh lima tahun berturut-turut di bawah kerjasama yang dibuat dengan Tenaga Nasional Berhad
- Sole Islamic bank and the only commercial bank that the Securities Commission approved under its list of Principal Advisers for specific corporate proposals in Malaysia  
Menjadi satu-satunya bank Islam dan bank komersil yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam senarai Penasihat Utamanya bagi cadangan korporat spesifik di Malaysia
- The first Commercial Bank as Adviser for equity-linked transactions for YSP Southeast Asia Holdings Berhad on Rights Issue  
Menjadi Bank komersil pertama yang dilantik sebagai Penasihat transaksi berkait ekuiti bagi YSP Southeast Asia Holdings Berhad berkenaan Terbitan Hak
- Transacted the first asset swap transaction for Bank Islam; which entails applying hedge accounting for the first time to the bond portfolio  
Menjalankan transaksi swap aset pertama untuk Bank Islam; di mana mekanisme perlindungan nilai terhadap portfolio bon digunakan buat pertama kalinya
- Transacted the first Islamic equity option transaction for Bank Islam  
Melakukan urus niaga opsyen ekuiti Islam pertama bagi Bank Islam
- Launched a new line of business i.e. Bulk Payment Foreign Exchange transaction  
Melancarkan perniagaan baharu iaitu urus niaga Pertukaran Mata Wang Asing secara Pukal
- Introduced a new customer service i.e. daily market news update via SMS  
Memperkenalkan perkhidmatan pelanggan baharu, iaitu maklumat terkini berita pasaran harian melalui SMS
- First Bank to join effort with LTH in launching the Uniteller Service which enables performance of LTH transactions and Hajj registration at any Bank Islam branches nationwide  
Menjadi bank pertama yang menjalan usaha sama dengan LTH dalam pelancaran Khidmat Uniteller yang membolehkan urus niaga LTH dan pendaftaran Haji dilakukan di semua cawangan Bank Islam di seluruh negara
- Launched Ziyad NID-i, an investment product structured to take advantage of the recovery of Asia’s equity markets. Ziyad NID-i is a five years investment product in the form of Islamic Negotiable Instruments  
Melancarkan Ziyad NID-i, satu produk pelaburan yang berstruktur bagi mengambil kesempatan sempena pasaran ekuiti Asia yang sedang baik pulih. Ziyad NID-i ialah produk pelaburan berjangka masa lima tahun dalam bentuk Instrumen Islam Boleh Niaga

2010

- Launched its 100<sup>th</sup> branch in Bukit Damansara  
**Merasmikan cawangan ke-100 di Bukit Damansara**
- Launched Waheed-i, the first of its kind in Malaysia for corporate customers. The first Shariah-based deposit product that meets both local and international Shariah standards, it is a Malaysian Ringgit fixed term deposit product based on the Shariah contract of Wakalah (Agency)  
**Melancarkan Waheed-i, produk pertama seumpamanya di Malaysia untuk pelanggan korporat. Produk deposit berasaskan Syariah pertama yang memenuhi piawaian Syariah tempatan dan antarabangsa, ia adalah produk deposit jangka tetap dalam Ringgit Malaysia yang berasaskan kontrak Syariah Wakalah (Agensi)**
- Launched the Islamic pawn-broking (Ar-Rahnu) which was officiated by Prime Minister Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak  
**Melancarkan perniagaan pajak gadaai Islam (Ar-Rahnu) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak**
- Named the winner of The BrandLaureate Awards 2009 – 2010 for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank in recognition of the Bank's successful corporate rebranding exercise  
**Memenangi Anugerah BrandLaureate 2009-2010 untuk jenama terbaik dalam Penjenamaan Korporat – Jenama Terbaik Perbankan – Bank Islam sebagai mengiktiraf penjenamaan semula korporat Bank yang telah dilaksanakan dengan jayanya**
- Named winner of the Platinum Award for Islamic Financial Services for two consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2010  
**Memenangi Anugerah Platinum bagi Perkhidmatan Kewangan Islam untuk tahun kedua berturut-turut dalam acara tahunan Anugerah Jenama Dipercayai Reader's Digest 2010**
- Entered into a strategic collaboration with Tune Talk, Malaysia's newest mobile service operator, to increase the subscriber base of Bank Islam Card ("BIC")  
**Memeterai kerjasama strategik bersama Tune Talk, operator khidmat mudah alih terbaru Malaysia, bagi meningkatkan jumlah pelanggan Kad Bank Islam ("BIC")**
- RAM Ratings assigned A1/P1 financial institution ratings  
**Menerima taraf institusi kewangan A1/P1 daripada 'RAM Ratings'**
- Bank Islam and Barclays Capital Markets Malaysia Sdn Bhd signed a Memorandum of Agreement for Collaboration on Customisation of Islamic Investment Products and Hedging Solutions  
**Menandatangani Memorandum Perjanjian untuk Kerjasama Pelangganan Produk Pelaburan dan Penyelesaian Lindung Nilai Islam dengan Barclays Capital Markets Malaysia Sdn Bhd**
- Bank Islam and Universiti Teknologi MARA ("UiTM") unveiled the "Bank Islam – UiTM Alumni Platinum MasterCard Card Sentiasa Di Hatiku" to raise funds for UiTM's Scholarship Fund called "Tabung Mengubah Destini Anak Bangsa"  
**Melancarkan "Kad Platinum Mastercard Alumni Bank Islam – UiTM Sentiasa Di Hatiku" bagi mengutip dana untuk Dana Biasiswa UiTM iaitu "Tabung Mengubah Destini Anak Bangsa" dengan Universiti Teknologi MARA ("UiTM")**
- Launched another first, offering consumers Malaysia's first truly mobile banking service. With Transact at Palm or TAP Mobile Banking-i, account owners can perform banking transactions anywhere and anytime, without Internet access  
**Melancarkan untuk julung kalinya khidmat perbankan mudah alih pertama di Malaysia. Dengan *Transact at Palm* atau *TAP Mobile Banking-i*, pemegang akaun kini boleh menjalankan urusanniaga di mana-mana sahaja pada bila-bila masa, tanpa akses Internet**



- Financial publication The Asian Banker rated Bank Islam as the 4<sup>th</sup> strongest bank in Malaysia and 53<sup>rd</sup> strongest bank in Asia Pacific. Globally, Bank Islam was ranked 24<sup>th</sup> among Largest Islamic Financial Institutions and 34<sup>th</sup> among Global Islamic Strongest Banks  
Menerima pengiktirafan daripada penerbitan kewangan The Asian Banker sebagai Bank nombor 4 yang kukuh di Malaysia dan nombor 53 Bank paling kukuh di Asia Pasifik. Secara global, Bank Islam diberi taraf nombor 24 di kalangan Institusi Kewangan Islam Terbesar dan nombor 34 di kalangan Bank-bank Islam Global yang Terkukuh
- Joint Lead Arranger, Joint Lead Manager and Joint Shariah Adviser for the RM5.0 billion Islamic Securities Programme of TNB Janamanjung Sdn Bhd, which was awarded Project Finance International's Asia Pacific Bond Deal of the Year 2011 and Islamic Finance News Ijarah Deal of the Year 2011 awards  
Menjadi Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama dan Penasihat Syariah Bersama bagi Program Sekuriti Islam berjumlah RM5.0 bilion bagi TNB Janamanjung Sdn Bhd, yang telah mendapat anugerah Urus Janji Bon Asia Pasifik Terbaik Tahun 2011 daripada Project Finance International dan Urus Janji Ijarah Terbaik Tahun 2011 daripada Islamic Finance News
- Voted as the Best Islamic Bank in Malaysia by Islamic Finance News Awards 2011  
Menerima anugerah sebagai Bank Islam Terbaik di Malaysia daripada Islamic Finance News Awards 2011
- Bank Islam's Managing Director, Dato' Sri Zukri Samat was awarded The BrandLaureate Brand Icons Leadership Awards 2011  
Menerima pengiktirafan "The BrandLaureate Brand Icons Leadership Awards 2011" yang dianugerahkan kepada Pengarah Urusan Bank Islam, Dato' Sri Zukri Samat
- DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin launched Menara Bank Islam that stands tall on a waqaf land in Jalan Perak  
Merasmikan Menara Bank Islam yang berdiri megah di atas tanah wakaf di Jalan Perak yang disempurnakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin
- Launched Al-Awfar Junior for customers below 18 years of age.  
Melancarkan Al-Awfar Junior, khas untuk pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah.
- Bank Islam's Managing Director, Dato' Sri Zukri Samat was awarded the Global Leadership Awards 2011  
Menerima Anugerah Kepimpinan Global 2011 yang telah dianugerahkan kepada Pengarah Urusan Bank Islam, Dato' Sri Zukri Samat
- Awarded the "Anugerah Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2011 bagi Inovasi Kewangan Islam" by MOSTI for its TAP Mobile Banking-i product  
Menerima "Anugerah Inovasi Islam Peringkat Kebangsaan 2011 bagi Inovasi Kewangan Islam" daripada MOSTI untuk produk Perbankan Mudah Alih-i TAP
- Awarded the Malaysia Service to Care Awards 2011 for Islamic bank category by MarkPlus, Inc.  
Menerima anugerah "Malaysia Service to Care Awards 2011" bagi kategori perbankan Islam oleh MarkPlus, Inc.
- Named winner of the PLATINUM AWARD for Islamic Financial Services for three consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2011  
Menjadi pemenang Anugerah Platinum Perkhidmatan Kewangan Islam untuk tiga tahun berturut-turut bagi Anugerah Tahunan Jenama Dipercayai Reader's Digest 2011
- Named the winner of The Brand Laureate Awards 2010-2011 for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank by The Asia Pacific Brands Foundation ("APBF")  
Menerima anugerah "The BrandLaureate Awards 2010-2011" bagi Jenama Korporat Terbaik – Jenama Terbaik Dalam Perbankan – Perbankan Islam daripada The Asia Pacific Brands Foundation ("APBF")

# 2011

- Introduced RM250 million BIMB i Dividend Fund  
Memperkenalkan Dana BIMB i Dividen berjumlah RM250 juta
- Announced the completion of a share subscription exercise which gives Bank Islam a strategic 20% stake in Amana Bank Limited (“Amana Bank”) in Sri Lanka. Amana Bank is poised to become Sri Lanka’s first Islamic commercial bank  
Mengumumkan selesainya latihan memohon beli saham yang memberikan Bank Islam 20% kepentingan yang strategik dalam Amana Bank Limited (“Amana Bank”) di Sri Lanka. Amana Bank telah siap untuk menjadi bank Islam komersil pertama Sri Lanka
- Announced a record profit before zakat and tax (“PBZT”) of RM503.4 million for the 18-month period ended 31 December 2010. This translates into a 44% jump on an annualized basis over RM233.1 million as at end-June 2009  
Mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai (“PBZT”) sebanyak RM503.4 juta dalam tempoh 18 bulan berakhir 31 Disember 2010. Prestasi itu merupakan peningkatan 44% berbanding RM233.1 juta pada akhir Jun 2009
- Launched the “Bank Islam Visa Debit Card-i”  
Melancarkan “Kad Debit-i Visa Bank Islam”
- Charted Malaysian corporate history by being the first Islamic bank to advise on a listing exercise. APFT Berhad, Malaysia’s leading flight education and training service provider, had appointed Bank Islam as Principal Adviser, Managing Underwriter, Underwriter and Placement Agent for its initial public offering (“IPO”) in conjunction with its listing on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad  
Melakar sejarah dunia korporat Malaysia dengan menjadi bank Islam pertama untuk memberi nasihat tentang latihan senarai. APFT Berhad, penyedia pendidikan dan perkhidmatan latihan penerbangan terkemuka di Malaysia, telah melantik Bank Islam sebagai Penasihat Utama, Pengurus Taja Jamin dan Ejen Penempatan untuk melakukan tawaran umum awal (“IPO”) sempena penyenaaraiannya di Pasar Utama Bursa Malaysia Securities Berhad

# 2012

- Awarded “Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia” by Alpha Southeast Asia in its “Annual Deal and Solutions Awards 2012” for its role as the Joint Lead Manager of the Danalinfra Nasional’s Islamic Commercial Papers/Medium Term Notes programme  
Menerima anugerah “Urus Janji Projek Kewangan Terbaik Asia Tenggara” daripada Alpha Southeast Asia dalam “Anugerah Tahunan Urus Janji dan Penyelesaian 2012” sebagai Pengurus Utama Bersama program Kertas Komersil Islam/Nota Islam Berjangka Sederhana Danalinfra Nasional
- Awarded “Best Islamic Bank in Malaysia” by Islamic Finance News in “Best Banks Poll 2012”  
Menerima anugerah “Bank Islam Terbaik di Malaysia” daripada Islamic Finance News dalam “Pengundian Bank-Bank Terbaik 2012”
- Awarded “Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad” by Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (“JAWHAR”)  
Menerima “Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad” daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (“JAWHAR”)
- Launched the BIMB Dana Al-Fakhim, a money market fund  
Melancarkan satu dana pasaran wang iaitu BIMB Dana Al-Fakhim
- Awarded ‘Gold’ for ‘Best Annual Report in Bahasa Malaysia’ by National Annual Corporate Report Awards (“NACRA”) for the publication of Bank Islam Annual Report 2011  
Menerima anugerah ‘Emas’ untuk ‘Laporan Tahunan Bahasa Malaysia Terbaik’ daripada National Annual Corporate Report Awards (“NACRA”) untuk penerbitan Laporan Tahunan 2011 Bank Islam
- Launched the University Debit Card-i (“UniDebit”), an exclusive multipurpose, all-in-one card designed just for students and staff of Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”)  
Melancarkan “Kad Debit Universiti-i (“UniDebit”)” iaitu kad debit serbaguna khusus untuk para pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”)


- Assigned improved Financial Strength rating of BBB and Foreign Currency long-term rating of BBB+ by Capital Intelligence (“CI”), an international credit rating agency  
Menerima taraf BBB bagi Kedudukan Kewangan yang Kukuh serta taraf BBB+ bagi Mata Wang Asing jangka panjang oleh Capital Intelligence (“CI”), agensi penarafan antarabangsa
- Launched of Islamic Dual Currency Investment-i (“DCI-i”), a fixed deposit product linked to the performance of a pair of foreign currencies based on the concept of Wakalah-lil-Istithmar (an agency contract for investment)  
Melancarkan produk pelaburan Dwi-Mata Wang Islam (“DCI-i”), produk deposit tetap yang dikaitkan dengan pelaksanaan sepasang mata wang asing yang berdasarkan konsep Wakalah-lil-Istithmar (kontrak agensi untuk pelaburan)
- Named winner of the PLATINUM AWARD for Islamic Financial Services for four consecutive years in the annual Reader’s Digest Trusted Brands Award 2012  
Menerima anugerah Platinum Reader’s Digest Award sebagai Jenama Paling Berwibawa bagi Perkhidmatan Kewangan Islam 2012
- Named the winner of The Brand Laureate Awards 2011-2012 for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank by The Asia Pacific Brands Foundation (“APBF”)  
Menerima anugerah The Brand Laureate Awards 2011-2012 bagi Jenama Korporat Terbaik – Jenama Terbaik Dalam Perbankan - Perbankan Islam oleh The Asia Pacific Brands Foundation (“APBF”)
- Launched its first full-fledged branch that provides seven-day banking services at AEON Seberang Prai Shopping Centre  
Melancarkan perkhidmatan perbankan tujuh hari pertamanya di Pusat Membeli-belah AEON Seberang Prai
- Awarded the Malaysia Service to Care Awards 2012 for Islamic bank category by MarkPlus, Inc.  
Menerima anugerah Malaysia Service to Care Awards 2012 bagi kategori perbankan Islam oleh MarkPlus, Inc.
- Punched through the one million barrier with the issuance of a total of 1.21 million Bank Islam Visa Debit Card-i users  
Mencapai satu juta dengan pengeluaran 1.21 juta Kad Visa Debit-i Bank Islam
- Signed the Malaysian Corporate Integrity Pledge (“CIP”). The signing of the pledge makes Bank Islam the first Islamic financial institution to commit to the Anti-Corruption Principles for Corporations  
Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Malaysia (“CIP”). Ini menjadikan Bank Islam institusi kewangan Islam yang pertama menyatakan komitmen terhadap Prinsip Pencegahan Rasuah bagi sebuah badan korporat

# 2012




# Financial Highlights


## Sorotan Kewangan




**Total Revenue**  
**Jumlah Hasil**  
(RM Million Juta)



**Profit before Allowance**  
**Keuntungan sebelum Peruntukan**  
(RM Million Juta)



**Profit before Zakat and Tax**  
**Keuntungan sebelum Zakat dan Cukai**  
(RM Million Juta)



**Total Assets**  
**Jumlah Aset**  
(RM Million Juta)

	Financial Year Ended 31 December 2012	Financial Year Ended 31 December 2011 <sup>1</sup>	18 Months Financial Period Ended 31 December 2010 <sup>1</sup>	of which: yang mana:		Financial Year Ended 30 June 2009	Financial Year Ended 30 June 2008
	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	Tempoh Kewangan 18 Bulan Berakhir 31 Disember	12 Months Ended 31 December 2010 <sup>1</sup>	6 Months Ended 31 December 2009	2009	2008
<b>OPERATING RESULTS (RM'000)</b> <b>KEPUTUSAN OPERASI (RM'000)</b>							
Total Revenue Jumlah Hasil	1,987,431	1,656,204	2,177,099	1,497,548	679,551	1,267,087	1,152,041
Profit before Allowance Keuntungan sebelum Peruntukan	677,155	544,759	684,460	449,985	234,475	359,154	280,240
Profit before Zakat and Tax Keuntungan sebelum Zakat dan Cukai	600,303	492,998	501,368	342,514	158,854	233,096	308,267
Profit after Zakat and Tax Keuntungan selepas Zakat dan Cukai	430,785	376,333	410,254	292,953	117,301	160,607	384,117
<b>KEY STATEMENTS OF FINANCIAL POSITION ITEMS (RM'000)</b> <b>ITEM PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN UTAMA (RM'000)</b>							
Total Assets Jumlah Aset	37,450,798	32,226,504	30,398,424	30,398,424	26,717,185	27,497,491	23,559,424
Total Financing Jumlah Pembiayaan	19,508,733	14,160,337	11,857,108	11,857,108	10,457,998	9,661,864	9,061,318
of which: yang mana:							
Gross Impaired Financing <sup>2/</sup> Gross Non-Performing Financing <sup>3</sup> Pembiayaan Merosot Kasar <sup>2/</sup> Pembiayaan Tak Berbayar Kasar <sup>3</sup>	308,709 <sup>2</sup>	379,790 <sup>2</sup>	552,221 <sup>2</sup>	552,221 <sup>2</sup>	1,349,739 <sup>3</sup>	1,360,449 <sup>3</sup>	1,949,904 <sup>3</sup>
Securities Sekuriti	14,706,915	12,563,418	15,260,422	15,260,422	11,955,166	8,915,821	3,651,427
Deposits from Customers Deposit dari Pelanggan	32,583,175	28,304,907	26,888,250	26,888,250	23,319,034	25,211,516	20,763,168
of which: yang mana:							
Current and Savings Deposits (CASA) Deposit Semasa dan Simpanan	13,426,139	12,282,776	10,663,909	10,663,909	9,347,416	9,060,958	8,281,540

	Financial Year Ended 31 December 2012	Financial Year Ended 31 December 2011 <sup>1</sup>	18 Months Financial Period Ended 31 December 2010 <sup>1</sup>	of which: yang mana:		Financial Year Ended 30 June 2009	Financial Year Ended 30 June 2008
				12 Months Ended 31 December 2010 <sup>1</sup>	6 Months Ended 31 December 2009		
	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	Tempoh Kewangan 18 Bulan Berakhir 31 Disember	12 Bulan Berakhir 31 Disember	6 Bulan Berakhir 31 Disember	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun
Shareholders' Equity Ekuiti Pemegang Saham	3,099,615	2,800,957	2,525,444	2,525,444	2,219,950	1,519,553	1,308,950
of which: yang mana:							
Share Capital Modal Saham	2,265,490	2,265,490	2,265,490	2,265,490	2,265,490	1,725,490	1,725,490
<b>RATIO ANALYSIS</b> <b>ANALISIS NISBAH</b>							
Return on Assets Pulangan Aset	1.72%	1.57%	1.15% <sup>4</sup>	1.20%	1.16% <sup>4</sup>	0.91%	1.45%
Return on Equity Pulangan Ekuiti	20.35%	18.51%	16.48% <sup>4</sup>	14.44%	16.85% <sup>4</sup>	16.48%	26.54%
Cost Income Ratio Nisbah Kos Kepada Pendapatan	51.42%	53.79%	54.26%	55.38%	51.84%	56.69%	60.79%
Capital Adequacy Ratio Nisbah Kecukupan Modal	14.09%	16.83%	17.26%	17.26%	16.32%	13.61%	12.93%
Gross Impaired Financing Ratio <sup>2</sup> / Gross Non-Performing Financing Ratio <sup>3</sup>	1.55% <sup>2</sup>	2.61% <sup>2</sup>	4.50% <sup>2</sup>	4.50% <sup>2</sup>	11.78% <sup>3</sup>	12.70% <sup>3</sup>	18.64% <sup>3</sup>
Nisbah Pembiayaan Merosot Kasar <sup>2</sup> / Nisbah Pembiayaan Tak Berbayar Kasar <sup>3</sup>							
Financing to Deposits Ratio Nisbah Pembiayaan kepada Deposit	61.23%	51.45%	45.68%	45.68%	50.06%	43.52%	51.99%
Earnings per Share Perolehan Sesaham	19 sen	17 sen	22 sen	15 sen	7 sen	9 sen	22 sen
Net Tangible Assets Backing Jaminan Aset Ketara Bersih	137 sen	124 sen	111 sen	111 sen	98 sen	88 sen	76 sen


Note:

- Restated arising from adoption of MFRS. Transition date as at 1 January 2011.
- As a result of adoption of FRS139 as at 31 December 2010.
- Based on 6 months non-performing financing classification and net of profit-in-suspense.
- Annualised.
- The Bank has changed its financial year end from June to December in 2010. The financial period was extended to 18 months ended 31 December 2010.


Nota:

- Dinyatakan semula berikutan guna pakai MFRS. Tarikh peralihan pada 1 Januari 2011.
- Hasil guna pakai FRS139 pada 31 Disember 2010.
- Berdasarkan klasifikasi pembiayaan tidak berbayar selama 6 bulan dan pendapatan tertangguh bersih.
- Disetahunkan.
- Bank telah mengubah akhir tahun kewangan daripada Jun kepada Disember pada 2010. Tempoh kewangan dilanjutkan kepada 18 bulan berakhir 31 Disember 2010.


**Total Financing**  
**Jumlah Pembiayaan**  
(RM Million/Juta)




**Deposits from Customers**  
**Deposit dari Pelanggan**  
(RM Million/Juta)



**Gross Impaired Financing/  
Gross Non-Performing  
Financing**  
**Pembiayaan Merosot Kasar/  
Pembiayaan Tak Berbayar Kasar**  
(RM Million/Juta)



**Shareholders' Equity**  
**Ekuiti Pemegang Saham**  
(RM Million/Juta)



## ADOPTION OF MFRS

On 19 November 2011, Malaysian Accounting Standards Board (“MASB”) issued the Malaysian Financial Reporting Standards (“MFRS”) framework for application in the annual periods beginning on or after 1 January 2012. The MFRS framework was introduced by MASB to fully converge Malaysia’s existing Financial Reporting Standards (“FRS”) framework with the International Financial Reporting Standards (“IFRS”) framework issued by the International Accounting Standards Board (“IASB”). Upon transition to the MFRS framework, the Group’s and Bank’s financial statements were prepared in accordance with MFRSs and MFRS 1, First-time Adoption of MFRSs.

In preparing the opening statement of financial position as at 1 January 2011, the Group and the Bank have adjusted amounts reported previously in financial statements prepared in accordance with previous FRSs. The financial impact arises mainly from transition to MFRS 139, Financial Instruments: Recognition and Measurement.

Prior to the transition to MFRS 139, the Bank had maintained its collective assessment allowance in line with Bank Negara Malaysia’s transitional provisions under its Guidelines on Classification and Impairment Provisions for Loans/Financing. Upon the transition to MFRS 139, the comparatives for positions as at 1 January 2011 and 31 December 2011 were restated. The impact to the profit before tax was a debit of RM2.032 million for 1 January 2011 and a credit of RM22.899 million for 31 December 2011.

## PERALIHAN KEPADA MFRS

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) telah mengeluarkan rangka kerja Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) untuk penggunaan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012. Rangka kerja MFRS telah diterbitkan oleh MASB untuk penyelarasan secara keseluruhan rangka kerja Piawaian Laporan Kewangan (“FRS”) yang sedia ada dengan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (“IASB”). Dengan peralihan ke rangka kerja MFRS, penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut MFRS dan MFRS 1, Gunapakai Pertama Kali MFRS.

Dalam penyediaan baki awal penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2011, Kumpulan dan Bank telah menyelaraskan jumlah-jumlah yang dilaporkan dalam penyata kewangan terdahulu yang disediakan menurut FRS sebelumnya. Impak kewangan timbul terutamanya daripada peralihan kepada MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran.

Sebelum peralihan ke MFRS 139, Bank telah mengekalkan peruntukan penaksiran kolektif sejajar dengan peruntukan peralihan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam Garis Panduan Klasifikasi dan Peruntukan Penjejasan bagi Pinjaman/Pembiayaan. Dengan peralihan kepada MFRS 139, perbandingan untuk kedudukan semasa pada 1 Januari 2011 dan 31 Disember 2011 telah dinyatakan semula. Impak kepada keuntungan sebelum zakat dan cukai untuk 1 Januari 2011 adalah debit RM2.032 juta dan kredit RM22.899 juta untuk 31 Disember 2011.

# CELEBRATING 30 YEARS ADVANCING FOR THE GOOD OF ALL

As we turn 30 this year, there are many reasons for a celebration; from winning the IFN Best Islamic Bank in Malaysia to innovating award-winning products like our TAP Mobile Banking-i. But all these successes mean little if only the bank alone has progressed.

Beyond the accolades, we would like to celebrate the advancement we've made to the lives of those in need. In the past three years alone, almost RM30 million in Zakat were paid and distributed for the betterment of society. More than 120 homes for the poor have also been built to date under our 'Bantuan Rumah' project.

Such initiatives are not part of a public relations campaign. They are part of what we do. Part of who we are. As such, we're not just celebrating our milestones and pioneering spirit. We are celebrating 30 years of advancing for the good of all.

**BANK ISLAM**

Consumer Banking | Commercial Banking | Corporate Investment Banking | Cash Management and Trade Services | Treasury

T 603 26 900 900

URL [bankislam.com.my](http://bankislam.com.my)




[facebook.com/bankislamfb](https://facebook.com/bankislamfb)




[youtube.com/bankislamchannel](https://youtube.com/bankislamchannel)

# Financing by Contract (RM'000)

## Pembiayaan Mengikut Kontrak (RM'000)





2012



2011

# Financing by Segment of Business Units

## Pembiayaan Mengikut Segmen Unit Perniagaan



# ADVANCING

## Innovation, Pioneering Breakthroughs

Opening our doors 30 years ago, we became the pioneer of Islamic banking, and have continued to be at the forefront by virtue of our inherent innovative spirit. Always on the lookout for new opportunities and changing trends, we will continue to create new Shariah-based financial solutions whilst improving existing ones to deliver better value for all.

### **Memacu Inovasi, Merintis Kejayaan**

Semasa ditubuhkan 30 tahun yang lalu, kami merupakan perintis perbankan Islam dan terus berada dihadapan berbekalkan semangat inovasi kami. Dengan sentiasa mencari peluang baharu dan mengikuti perubahan trend, kami akan terus mewujudkan penyelesaian kewangan baharu yang patuh Syariah, sambil menambah baik penyelesaian kewangan sedia ada untuk memberikan nilai yang lebih baik kepada semua.



**Our 2012 portfolio featured more than 70 products and services, all of which offer Islamic banking solutions for all walks of life.**

Portfolio 2012 kami mengandungi lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan, kesemuanya menawarkan penyelesaian perbankan Islam yang sesuai untuk setiap lapisan masyarakat.

# Shareholding Structure

## Struktur Pemegang Saham



18.5%



51.0%



30.5%

# BANK ISLAM

100%

The Bank's Return on Equity ("ROE") was 20.4% against the industry's average of 17.5%, and Return on Asset ("ROA") was 1.7% against 1.6% (based on Bank Negara's Financial Stability and Payment Systems Report 2012).

Bank Islam's long-term and short-term financial institutional ratings of A1 and P1 respectively, were reaffirmed by Rating Agency Malaysia ("RAM") in November 2012. The P1 rating is the highest rating assigned by RAM for financial institutions and reflects the Bank's ability to offer the highest level of safety for timely payment of its financial obligations. The reaffirmation of the rating was based on its robust financial profile and reputable franchise in consumer segment as well as continuous improvement of its asset quality.

## PIONEERING CHANGE

Pioneering change continued to be Bank Islam's hallmark in the year under review with the rollout of several improved and enhanced products and services to capitalise on the Bank's inherent strength as a leading retail Islamic bank with about five million customers. These new products and services contributed to the expansion of the Bank's revenue generating sources within an increasingly competitive marketplace.

Participating in the Government Linked Companies ("GLC") Innovation Survey 2012, Bank Islam scored higher than GLC's average on origination of ideas, innovation as an integral part of business strategy, innovation as part of leadership priority and other areas in its quest to attain global innovation excellence.

Pulangan Ekuiti ("ROE") bagi Bank adalah 20.4% berbanding purata industri sebanyak 17.5%, dan Pulangan Aset ("ROA") adalah 1.7% berbanding 1.6% (berdasarkan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran untuk tahun 2012 oleh Bank Negara).

Penarafan Bank Islam sebagai institusi kewangan jangka panjang dan jangka pendek, A1 dan P1 masing-masing telah disahkan oleh Rating Agency Malaysia ("RAM") pada November 2012. Penarafan P1 ialah penarafan tertinggi yang diberikan oleh RAM untuk institusi kewangan dan mencerminkan keupayaan Bank menawarkan tahap keselamatan tertinggi untuk pembayaran yang tepat pada masanya bagi obligasi kewangannya. Pengesahan penarafan ini dibuat berdasarkan profil kewangannya yang teguh dan francais segmen pengguna yang bereputasi serta peningkatan kualiti asetnya yang berterusan.

## MERINTIS PERUBAHAN

Merintis perubahan terus menjadi ciri penting Bank Islam pada tahun tinjauan dengan pelancaran beberapa produk dan perkhidmatan yang ditambah baik bagi memanfaatkan kekuatan yang dimiliki oleh Bank sebagai bank Islam runcit terkemuka dengan kira-kira lima juta pelanggan. Produk dan perkhidmatan baharu ini menyumbang kepada pengembangan sumber penajaan pendapatan Bank dalam pasaran yang semakin kompetitif.

Dengan mengambil bahagian dalam Tinjauan Inovasi Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC") 2012, Bank Islam meraih kedudukan yang lebih tinggi daripada purata GLC berdasarkan pencetusan idea, inovasi sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan, inovasi sebagai sebahagian daripada keutamaan kepimpinan dan juga bidang lain dalam usahanya mencapai kecemerlangan inovasi global.



The year saw the introduction of a number of new products and enhancements to elevate offerings and provide more choice to customers. This took off in January with the introduction of floating rate personal financing, making Bank Islam the first Islamic bank in Malaysia to embark on this innovative concept. The product has proven very popular as it allows our customers to take advantage of the lower cost of funding environment. As of year end, the Bank had disbursed a total of RM3.1 billion in floating rate personal financing.

### COMMITTED TO GOOD GOVERNANCE

The Board is committed to undertaking good corporate governance practices and is fully committed to the recommendations of the Malaysian Code of Corporate Governance. Stringent internal and external controls as well as a risk management framework in line with best practices in corporate governance ensure that we uphold integrity, transparency and accountability in all our dealings.

The Bank has complied with and continues to strengthen our adherence to Bank Negara Malaysia's ("BNM's") Shariah Governance Framework. Not only does the Bank's Shariah division oversee Shariah compliance on a day-to-day basis, its Internal Audit division also reviews our Shariah compliance through regular audits.

Individually, our directors continue to adhere to the Code of Ethics based on the Code of Conduct expected of financial institutions' directors as issued by the Companies Commission of Malaysia. Our directors fully understand their fiduciary responsibilities, hence are conscious of the interests of shareholders, employees, creditors and customers of the Bank and at all times, discharge their duties with honesty, responsibility and in utmost good faith towards the Bank.

All our Directors have attended the Financial Institution Directors Education programme. This together with the satisfactory attendance record for all board meetings during the year, reflect the Board's commitment to serve the Bank in its fullest capacity.

A detailed report on our corporate governance best practices and Shariah compliance can be found on pages 86 and 196 of this annual report.

### FULFILLING ALL PILLARS OF RESPONSIBILITY

Founded on Islamic principles, Bank Islam's 30 year journey has had positive social as well as business impact. In advancing for the good of all, the Bank has mindfully focused on contributing to society and ensuring that its products and services provide benefits beyond uplifting lives; under the pillars of community, marketplace, workplace and environment.

Zakat is a key element that supports the Bank's key corporate responsibility initiatives to the community. For the year 2012, the Bank has contributed more than RM5 million worth of zakat fund to a variety of causes, focusing on poverty-reduction projects, education initiatives, welfare support and unity programmes.

Tahun ini menyaksikan pengenalan dan penambahbaikan beberapa produk untuk meningkatkan tawaran dan pilihan kepada pelanggan. Ia bermula pada bulan Januari dengan pelancaran produk pembiayaan peribadi berasaskan kadar terapung, menjadikan Bank Islam sebagai bank Islam pertama di Malaysia yang memulakan konsep yang berinovatif ini. Produk ini terbukti sangat popular kerana ia membolehkan pelanggan kami mendapat manfaat daripada kos persekitaran pembiayaan yang lebih rendah. Sehingga akhir 2012, Bank telah mengeluarkan sebanyak RM3.1 bilion dalam bentuk pembiayaan peribadi berasaskan kadar terapung.

### KOMITED TERHADAP TADBIR URUS YANG BAIK

Lembaga Pengarah komited untuk melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik. Selain itu, ia juga komited sepenuhnya terhadap saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kawalan dalaman dan luaran yang ketat serta rangka kerja pengurusan risiko yang selari dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, memastikan kami mendukung integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan.

Bank telah mematuhi Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), dan akan terus berpegang kepada pematuhan tersebut. Selain bahagian Syariah Bank yang mengawasi pematuhan Syariah secara harian, bahagian Audit Dalaman juga turut menyemak semula pematuhan Syariah kami melalui audit berkala.

Secara individu, pengarah kami terus mematuhi Tataetika berdasarkan Tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh pengarah institusi kewangan seperti yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Pengarah kami memahami sepenuhnya tanggungjawab fidusiari mereka, justeru sedar akan kepentingan pemegang saham, kakitangan, pemiutang dan pelanggan Bank dan sentiasa menjalankan tugas mereka dengan jujur, bertanggungjawab dan bertindak dengan niat baik terhadap Bank.

Semua Pengarah kami telah menghadiri program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan. Penyertaan dalam program ini dan rekod kehadiran yang memuaskan dalam semua mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk berkhidmat sedaya upaya untuk Bank.

Laporan terperinci tentang amalan urus tadbir korporat terbaik kami dan pematuhan Syariah boleh didapati pada halaman 86 dan 196 laporan tahunan ini.

### MEMENUHI SEMUA TUNGGAK TANGGUNGJAWAB

Perjalanan 30 tahun Bank Islam yang ditubuhkan atas prinsip Islam memberi kesan positif dari segi sosial dan perniagaan. Dalam usahanya untuk terus maju demi manfaat bersama, Bank sentiasa memberikan tumpuan terhadap sumbangan kepada masyarakat dan memastikan produk dan perkhidmatannya memberikan manfaat melebihi matlamatnya untuk meningkatkan kehidupan; di bawah tunggak komuniti, pasaran, tempat kerja dan alam sekitar.

Zakat ialah elemen penting yang menyokong inisiatif tanggungjawab korporat Bank yang utama kepada masyarakat. Bagi tahun 2012, Bank menyumbangkan lebih daripada RM5 juta daripada dana zakat kepada pelbagai jenis golongan, dengan memberikan tumpuan kepada projek mengurangkan kemiskinan, inisiatif pendidikan, bantuan kebajikan dan program perpaduan.

One of the Bank's most distinctive efforts is its ongoing 'Projek Bantuan Rumah Bank Islam', which focuses on building and refurbishing homes for individuals and families in need. Bank Islam has been embarking on this nationwide project since 2008, and 2012 saw a further 23 houses being constructed in Pahang. To date, a total of 128 houses have been contributed at a cost of nearly RM4 million.

At industry level, Bank Islam has taken seriously its responsibility as the flag bearer of the Islamic banking industry. It actively shares its knowledge and raises public awareness about Shariah-based banking products and services through participation in seminars, talks and workshops. For the year 2012, participations by Bank Islam in a number of world renowned finance events such as Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2012 organised by KLIFF (Kuala Lumpur International Finance Forum), Global Islamic Finance Forum 2012, IFN Asia Forum 2012 and Asian Finance Forum 2012 have brought global attention to the significance of Islamic banking and finance.

Through its products, the Bank seeks to deliver unique features that support the socio economic welfare of its customers. These include 'Payment Holiday Scheme' and 'No Payment During Construction Scheme' to ease financial burdens and help individuals to own homes. Innovations such as TAP-i are in line with the government's effort to promote the uptake of e-payment solutions and enable greater participation by all segments of society in the latest banking conveniences.

At the workplace, Bank Islam has continually increased investment in developing its employees' knowledge, skills and capabilities to improve their level of professionalism. Since 2009, RM26.1 million has been spent on building capabilities and capacity under the SGP.

Salah satu usaha Bank yang menonjol adalah 'Projek Bantuan Rumah Bank Islam' yang sedang dilaksanakan secara berterusan. Projek ini memberi tumpuan kepada pembinaan dan pengubahsuaian rumah untuk individu dan keluarga yang memerlukan. Bank Islam telah memulakan projek ini di seluruh negara sejak 2008. Tahun 2012 menyaksikan lebih 23 buah rumah lagi dibina di Pahang. Sehingga kini, sebanyak 128 buah rumah telah disumbangkan pada kos hampir RM4 juta.

Di peringkat industri, Bank Islam mengambil serius tanggungjawabnya sebagai peneraju industri perbankan Islam. Ia secara aktif berkongsi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk dan perkhidmatan perbankan berasaskan Syariah melalui penyertaan dalam seminar, ceramah dan bengkel. Bagi tahun 2012, Bank Islam telah menyertai beberapa acara kewangan terkenal dunia seperti Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2012 yang dianjurkan oleh KLIFF (Forum Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur), Forum Kewangan Islam Global 2012, IFN Asia Forum 2012 dan Asian Finance Forum 2012. Ini telah menarik perhatian dunia terhadap kepentingan perbankan dan kewangan Islam.

Menerusi produknya, Bank berusaha menyampaikan ciri unik yang menyokong kebajikan sosioekonomi pelanggannya. Hal ini termasuk 'Skim Penangguhan Pembayaran' dan 'Skim Tiada Bayaran Semasa Pembinaan' untuk mengurangkan beban kewangan dan membantu individu memiliki rumah sendiri. Inovasi seperti TAP-i selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan penyelesaian e-pembayaran dan membolehkan penyertaan yang lebih besar oleh semua lapisan masyarakat dalam kemudahan perbankan terkini.

Di tempat kerja, Bank Islam terus meningkatkan pelaburan dalam membangunkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pekerjaannya untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Sejak 2009, sejumlah RM26.1 juta telah dibelanjakan untuk membina kebolehan dan kapasiti di bawah SGP.



Last but not least, increased focus on environmental sustainability is integrated in how the Bank conducts its business. The Bank has embarked on initiatives to enhance environmental awareness among school children towards realising a future of sustainability. For the past three years, the Bank has spent a total amount of RM300,000 to help sustain and improve the environment towards a greener tomorrow.

The integration of corporate responsibility values into its business philosophy is an important element of the Bank's agenda. Nurturing a synergistic relationship between our business and society is a vital component of Bank Islam's commitment to shared progress and mutual benefit.

A detailed report on our various Corporate Responsibility initiatives for 2012 can be found on pages 170 to 181.

### MOVING AHEAD INTO 2013

The Malaysian economy is expected to remain on a steady growth path, with an expansion of 5% – 6% in 2013. Economic activity will be anchored by the continued resilience of domestic demand, continued progress and implementation of the Economic Transformation Programme (“ETP”), and supportive fiscal policy.

Islamic banking and finance is likely to continue its growth trajectory next year in line with internationalisation of Islamic finance. The robust achievement recorded throughout the year coupled with Malaysia's “safe-haven investment” sentiment among investors favours the industry.

However there are challenges to be faced. The increasingly competitive landscape points to possible margin compression. International regulatory reform via Basel III may require strengthening of capital. In the retail sector, the continuous introduction of macro prudential measures such as requirements on responsible financing coupled with increased customer sophistication will also pose additional challenges to the industry. Another hurdle will be the talent shortage across all levels.

Meanwhile, the introduction of the new legal framework under the Islamic Financial Services Act 2012 would provide clarity and certainty to the legal and regulatory treatment of Islamic financial transactions by providing legal recognition to the contractual requirements in accordance with Shariah. In addition, the new Act places greater emphasis on strengthening Shariah governance practices within the Islamic banking industry.

Following the success of its SGP, Bank Islam is embarking on another three-year strategic plan, Hijrah to Excellence (“H2E”) covering the period 2013 to 2015. H2E hinges on six pillars namely Robust Organic Growth, Service Excellence, Shariah-led Innovation, Resource Optimisation, Employer of Choice and Regionalisation. Guided by these pillars of growth, Bank Islam targets to continue its growth momentum.

Akhir sekali, tumpuan yang semakin bertambah terhadap kemampanan alam sekitar telah diterap ke dalam cara Bank menjalankan perniagaannya. Bank telah memulakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah ke arah merealisasikan masa depan yang mampan. Bagi tempoh tiga tahun yang lepas, Bank telah membelanjakan sejumlah RM300,000 untuk membantu memelihara dan meningkatkan alam sekitar ke arah masa depan yang lebih selesa.

Penerapan nilai tanggungjawab korporat ke dalam falsafah perniagaan adalah elemen penting dalam agenda Bank. Memupuk hubungan bersinergi antara perniagaan kami dengan masyarakat adalah satu komponen penting dalam komitmen Bank Islam untuk berkongsi kemajuan dan manfaat bersama.

Laporan terperinci tentang pelbagai inisiatif Tanggungjawab Korporat kami bagi tahun 2012 boleh didapati pada halaman 170 untuk 181.

### MELANGKAH KE HADAPAN KE TAHUN 2013

Ekonomi Malaysia dijangka kekal, bertumbuh secara stabil, dengan peningkatan sebanyak 5 hingga 6% untuk tahun 2013. Aktiviti ekonomi akan dikukuhkan oleh daya tahan berterusan dalam permintaan domestik, kemajuan dan pelaksanaan berterusan Program Transformasi Ekonomi (“ETP”), dan dasar fiskal yang menggalakkan.

Perbankan dan kewangan Islam dijangka akan meneruskan trajektori pertumbuhannya pada tahun hadapan sejajar dengan pengantarabangsaan kewangan Islam. Pencapaian kukuh yang dicatatkan sepanjang tahun ini ditambah pula dengan sentimen bahawa Malaysia adalah “tempat pelaburan selamat” di kalangan pelabur, memihak kepada industri.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu dihadapi. Landskap berdaya saing yang semakin meningkat akan menyebabkan pemampatan margin. Reformasi kawal selia antarabangsa melalui Basel III mungkin memerlukan pengukuhan modal. Dalam sektor runcit, pengenalan langkah berhemat makro yang berterusan seperti keperluan pembiayaan di samping pengetahuan pelanggan yang semakin canggih juga akan menambahkan lagi cabaran kepada industri. Antara cabaran lain ialah kekurangan bakat di semua peringkat.

Sementara itu, pengenalan rangka kerja undang-undang baharu di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 akan meningkatkan kejelasan dan kepastian kepada pengendalian undang-undang dan kawal selia urusan niaga kewangan Islam dengan menyediakan pengiktirafan undang-undang kepada keperluan kontrak yang selaras dengan Syariah. Di samping itu, Akta baharu ini memberikan lebih penekanan kepada pengukuhan amalan tadbir urus Syariah dalam industri perbankan Islam.

Berikutan kejayaan SGPnya, Bank Islam memulakan satu lagi pelan strategik tiga tahun, Hijrah ke arah Kecemerlangan (“H2E”) yang meliputi tempoh 2013 hingga 2015. H2E berasaskan enam tunggak, iaitu Pertumbuhan Organik Teguh, Perkhidmatan Cemerlang, Inovasi Berteraskan Syariah, Pengoptimuman Sumber, Majikan Pilihan dan Regionalisasi. Didorong oleh tunggak pertumbuhan ini, Bank Islam menyasarkan untuk meneruskan momentum pertumbuhannya.

## ACKNOWLEDGEMENTS & GRATITUDE

Our journey over the last three decades was one shared with many well wishers, without whose support we would not have come this far. On behalf of the Board, I would like to take this opportunity to record our sincere appreciation and gratitude to all our stakeholders, who played a vital role in helping the Bank advance to where it is today.

First and foremost, a big “Thank you” to Bank Islam’s loyal customers, dynamic management team and dedicated employees who have continued to demonstrate excellence as drivers of the business and the Bank’s success.

We are also indebted to the regulatory authorities, in particular Bank Negara Malaysia for its foresight and continued commitment in fortifying Malaysia’s strength in the industry, leveraging on which we intend to fulfil Bank Islam’s vision to become “A Global Leader in Islamic Banking”.

I would also like to applaud my fellow directors and members of the Bank’s Shariah board for their commitment, wisdom and guidance in steering Bank Islam through challenging times and keeping the Bank at the forefront of the industry.

One of our colleagues from the Shariah Supervisory Council, Sheikh Dr. Ahmed Mohieldin Ahmed left the Bank effective 1 April 2013. I take this opportunity to thank him for four valuable years of contribution and wish him well on his future endeavours.

Last but not least, my sincere gratitude to our stalwart shareholders for your confidence and steadfast support through the years. We look forward to earning your continuous support as we journey onwards for the good of all.

## PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Perjalanan kami dalam tempoh tiga dekad yang lepas dilalui bersama ramai penyokong. Tanpa sokongan mereka, kami tidak akan sampai sejauh ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan, yang memainkan peranan penting dalam membantu Bank mencapai kemajuan sehingga ke tahap yang ada pada hari ini.

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi “Terima kasih” kepada pelanggan setia Bank Islam, pasukan pengurusan yang dinamik dan pekerja yang berdedikasi yang terus menunjukkan kecermerlangan sebagai pemacu perniagaan dan kejayaan Bank.

Kami juga terhutang budi kepada pihak berkuasa kawal selia, khususnya Bank Negara Malaysia kerana penghematan dan komitmen berterusannya telah mengukuhkan kedudukan Bank Islam dalam industri ini sekaligus memberi manfaat kepada kami dalam memenuhi visi Bank Islam iaitu untuk menjadi “Pemimpin Global dalam Perbankan Islam”.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada rakan pengarah dan ahli lembaga Syariah Bank terhadap komitmen, kebijaksanaan dan bimbingan mereka dalam mengemudi Bank Islam dalam waktu yang mencabar dan mengekalkan kedudukan Bank di barisan hadapan industri.

Salah seorang daripada rakan kami dari Majlis Pengawasan Syariah, Sheikh Dr Ahmed Mohieldin Ahmed telah meninggalkan Bank berkuat kuasa 1 April 2013. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana sumbangan beliau yang berharga selama empat tahun dan mengucapkan selamat maju jaya dalam usaha beliau pada masa hadapan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih saya kepada para pemegang saham kami atas keyakinan dan sokongan teguh anda sejak bertahun lamanya. Kami mengharapkan sokongan berterusan anda dalam usaha kami meneruskan perjalanan demi kebaikan semua.



# Statement of Corporate Governance

## Penyata Tadbir Urus Korporat

THE BOARD OF DIRECTORS OF BANK ISLAM (“THE BOARD”) RECOGNISES THE IMPORTANCE OF CORPORATE GOVERNANCE AND IS FULLY COMMITTED TO THE RECOMMENDATIONS OF THE MALAYSIAN CODE OF CORPORATE GOVERNANCE. IN THIS RESPECT, THE BOARD CONSTANTLY STRIVES TO ENSURE HIGH STANDARDS OF CORPORATE GOVERNANCE, INTERNAL CONTROL AND RISK MANAGEMENT ARE PRACTISED THROUGHOUT BANK ISLAM AND ITS SUBSIDIARIES.

FURTHER TO THIS, THE BOARD ALSO ADOPTS THE RELEVANT REQUIREMENTS AS OUTLINED UNDER THE RESPECTIVE GUIDELINES BY BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”).

LEMBAGA PENGARAH BANK ISLAM (“LEMBAGA PENGARAH”) MENGIKTIRAF KEPENTINGAN TADBIR URUS KORPORAT DAN AMAT KOMITED DENGAN CADANGAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA. DALAM HAL INI, LEMBAGA PENGARAH SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN BANK ISLAM DAN SUBSIDIARINYA MENGAMALKAN STANDARD YANG TINGGI DALAM TADBIR URUS KORPORAT, KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO.

DI SAMPING ITU, LEMBAGA PENGARAH JUGA TURUT MENGGUNA PAKAI PERUNTUKAN YANG BERKAITAN DI BAWAH GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”).

## 1.0 THE BOARD OF DIRECTORS

### 1.1 Composition of the Board

As at 31 December 2012, the Board has nine members, comprising of one non-executive Chairman, one Managing Director and seven non-executive directors. Four of the directors are independent. The current composition of the Board is in compliance with BNM Guidelines on Corporate Governance for Licensed Islamic Banks (BNM/GP1-i). More than one-third of its directors are independent directors that provide an effective check and balance in the function of the Board.

The Board comprises members from diverse professional background and experience such as economic, banking, finance, accounting and law. The Board members have vast experience and bring with them invaluable knowledge, expertise and perspective to achieve Bank Islam's objectives and visions.

### 1.2 Code of Ethics

The Directors adhere to a Code of Ethics based on the Code of Conduct expected of financial institutions' directors as set out in the BNM/GP7 – Guidelines on the Code of Conduct for Directors, Officers and Employees, the Companies Act 1965 and the Company Directors' Code of Ethics issued by the Companies Commission of Malaysia.

The Code of Ethics for Company Directors, amongst others, highlight the following criteria of which a company director should observe in the performance of his/her duties:

- (a) He/she should at all times act with utmost good faith towards the company in any transaction and to act honestly and responsibly in the exercise of his/her powers in discharging his/her duties;
- (b) He/she should be conscious of the interests of shareholders, employees, creditors and customers of the company; and
- (c) He/she should ensure that the activities and the operations of the company do not harm the interest and well-being of society at large.

## 1.0 LEMBAGA PENGARAH

### 1.1 Komposisi Lembaga Pengarah

Pada 31 Disember 2012, Bank Islam mempunyai sembilan ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi bukan eksekutif, seorang Pengarah Urusan dan tujuh pengarah bukan eksekutif. Empat daripadanya merupakan pengarah bebas. Komposisi terkini Lembaga Pengarah ini mematuhi Garis Panduan BNM berkaitan dengan Tadbir Urus Korporat untuk Bank-Bank Islam Berlesen (BNM/ GP1-i). Lebih daripada satu per tiga pengarahnya merupakan pengarah bebas yang mewujudkan sekatan dan imbalan yang berkesan dalam fungsi Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah terdiri daripada individu daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman profesional seperti ekonomi, perbankan, kewangan, perakaunan dan perundangan. Dengan pengalaman mereka yang luas, ahli Lembaga Pengarah membawa bersama mereka pengetahuan, kepakaran dan perspektif yang berharga untuk mencapai objektif dan visi Bank Islam.

### 1.2 Kod Tataetika

Para pengarah Bank mematuhi Tataetika berdasarkan Tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh pengarah institusi kewangan seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Tatakelakuan Pengarah, Pegawai dan Kakitangan (BNM/GP7), Akta Syarikat 1965 dan Tataetika Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tataetika bagi Pengarah Syarikat, antara lain, menekankan kriteria yang perlu dipatuhi oleh pengarah syarikat untuk melaksanakan tugas mereka:

- (a) Pengarah hendaklah pada setiap masa bertindak dengan niat baik terhadap syarikat dalam apa-apa urusan niaga serta jujur dan bertanggungjawab dalam menggunakan kuasanya ketika melaksanakan tugas;
- (b) Pengarah hendaklah peka terhadap kepentingan pemegang saham, kakitangan, pemiutang dan pelanggan syarikat; dan
- (c) Pengarah hendaklah memastikan bahawa aktiviti dan operasi syarikat tidak menjejaskan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat secara amnya.

### 1.3 Roles of the Chairman and Managing Director

The roles of the Chairman and Managing Director are clearly defined and differentiated. This distinction is to ensure a balance of power and authority for better understanding and distribution of responsibilities and accountabilities. The Chairman together with the rest of the Board are responsible for setting the policy framework within which the Management is to operate. The role of the Chairman includes the following:

- (a) Provide leadership to achieve the overall performance in meeting the corporate goals and objectives of Bank Islam;
- (b) Ensure that the responsibilities of the Board, the Board Committees and the individual directors are well understood by the Board and individual directors and are executed effectively; and
- (c) Develop an effective working relationship with the Management.

The Managing Director has the overall executive responsibility for the day-to-day operations of Bank Islam which includes implementing the policies and strategies adopted by the Board, keeping the Board fully informed of all important aspects of the Bank's operations and ensuring sufficient information is distributed to the Board members. The Managing Director also carries the primary responsibilities for ensuring management competency including the placement of an effective succession plan to sustain continuity.

### 1.4 Primary Duties and Responsibilities of the Board

The terms of reference of the Board specify that the Board plays a critical role in ensuring sound and prudent policies and practices in the Bank. It provides effective check and balance mechanism in the overall management of the Bank. The Board carries ultimate responsibility for the proper stewardship of the Bank. It has the responsibility to ensure optimisation of shareholders' value and safeguarding of stakeholders' interest.

The Board's primary duties and responsibilities are as follows:

#### (a) Finance/Operations

- (i) Review and approve all strategic and policy matters including the objectives, strategic business plan and significant operating policies of the Bank and monitor the Management's performance in implementing them based on the Key Performance Indicators ("KPIs") approved by the Board;
- (ii) Review the adequacy and integrity of the Bank's accounting and financial reporting system and ensure appropriate controls are in place;

### 1.3 Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan

Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan ditetapkan dan dibezakan dengan jelas. Perbezaan ini adalah untuk memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti bagi memberikan pemahaman dan pengagihan tanggungjawab dan akauntabiliti yang lebih jelas. Pengerusi bersama dengan seluruh Lembaga Pengarah bertanggungjawab menetapkan rangka kerja dasar untuk operasi Pengurusan. Peranan Pengerusi termasuklah yang berikut:

- (a) Memberi kepimpinan untuk mencapai prestasi keseluruhan bagi memenuhi matlamat dan objektif korporat Bank Islam;
- (b) Memastikan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah difahami dengan jelas oleh Lembaga Pengarah dan setiap ahlinya serta dilaksanakan dengan berkesan; dan
- (c) Mewujudkan hubungan kerja yang berkesan dengan pihak Pengurusan.

Pengarah Urusan mempunyai tanggungjawab eksekutif yang menyeluruh dalam operasi harian Bank Islam yang merangkumi pelaksanaan dasar dan strategi yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah, memastikan Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan sepenuhnya tentang semua aspek penting berhubung dengan operasi Bank, dan memastikan maklumat yang mencukupi disampaikan kepada ahli Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan juga memikul tanggungjawab utama untuk memastikan kecekapan pengurusan termasuk menyediakan pelan penggantian yang berkesan bagi mengekalkan kesinambungan.

### 1.4 Tugas dan Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah

Terma rujukan Lembaga Pengarah menyatakan bahawa Lembaga Pengarah memainkan peranan penting untuk memastikan dasar dan amalan yang baik dan berhemat dilaksanakan di Bank. Ia menyediakan mekanisme sekat dan imbalan yang berkesan dalam keseluruhan pengurusan Bank. Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab mutlak bagi menentukan kepimpinan Bank yang wajar. Ia bertanggungjawab memastikan nilai pemegang saham yang optimum dan melindungi kepentingan pihak berkepentingan.

Tugas dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:

#### (a) Kewangan/Operasi

- (i) Menyemak dan meluluskan semua perkara yang berkaitan dengan strategi dan polisi termasuk objektif, pelan perniagaan strategik dan dasar operasi utama Bank, serta memantau prestasi pihak Pengurusan dalam pelaksanaannya berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama ("KPI") yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (ii) Menyemak kecukupan dan integriti sistem laporan kewangan dan perakaunan Bank dan memastikan terdapat kawalan yang sewajarnya;

- (iii) Review and approve the following matters, including but not limited to:
- Annual Business Plan and Budget of the Bank;
  - Monthly financial and business performance of the Bank;
  - Any write-off proposal;
  - Material Litigation;
  - Investment proposal or ventures involving strategic alliances;
  - Authority Limits documents including discretionary authority vested to any officer of Bank Islam;
  - Distribution of the Company's dividend;
  - Any purchase and disposal of goods or fixed assets or any purchase or termination of services within limits stipulated in the Authority Limits document; and
  - Acquisition of and prepayment of any loans or indebtedness of the Bank.
- (iv) Approve the capital plan as part of the budget exercise and any significant capital raising and repayment activities and review reports on capital adequacy;
- (v) Review and approve significant business and operational policies including but not limited to the following:
- New products or services and review the performance and profitability of such products or services;
  - Dividend policy;
  - Depreciation policy;
  - Procurement policy;
  - Outsourcing policy; and
  - IT security and other IT related policies.
- (vi) Review and approve any appointment of such person, consultants or advisors or establishment of committee or task force to undertake any specific assignments in relation to the Bank's business and operations within limits stipulated under the Authority Limits document.
- (iii) Menyemak dan meluluskan perkara berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Pelan Perniagaan dan Belanjawan Tahunan Bank;
  - Prestasi kewangan dan perniagaan bulanan Bank;
  - Apa-apa cadangan hapus kira;
  - Litigasi yang material;
  - Cadangan atau usaha niaga pelaburan berdasarkan perhubungan strategik;
  - Dokumen Had Autoriti termasuk kuasa budi bicara yang diberi kepada mana-mana pegawai Bank Islam;
  - Pengagihan dividen Bank;
  - Apa-apa pembelian atau pelupusan barang atau aset tetap atau apa-apa pembelian atau penamatan perkhidmatan mengikut had autoriti yang ditetapkan dalam dokumen Had Autoriti; dan
  - Perolehan dan pembayaran awal apa-apa pinjaman atau keterhutangan Bank.
- (iv) Meluluskan pelan modal sebagai sebahagian daripada amalan belanjawan dan apa-apa peningkatan modal yang ketara dan aktiviti pembayaran balik, dan menyemak laporan tentang kecukupan modal;
- (v) Menyemak dan meluluskan polisi perniagaan dan operasi yang utama, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:-
- produk dan perkhidmatan baharu dan menyemak prestasi dan keuntungan produk atau perkhidmatan tersebut;
  - polisi dividen;
  - polisi susut nilai;
  - polisi pemerolehan;
  - polisi penggunaan khidmat luar; dan
  - polisi sekuriti IT dan polisi lain yang berkaitan IT.
- (vi) Menyemak dan meluluskan apa-apa pelantikan individu, perunding atau penasihat atau penubuhan jawatankuasa atau pasukan petugas untuk mengendalikan apa-apa tugas khusus yang berkaitan dengan perniagaan dan operasi Bank mengikut had autoriti yang ditetapkan dalam dokumen Had Autoriti.

**(b) Risk Management**

- (i) Review and approve risk management policies and ensure that the Bank establishes adequate internal controls and infrastructure;
- (ii) Review and approve the Bank's Business Continuity Management Policy in dealing with various extreme internal/external events and disasters;
- (iii) Review and approve the entry into, or variation of, any contract, arrangement or commitment with any related party or any transactions involving conflict of interest situation; and
- (iv) Evaluate the effectiveness of the Management in managing the risks of the Bank.

**(c) Human Resource & Governance**

- (i) Review and approve the appointment and removal of the Board of Directors, Shariah Supervisory Council ("SSC") members and key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other functions as may be determined by the Board of Directors from time to time;
- (ii) Review and recommend the remuneration of the SSC members and key senior management personnel holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other functions as determined by the Board of Directors from time to time. Remuneration of the Board of Directors is tabled at the Annual General Meeting for approval of the shareholders;
- (iii) Review and approve Human Resource policy including but not limited to the succession plan, salary and remuneration schemes, code of conduct, whistle blowing procedures, disciplinary action procedures and grievance procedures;
- (iv) Review and approve succession planning for the Managing Director and key positions within the Bank ; and
- (v) Annually review the performance of individual directors, SSC members and key senior management personnel including the Managing Director and evaluate the effectiveness of the Board and the SSC as a whole.

**(b) Pengurusan Risiko**

- (i) Menyemak dan meluluskan polisi pengurusan risiko dan memastikan bahawa Bank mewujudkan kawalan dalaman dan infrastruktur yang mencukupi;
- (ii) Menyemak dan meluluskan Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Bank untuk menangani pelbagai peristiwa dan bencana dalaman/luaran yang ekstrem;
- (iii) Menyemak dan meluluskan termeterinya, atau perubahan apa-apa kontrak, pengaturan atau komitmen dengan mana-mana pihak yang berkaitan atau apa-apa urusan niaga yang melibatkan konflik kepentingan; dan
- (iv) Menilai keberkesanan pihak Pengurusan dalam menguruskan risiko Bank.

**(c) Sumber Manusia & Tadbir Urus**

- (i) Menyemak dan meluluskan pelantikan dan penamatan perkhidmatan ahli Lembaga Pengarah, ahli Majlis Pengawasan Syariah ("SSC") dan kakitangan pengurusan kanan utama yang berperanan sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan fungsi lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;
- (ii) Menyemak dan menyarankan imbuhan ahli SSC dan kakitangan pengurusan kanan utama yang berperanan sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan fungsi lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Imbuhan Lembaga Pengarah dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan bagi kelulusan pemegang saham;
- (iii) Menyemak dan meluluskan Polisi Sumber Manusia, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pelan penggantian, skim gaji dan imbuhan, kod tatakelakuan, prosedur pemberian maklumat, prosedur tindakan disiplin dan prosedur kilanan;
- (iv) Menyemak dan meluluskan pelan penggantian untuk Pengarah Urusan dan kakitangan utama Bank; dan
- (v) Menyemak prestasi pengarah, ahli SSC dan kakitangan pengurusan kanan utama termasuk Pengarah Urusan dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan SSC secara keseluruhannya setiap tahun.

**(d) Shariah Governance**

- (i) Perform the oversight function over the effective functioning of Bank Islam Shariah governance framework and ensure that the framework is comprehensive covering all aspects of the Bank's operations and business taking into account the size, complexity and nature of business; and
- (ii) Review and approve all policies relating to Shariah in relation to the Bank's business and operations upon consultation with the SSC.

**(e) Compliance**

- (i) Review relevant reports or proposals to ensure operations of the Bank are in compliance with:-
  - The relevant framework of laws including but not limited to the Islamic Banking Act 1983, Anti Money Laundering & Anti Terrorist Financing Act 2001 and Companies Act 1965 and any regulations and guidelines under the relevant laws;
  - The relevant Shariah principles; and
  - Any established policies and procedures of the Bank.
- (ii) Perform the oversight function on any regulatory requirements as imposed by Bank Negara Malaysia ("BNM") and other relevant regulatory authorities; and
- (iii) Consider and provide any response, attestation, undertaking or confirmation as required by regulatory authorities in relation to compliance with regulatory requirements.

**(d) Tadbir Urus Syariah**

- (i) Melaksanakan fungsi penyemakan terhadap keberkesanan rangka kerja tadbir urus Syariah Bank Islam dan memastikan bahawa rangka kerja tersebut adalah menyeluruh dan merangkumi semua aspek operasi dan perniagaan Bank serta mengambil kira saiz, kerumitan dan jenis perniagaan; dan
- (ii) Menyemak dan meluluskan kesemua polisi yang berkaitan dengan Syariah dalam perniagaan dan operasi Bank setelah berunding dengan SSC.

**(e) Pematuhan**

- (i) Menyemak laporan atau cadangan yang berkaitan untuk memastikan operasi Bank mematuhi:
  - Rangka kerja undang-undang yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Perbankan Islam 1983, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Akta Syarikat 1965 dan apa-apa peraturan serta garis panduan di bawah undang-undang yang berkaitan;
  - Prinsip Syariah yang berkaitan; dan
  - Apa-apa polisi dan prosedur Bank yang diwujudkan.
- (ii) Melaksanakan fungsi penyemakan terhadap apa-apa keperluan kawal selia seperti yang dikenakan oleh BNM dan pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan; dan
- (iii) Mempertimbangkan dan memberikan apa-apa maklum balas, pengakuan, aku janji atau pengesahan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kawal selia berkaitan dengan pematuhan keperluan kawal selia.

### 1.5 Fundamental Principles Applicable to the Board of Directors

The directors are expected to demonstrate utmost integrity and conduct themselves with high standards of behavior based on the following fundamental principles:

#### (a) Duty of Confidentiality

All directors are required to respect the confidentiality of sensitive information held by the Bank. A director is prohibited from making improper use of information obtained in the course of performing his or her duties for his or her gain or advantage. In addition, a director cannot disclose information relating to the business and affairs of the Bank or that he or she obtains in the course of performance of duties and functions, as well as information about customers of the Bank. All confidential information remains confidential even when they are no longer on the Board and it cannot be exploited or improperly used.

#### (b) Loyalty to the Bank and the Board

The directors must be loyal to the Bank, the Board and fellow directors on the Board, and be fully committed to all Board-related activities.

A director is prohibited from doing, saying or publishing anything that may be detrimental to the Bank's interest. A director should never publicly criticise the Bank or fellow directors, attempt to undermine the Board's decision or distance himself from the other directors outside of the Boardroom. If a director has specific concerns about the manner in which the Bank is being run, these concerns should be raised with the Chairman and Management or during Board meetings.

#### (c) Operational Issues

The Board's role is to consider and approve strategies, plans and policies for the Bank and to monitor and review the Management's performance. It is the role of the Management to recommend and implement those plans and strategies. The directors should avoid interfering in the day to day running of the Bank.

The Board is to hold the Management to account more effectively and to make decisions on the Bank's priorities.

### 1.5 Prinsip Asas yang terpakai kepada Ahli Lembaga Pengarah

Pengarah hendaklah mempamerkan integriti yang sepenuhnya dan berkelakuan menurut piawaian tingkah laku yang tinggi berdasarkan prinsip asas berikut:

#### (a) Tanggungjawab Kerahsiaan

Semua pengarah dikehendaki menghormati kerahsiaan maklumat sensitif yang dipegang oleh Bank. Pengarah dilarang menyalahgunakan maklumat yang diperolehi ketika melaksanakan tugasnya untuk kepentingan dirinya. Selain itu, pengarah tidak boleh mendedahkan maklumat berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal Bank atau maklumat yang diperolehinya ketika melaksanakan tugas dan fungsinya, serta maklumat tentang pelanggan Bank. Semua maklumat sulit akan kekal sulit walaupun mereka tidak lagi menjadi ahli Lembaga Pengarah dan maklumat tersebut tidak boleh dieksploitasi atau digunakan dengan cara yang tidak wajar.

#### (b) Kesetiaan kepada Bank dan Lembaga Pengarah

Kesemua pengarah hendaklah setia kepada Bank, Lembaga Pengarah dan ahli Lembaga Pengarah yang lain, serta memberikan komitmen sepenuhnya kepada semua aktiviti Lembaga Pengarah.

Pengarah dilarang melakukan, menyatakan atau menerbitkan apa-apa perkara yang boleh menjejaskan kepentingan Bank. Seseorang pengarah tidak boleh sama sekali mengkritik Bank atau ahli Lembaga Pengarah yang lain secara terbuka, mempersoalkan keputusan Lembaga Pengarah atau menjauhkan diri daripada pengarah yang lain di luar bilik Lembaga Pengarah. Jika seseorang pengarah khuatir tentang cara pengurusan Bank, kekhuatirannya itu hendaklah dibawa ke perhatian Pengerusi dan pihak Pengurusan atau ketika mesyuarat Lembaga Pengarah.

#### (c) Isu Operasi

Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk mempertimbangkan dan meluluskan strategi, pelan dan polisi Bank serta memantau dan menyemak prestasi pihak Pengurusan. Pihak Pengurusan berperanan untuk mencadangkan dan melaksanakan pelan dan strategi tersebut. Kesemua pengarah hendaklah mengelakkan campur tangan dalam pengurusan harian Bank.

Lembaga Pengarah berperanan membantu pihak Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan membuat keputusan yang sukar tentang keutamaan Bank.

#### (d) Responsibility for Board Decisions

The directors must be capable of providing constructive challenge. They are also expected to share responsibility for decisions taken by the Board as a whole. If any of the directors fundamentally disagree with the decision taken by the Board, they have the option of recording their disagreement in the minutes. However ultimately, they must accept and support the collective decision of the Board.

#### 1.6 Board Meetings

Board meetings are scheduled at the beginning of the year where meetings are held at least six (6) times a year with additional meetings convened as and when warranted by situations, to facilitate important decisions that are required between the scheduled meetings.

Seven (7) Board meetings were held during the financial year ended 31 December 2012, as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
February 2012	100%
March 2012	89%
Early June 2012	100%
End June 2012 *	89%
July 2012	100%
September 2012	100%
December 2012	100%

\* Special Meeting

#### 1.7 Access to Information

The directors have full and unrestricted access to all information pertaining to Bank Islam's business and affairs to enable them to discharge their duties effectively. All directors have access to the Management and to the advice and services of the Company Secretary and they may also seek independent professional advice where necessary.

Reports providing updates on operational, financial and corporate developments are circulated prior to Board meetings to enable the directors to seek further clarification or explanation where necessary in order to be adequately apprised before the meeting.

#### (d) Tanggungjawab terhadap Keputusan Lembaga Pengarah

Kesemua Pengarah mestilah berupaya memberikan cabaran yang konstruktif. Mereka juga dikehendaki berkongsi tanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhannya. Jika mana-mana pengarah secara asasnya tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, mereka mempunyai pilihan untuk mencatatkan perkara tersebut dalam minit mesyuarat. Walau bagaimanapun, mereka mestilah menerima dan menyokong keputusan kolektif Lembaga Pengarah tersebut.

#### 1.6 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadualkan pada awal tahun di mana sekurang-kurangnya enam (6) mesyuarat diadakan setiap tahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu mengikut keadaan bagi memudahkan keputusan penting yang perlu dibuat dalam tempoh antara mesyuarat yang telah dijadualkan tersebut.

Tujuh (7) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Februari 2012	100%
Mac 2012	89%
Awal Jun 2012	100%
Akhir Jun 2012 *	89%
Julai 2012	100%
September 2012	100%
Disember 2012	100%

\* Mesyuarat Khas

#### 1.7 Akses kepada Maklumat

Kesemua pengarah mempunyai akses penuh dan tanpa had kepada semua maklumat yang berkaitan dengan perniagaan dan urusan Bank Islam bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka secara berkesan. Semua pengarah boleh mendapatkan maklumat daripada pihak Pengurusan serta khidmat nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat dan juga mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas jika perlu.

Laporan tentang operasi, kewangan dan korporat yang terkini didedahkan sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Langkah ini membolehkan pengarah mendapatkan penjelasan atau keterangan lanjut, jika perlu, agar mereka mendapat maklumat secukupnya sebelum mesyuarat.

### 1.8 Appointment and Reappointment to the Board

The Board through the Nomination and Assessment Committee's recommendations ensure that the level and make-up of its members are of the necessary credibility, integrity and calibre with the required skills and knowledge. The selection for the appointment and reappointment to the Board is made based on the Fit and Proper criteria determined by the Board. There is a formal and transparent procedure for the appointment of new members and reappointment of the existing members to the Board.

All appointment and reappointment of directors are subject to the approval of BNM.

### 1.9 Re-Election of Directors

In accordance with Bank Islam's Articles of Association, all directors other than the Managing Director are subject to retirement from office at due intervals by rotation. Being eligible, they may offer themselves for re-election, a process that enables shareholders or proxy holders to vote them back into office.

Directors who are appointed as additional new directors or to fill casual vacancies during the year are subject to re-election by the shareholders at the next Annual General Meeting following their appointment.

The office of Managing Director is exempted from retirement by rotation so as not to expose his office to vagaries of discontinuity.

### 1.10 Board Performance

The Board has implemented an annual performance evaluation process, carried out by the Nomination and Assessment Committee, to assess the effectiveness of the Board as a whole, the Board Committees and the contribution of each individual director.

Each director evaluates the performance of the Board as a whole by way of a self-assessment questionnaire. The assessments are made against the pre-established criteria in the following areas:

- (a) Board Composition/Structure;
- (b) Board Process;
- (c) Board Governance;
- (d) Major Responsibilities of the Board; and
- (e) Board Committee Function.

### 1.8 Pelantikan dan Pelantikan Semula Lembaga Pengarah

Melalui cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian, Lembaga Pengarah memastikan bahawa tahap dan komposisi ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai kredibiliti, integriti dan kewibawaan serta kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan. Pemilihan bagi pelantikan dan pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah dibuat berdasarkan kriteria Kesesuaian dan Kewajaran yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Terdapat prosedur formal dan telus bagi pelantikan ahli baharu dan pelantikan semula ahli sedia ada dalam Lembaga Pengarah.

Kesemua pelantikan dan pelantikan semula pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan BNM.

### 1.9 Pemilihan Semula Pengarah

Menurut Tataurus Persatuan Bank Islam, selain daripada Pengarah Urusan, kesemua pengarah lain perlu bersara daripada jawatannya dalam selang masa yang ditetapkan mengikut giliran. Jika layak, mereka boleh menawarkan diri untuk dipilih semula, iaitu suatu proses yang membolehkan pemegang saham atau pemegang proksi melantik semula pengarah tersebut ke jawatannya.

Pengarah yang dilantik sebagai pengarah tambahan baharu atau untuk mengisi kekosongan casual pada tahun itu adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya selepas mereka dilantik.

Pengarah Urusan dikecualikan daripada persaraan mengikut giliran agar jawatannya tidak terdedah kepada ketidakpastian akibat tiada kesinambungan.

### 1.10 Prestasi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mewujudkan proses penilaian prestasi tahunan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta sumbangan setiap pengarah.

Setiap pengarah menilai keseluruhan prestasi Lembaga Pengarah dengan menggunakan soal selidik penilaian diri. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam aspek berikut:

- (a) Komposisi/Struktur Lembaga Pengarah;
- (b) Proses Lembaga Pengarah;
- (c) Tadbir Urus Lembaga Pengarah;
- (d) Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah; dan
- (e) Fungsi Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

For individual directors' assessments, Self/Peer Assessment Forms are completed by each director individually and the results are compiled for the Nomination and Assessment Committee's deliberation.

The results of the evaluation are reviewed and discussed for improvements at the Board meeting.

### 1.11 Board Training

Continuous training is vital for the directors to gain insight and keep abreast with the development in the banking industry to further enhance their skills and knowledge in discharging their responsibilities effectively. Pursuant to the Bank's framework for directors' training, all directors are encouraged to attend at least two (2) training course/seminar relating to the relevant areas within a financial year.

Towards this end, the directors are provided with the opportunity for relevant training programmes on an ongoing basis in areas relating to the banking and financial industry to keep abreast with the latest developments in the industry. During the financial year, the directors' training focused on the training organized and conducted by FIDE under the Financial Institutions Directors' Education Program. In addition, the directors also attended seminars, courses and briefings organised by professional bodies and regulatory authorities. The directors are also briefed on relevant new laws, rules and regulations, risk management updates and changes in the accounting standards at the Board/Board Committee meetings.

Newly appointed directors will undergo a briefing session by the Managing Director's Office and the Company Secretary of the Bank and they will be given a Director's Kit that contain amongst others information on the governance structure of the Bank, terms of reference of the Board and its Committees and important relevant Guideline issued by BNM.

Bagi penilaian prestasi pengarah secara individu, setiap pengarah akan melengkapkan Borang Penilaian Diri/Rakan dan keputusannya dibentangkan untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian.

Keputusan penilaian tersebut disemak dan dibincangkan untuk penambahbaikan ketika mesyuarat Lembaga Pengarah.

### 1.11 Latihan untuk Lembaga Pengarah

Latihan yang berterusan adalah penting agar pengarah memperoleh pengetahuan dan maklumat perkembangan terkini berkaitan dengan industri perbankan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Berdasarkan rangka kerja Bank berhubung dengan latihan untuk pengarah, semua pengarah digalakkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya dua (2) kursus/seminar latihan dalam bidang yang berkaitan pada setiap tahun kewangan.

Justeru itu, para pengarah diberi peluang untuk menyertai program latihan secara berterusan dalam bidang yang berkaitan dengan industri perbankan dan kewangan agar mereka dapat mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Sepanjang tahun kewangan, latihan pengarah menumpukan kepada latihan yang dianjurkan dan dijalankan oleh FIDE di bawah Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan. Selain itu, para pengarah juga menghadiri seminar, kursus dan taklimat yang dianjurkan oleh badan profesional dan pihak berkuasa kawal selia. Kesemua pengarah juga diberi taklimat tentang undang-undang, kaedah dan peraturan baharu yang berkaitan, maklumat terkini tentang pengurusan risiko serta perubahan dalam piawaian perakaunan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Pengarah yang baru dilantik akan diberi taklimat oleh Pejabat Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat Bank. Mereka juga akan menerima Kit Pengarah yang mengandungi, antara lain, maklumat tentang struktur tadbir urus Bank, bidang tugas Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya serta Garis Panduan penting dan berkaitan yang dikeluarkan oleh BNM.

## 2.0 BOARD COMMITTEES

The Board has delegated certain responsibilities to Board Committees, which operate within clearly defined terms of reference. These Committees are:

### 2.1 Nomination and Assessment Committee (“Committee or NAC”)

The Board delegates to this Committee the process for the election, appointment and reappointment of directors, assessing the nominated candidate based on the Fit and Proper criteria determined by the Board and evaluate the performance of the existing directors thereafter making the necessary recommendation to the Board. This function extends to the appointment of the members of the SSC and key senior management within Bank Islam.

Six (6) NAC meetings were held during the financial year ended 31 December 2012 as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2012	100%
March 2012	100%
June 2012	100%
July 2012	100%
September 2012	100%
December 2012	100%

The primary duties and responsibilities of the NAC are as follows:

- Review the structure, size and composition of the Board and make recommendations to the Board on any adjustments that are deemed necessary including in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive Directors, Non-executive Directors and Independent Directors regularly or at least once a year;
- Where there are vacancies on the Board, in the SSC or of key senior management position including the Managing Director, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer and Chief Internal Auditor, identify and nominate for the Board's approval, candidates for the position vacated;

## 2.0 JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah memberi tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang beroperasi menurut terma rujukan yang telah ditetapkan dengan jelas. Jawatankuasa ini ialah:

### 2.1 Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian (“Jawatankuasa atau NAC”)

Lembaga Pengarah telah menugaskan Jawatankuasa ini untuk menjalankan proses pemilihan, pelantikan dan pelantikan semula pengarah, penilaian pengarah yang dicalonkan berdasarkan kriteria Kesesuaian dan Kewajaran yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah serta penilaian prestasi pengarah sedia ada dan seterusnya mengemukakan cadangan yang perlu kepada Lembaga Pengarah. Fungsi ini turut merangkumi pelantikan ahli SSC dan pengurusan kanan utama di Bank Islam.

Enam (6) mesyuarat NAC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2012	100%
Mac 2012	100%
Jun 2012	100%
Julai 2012	100%
September 2012	100%
Disember 2012	100%

Tugas dan tanggungjawab utama NAC adalah seperti yang berikut:

- Menyemak struktur, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah dan memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang apa-apa pelarasan yang dianggap perlu, termasuk dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai dan keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas. Semakan ini dilakukan dari semasa ke semasa atau sekurang-kurangnya setahun sekali;
- Mengenal pasti dan mencalonkan individu untuk kelulusan Lembaga Pengarah bagi mengisi kekosongan dalam Lembaga Pengarah, SSC atau jawatan pengurusan kanan utama termasuk Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Audit Dalaman;

- (c) Establish the minimum requirements on the skills, experience, qualification and other core competencies of a director and SSC member in light of an evaluation of the balance of skills, knowledge and experience;
  - (d) Assess and recommend to the Board the nominees for directorship, membership in Board committees and SSC and the Managing Director;
  - (e) Recommend to the Board for the removal of any directors, SSC members and the Managing Director from the Board/Committee/Management if they are ineffective, errant and negligent in discharging their responsibilities;
  - (f) In consultation with the Chairman, regularly or at least once a year, review the performance of individual directors, SSC members and the Managing Director and evaluate the effectiveness of the Board and the SSC as a whole and report to the Board as is necessary;
  - (g) Assess and recommend to the Board the nominees for key senior management holding the function of Managing Director or Chief Executive Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other function as may be determined by the Board from time to time;
  - (h) Make recommendations to the Board on:-
    - (i) Succession plan in respect of the Managing Director and key senior management ;
    - (ii) Reappointment of any directors or SSC members at the conclusion of his/her specified term of office as approved by BNM; and
    - (iii) The continuation (or discontinuance) in service of any director who has attained the age of 70 years; and
  - (i) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.
- (c) Menetapkan keperluan minimum bagi kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain untuk pengarah dan ahli SSC berdasarkan penilaian keseimbangan antara kemahiran, pengetahuan dan pengalaman;
  - (d) Menilai dan mencadangkan calon kepada Lembaga Pengarah bagi jawatan pengarah, keahlian dalam jawatankuasa Lembaga Pengarah dan SSC serta jawatan Pengarah Urusan;
  - (e) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penamatan perkhidmatan mana-mana pengarah, ahli SSC dan Pengarah Urusan jika mereka tidak cekap, melakukan penyelewengan dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka;
  - (f) Menilai prestasi setiap pengarah, ahli SSC dan Pengarah Urusan secara individu menerusi perundingan dengan Pengerusi secara tetap atau sekurang-kurangnya sekali dalam setahun serta menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan SSC secara keseluruhannya dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah apabila perlu;
  - (g) Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon untuk jawatan pengurusan kanan utama yang memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;
  - (h) Membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang:-
    - (i) Pelan penggantian bagi Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama;
    - (ii) Pelantikan semula mana-mana pengarah atau ahli SSC setelah tamat tempoh jawatan yang ditetapkan seperti yang diluluskan oleh BNM; dan
    - (iii) Pelanjutan (atau penamatan) perkhidmatan mana-mana pengarah yang telah mencapai usia 70 tahun; dan
  - (i) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

## 2.2 Remuneration Committee (“Committee or RC”)

The Committee has a broad responsibility of recommending to the Board the remuneration of the SSC members, the Managing Director and key senior management. The remuneration for Board of Directors is tabled at the Annual General Meeting for approval of the shareholders.

Six (6) RC meetings were held during the financial year ended 31 December 2012 as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2012	100%
March 2012	100%
June 2012	100%
July 2012	100%
September 2012	100%
December 2012	100%

The primary duties and responsibilities of the RC are as follows:

- Review and recommend to the Board the overall remuneration policy for the Managing Director and key senior management to ensure appropriate incentives to encourage enhanced performance are in place and that the incentives commensurate with their contribution and level of responsibility and is sufficient to attract and retain Managing Director/key senior management of the required calibre. The remuneration policy should support the Bank's culture, objectives and strategy;
- Review and recommend to the Board specific remuneration package for the Managing Director and key senior management holding the function of Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Risk Officer, Chief Internal Auditor and such other function as determined by the Board from time to time. The remuneration package should be structured to be competitive and consistent with the Bank's culture, objectives and strategy and to reflect their contribution, level of responsibility and performance;
- Within the terms of the agreed remuneration policy and based on the individual performance, determine the total individual remuneration package for the employees including where appropriate bonuses, incentive payments, etc;

## 2.2 Jawatankuasa Imbuan (“Jawatankuasa atau RC”)

Jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab yang luas untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang imbuan ahli SSC, Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama. Imbuan Lembaga Pengarah dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan bagi kelulusan pemegang saham .

Enam (6) mesyuarat RC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2012	100%
Mac 2012	100%
Jun 2012	100%
Julai 2012	100%
September 2012	100%
Disember 2012	100%

Tugas dan tanggungjawab utama RC adalah seperti yang berikut:

- Menyemak dan mencadangkan keseluruhan polisi imbuan untuk Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan insentif yang sewajarnya sebagai galakan untuk meningkatkan prestasi agar insentif tersebut setimpal dengan sumbangan dan tahap tanggungjawab mereka. Insentif tersebut hendaklah mencukupi untuk menarik minat dan mengekalkan Pengarah Urusan/pengurusan kanan utama yang berwibawa. Dasar imbuan itu hendaklah menyokong budaya, objektif dan strategi Bank;
- Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pakej imbuan khusus untuk Pengarah Urusan dan pengurusan kanan utama yang memegang jawatan Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan jawatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Struktur pakej imbuan tersebut hendaklah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Bank, serta mencerminkan sumbangan, tahap tanggungjawab dan prestasi mereka;
- Menentukan jumlah pakej imbuan bagi kakitangan termasuk bonus, pembayaran insentif yang bersesuaian dan sebagainya berdasarkan terma polisi imbuan yang telah diluluskan dan juga prestasi individu;

- (d) Make recommendation to the Board in relation to any review of employee remuneration and benefit structures including bonuses and performance related schemes to ensure alignment throughout the Bank;
- (e) Review and recommend to the Board the remuneration of the SSC members. The remuneration shall commensurate and reflect the roles and responsibilities of the SSC members;
- (f) Determine and approve specific remuneration package for key senior management officers other than the officers mentioned in para (b). The remuneration package should be structured to be competitive and consistent with the Bank's culture, objectives and strategy and reflect their contribution, level of responsibility and performance; and
- (g) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board of Directors of the Bank from time to time.

### 2.3 Board Financing Review Committee ("Committee or BFRC")

This Committee is responsible for the review of financing and/or investment proposals approved by the Financing Committee 'A' ("FCA") and/or Underwriting & Investment Committee ("UIC") of the Management based on the limits determined by the Board. BFRC may if necessary, exercise the right to veto UIC/FCA approvals/decisions.

Eight (8) BFRC meetings were held during the financial year ended 31 December 2012 as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
January 2012	100%
March 2012	100%
April 2012 *	50%
June 2012	100%
Mid July 2012	100%
End July 2012	100%
September 2012	100%
December 2012	100%

\* Special Meeting

- (d) Memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan apa-apa semakan terhadap imbuhan kakitangan dan struktur manfaat termasuk bonus dan skim imbuhan berkaitan dengan prestasi bagi memastikan ianya selari dengan polisi Bank;
- (e) Menyemak dan mencadangkan imbuhan bagi ahli SSC kepada Lembaga Pengarah. Imbuhan tersebut hendaklah setara dan mencerminkan peranan dan tanggungjawab ahli SSC berkenaan;
- (f) Menentukan dan meluluskan pakej imbuhan khusus bagi pegawai kanan utama selain pegawai yang dinyatakan dalam perenggan (b). Struktur pakej imbuhan ini hendaklah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Bank serta mencerminkan sumbangan, tahap tanggungjawab dan prestasi mereka; dan
- (g) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah Bank dari semasa ke semasa.

### 2.3 Jawatankuasa Lembaga Pengarah Semakan Pembiayaan ("Jawatankuasa atau BFRC")

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak cadangan pembiayaan dan/atau pelaburan yang diluluskan oleh pihak Pengurusan melalui Jawatankuasa Pembiayaan A ("FCA") dan/atau Jawatankuasa Penajaan Jamin & Pelaburan ("UIC") berdasarkan had yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Jika perlu, BFRC boleh menggunakan hak veto terhadap kelulusan/keputusan UIC atau FCA.

Lapan (8) mesyuarat BFRC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang berikut:-

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2012	100%
Mac 2012	100%
April 2012 *	50%
Jun 2012	100%
Pertengahan Julai 2012	100%
Akhir Julai 2012	100%
September 2012	100%
Disember 2012	100%

\* Mesyuarat Khas

The primary duties and responsibilities of the BFRC are as follows:

- (a) To deliberate, review and if necessary exercise the right to veto UIC or FCA's approvals/decisions on all investment or financing/credit related proposals including the proposed terms and conditions or any variations thereof whilst ensuring that the Bank's interest is safeguarded; and
- (b) To exercise the authority of the Board to approve any investment or financing/credit related proposals for connected party.

#### 2.4 Board Risk Committee ("Committee or BRC")

The BRC is established to assist the Board in discharging its functions by having a focused forum that deliberates on risk management issues to ensure effective management of risks and enforcement of risk tolerance within Bank Islam. In addition, the Committee is responsible to review and assess the adequacy of the existing risk management framework in addressing the various risk factors in Bank Islam.

Six (6) BRC meetings were held during the financial year ended 31 December 2012 as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF DIRECTORS' ATTENDANCE
February 2012	100%
March 2012	100%
June 2012	100%
July 2012	100%
September 2012	100%
December 2012	100%

The primary duties and responsibilities of the BRC are as follows:

- (a) Review and recommend risk management strategies, risk management process and controls, risk management policies and risk appetite for the Board's approval;
- (b) Review and assess adequacy of risk management policies and framework in identifying, measuring, monitoring and controlling risk and the extent to which these are operating effectively;
- (c) Review the implementation of capital management in line with the Capital Adequacy Framework for Islamic Banks issued by BNM and approve scenarios for stress testing on capital adequacy;

Tugas dan tanggungjawab utama BFRC adalah seperti yang berikut:-

- (a) Membincangkan, menyemak dan jika perlu, menggunakan hak veto terhadap kelulusan/keputusan UIC atau FCA berhubung dengan kesemua cadangan berkaitan dengan pelaburan atau pembiayaan/kredit termasuk terma dan syarat yang dicadangkan atau apa-apa perubahannya, di samping memastikan kepentingan Bank terpelihara; dan
- (b) Melaksanakan kuasa Lembaga Pengarah untuk meluluskan apa-apa cadangan berhubung dengan pelaburan atau pembiayaan/kredit untuk pihak yang berkaitan.

#### 2.4 Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko ("Jawatankuasa atau BRC")

BRC ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya melalui suatu forum yang fokusnya tertumpu kepada perbincangan isu pengurusan risiko bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan risiko dan penguatkuasaan toleransi risiko di Bank Islam. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyemak dan menilai kecukupan rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dalam menangani pelbagai faktor risiko di Bank Islam.

Enam (6) mesyuarat BRC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Februari 2012	100%
Mac 2012	100%
Jun 2012	100%
Julai 2012	100%
September 2012	100%
Disember 2012	100%

Tugas dan tanggungjawab utama BRC adalah seperti yang berikut:

- (a) Menyemak dan mencadangkan strategi pengurusan risiko, proses dan kawalan pengurusan risiko, polisi pengurusan risiko dan tanggungan risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- (b) Menyemak dan menilai kecukupan polisi dan rangka kerja pengurusan risiko untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko serta tahap keberkesanan perkara tersebut;
- (c) Menyemak pelaksanaan pengurusan modal sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam yang dikeluarkan oleh BNM dan meluluskan senario untuk ujian tekanan berhubung dengan kecukupan modal;

- (d) Oversee and control the implementation of Internal Capital Adequacy Assessment Process (“ICAAP”) which includes:
    - (i) Review capital plan;
    - (ii) Review summary of capital adequacy reports as part of the risk reports; and
    - (iii) Note mandate of capital management committee, capital management standards and policies;
  - (e) Determine the risk appetite/tolerance level of the Bank at enterprise and at strategic business unit levels including but not limited to sectoral limit and counterparty limits;
  - (f) Review the allocation of risk-adjusted capital and broad-based limits across the Bank covering market, credit and operational risk;
  - (g) Review and if necessary recommend to the Board the Company’s Business Continuity Management framework and policy for dealing with various extreme internal/external events and disasters;
  - (h) Review the effectiveness of the reporting structure for the overall business activities and risk management functions and the implementation of the appropriate system to manage various types of risks undertaken by the Bank;
  - (i) Review the risk management processes, systems and internal controls throughout the Bank;
  - (j) Review regularly the Management’s reports on risk exposure, risk portfolio composition and risk management activities including the adequacy of tools, systems and resources for the successful execution of risk functions within the Bank;
  - (k) Review and approve risk methodologies for measuring and managing risks arising from the Bank’s overall management of all risks covering market, credit and operational through identified tools;
  - (l) Review and monitor Management’s initiatives and activities on anti money laundering/counter financing of terrorism (“AML/CFT”) and other regulatory requirements;
  - (m) Review, monitor and regularly report to the Board on the following:
    - (i) credit transactions with connected parties;
    - (ii) aggregate credit exposure to each connected party and their status; and
    - (iii) material concentration;
- 
- (d) Menyelia dan mengawal pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (“ICAAP”) yang termasuk:
    - (i) Menyemak pelan modal;
    - (ii) Menyemak ringkasan laporan kecukupan modal sebagai sebahagian daripada laporan risiko; dan
    - (iii) Mencatatkan mandat jawatankuasa pengurusan modal, piawaian, dan polisi pengurusan modal;
  - (e) Menentukan tahap tanggungan/toleransi risiko Bank pada peringkat perusahaan dan unit perniagaan strategik termasuk tetapi tidak terhad kepada had sektor dan had pihak yang berurus niaga dengan Bank;
  - (f) Menyemak pengagihan modal terlaras risiko dan had dasar keseluruhan di Bank, yang meliputi risiko pasaran, kredit dan operasi;
  - (g) Menyemak dan jika perlu, mencadangkan rangka kerja dan polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk menangani pelbagai peristiwa dan bencana dalam/luaran yang ekstrem;
  - (h) Menyemak keberkesanan struktur pelaporan bagi keseluruhan aktiviti perniagaan dan fungsi pengurusan risiko dan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan pelbagai jenis risiko yang diambil oleh Bank;
  - (i) Menyemak proses, sistem dan kawalan dalaman pengurusan risiko di seluruh Bank;
  - (j) Sentiasa menyemak laporan pihak Pengurusan berhubung dengan pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko termasuk kecukupan kaedah, sistem dan sumber bagi memastikan kejayaan pelaksanaan fungsi risiko di Bank;
  - (k) Menyemak dan meluluskan kaedah risiko bagi mengukur dan menguruskan risiko yang timbul daripada keseluruhan pengurusan Bank bagi semua risiko yang meliputi pasaran, kredit dan operasi melalui kaedah yang dikenal pasti;
  - (l) Menyemak dan memantau usaha dan aktiviti pihak Pengurusan terhadap perubahan wang haram/pencegahan pembiayaan keganasan (“AML/CFT”) dan keperluan kawal selia yang lain;
  - (m) Menyemak, memantau dan sentiasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara berikut:
    - (i) urus niaga kredit dengan pihak yang berkaitan;
    - (ii) pendedahan kredit agregat kepada setiap pihak berkaitan dan statusnya; dan
    - (iii) penumpuan material;

- (n) Approve the engagement of external and independent reviewers for the validation of risk measurement methodologies and outputs;
- (o) Review and recommend to the Board any business proposals on the following:
  - (i) New products and services;
  - (ii) Discretionary power or authority limits in relation to any product programmes proposals;
- (p) Review any business proposals particularly on:
  - (i) Product programmes and its performance;
  - (ii) Target market and risk acceptance criteria of any products or services; and
  - (iii) Product profitability assessment;
- (q) Ensure that a comprehensive risk management structure is in place to manage the risk associated with the Mudharabah and Musharakah contracts, which include regular review on the performance of Mudharabah and Musharakah financing or investment, establishment of exit strategies including extension and redemption, and regular update to the Board on the exposures of Mudharabah and Musharakah financing or investment;
- (r) Review proposals on single or joint discretionary authority to members of Management/Management Committee and make relevant recommendations to the Board on the same;
- (s) Review and approve any new outsourcing proposals and take note of renewal of the outsourcing services, including the appointment and/or renewal of the outsourcing service provider; and
- (t) Undertake such other duties and responsibilities as determined by the Board from time to time.

- (n) Meluluskan pelantikan penyemak luar dan bebas untuk mengesahkan kaedah dan output pengukuran risiko;
- (o) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah apa-apa cadangan perniagaan tentang perkara berikut:-
  - (i) Produk dan perkhidmatan baharu;
  - (ii) Kuasa budi bicara atau had autoriti berkaitan apa-apa cadangan program produk;
- (p) Menyemak apa-apa cadangan perniagaan terutamanya tentang:-
  - (i) Program produk dan prestasinya;
  - (ii) Pasaran sasaran dan kriteria penerimaan risiko bagi mana-mana produk atau perkhidmatan; dan
  - (iii) Penilaian keuntungan produk;
- (q) Memastikan struktur pengurusan risiko yang komprehensif telah diwujudkan untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan kontrak Mudharabah dan Musharakah, yang termasuklah semakan secara tetap tentang prestasi pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musharakah, pewujudan strategi keluar termasuk pelanjutan dan penebusan, dan pelaporan secara tetap kepada Lembaga Pengarah tentang pendedahan pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musharakah;
- (r) Menyemak cadangan berhubung dengan kuasa budi bicara tunggal atau bersama bagi ahli Pengurusan/Jawatankuasa Pengurusan dan memberikan cadangan yang berkaitan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara tersebut;
- (s) Menyemak dan meluluskan apa-apa cadangan penggunaan khidmat luar yang baharu dan mengambil maklum tentang pembaharuan kontrak perkhidmatan luar, termasuk pelantikan dan/atau pembaharuan kontrak penyedia perkhidmatan luar tersebut; dan
- (t) Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

## 2.5 Audit and Examination Committee (“Committee or AEC”)

The Committee is established to provide independent oversight of Bank Islam’s financial reporting and internal control system as well as ensuring check and balances within the Bank.

Eight (8) AEC meetings were held during the financial year ended 31 December 2012 as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF DIRECTORS’ ATTENDANCE
January 2012	100%
March 2012	100%
April 2012 *	100%
June 2012	100%
July 2012	100%
September 2012	100%
October 2012 *	100%
December 2012	100%

\* Special Meeting

The primary duties and responsibilities of the AEC are as follows:

- (a) Ensure fair and transparent reporting and prompt publication of financial accounts;
- (b) Oversee the effectiveness of the internal audit function and ensure compliance with BNM’s Revised New Guidelines on Internal Audit Function of Licensed Institution requirements such as:
  - (i) Review the scope of audit plan, audit programme and processes;
  - (ii) Ensure adequate and technically competent resources for effective discharge of responsibilities;
  - (iii) Review the effectiveness of infrastructure for ensuring Shariah compliance;

## 2.5 Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (“Jawatankuasa atau AEC”)

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mewujudkan penyeliaan bebas ke atas laporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Bank Islam serta memastikan sekatan dan imbangannya di dalam Bank.

Lapan (8) mesyuarat AEC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN PENGARAH
Januari 2012	100%
Mac 2012	100%
April 2012 *	100%
Jun 2012	100%
Julai 2012	100%
September 2012	100%
Oktober 2012 *	100%
Disember 2012	100%

\* Mesyuarat Khas

Tugas dan tanggungjawab utama AEC adalah seperti yang berikut:-

- (a) Memastikan laporan yang saksama dan telus serta penerbitan akaun kewangan menurut masa yang ditetapkan;
- (b) Mengawasi keberkesanan fungsi audit dalaman dan memastikan pematuhan terhadap keperluan Garis Panduan Baharu Semakan BNM berkaitan dengan Fungsi Audit Dalaman bagi Institusi Berlesen seperti:-
  - (i) Menyemak skop pelan, program dan proses audit;
  - (ii) Menentukan sumber yang mencukupi dan cekap dari segi teknikal bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan berkesan;
  - (iii) Menyemak keberkesanan infrastruktur bagi memastikan pematuhan Syariah;

- (iv) Ensure appropriate actions have been taken by the Management on the recommendations made by the internal auditors;
- (v) Appoint and evaluate the performance of, and decide on the transfer or dismissal of the Chief Internal Auditor; and
- (vi) Determine the remuneration package of the Chief Internal Auditor and other internal auditors;
- (c) Ensure that all frauds and non-fraud related irregularities are deliberated at the AEC meeting;
- (d) Review the effectiveness of internal controls and risk management processes;
- (e) External Auditors
  - (i) Recommend to the Board the appointment of external auditors and audit fee payable including any decision on removal;
  - (ii) Review the external auditors' management letter; and management's response on weaknesses of internal accounting procedures and controls;
  - (iii) Assess objectivity, performance and independence of external auditors;
  - (iv) Approve provision of non-audit services by external auditors and ensure adequacy of proper checks and balances such that the provision of non-audit services does not interfere with the external auditors' exercise of independent judgment; and
  - (v) The Committee shall meet with the external auditors without the presence of management, at least annually;
- (f) On the implementation of Internal Capital Adequacy Assessment Process ("ICAAP"):
  - (i) Note and monitor reports on capital adequacy; and
  - (ii) Review internal audit reports on capital management;

- (iv) Memastikan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak Pengurusan berdasarkan cadangan yang dibuat oleh juruaudit dalaman;
- (v) Melantik dan menilai prestasi dan membuat keputusan tentang pemindahan atau penamatan perkhidmatan Ketua Juruaudit Dalaman; dan
- (vi) Menetapkan pakej imbuhan bagi Ketua Audit Dalaman dan juruaudit dalaman lain;
- (c) Memastikan semua perkara yang di luar aturan berkaitan dengan penipuan dan bukan penipuan dibincangkan dalam mesyuarat AEC;
- (d) Menyemak keberkesanan kawalan dalaman dan proses pengurusan risiko;
- (e) Juruaudit Luar:
  - (i) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan juruaudit luar dan fi audit yang perlu dibayar termasuk apa-apa keputusan untuk menamatkan perkhidmatan mereka;
  - (ii) Menyemak surat pengurusan juruaudit luar; dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap kelemahan prosedur dan kawalan perakaunan dalaman;
  - (iii) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan juruaudit luar;
  - (iv) Meluluskan peruntukan bagi perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar dan menentukan sekatan dan imbalan yang wajar agar perkhidmatan bukan audit tersebut tidak mengganggu pertimbangan bebas mereka sebagai juruaudit luar; dan
  - (v) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya setahun sekali tanpa kehadiran pihak Pengurusan;
- (f) Berkaitan dengan pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ("ICAAP"):
  - (i) Menyemak dan memantau laporan tentang kecukupan modal; dan
  - (ii) Menyemak laporan audit dalaman tentang pengurusan modal;

- (g) Management is responsible for reviewing all related party transactions to ensure that they have been established on an arm's length basis.

The Committee shall review any significant transactions that are not within the normal course of business and where potential conflict of interest may arise between related parties; and

- (h) External Experts
- (i) Where the internal audit function lack the expertise needed to perform the audit of specialised areas, external experts may be engaged. The Committee is responsible to ensure that audit of specialised areas is adequate; and
  - (ii) The Committee shall ensure that the terms and scope of engagement, the working arrangement between External Experts and the internal auditors and the reporting requirements of the engagement are clearly established.

### 3.0 SHARIAH SUPERVISORY COUNCIL (“THE SSC”)

As an Islamic bank, a Shariah governance framework is put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the Council in line with the requirement of Section 3 (5) (b) of the Islamic Banking Act 1983 (“IBA 1983”) and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (“SGF”) issued by BNM which took effect on 1 January 2011. The Council serves to advise the Board and Management in ensuring that the Bank's operations are in line with Shariah rules and principles.

Functionally, the Council reports to the Board of Directors of the Bank. In ensuring Shariah compliance and implementing decisions of the Council and Shariah Advisory Council of the regulators, Bank Negara Malaysia and Securities Commission (on capital market matters), the Bank establishes Shariah Risk Management, Shariah Review, Shariah Research and Shariah Audit functions to support the implementation of Shariah principles throughout the Bank.

- (g) Pihak Pengurusan bertanggungjawab menyemak dan memastikan semua urusan niaga dengan pihak yang berkaitan dijalankan secara tulus dan adil.

Jawatankuasa hendaklah menyemak apa-apa urusan niaga penting yang dijalankan tanpa mengikut peraturan perniagaan yang lazim dan jika terdapat kemungkinan adanya konflik kepentingan dengan pihak yang berkaitan; dan

- (h) Pakar Luar:
- (i) Jika fungsi audit dalaman tidak memiliki kepakaran yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan bagi bidang khusus, maka pakar luar boleh dilantik. Jawatankuasa bertanggungjawab memastikan pengauditan bagi bidang khusus adalah mencukupi; dan
  - (ii) Jawatankuasa hendaklah memastikan syarat dan skop pelantikan, aturan kerja antara pakar luar dengan juruaudit dalaman dan keperluan pelaporan mengenai penglibatan adalah jelas.

### 3.0 MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH (“MAJLIS ATAU SSC”)

Sebagai sebuah bank Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan Majlis, selari dengan keperluan Seksyen 3 (5)(b) Akta Perbankan Islam 1983 (“IBA 1983”) dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (“SGF”) yang dikeluarkan oleh BNM berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. Majlis ini berperanan untuk menasihatkan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam memastikan operasi Bank selari dengan peraturan dan prinsip Syariah.

Dari segi fungsinya, Majlis ini melapor kepada Lembaga Pengarah Bank. Bagi memastikan pematuhan Syariah dan pelaksanaan keputusan Majlis dan Majlis Penasihat Syariah oleh pengawal selia, iaitu BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (tentang pasaran modal), Bank mewujudkan Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah, Penyelidikan Syariah serta fungsi Audit Syariah untuk menyokong pelaksanaan prinsip Syariah di seluruh Bank.

The diagram below describes the Shariah governance framework of Bank Islam:

Gambar rajah berikut menunjukkan rangka kerja tadbir urus Syariah di Bank Islam:




Figure: Shariah Governance Framework in Bank Islam

Rajah: Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah di Bank Islam

### 3.1 Composition of the SSC

Members of the SSC are scholars who have the qualification and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence (usul al-fiqh) and Islamic commercial laws (fiqh al-mu'amalat). In Bank Islam, the SSC consists of six (6) members of diverse backgrounds in terms of qualification, experience and knowledge, including law and economics, so as to support the depth and breadth of the Shariah deliberations. The Memorandum of Association of Bank Islam provides that the composition of the SSC shall be a minimum of five (5) and a maximum of seven (7) members.

### 3.2 Meetings and Primary Duties and Responsibilities of the SSC

For the financial year ended 31 December 2012, five (5) SSC meetings were held as follows:

DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF MEMBERS' ATTENDANCE
February 2012	100%
April 2012	83%
June 2012	83%
September 2012	66%
December 2012	83%

The main duties and responsibilities of the SSC are principally based on the SGF. The duties and responsibilities of the SSC are:-

- (a) Advising the Board of Directors and Management on Shariah-related matters in order for the Bank to comply with Shariah rules and principles at all times;
- (b) Endorsing Shariah related policies and guidelines;
- (c) Approving products and services to ensure compliance with Shariah rules and principles which include:
  - (i) validating the terms and conditions contained in the forms, contracts, agreements or other legal documentations used in executing the transactions; and
  - (ii) validating the product manual, marketing advertisements, sales illustrations and brochures used to describe the product and services;
- (d) Assessing work carried out by Shariah review and Shariah audit in order to ensure compliance with Shariah which forms part of SSC duties in providing assessment of Shariah compliance and assurance to be included in the annual report of the Bank;

### 3.1 Komposisi SSC

Ahli SSC terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam (usul al-fiqh) dan undang-undang perdagangan Islam (fiqh al-mua'malat). Di Bank Islam, SSC terdiri daripada enam (6) ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan, termasuk undang-undang dan ekonomi, bagi memastikan perbincangan Syariah yang mendalam dan luas. Memorandum Persatuan Bank Islam menyatakan bahawa SSC hendaklah mempunyai paling minimum lima (5) dan maksimum tujuh (7) ahli.

### 3.2 Mesyuarat serta Tugas dan Tanggungjawab Utama Majlis

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, lima (5) mesyuarat SSC telah diadakan seperti yang berikut:

TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN AHLI
Februari 2012	100%
April 2012	83%
Jun 2012	83%
September 2012	66%
Disember 2012	83%

Tugas dan tanggungjawab utama SSC secara amnya adalah berdasarkan SGF. Tugas dan tanggungjawab tersebut adalah:

- (a) Menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan tentang perkara berkaitan dengan Syariah agar Bank sentiasa mematuhi peraturan dan prinsip Syariah;
- (b) Meluluskan dasar dan garis panduan berkaitan dengan Syariah;
- (c) Meluluskan produk dan perkhidmatan yang mematuhi peraturan dan prinsip Syariah, termasuklah:-
  - (i) mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumen undang-undang lain yang digunakan untuk melaksanakan urusan niaga; dan
  - (ii) mengesahkan manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan brosur yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan;
- (d) Menilai kerja yang dijalankan mengikut semakan dan audit Syariah bagi memastikan prinsip Syariah dipatuhi. Hal ini merupakan sebahagian daripada tugas SSC dalam penilaian pematuhan dan jaminan Syariah yang akan dimasukkan dalam laporan tahunan Bank;

- (e) Assisting and advising related parties such as the Bank's legal counsel, auditor or consultant on Shariah matters upon request;
- (f) Advising the Bank on any matters that require consultation with the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia ("SAC") on Shariah matters that cannot be resolved by the SSC;
- (g) Providing written Shariah opinions in circumstances where the Bank makes reference to the SAC for further deliberation, or where the Bank submits any application to BNM for new product approval: and
- (h) Advising and approving the Bank's computation, payment and distribution of zakat.

In addition, in performing its roles and responsibilities, the SSC is supported by its sub-committee, the Shariah Review Committee ("SRC") which is responsible for the deliberation of Shariah review reports and Shariah audit observations submitted by the Shariah Division and Internal Audit Division respectively. The SRC, which comprises of four (4) members is also empowered to validate product operational manuals, products' and Sukuk legal documents based on the approved structure by the SSC as well as to decide on Shariah status of issues arising from the Bank's daily operations. The decisions of the SRC require the endorsement of the SSC at its subsequent meetings.

For the financial year ended 31 December 2012, thirteen (13) SRC meetings were held as follows:

MEETING	DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF MEMBERS' ATTENDANCE
1/2012	January 2012	100%
2/2012	February 2012	100%
3/2012	March 2012	100%
4/2012	April 2012	100%
5/2012	May 2012	100%
6/2012	May 2012	100%
7/2012	June 2012	75%
8/2012	July 2012	100%

- (e) Membantu dan menasihati pihak berkaitan seperti peguam, juruaudit dan perunding Bank tentang perkara berkaitan dengan Syariah apabila diminta;
- (f) Menasihati Bank tentang apa-apa perkara yang memerlukan perundingan dengan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ("SAC") tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Syariah yang tidak boleh diputuskan oleh SSC;
- (g) Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis apabila Bank merujuk kepada SAC untuk nasihat lanjut, atau apabila Bank menyerahkan apa-apa permohonan kepada BNM untuk mendapatkan kelulusan produk baharu; dan
- (h) Memberikan nasihat dan kelulusan kepada Bank berhubung dengan pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat.

Selain itu, dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya, SSC disokong oleh jawatankuasa kecilnya, iaitu Jawatankuasa Semakan Syariah ("SRC") yang bertanggungjawab untuk membincangkan laporan semakan dan pemerhatian audit Syariah yang diserahkan oleh Jabatan Syariah dan Jabatan Audit Dalam. SRC yang mempunyai empat (4) ahli juga diberi kuasa untuk mengesahkan manual operasi produk, dokumen undang-undang produk dan Sukuk berdasarkan struktur yang diluluskan oleh SSC, di samping memutuskan status Syariah yang timbul daripada operasi harian Bank. Keputusan SRC memerlukan pengendorsan daripada Majlis dalam mesyuarat berikutnya.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, tiga belas (13) mesyuarat SRC telah diadakan seperti yang berikut:

MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN AHLI
1/2012	Januari 2012	100%
2/2012	Februari 2012	100%
3/2012	Mac 2012	100%
4/2012	April 2012	100%
5/2012	Mei 2012	100%
6/2012	Mei 2012	100%
7/2012	Jun 2012	75%
8/2012	Julai 2012	100%

MEETING	DATE OF MEETING	PERCENTAGE OF MEMBERS' ATTENDANCE
9/2012	September 2012	75%
10/2012	October 2012	75%
11/2012	October 2012	100%
12/2012	November 2012	100%
13/2012	December 2012	100%

### 3.3 Code of Conduct of SSC Members

In performing his/her duties, the SSC member is expected to possess good character and competence, diligence and should be capable of making sound judgment. The salient requirements of the Code of Conduct include the following:

- (a) He/She should at all times maintain good character, which means that he/she should demonstrate honesty, integrity, fairness and reputation over time in dealing with the Bank as well as personal relationship with the public;
- (b) He/She should sustain independence and professionalism while carrying out his/her duties; a SSC member should always have complete moral, intellectual and professional independence. A SSC member should consider carefully and thoroughly the following in carrying out their obligations by striving to:
  - (i) uphold fairness and equity for all the stakeholders;
  - (ii) act in a manner that preserves his/her honesty and integrity;
  - (iii) exercise appropriate discretion in decision-making by taking into consideration not only the technical aspects of Shariah compliance; and
  - (iv) appreciate the diversity of opinions among various mazhabs and differences in expertise among his/her fellow members of the SSC.
- (c) He/She has the duty to observe the confidentiality of all information with which the SSC member is entrusted by the Bank or which is brought to his/her attention during or at any time after carrying out his/her assignment. Confidential information here refers to information received by members of the SSC in the course of their duties that is not public and is not authorised to be made public; and

MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	PERATUS KEHADIRAN AHLI
9/2012	September 2012	75%
10/2012	Oktober 2012	75%
11/2012	Oktober 2012	100%
12/2012	November 2012	100%
13/2012	December 2012	100%

### 3.3 Tatakelakuan Ahli Majlis

Dalam menjalankan tugas mereka, ahli SSC diharapkan dapat menunjukkan ciri sahsiah yang baik serta kecekapan, ketekunan dan mampu membuat keputusan yang bijak. Keperluan penting dalam Kod Tatakelakuan SSC termasuklah yang berikut:

- (a) Ahli SSC hendaklah pada setiap masa mengekalkan ciri sahsiah yang baik, iaitu beliau hendaklah menunjukkan kejujuran, integriti, keadilan dan reputasi yang baik sepanjang beliau berurusan dengan Bank, termasuklah mempunyai hubungan yang baik dengan orang awam;
- (b) Beliau hendaklah mengekalkan kebebasan dan profesionalisme semasa menjalankan tugas; ahli SSC hendaklah sentiasa mempunyai kebebasan moral, intelektual dan profesional yang sepenuhnya. Ahli SSC hendaklah mempertimbangkan perkara berikut dengan berhati-hati dan teliti dalam menjalankan tanggungjawab mereka dengan berusaha untuk:
  - (i) menegakkan keadilan dan kesaksamaan untuk semua pemegang berkepentingan;
  - (ii) bertindak dalam cara yang mengekalkan kejujuran dan integriti beliau;
  - (iii) menggunakan budi bicara yang sewajarnya semasa membuat keputusan dengan mengambil kira bukan sahaja aspek teknikal pematuhan Syariah; dan
  - (iv) menghormati kepelbagaian pendapat antara mazhab dan perbezaan kepakaran di kalangan ahli SSC.
- (c) Beliau berkewajipan untuk mematuhi kerahsiaan semua maklumat yang diamanahkan oleh Bank kepada ahli SSC atau yang dibawa kepada perhatian beliau semasa atau pada bila-bila masa selepas menjalankan tugas beliau. Maklumat sulit di sini merujuk maklumat yang diterima oleh ahli SSC semasa menjalankan tugas mereka yang bukan maklumat untuk orang awam dan tidak dibenarkan untuk didedahkan kepada orang awam; dan

- (d) The interpretation of the Shariah rules and principles based on the discipline of fiqh al-mu'amalat is a matter of the professional judgment of the SSC members. He/She should ensure consistency, which in this respect is related to the level of competency and independence as mentioned above, as well as professional ethics;

In order to ensure the quality and consistency of the Shariah decisions by the SSC, the Council has developed and adopted the Shariah Supervisory Council Decision Making Document. This document describes the methodology and the means for the SSC members to make decision on a given issue including the application of usul fiqh discipline and reference to established Shariah standards, fatwa and resolutions of Shariah authority councils and Fiqh academics. The document also provides the process of the SSC and the Bank in dealing with decisions that have been proven to be a mistake and reviews of previous decisions.

#### 3.4 Responsibilities of the Bank Towards Shariah Compliance and in Implementing SSC's decisions

Manifestation from the definition of Islamic banking business in IBA 1983; banking business whose aims and operations do not involve any element which is not approved by the religion of Islam, it is crucial that the Bank works hand-in-hand with the SSC to ensure that all business activities, products, services and operations of the Bank are in compliance with Shariah rules and principles.

Therefore, it is the responsibility of the Bank to perform the following:

- (a) To refer all Shariah issues in its business operations to the SSC for decision;
- (b) To adopt and take necessary measures for implementation of the SSC's decisions;
- (c) To provide sufficient resources to the SSC including budget allocation, independent expert consultation, reference materials and training;
- (d) To ensure that the SSC is familiar with the operations and business of the Bank;
- (e) To provide the SSC access to all relevant records, transactions, manuals and relevant information, as required by its members in performing their duties; and
- (f) To recommend the appropriate remuneration to the members of the SSC which commensurate with and reflect the duties and responsibilities of the SSC.

- (d) Tafsiran peraturan dan prinsip Syariah berdasarkan bidang fiqh al-mua'malat adalah berkenaan dengan keputusan profesional ahli SSC. Beliau hendaklah memastikan keselarasan, yang dalam hal ini adalah berkaitan dengan tahap kecekapan dan kebebasan, seperti yang dinyatakan di atas, dan juga berkaitan dengan etika profesional.

Bagi memastikan kualiti dan keselarasan keputusan Syariah yang dibuat oleh SSC, Majlis telah mewujudkan dan menggunakan Dokumen Membuat Keputusan Majlis Pengawasan Syariah. Dokumen ini menerangkan kaedah dan cara ahli SSC membuat keputusan berkenaan isu tertentu termasuk penggunaan prinsip usul fiqh dan rujukan kepada standard Syariah yang telah diterimapai, fatwa dan ketetapan majlis pihak berkuasa serta akademi fiqh. Dokumen tersebut juga mengandungi proses SSC dan Bank dalam menangani keputusan yang terbukti khilaf dan penyemakan semula keputusan terdahulu.

#### 3.4 Tanggungjawab Bank terhadap Pematuhan Syariah dan dalam Melaksanakan Keputusan SSC

Manifestasi daripada takrif perniagaan perbankan Islam dalam IBA 1983; perniagaan perbankan yang matlamat dan operasinya tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh agama Islam. Oleh itu, penting bagi Bank agar bekerjasama dengan SSC bagi memastikan semua aktiviti perniagaan, produk, perkhidmatan dan operasi Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.

Oleh yang demikian, Bank bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut:

- (a) Merujuk SSC untuk mendapatkan keputusan berkaitan semua isu Syariah dalam operasi perniagaannya;
- (b) Mengguna pakai dan mengambil langkah yang perlu untuk melaksanakan keputusan SSC;
- (c) Menyediakan sumber yang mencukupi untuk Majlis termasuklah peruntukan belanjawan, khidmat runding pakar bebas, bahan rujukan dan latihan;
- (d) Memastikan SSC memahami operasi dan perniagaan Bank;
- (e) Membenarkan SSC mengakses semua rekod, urusan niaga, manual dan maklumat yang berkaitan seperti yang diperlukan oleh ahli SSC untuk menjalankan tugas mereka; dan
- (f) Menyarankan imbuhan yang sewajarnya kepada ahli SSC yang mencerminkan dan setara dengan tugas dan tanggungjawab SSC.

In furtherance of that, it is the responsibility of the Bank to perform the following with regard to Shariah Compliance:

- (a) To comply with all the SSC decisions and establish Shariah requirements in its entire products, services, legal documentations and activities;
- (b) The Bank shall not change its allegiance and obedience to the SSC decisions to suit its convenience. Such a practice could impair the independence of the SSC members and have a damaging impact on the integrity and credibility of the Bank, in particular, and on the Islamic banking industry as a whole; and
- (c) While the SSC is responsible for forming and expressing decisions on the extent of the Bank's compliance with the Shariah, the responsibility for compliance therewith rests with the Management of the Bank.

### 3.5 Appointment and Reappointment

The Board of Directors, based on the recommendation of the Nomination and Assessment Committee may appoint and reappoint members of the SSC. The appointment or reappointment of the SSC members shall be subject to BNM's written approval. The SSC members shall be persons of recognised reputation, character and integrity. The Bank upon discovery of any breaches of corporate governance, reserves the right to disqualify any member of the SSC as laid out in the SGF upon obtaining BNM's approval.

### 3.6 SSC Member Performance

The SSC members are subject to an evaluation of their performance as to whether they deliver and support a sound Shariah governance system within the Bank. The terms of appointment of the SSC members provides that this evaluation shall be completed 90 days prior to the expiry of their term of service. The evaluation includes the SSC peer evaluation and evaluation by internal resources.

Selain itu, Bank bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut berhubung dengan Pematuhan Syariah:

- (a) Mematuhi semua keputusan SSC dan menetapkan keperluan Syariah bagi semua produk, perkhidmatan, dokumentasi perundangan dan aktivitiinya;
- (b) Bank hendaklah akur dan patuh kepada keputusan SSC dan tidak mengambil mudah pelaksanaan keputusan. Amalan mengambil mudah pelaksanaan keputusan boleh menjejaskan kebebasan ahli SSC dan merosakkan integriti dan kredibiliti Bank khususnya, serta industri perbankan Islam secara amnya; dan
- (c) Meskipun SSC bertanggungjawab membuat dan menyuarakan keputusan tentang tahap pematuhan Syariah Bank, namun tanggungjawab pematuhan terletak pada pihak Pengurusan Bank.

### 3.5 Pelantikan dan Pelantikan Semula

Berdasarkan cadangan Jawatankuasa Penamaan dan Penilaian, Lembaga Pengarah boleh melantik dan melantik semula ahli SSC. Pelantikan dan pelantikan semula ahli SSC tertakluk kepada kelulusan bertulis BNM. Ahli SSC hendaklah merupakan individu yang mempunyai reputasi, sahsiah dan integriti yang tinggi. Jika Bank mengetahui berlakunya apa-apa pelanggaran tadbir urus korporat, Bank mempunyai hak untuk menyingkirkan mana-mana ahli SSC seperti yang dinyatakan dalam SGF setelah mendapat kelulusan BNM.

### 3.6 Prestasi Ahli SSC

Ahli SSC adalah tertakluk kepada penilaian prestasi mereka, iaitu sama ada mereka melaksanakan dan menyokong sistem tadbir urus Syariah yang utuh di Bank. Syarat pelantikan ahli SSC memperuntukkan bahawa penilaian ini hendaklah disempurnakan 90 hari sebelum tamat tempoh perkhidmatan seseorang ahli. Penilaian tersebut termasuklah penilaian oleh rakan ahli dalam SSC dan penilaian oleh sumber dalaman.

#### 4.0 RISK MANAGEMENT

The Bank's mission with respect to risk management is to advance its risk management capabilities, culture and practices so as to be in line with internationally accepted standards and practices.

In that regard, the objectives of managing risk are to:

- Inculcate a risk-awareness culture throughout the Bank;
- Establish a standard approach and methodology in managing credit, market, liquidity, operational and business risks across the Bank;
- Balance risk appetite and return;
- Establish clear functional structures including objectives, roles and responsibilities;
- Implement and further enhance a risk management information system that meets international standards on confidentiality, integrity and its availability;
- Develop and use tools, such as economic capital, value at risk, scoring models and stress testing to support the measurement of risks and enhance risk-based decisions;
- Ensure that business strategy and targets are in line with risk policies and overall risk appetite;
- Ensure that the Bank's capital can support current and planned business needs in terms of risk exposures, even during periods of stress.

The Bank recognises the fact that the essence of banking and financial services is centered on risk taking. The Bank therefore:

- Recognises that it has to manage risks to effectively do its business;
- Reach an optimum level of risk-return in order to maximise stakeholders' value; and
- Ensure effective and integrated risk management processes that are in tandem with the size and complexity of the current and future operations of the Bank within its risk appetite and tolerance.

The Bank has established a Risk Appetite Framework that forms an integral part of the Bank's strategy and business plans. Risk appetite is an expression of the maximum level of risk that the Bank is prepared to accept in support of a stated strategy, impacting all business from a credit, market and operational risk viewpoint.

#### 4.0 PENGURUSAN RISIKO

Misi Bank berhubung pengurusan risiko adalah untuk memajukan keupayaan, budaya dan amalan pengurusan risikonya agar sejajar dengan piawaian dan amalan yang diterima pada peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, objektif pengurusan risiko adalah untuk:

- Memupuk budaya kesedaran risiko di seluruh Bank;
- Mewujudkan pendekatan dan kaedah piawaian dalam risiko pengurusan kredit, pasaran, kecairan, operasi dan perniagaan di seluruh Bank;
- Mengimbangi tanggungan risiko dan pulangan;
- Menetapkan struktur yang berfungsi secara jelas termasuk objektif, peranan dan tanggungjawab;
- Melaksanakan dan menambah baik lagi sistem maklumat pengurusan risiko yang memenuhi piawaian antarabangsa berkenaan kerahsiaan, integriti dan ketersediaannya;
- Membangunkan dan menggunakan kaedah seperti modal ekonomi, nilai berisiko, model markah dan ujian tekanan bagi menyokong pengukuran risiko dan menambah baik keputusan berdasarkan risiko;
- Memastikan strategi dan sasaran perniagaan sejajar dengan polisi risiko dan keseluruhan tanggungan risiko;
- Memastikan modal Bank mampu menyokong keperluan perniagaan semasa dan yang dirancang dari segi pendedahan risiko, walaupun semasa dihimpit tekanan.

Bank mengiktiraf bahawa inti pati perkhidmatan perbankan dan kewangan bertumpu kepada pengambilan risiko. Oleh itu, Bank:

- Mengiktiraf bahawa Bank perlu menguruskan risiko bagi menjalankan perniagaannya dengan berkesan;
- Mencapai tahap pulangan risiko yang optimum bagi memaksimumkan nilai pihak berkepentingan; dan
- Memastikan proses pengurusan risiko yang berkesan dan disepadukan seiring dengan saiz dan kerumitan operasi semasa dan masa depan Bank di bawah tanggungan dan toleransi risikonya.

Bank telah mewujudkan Rangka Kerja Tanggungan Risiko yang membentuk sebahagian penting pelan strategi dan perniagaan Bank. Tanggungan risiko ialah ungkapan bagi tahap risiko maksimum yang boleh diterima oleh Bank sebagai sokongan kepada strategi yang dinyatakan, dan memberi kesan kepada semua perniagaan dari aspek risiko kredit, pasaran dan operasi.

#### 4.1 Risk Culture

Risk culture is the most important determinant of risk management effectiveness. Culture, as defined by the Institute of International Finance, is “the norms and traditions of individuals and of groups within an organisation that determine the way in which they identify, understand, discuss and act upon the risks the organisation confronts and the risk it takes.”

As it is impossible for management to know everything it needs to know, the establishment of effective formal and informal channels for information sharing is essential. Hence, the Bank is continuously striving to deliberately create an environment that encourages frank and open dialogues about risks at every level of the organisation. In particular, the Bank encourages its employees to question, challenge and/or escalate any issue that needs senior management's attention and if the issue is deemed too sensitive for whatever reason, the Bank's effective whistle blowing procedures provide an additional route for escalating concerns.

A strong risk culture can only be nurtured through appropriate leadership, communication, processes and infrastructure. As such, the culture at Bank Islam is driven by the top through committed leadership by setting the right tone and ensuring that appropriate behaviour is rewarded. The appropriate infrastructure of processes and controls as well as strong enforcement methods further ensure that the risk culture is increasingly inculcated into the Bank's DNA.

Specific initiatives undertaken to reinforce a risk aware culture are amongst others:

- Educational programmes, starting from the Bank's induction course for all new staff to regular training conducted by risk management, legal, compliance and internal audit staff;
- Financing origination to specific target customers/groups only and strict risk based underwriting standards; and
- Implementation of risk based Key Performance Indicators and remuneration systems.

#### 4.2 Risk Management Governance Structure

The Bank has realigned its risk organisational responsibilities with the objective of ensuring a common view of risks across the Bank. As a matter of good business practice and prudence, the Bank's core risk management functions, which report to the Board Risk Committee (“BRC”), are independent and clearly segregated from the business divisions and centralized at head office.

#### 4.1 Budaya Risiko

Budaya risiko merupakan penentu terpenting bagi keberkesanan pengurusan risiko. Seperti yang ditakrifkan oleh Institut Kewangan Antarabangsa, budaya ialah “norma dan tradisi setiap individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi yang menentukan cara mereka mengenal pasti, memahami, membincangkan dan mengambil tindakan ke atas risiko yang dihadapi oleh organisasi tersebut serta risiko yang diambilnya.”

Memandangkan pihak pengurusan tidak mungkin mengetahui semua perkara yang perlu diketahui, pembentukan saluran perkongsian maklumat rasmi dan tidak rasmi yang berkesan adalah penting. Justeru itu, Bank terus berusaha membina suatu persekitaran yang menggalakkan dialog secara telus dan terbuka tentang risiko pada setiap peringkat organisasi. Secara khususnya, Bank menggalakkan kakitangannya untuk mempersoalkan, mencabar dan/atau membangkitkan apa-apa isu yang memerlukan perhatian daripada pihak pengurusan kanan. Jika isu tersebut dianggap terlalu sensitif bagi apa jua sebab, prosedur pemberian maklumat Bank yang berkesan menyediakan satu saluran tambahan untuk menyuarakan isu tersebut.

Budaya risiko yang mantap hanya boleh dipupuk melalui kepimpinan, komunikasi, proses dan infrastruktur yang sewajarnya. Oleh itu, budaya di Bank Islam didorong oleh pihak atasan menerusi kepimpinan padu dengan menentukan rentak yang betul serta memastikan bahawa tingkah laku yang wajar diberikan ganjaran. Infrastruktur yang sewajarnya bagi proses dan kawalan serta kaedah penguatkuasaan yang kukuh memastikan bahawa budaya risiko terus diterapkan sehingga ke akar umbi Bank.

Antara inisiatif khusus yang dilaksanakan bagi menerapkan budaya kesedaran risiko adalah:


- Program pendidikan, bermula daripada kursus induksi bagi semua kakitangan baharu dan latihan berkala yang dijalankan oleh kakitangan pengurusan risiko, perundangan, pematuhan dan audit dalaman;
- Pembiayaan disasarkan kepada pelanggan/kumpulan tertentu sahaja berdasarkan piawaian penajaan jamin berasaskan risiko yang ketat; dan
- Pelaksanaan sistem Penunjuk Prestasi Utama berasaskan risiko dan sistem imbuhan.

#### 4.2 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Bank telah menajarkan semula tanggungjawab organisasinya yang berkaitan risiko dengan matlamat memastikan terdapat pandangan yang sama terhadap risiko di seluruh Bank. Sebagai amalan perniagaan yang baik dan cermat, fungsi pengurusan risiko utama Bank yang melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko (“BRC”) adalah bebas dan diasingkan dengan jelas daripada bahagian perniagaan dan berpusat di ibu pejabat.

The following illustrates the Bank's governance structure:

Ilustrasi berikut menggambarkan struktur tadbir urus Bank:



\* Capital Management Committee is part of the Management Committee

\* Jawatankuasa Pengurusan Modal merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Pengurusan

The ultimate responsibility for understanding all risks taken by the Bank and ensuring that they are properly managed lies with the Board of Directors. The Board approves all risk policies and the Bank's overall risk appetite. Assisting the Board in discharging its role is the Board Risk Committee ("BRC"), responsible for effective oversight of the Bank's risk management function. BRC is chaired by a non-executive independent director.

At senior management level, the Bank has established the Management Risk Control Committee ("MRCC"), which focuses on the execution and implementation of directives by the Board and the BRC and the effective management of the risk issues. The three (3) MRCC sub-committees are:

- (a) Operational Risk Control Committee ("ORCC"), which focuses on the deliberation of key operational risk issues;
- (b) Recovery Management Committee ("RMC"), focusing on financings turned Impaired and the appropriate recovery strategies; and
- (c) Product Development Committee ("PDC") focusing on reviewing all existing and new products or services to ensure that all risks associated with them are appropriately identified, assessed, and mitigated prior to launching. The Bank's Product Development Guideline is in line with BNM's Guidelines on Product Transparency and Disclosure, placing great emphasis on the importance of safeguarding consumer interests through, among others, promoting consumer awareness and understanding of Islamic banking products and services leading to informed decision making.

The Bank has instituted several financing approval committees, Financing Committee A ("FCA"), Financing Committee B ("FCB"), Regional Financing Committee ("RFC") and Underwriting & Investment Committee ("UIC"), which assess and approve credits or investment proposals within their respective approval authority levels. Financings or investments that are above the specified limit are reviewed by the BFRC.

#### 4.3 Credit Risk

Credit risk arises from all transactions that could lead to actual, contingent or potential claims against any party, borrower or obligor. The types of credit risks that the Bank considers to be material include: Default Risk, Settlement Risk, Credit Concentration Risk, Residual/Credit Mitigation Risk, and Migration Risk.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab mutlak untuk memahami kesemua risiko yang diambil oleh Bank dan memastikan risiko berkenaan diuruskan dengan betul. Lembaga Pengarah meluluskan semua dasar risiko dan keseluruhan penanggungungan risiko Bank. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko ("BRC") membantu Lembaga Pengarah melaksanakan peranannya. BRC bertanggungjawab membuat pemantauan yang berkesan terhadap fungsi pengurusan risiko Bank. BRC dipengerusikan oleh pengarah bebas bukan eksekutif.

Pada peringkat pengurusan kanan, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Risiko Pengurusan ("MRCC") yang memberikan tumpuan kepada pelaksanaan arahan oleh Lembaga Pengarah dan BRC serta pengurusan isu risiko yang berkesan. Tiga (3) jawatankuasa kecil MRCC ialah:

- (a) Jawatankuasa Kawalan Risiko Operasi ("ORCC") yang memberikan tumpuan kepada pertimbangan isu utama risiko operasi;
- (b) Jawatankuasa Pengurusan Pemulihan Semula ("RMC") yang memberikan tumpuan kepada pembiayaan yang menjadi terjejas dan strategi pemulihan yang sesuai; dan
- (c) Jawatankuasa Pembangunan Produk ("PDC") yang memberikan tumpuan kepada penyemakan semua produk atau perkhidmatan sedia ada dan baharu bagi memastikan semua risiko yang berkaitan dengannya telah dikenal pasti, dinilai dan ditangani dengan sewajarnya sebelum dilancarkan. Garis Panduan Pembangunan Produk Bank adalah sejajar dengan Garis Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk BNM, dengan penekanan utama ke atas penjagaan kepentingan pengguna, antara lainnya melalui penggalakan kesedaran dan pemahaman pengguna tentang produk dan perkhidmatan perbankan Islam serta membuat keputusan yang bijak.

Bank telah menubuhkan beberapa jawatankuasa pelulusan pembiayaan, Jawatankuasa Pembiayaan A ("FCA"), Jawatankuasa Pembiayaan B ("FCB"), Jawatankuasa Pembiayaan Wilayah ("RFC") dan Jawatankuasa Penajaan Jamin & Pelaburan ("UIC") yang menilai dan meluluskan cadangan kredit atau pelaburan dalam lingkungan had kuasa kelulusan mereka. Pembiayaan atau pelaburan yang melebihi had yang ditetapkan harus disemak oleh BFRC.

#### 4.3 Risiko Kredit

Risiko kredit berpunca daripada semua urusan niaga yang boleh membawa kepada tuntutan sebenar, luar jangka atau berpotensi terhadap mana-mana pihak, peminjam atau penanggung obligasi (pihak yang mengurus niaga dengan Bank). Jenis risiko kredit yang dianggap penting oleh Bank termasuk: Risiko Mungkir, Risiko Penyelesaian, Risiko Penumpuan Kredit, Risiko Pengurangan Baki/Kredit dan Risiko Migrasi.

### Credit Risk Governance

The management of credit risk is principally carried out by using sets of policies and guidelines approved by the BRC, guided by the Board of Directors' approved Risk Appetite Statement.

The MRCC is responsible under the authority delegated by the BRC for managing credit risk at strategic level. The MRCC reviews the Bank's credit risk frameworks and guidelines, aligns credit risk management with business strategies and planning, reviews credit profile of the credit portfolios and recommends necessary actions to ensure that the credit risk remains within established risk tolerance levels.

The Bank's credit risk management governance includes the establishment of comprehensive credit risk policies, guidelines and procedures which documents the Bank's financing standards, discretionary powers for financing approval, credit risk ratings methodologies and models, acceptable collaterals and valuation, and the review, rehabilitation and restructuring of problematic and delinquent financing.

### Management of Credit Risk

The management of credit risk is being performed by two distinct departments within the Risk Management Division ("RMD"), i.e. Credit Analysis and Credit Risk Management and three departments outside of the RMD domain, namely, Credit Administration, Credit Recovery and Credit Monitoring Unit of Internal Audit. The combined objectives are, amongst others:

- To build a high quality credit portfolio in line with the Bank's overall strategy and risk appetite;
- To ensure that the Bank is compensated for the risk taken, balancing/optimising the risk /return relationship;
- To develop an increasing ability to recognise, measure and avoid or mitigate potential credit risk problem areas;
- To conform with statutory, regulatory and internal credit requirements.

The Bank monitors its credit exposures either on a portfolio basis or individual basis through annual reviews. Credit risk is proactively monitored through a set of early warning signals that could trigger immediate reviews of (a certain part of) the portfolio. The affected portfolio or financing is placed on a watch list to enforce close monitoring and prevent financing from turning impaired and to increase chances of full recovery.

### Tadbir Urus Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit pada dasarnya dilaksanakan menggunakan polisi dan garis panduan yang diluluskan oleh BRC dan berpandukan Penyataan Tanggungan Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

MRCC bertanggungjawab di bawah bidang kuasa yang diberikan oleh BRC untuk menguruskan risiko kredit pada peringkat strategik. MRCC menyemak rangka kerja dan garis panduan risiko kredit Bank, menjajarkan pengurusan risiko kredit dengan strategi dan pelan perniagaan, menyemak profil kredit bagi portfolio kredit serta mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan risiko kredit kekal pada tahap toleransi risiko yang ditetapkan.

Tadbir urus pengurusan risiko kredit Bank termasuk pewujudan polisi, garis panduan dan prosedur risiko kredit yang menyeluruh dan mendokumenkan piawaian pembiayaan Bank, hak budi bicara untuk meluluskan pembiayaan, kaedah dan model penarafan risiko kredit, cagaran dan penilaian yang dapat diterima, serta semakan, pemulihan dan penstrukturan semula pembiayaan yang bermasalah dan perlu dibayar.

### Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan oleh dua jabatan berlainan dalam Bahagian Pengurusan Risiko ("RMD"), iaitu Analisis Kredit dan Pengurusan Risiko Kredit serta tiga jabatan di luar domain RMD iaitu Pentadbiran Kredit, Pemulihan Kredit dan Unit Pemantauan Kredit Audit Dalaman. Gabungan objektifnya, antara lain:

- Mewujudkan portfolio kredit yang berkualiti tinggi selaras dengan keseluruhan strategi dan tanggungan risiko Bank;
- Memastikan Bank diberi pampasan bagi risiko yang diambil, pengembangan/pengoptimuman hubungan risiko/pulangan;
- Membangunkan keupayaan yang semakin meningkat untuk mengenal pasti, mengukur dan mengelakkan atau mengurangkan bahagian yang berpotensi risiko kredit;
- Mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan keperluan dalaman kredit

Bank memantau pendedahan kreditnya sama ada berdasarkan portfolio atau berdasarkan individu melalui semakan tahunan. Risiko kredit dipantau secara proaktif melalui beberapa amaran awal yang mendorong semakan segera (bagi bahagian tertentu) portfolio. Portfolio atau pembiayaan yang terjejas diletakkan di bawah senarai pengawasan bagi pemantauan rapi dan mencegah pembiayaan tersebut daripada menjadi terjejas atau untuk meningkatkan peluang pemulihan semula sepenuhnya.

A comprehensive limit structure is in place to ensure that risks taken are within the risk appetite as set by the Board and to avoid credit risk contagion to a single customer, sector, product, Shariah contract, etc.

Credit risk arising from dealing and investing activities are managed by the establishment of limits which includes counter parties limits and permissible acquisition of private entities' instruments, subject to a specified minimum rating threshold. Furthermore, the dealing and investing activities are monitored by an independent middle office unit.

#### Capital Treatment for Credit Risk

The Bank adopts the Standardised Approach to compute the credit risk capital requirement under BNM's Capital Adequacy Framework for Islamic Banks ("CAFIB").

#### 4.4 Market Risk

All the Bank's businesses are subject to the risk that market prices and rates will move, resulting in profit or losses to the Bank. Furthermore, significant or sudden movements in rates could affect the Bank's liquidity/funding position. The Bank is exposed to the following main market/liquidity risk factors:

- **Rate of Return or Profit Rate Risk:** the potential impact on the Bank's profitability caused by changes in the market rate of return, either due to general market movements or due to issuer/borrower specific causes;
- **Foreign Exchange Risk:** the impact of exchange rate movements on the Bank's currency positions;
- **Equity Investment Risk:** the profitability impact on the Bank's equity positions or investments caused by changes in equity prices or values;
- **Commodity Inventory Risk:** the risk of loss due to movements in commodity prices;
- **Liquidity Risk:** the potential inability of the Bank to meet its funding requirements at a reasonable cost (funding liquidity risk) or its inability to liquidate positions quickly at a reasonable price (market liquidity risk);
- **Displaced Commercial Risk:** the risk arising from assets managed by the Bank on behalf of depositors/investors as the Bank follows the practice of potentially foregoing part or all of its Mudarib share of profit on these assets;

The objective of the Bank's market risk management is to manage and control market risk exposures in order to optimise return on risk while maintaining a market risk profile consistent with the Bank's approved risk appetite.

Struktur had yang komprehensif telah diwujudkan bagi memastikan risiko yang diambil adalah dalam had tanggungan risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bagi membendung penumpuan risiko kredit kepada hanya satu pengguna, sektor, produk, kontrak Syariah dan sebagainya.

Risiko kredit yang timbul akibat aktiviti urus niaga dan pelaburan diuruskan melalui penetapan had yang termasuk had pihak yang berurus niaga dengan Bank dan pemerolehan instrumen entiti swasta yang dibenarkan, tertakluk kepada tahap penarafan minimum yang dikhususkan. Tambahan lagi, aktiviti urus niaga dan pelaburan dipantau oleh unit yang bebas ("middle office").

#### Pengolahan Modal bagi Risiko Kredit

Bank mengguna pakai Pendekatan Berpiawai untuk mengira keperluan modal risiko kredit menurut Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM bagi Bank-bank Islam ("CAFIB").

#### 4.4 Risiko Pasaran

Kesemua perniagaan Bank tertakluk kepada risiko pergerakan harga dan kadar pasaran yang menyebabkan untung atau rugi kepada Bank. Lebih-lebih lagi, perubahan kadar yang ketara atau secara tiba-tiba boleh menjejaskan kedudukan kecairan/dana Bank. Bank terdedah kepada faktor risiko pasaran/kecairan utama seperti yang berikut:

- **Kadar Pulangan atau Risiko Kadar Keuntungan:** Perubahan kadar pulangan pasaran, sama ada disebabkan pergerakan am pasaran atau atas sebab khusus pengeluar/peminjam berpotensi memberi kesan ke atas keuntungan Bank;
- **Risiko Pertukaran Mata Wang Asing:** kesan pergerakan kadar tukaran ke atas kedudukan mata wang Bank;
- **Risiko Pelaburan Ekuiti:** kesan keuntungan ke atas kedudukan ekuiti atau pelaburan Bank yang disebabkan oleh perubahan harga atau nilai ekuiti;
- **Risiko Inventori Komoditi:** risiko kerugian yang disebabkan pergerakan harga komoditi;
- **Risiko Kecairan:** Potensi ketidakupayaan Bank untuk memenuhi keperluan pembiayaannya pada kos yang munasabah (risiko kecairan pembiayaan) atau ketidakupayaan membubarkan kedudukannya dengan segera pada harga yang munasabah (risiko kecairan pasaran).
- **Risiko Komersil Teranjak:** risiko yang timbul daripada aset yang diuruskan oleh Bank bagi pihak pendeposit/pelabur kerana Bank mematuhi amalan kemungkinan mengetepikan sebahagian atau semua bahagian keuntungan Mudarib ke atas aset tersebut.

Objektif pengurusan risiko pasaran Bank adalah untuk menguruskan dan mengawal pendedahan risiko pasaran bagi mengoptimalkan pulangan atas risiko dan pada masa yang sama mengekalkan profil risiko pasaran yang konsisten dengan tanggungan risiko Bank yang diluluskan.

The Bank separates exposures to market risk into either trading or non-trading portfolios. Trading portfolios include those positions arising from market making, proprietary position taking and other marked-to-market positions so designated as per the approved Trading Book Policy Statement. Non-trading portfolios primarily arise from the re-pricing mismatches of the Bank's customer driven assets and liabilities and from the Bank's investment of its surplus funds.

#### Market Risk Governance

The management of market risk is principally carried out by using risk limits approved by the BRC, guided by the Risk Appetite Statement approved by the Board of Directors.

The Asset and Liability Management Committee ("ALCO") is responsible under the authority delegated by the BRC for managing market risk at strategic level.

#### The Management of Market Risk

All market risk exposures are managed by Treasury. The aim is to ensure that all market risks are consolidated at Treasury, which has the necessary skills, tools, management and governance to manage such risks professionally. Limits are set for portfolios, products and risk types, with market liquidity and credit quality being the principal factors in determining the level of limits set.

Market Risk Management Department ("MRMD") is the independent risk control function and is responsible for ensuring efficient implementation of market risk management policies. MRMD is also responsible for developing the Bank's market risk management guidelines, measurement techniques, behavioral assumptions and limit setting methodologies. Any excesses against the prescribed limits are reported immediately to the Senior Management. Strict escalation procedures are well documented and approved by the BRC. In addition, the market risk exposures and limits are regularly reported to the ALCO and BRC.

Other controls to ensure market risk exposures remain within tolerable levels include stress testing, rigorous new product approval procedures and a list of permissible instruments than can be traded. Stress test results are produced monthly to determine the impact of changes in profit rates, foreign exchange rates and other risk factors on the Bank's profitability, capital adequacy and liquidity. The stress test provides the Management and the BRC with an assessment of the financial impact of identified extreme events on the market risk exposures of the Bank.

#### Capital Treatment for Market Risk

The Bank adopts the Standardized Approach to compute the market risk capital requirement under BNM's Capital Adequacy Framework for Islamic Banks ("CAFIB").

Bank membahagikan pendedahan kepada risiko pasaran kepada portfolio urus niaga atau portfolio bukan niaga. Portfolio urus niaga termasuk kedudukan yang wujud akibat pewujudan pasaran, pengambilan kedudukan proprietari dan kedudukan pasaran-ke-pasaran lain yang direka mengikut Penyataan Polisi Buku Urus Niaga yang diluluskan. Portfolio bukan niaga pada dasarnya wujud akibat ketidaksesuaian antara harga aset dan liabiliti yang dipacu oleh pelanggan Bank dengan pelaburan yang dibuat oleh Bank ke atas lebihan dananya.

#### Tadbir Urus Risiko Pasaran

Pengurusan risiko pasaran pada dasarnya dilaksanakan menggunakan had risiko yang diluluskan oleh BRC berpandukan Penyataan Tanggungan Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti ("ALCO") bertanggungjawab di bawah kuasa yang diberikan oleh BRC untuk menguruskan risiko pasaran pada peringkat strategik.

#### Pengurusan Risiko Pasaran

Kesemua pendedahan kepada risiko pasaran diuruskan oleh Perbendaharaan. Tujuannya adalah untuk memastikan kesemua risiko pasaran digabungkan di bawah Perbendaharaan yang mempunyai kemahiran, kaedah, pengurusan dan tadbir urus yang sewajarnya untuk menguruskan risiko tersebut secara profesional. Had ditetapkan bagi portfolio, produk dan jenis risiko di mana kecairan pasaran dan kualiti kredit menjadi faktor utama dalam menentukan had yang ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko Pasaran ("MRMD") ialah fungsi kawalan risiko bebas dan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan dasar pengurusan risiko pasaran yang cekap. MRMD juga bertanggungjawab mewujudkan garis panduan pengurusan risiko pasaran, teknik penilaian, andaian kelakuan dan kaedah penetapan had Bank. Apa-apa perbelanjaan melebihi had yang ditetapkan dilaporkan dengan segera kepada Pengurusan Kanan. Prosedur laporan didokumenkan secara komprehensif dan diluluskan oleh BRC. Sebagai tambahan, pendedahan dan had risiko pasaran dilaporkan kepada ALCO dan BRC secara berkala.

Kawalan lain bagi memastikan pendedahan risiko pasaran kekal di bawah tahap toleransi termasuk ujian tekanan, prosedur kelulusan produk baharu yang ketat serta senarai instrumen yang dibenarkan untuk diperdagangkan. Keputusan ujian tekanan dikeluarkan setiap bulan bagi menentukan kesan perubahan kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing dan faktor risiko lain kepada keuntungan, kecukupan modal dan kecairan Bank. Ujian tekanan menyediakan penilaian kesan kewangan bagi peristiwa ekstrem yang dikenal pasti terhadap pendedahan risiko pasaran Bank.

#### Pengolahan Modal bagi Risiko Pasaran

Bank mengguna pakai Pendekatan Berpiawaian untuk mengira keperluan modal risiko pasaran menurut Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM untuk Bank-bank Islam ("CAFIB").

## 4.5 Operational Risk

Operational Risk (“OR”) is defined as the “risk of loss arising from inadequate or failed internal processes, people and systems and external events, which includes legal risk and shariah compliance risk but excludes strategic and reputational risk”.

### Management of Operational Risk

Bank Islam recognizes the utmost importance of operational risk management (“ORM”) and manages this risk through a control-based environment where processes are documented, authorisation is independent, transactions are reconciled and monitored and business activities are carried out within the established OR policies, guidelines, procedures and limits.

The Bank’s overall governance approach in managing OR is premised on the Three Lines of Defence Approach:

- (a) **1<sup>st</sup> line of defence** – the risk owner or risk taking unit i.e. Business or Support Unit is accountable for putting in place a robust control environment within their respective units. They are responsible for day to day management of OR. To reinforce accountability and ownership of risk and control, a Designated Operational Risk Coordinator for each risk taking unit is appointed to assist in driving the risk and control program for the Bank.
- (b) **2<sup>nd</sup> line of defence** – The Operational Risk Management Department (“ORMD”) is responsible for establishing and maintaining the ORM framework, developing various ORM tools to facilitate the management of OR, monitoring the effectiveness of ORM, assessing OR issues from the risk owner and escalating OR issues to the relevant governance level with recommendations on appropriate risk mitigation strategies. In creating a strong risk culture, ORMD is also responsible to promote risk awareness across the Bank.

The Bank’s Compliance Department complements the role of ORM as the second line of defence by ensuring effective oversight on compliance-related risks such as regulatory compliance risk, compliance risk as well as money laundering and terrorism financing risks through proper classification of risks and developing, reviewing and enhancing compliance-related training programs as well as conducting training through ongoing awareness creation.
- (c) **3<sup>rd</sup> line of defence** – Internal Audit provides independent assurance to the Board and senior management on the effectiveness of the ORM process.

## 4.5 Risiko Operasi

Risiko Operasi (“OR”) ditakrifkan sebagai “risiko kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses, pekerja dan sistem dalaman serta peristiwa luaran, yang merangkumi risiko perundangan dan risiko pematuhan Syariah tetapi tidak termasuk risiko strategi dan reputasi”.

### Pengurusan Risiko Operasi

Bank Islam mengiktiraf kepentingan pengurusan risiko operasi (“ORM”) dan menguruskan risiko ini melalui persekitaran yang berasaskan kawalan di mana proses tersebut didokumentasikan, pemberian kuasa yang bebas, transaksi diselaraskan dan dipantau serta aktiviti perniagaan dijalankan mengikut polisi, garis panduan, prosedur dan had OR yang ditetapkan.

Pendekatan tadbir urus Bank dalam menguruskan OR adalah berdasarkan Pendekatan Tiga Peringkat Pertahanan:

- (a) **Pertahanan Peringkat Pertama** – pemilik risiko atau unit pengambilan risiko iaitu Unit Peniagaan atau Sokongan bertanggungjawab untuk meletakkan kawalan persekitaran yang mantap dalam unit masing-masing. Mereka bertanggungjawab ke atas pengurusan harian OR. Bagi mengukuhkan akauntabiliti serta pemilihan risiko dan kawalan, Penyelaras Risiko Operasi yang ditetapkan bagi setiap unit pengambilan risiko dilantik untuk membantu memacu program risiko dan kawalan bagi Bank.
- (b) **Pertahanan Peringkat Kedua** – Jabatan Pengurusan Risiko Operasi (“ORMD”) bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan rangka kerja ORM, membangunkan pelbagai kaedah ORM bagi memudahkan pengurusan OR, memantau keberkesanan ORM, menilai isu OR daripada pemilik risiko dan isu OR yang semakin meningkat ke tahap tadbir urus yang berkaitan bersama cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai. Dalam mewujudkan budaya risiko yang kukuh, ORMD juga bertanggungjawab meningkatkan kesedaran risiko di seluruh Bank.

Jabatan Pematuhan Bank melengkapi peranan ORM sebagai peringkat kedua dengan memastikan pemantauan yang berkesan terhadap risiko yang berkaitan pematuhan seperti risiko pematuhan kawal selia, risiko pematuhan serta risiko pengubahan wang haram dan risiko pembiayaan keganasan melalui klasifikasi risiko yang wajar serta membangunkan, mengkaji semula dan meningkatkan program latihan yang berkaitan dengan pematuhan serta menjalankan latihan untuk mewujudkan kesedaran yang berterusan.
- (c) **Pertahanan Peringkat Ketiga** – Audit Dalaman memberikan jaminan yang bebas kepada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan tentang keberkesanan proses ORM.

### Operational Risk Management Framework

The Bank's ORM is guided by the ORM framework designed to provide a sound and well-controlled operational environment within the Bank. The framework sets out the Bank's approach to identifying, assessing, monitoring and mitigating OR and it focuses on the four causal factors of OR i.e. internal processes, people, systems and external events. While external events are not necessarily controllable, Bank Islam will at its best mitigate the impact from such events through various mitigation programs.

### Operational Risk Management Tools & Mitigation Strategies

In line with best practices in managing and mitigating OR, Bank Islam employs various proactive & reactive tools across the Bank, namely:

### Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi

ORM Bank dipandu oleh Rangka Kerja ORM yang direka untuk menyediakan persekitaran operasi yang kukuh dan terkawal di dalam Bank. Rangka kerja ini menetapkan pendekatan Bank dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurangkan OR. Rangka kerja ini memberikan tumpuan kepada empat (4) faktor penyebab OR iaitu proses, pekerja dan sistem dalaman serta peristiwa luaran. Walaupun peristiwa luaran tidak semestinya dapat dikawal, Bank Islam akan berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kesan daripada peristiwa tersebut melalui pelbagai program pengurangan.

### Kaedah Pengurusan Risiko Operasi & Strategi Pengurangan

Sejajar dengan amalan terbaik dalam pengurusan dan pengurangan OR, Bank Islam menggunakan pelbagai kaedah proaktif dan reaktif di seluruh Bank, iaitu:

PROACTIVE TOOLS KAEDAH PROAKTIF			REACTIVE TOOLS KAEDAH REAKTIF
KEY RISK INDICATOR PENUNJUK RISIKO UTAMA	RISK CONTROL SELF ASSESSMENT PENILAIAN KENDIRI KAWALAN RISIKO	PROCESS RISK MAPPING PEMETAAN PROSES RISIKO	RISK LOSS EVENT MANAGEMENT & REPORTING PENGURUSAN DAN PELAPORAN PERISTIWA KERUGIAN AKIBAT RISIKO
<ul style="list-style-type: none"> <li>A forward looking tool to identify potential risks and to enable counter measures and risk mitigation actions before an incident occurs (early warning system); Kaedah memandang ke hadapan untuk mengenal pasti potensi risiko dan untuk membolehkan langkah pencegahan dan tindakan pengurangan risiko diambil sebelum sesuatu insiden berlaku (sistem amaran awal);</li> <li>To assist management to focus on high-risk issues. Membantu pengurusan untuk memberikan tumpuan kepada isu yang berisiko tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>To identify and assess operational risks by Risk Owners; Pemilik Risiko untuk mengenal pasti dan menilai risiko operasi;</li> <li>The tool creates ownership &amp; increases operational risk awareness. Kaedah ini mewujudkan pemilikan dan meningkatkan kesedaran terhadap risiko operasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>End to end review of critical banking activities to identify potential risks and ensure appropriate controls are in place and are effective. Semakan yang lengkap dari hujung ke hujung ke atas aktiviti perbankan penting untuk mengenal pasti potensi risiko dan memastikan kawalan yang sewajarnya telah diterapkan dan berkesan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Centralized bankwide loss database which provides line of business loss reporting overview, tracks frequency of events and facilitates detailed reviews of the incident and its impact. Pangkalan data berpusat yang menunjukkan maklumat tentang kesemua kerugian di Bank Islam memberi gambaran tentang kerugian yang dilaporkan, mengesan kekerapan peristiwa dan memudahkan semakan terperinci terhadap sesuatu insiden dan kesannya.</li> </ul>

In addition, a comprehensive Business Continuity Management (“BCM”) function has been established within Bank Islam to ensure that in the event of material disruptions from internal or external events, critical business functions can be maintained or restored in a timely manner. This ensures minimal adverse impact on customers, staff and products and services. BCM constitutes an essential component of the Bank’s risk management process by providing a controlled response to potential events that could have a significant impact on the Bank’s critical processes and revenue streams.

As part of the risk transfer strategy, the Bank obtains 3rd party takaful coverage to cover for the Bank’s high impact loss events.

The Bank also ensures that the bankwide OR awareness program is conducted on an ongoing basis. This training program includes emphasis on inculcating an OR culture among staff, effective implementation of ORM tools, Basel II, fraud awareness, BCM and other aspects of ORM.

#### Capital Treatment for Operational Risk

Operational Risk capital charge is calculated using the BIA as per BNM CAFIB Guideline. The BIA for operational risk capital charge calculation applies an alpha (15%) to the average of positive gross income that was achieved over the previous three years by the Group. The RWA amount is computed by multiplying the minimum capital required with a multiplier of 12.5 (reciprocal of 8%).

#### 4.6 Shariah Compliance

Shariah compliance considerations are taken into account in all Islamic banks’ activities. From Bank Islam’s perspective, Shariah Compliance Risk (“SCR”) refers to risks arising from Bank Islam’s failure to comply with Shariah rules and principles determined by the Shariah regulatory councils i.e. SAC of BNM, SAC of Securities Commission and SSC of Bank Islam.

In managing SCR, clear responsibilities are assigned to various functions, which are responsible for developing strategies to identify, assess, monitor and control/mitigate SCR, and designing and implementing the SCR Management (“SCRM”), its methodology and reporting system in the Bank. These include Board of Directors (including BRC), MRCC, SCRCC, Shariah Department (“SD”), Shariah audit function of Internal Audit Division (“IAD”) as well as line managers and all staff of Bank Islam. The above is guided by a SCRM Policy and the policy is supplemented by several Shariah guidelines and Shariah Compliance Manual.

Selain itu, fungsi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (“BCM”) yang komprehensif telah diwujudkan di Bank Islam bagi memastikan jika berlaku gangguan yang besar daripada peristiwa dalaman atau luaran, fungsi perniagaan yang kritikal dapat diteruskan atau dipulihkan dengan segera. Ini dapat meminimumkan kesan buruk ke atas pelanggan, kakitangan serta produk dan perkhidmatan. BCM merupakan komponen penting proses pengurusan risiko Bank dengan menyediakan maklum balas terkawal terhadap peristiwa yang mungkin berlaku yang berpotensi memberikan kesan yang besar terhadap proses penting dan aliran pendapatan Bank.

Sebagai sebahagian daripada strategi pemindahan risiko, Bank mendapat perlindungan takaful pihak ke-3 untuk melindungi Bank daripada kesan buruk akibat peristiwa kerugian.

Bank juga memastikan bahawa program kesedaran OR di seluruh Bank dijalankan secara berterusan. Program latihan ini termasuk penekanan terhadap penerapan budaya OR dalam kalangan kakitangan, pelaksanaan kaedah ORM, Basel II, kesedaran penipuan, BCM dan aspek ORM lain yang berkesan.

#### Pengolahan Modal bagi Risiko Operasi

Caj modal Risiko Operasi dikira menggunakan Pendekatan Penunjuk Asas (“BIA”) seperti Garis Panduan CAFIB oleh BNM. BIA bagi pengiraan caj modal risiko operasi menggunakan alfa (15%) ke atas purata pendapatan kasar positif yang dicapai oleh Kumpulan sepanjang tiga tahun sebelumnya. Amaun Aset Berwajaran Risiko (“RWA”) dikira dengan mendarab modal minimum yang diperlukan dengan pengganda 12.5 (penimbal sebanyak 8%).

#### 4.6 Pematuhan Syariah

Pertimbangan pematuhan Syariah diambil kira dalam semua aktiviti perbankan Islam. Risiko Pematuhan Syariah (“SCR”) dari perspektif Bank Islam, merujuk kepada risiko akibat kegagalan Bank Islam mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah, iaitu SAC BNM, SAC Suruhanjaya Sekuriti dan SSC Bank Islam.

Dalam pengurusan SCR, pelbagai fungsi dalam Bank dipertanggungjawabkan untuk menyediakan strategi bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal/mengurangkan SCR, serta membentuk dan melaksanakan Pengurusan SCR (“SCRM”), kaedah dan sistem pelaporannya dalam Bank. Tanggungjawab tersebut antaranya dipikul oleh Lembaga Pengarah (termasuk BRC), MRCC, SCRCC, Jabatan Syariah (“SD”), fungsi audit Syariah Bahagian Audit Dalaman (“IAD”) serta pengurus jabatan dan semua kakitangan Bank Islam. Kesemua ini adalah berpandukan polisi SCRM yang disokong oleh beberapa garis panduan Syariah dan Manual Pematuhan Syariah.

As part of Bank Islam's efforts to improve the oversight on the SCRMM at the Board level, the Bank has implemented "cross attendance" in the BRC and SSC meetings whereby two of the SSC members attend the BRC meeting and vice versa. At management level, Bank Islam has established the SCRCC, which deliberates all Shariah non-compliances tracked by the SD and its rectification plans and recommends acceptable standards of internal control and appropriate mechanism(s) to ensure effective and efficient Shariah compliance risk management across the Bank.

SD supports the SSC in providing day-to-day Shariah advice to the business and support units based on the decisions of the Shariah regulatory councils, as well as to work independently of the business and support units in facilitating the process of identifying, measuring, controlling and monitoring SCRs inherent in the Bank's operations and activities. The department also participates in conducting Shariah assessment, audit and other activities together with other relevant business and risk management units, financing committees and IAD.

#### 4.7 Capital Management

The Bank's primary objective when managing capital is to maintain a strong capital position to support business growth and to maintain investor, depositor, customer and market confidence. In line with this, the Bank manages its capital actively and ensures that the capital adequacy ratios which take into account the risk profile are comfortably above the regulatory minimum requirement.

To ensure that the Bank has sufficient capital to support all its business and risk taking activities, the Bank has implemented sound capital management processes in its management systems and processes. A comprehensive capital management framework has been adopted as a key enabler for value creation which is important to the long term survival. This comprehensive capital management process includes thorough risk assessment and risk management techniques that are embedded as part of the risk governance within the Bank.

The assessment is based on the approved business plan, its estimation of current risks inherent in the Bank and the impact of capital stress tests on the capital plan. The Bank aims to achieve the following capital management objectives:

- Ensure that it is adequately capitalised beyond the minimum regulatory capital requirements under Pillar 1 at all times;
- Maintain an optimal capital structure that takes into consideration both regulatory and shareholder interests;
- Promote efficient use of capital, through the internal allocation methodology across the Bank; and
- Link and achieve alignment of the business strategy, risk appetite, risk, capital and return dimensions

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank Islam untuk meningkatkan pemantauan ke atas SCRMM pada peringkat Lembaga Pengarah, Bank telah melaksanakan "kehadiran bersilang" di mana dua ahli SSC akan menghadiri mesyuarat BRC dan pada masa yang sama dua ahli BRC akan menghadiri mesyuarat SSC. Pada peringkat pengurusan, Bank Islam telah menubuhkan SCRCC yang membincangkan semua isu ketidakpatuhan Syariah yang dipantau oleh SD dan langkah pembetulannya dan apa-apa piawaian kawalan dalaman yang dicadangkan dan mekanisme yang sesuai bagi memastikan pengurusan risiko pematuhan Syariah yang cekap dan berkesan di seluruh Bank.

SD membantu SSC dalam memberi khidmat nasihat harian kepada unit perniagaan dan unit sokongan berasaskan keputusan majlis kawal selia Syariah, serta melakukannya secara sendiri dalam memudahkan proses mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau SCR dalam aktiviti dan operasi Bank. Jabatan ini turut membuat penilaian Syariah, audit dan aktiviti lain bersama dengan unit perniagaan lain yang berkaitan dan unit Pengurusan risiko, jawatankuasa pembiayaan dan IAD.

#### 4.7 Pengurusan Modal

Objektif utama Bank dalam menguruskan modal adalah untuk mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan mengekalkan keyakinan pelabur, pendeposit, pelanggan dan pasaran. Sejalan dengan ini, Bank menguruskan modalnya secara aktif dan memastikan nisbah kecukupan modal yang mengambil kira risiko profil berada pada tahap selesa melebihi keperluan minimum kawal selia.

Bagi memastikan Bank mempunyai modal yang mencukupi bagi menyokong semua perniagaan dan aktiviti berisikonya, Bank telah melaksanakan proses pengurusan modal yang ketat dalam sistem dan proses pengurusannya. Rangka kerja pengurusan modal yang komprehensif telah diguna pakai sebagai pendorong utama pembentukan nilai yang penting bagi penakatan jangka panjang. Proses pengurusan modal yang komprehensif ini termasuk teknik penilaian dan pengurusan risiko yang menyeluruh yang digabungkan sebagai sebahagian daripada tadbir urus risiko di Bank.

Penilaian adalah berdasarkan pelan perniagaan yang diluluskan, anggaran risiko semasa yang terdapat di dalam Bank dan kesan ujian tekanan modal terhadap pelan modal. Bank berhasrat untuk mencapai objektif pengurusan modal yang berikut:

- Memastikan Bank mempunyai modal yang mencukupi yang melebihi keperluan modal kawal selia minimum di bawah Tunggak 1 pada setiap masa;
- Mengekalkan struktur modal optimum yang mengambil kira kepentingan kawal selia dan pemegang saham;
- Menggalakkan penggunaan modal yang efisien melalui kaedah peruntukan dalaman di seluruh Bank; dan
- Menghubungkan dan mencapai penajajaran strategi perniagaan, tanggungan risiko, dimensi risiko, modal dan pulangan.

#### 4.8 Internal Capital Adequacy Assessment Process

A comprehensive capital management, also known as Internal Capital Adequacy Assessment Process (“ICAAP”), has been adopted by the Bank in 2012 as a key enabler for a value creation and the long term sustainability of the Bank. This comprehensive capital management process includes thorough risk assessment and risk management embedded within the risk governance structure of the Bank.

The Bank’s ICAAP helps to suggest the minimum internal capital requirement for its current and future business strategies and financial plans for the next 5 years via a comprehensive risk assessment process on its portfolio risk exposures, its risk management practices towards its material risks and potential capital planning buffer required in the event of stress. The Bank’s ICAAP is conducted on a consolidated basis covering all Bank Islam’s legal entities as suggested by BNM Pillar 2 guideline.

#### 4.9 Stress testing

The Risk Management Division undertakes periodical stress tests across its entire portfolio of credit, market, asset and liability and operational risks in order to ensure that the Bank remains viable, even under highly severe, i.e. unlikely but plausible stress conditions. At least once every quarter, BRC will deliberate on the potential economic and other stress events that could materialise over the next 1 to 3 years, such as a double-dip recession, a severe housing crash or a sudden inflation spike. Risk management will then assess the potential impact of such events at various levels of severity and discuss the outcome with senior management and BRC. Over and above these scenario-based stress tests, the Bank has also implemented the Financial Sector Assessment Program (“FSAP”) Stress Test as prescribed by the IMF/Worldbank, leveraging on its internal methodology.

### 5.0 INTERNAL AUDIT FUNCTION

Bank Islam’s IAD undertakes the audit of entities within Bank Islam and subsidiaries of the Bank based on an annual Audit Plan approved by the AEC. The Audit Plan which adopts a risk-based audit methodology, covers the review of adequacy of risk management systems and operational controls, compliance with laws and regulations, quality of assets and management effectiveness. The internal audits assess the effectiveness of the risk management systems, highlight control and process weaknesses and makes appropriate recommendations for improvement to Management.

Its authority is provided in the Audit Charter, which formally documents the roles, authority, duties and responsibilities of IAD and its relationship with the Board, AEC, Management, external auditors and regulators.

#### 4.8 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam

Pengurusan modal yang komprehensif, juga dikenali sebagai Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (“ICAAP”), telah diguna pakai oleh Bank pada 2012 sebagai pendorong utama pembentukan nilai dan kemampunan jangka panjang Bank. Proses pengurusan modal yang komprehensif ini termasuk penilaian dan pengurusan risiko yang menyeluruh yang digabungkan ke dalam struktur tadbir urus risiko di Bank.

ICAAP Bank membantu dalam menentukan keperluan modal dalam minimum bagi strategi perniagaan dan pelan kewangan semasa dan masa depan Bank bagi tempoh 5 tahun yang akan datang melalui proses penilaian risiko yang menyeluruh terhadap pendedahan risiko portfolio, amalan pengurusan risiko terhadap risiko penting serta penampakan perancangan modal yang mungkin bagi Bank yang diperlukan bagi senario tekanan. ICAAP Bank dijalankan secara gabungan meliputi kesemua entiti perundangan Bank Islam seperti yang dicadangkan di bawah garispanduan Tunggak 2 BNM.

#### 4.9 Ujian Tekanan

Bahagian Pengurusan Risiko menjalankan ujian tekanan berkala ke atas kesemua portfolio risiko kredit, pasaran, aset dan liabiliti serta operasi bagi memastikan Bank kekal berdaya maju, walaupun dalam keadaan tekanan yang tinggi, iaitu keadaan yang tidak mungkin berlaku tetapi munasabah. Sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun, BRC akan membincangkan senario ekonomi dan senario tekanan lain yang mungkin berlaku dalam jangka masa 1 hingga 3 tahun akan datang, seperti kegawatan ekonomi berganda, kejatuhan pasaran hartanah yang teruk dan kenaikan inflasi yang mendadak. Pengurusan risiko kemudiannya akan menilai kesan yang mungkin berlaku akibat senario tersebut mengikut tahap keterukan dan membincangkan keputusannya dengan pihak pengurusan kanan serta BRC. Selain daripada ujian tekanan berasaskan senario ini, Bank juga melaksanakan Ujian Tekanan Program Penilaian Sektor Kewangan (“FSAP”) seperti yang ditetapkan oleh IMF/Worldbank dengan memanfaatkan metodologinya.

### 5.0 FUNGSI AUDIT DALAMAN

IAD Bank Islam melaksanakan pengauditan ke atas entiti dalam Bank Islam dan subsidiarinya berdasarkan Pelan Audit tahunan yang diluluskan oleh AEC. Pelan Audit tersebut yang mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko ke atas pengauditan, meliputi semakan kecukupan sistem pengurusan risiko dan kawalan operasi, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan, kualiti aset dan keberkesanan pengurusan. Audit dalaman menilai keberkesanan sistem pengurusan risiko, menekankan kelemahan kawalan dan proses serta membuat cadangan penambahbaikan yang sewajarnya kepada pihak Pengurusan.

Autoritinya dinyatakan dalam Piagam Audit, yang mendokumentasikan peranan, autoriti, tugas dan tanggungjawab IAD serta hubungannya dengan Lembaga Pengarah, AEC, pihak Pengurusan, juruaudit luar dan pengawal selia.

The IAD is committed to enhancing the audit processes through providing advisory services, upgrading staff competencies and conducting audits in accordance with professional best practices. Overall, IAD is instrumental in facilitating a sound internal control environment and promoting a compliant culture within the Bank and its subsidiaries.

## 6.0 ACCOUNTABILITY AND AUDIT

### 6.1 Financial Reporting

The Board takes responsibility for presenting a balanced and comprehensive assessment of Bank Islam's operations and prospects each time it releases its quarterly and annual financial statements to its shareholders. The Board ensures financial statements are properly drawn up in accordance with the provision of the Companies Act 1965, approved accounting standards in Malaysia, BNM Guidelines and Shariah requirements. The Board is assisted by the AEC in scrutinising information to be disclosed to ensure accuracy, adequacy, completeness and transparency.

### 6.2 Statement on Internal Control

The Board recognises the importance of maintaining a sound system of internal controls and risk management practices as well as good corporate governance. The Board exercises overall responsibility in identifying, evaluating and reviewing the adequacy and integrity of Bank Islam's internal controls and its effectiveness. The Board recognises that risks cannot be eliminated completely. As such, systems and processes have been put in place to provide reasonable and not absolute assurance of effectiveness against material misstatement of financial information or against any losses and fraud.

The Board is of the view that the internal control framework that has been instituted throughout Bank Islam is sufficient to safeguard the shareholders' investment, customers' interest and Bank Islam's assets. Nevertheless, reviews are continuously carried out to ensure effectiveness of the system.

BRC was established to further strengthen Bank Islam's risk management process, where it meets regularly with the objective of assisting the Board in managing Bank Islam's range of inter-related risks in an integrated manner.

The key processes that the Board has established in reviewing the integrity of the system of internal controls are as follows:

- (a) The management of Bank Islam is delegated to the Managing Director, whose role and responsibilities, and authority limits are set by the Board. The appointment of the Managing Director requires the approval of the Board;

IAD komited untuk mempertingkatkan proses audit dengan memberikan khidmat nasihat, menaik taraf kecekapan kakitangan dan melaksanakan proses audit sejajar dengan amalan terbaik profesional. Secara keseluruhan, IAD memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran kawalan dalaman yang mantap serta menggalakkan budaya pematuhan dalam Bank dan subsidiarinya.

## 6.0 AKAUNTABILITI DAN AUDIT

### 6.1 Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan komprehensif tentang operasi dan prospek Bank Islam kepada pemegang sahamnya setiap kali penyata kewangan suku tahunan dan tahunan diumumkan. Lembaga Pengarah memastikan penyata kewangan disediakan dengan betul mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965, piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia, Garis Panduan BNM dan keperluan Syariah. Lembaga Pengarah dibantu oleh AEC untuk meneliti maklumat yang akan dizahirkan bagi memastikan maklumat berkenaan tepat, cukup, lengkap dan telus.

### 6.2 Pernyataan tentang Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan mengekalkan sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang mantap serta tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengenal pasti, menilai dan menyemak kecukupan dan integriti kawalan dalaman Bank Islam serta keberkesanannya. Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya. Justeru itu, beberapa sistem dan proses telah disediakan bagi memberikan jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak ke atas keberkesanannya dalam mencegah berlakunya kesilapan yang besar tentang maklumat kewangan atau apa-apa kerugian dan penipuan.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja kawalan dalaman yang digunakan di seluruh Bank Islam adalah mencukupi untuk melindungi pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Bank Islam. Walaubagaimanapun, semakan dijalankan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem tersebut.

BRC ditubuhkan bagi memperkukuhkan lagi proses pengurusan risiko Bank Islam, dan mesyuaratnya diadakan dari semasa ke semasa bagi membantu Lembaga Pengarah menguruskan pelbagai risiko Bank Islam yang saling berkait secara bersepadu.

Proses penting yang telah diwujudkan oleh Lembaga Pengarah bagi menyemak integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti yang berikut:-

- (a) Pengurusan Bank Islam diserahkan kepada Pengarah Urusan, dan peranan, tanggungjawab serta had kuasanya ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pelantikan Pengarah Urusan memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah;

- (b) Specific responsibilities have been delegated to the relevant Board Committees, based on their respective terms of reference. These Committees have the authority to examine all matters within their scope of responsibility and submit their recommendations to the Board. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the entire Board;
- (c) Delegation of authority, including limits at various levels of management and those requiring the Board's approval, are documented and designed to ensure proper accountability and responsibility;
- (d) Policies and procedure manuals for key processes are documented and regularly reviewed and updated for application across Bank Islam;
- (e) AEC regularly reviews reports on the adequacy and integrity of Bank Islam's internal control systems and management information system including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines as identified by the internal auditors, the external auditors and regulatory authorities. It also reviews the adequacy and comprehensiveness of the internal audit process, scope of audits, competency of the auditors and independence of the Internal Audit function;
- (f) Bank Islam's annual business plan and budget are submitted to the Board for approval. In addition, variances between actual and targeted results are also presented on a monthly basis. This allow for timely responses and corrective actions to be taken to mitigate risks;
- (g) The Internal Audit function reports to the AEC, performs regular reviews of the processes to assess their effectiveness and highlights any significant risks affecting Bank Islam. The AEC reviews the internal auditors scope of work and resources annually, via the Audit Plan and budget submitted;
- (h) AEC regularly reviews and holds discussions with Management on actions taken to address lapses in internal controls and issues identified in reports prepared by the internal auditors, external auditors and regulatory authorities; and
- (i) BRC regularly reviews risk profiles based on a range of key risk indicators, as well as other risk assessment tools.

### 6.3 Relationship with External Auditors

Bank Islam, through the AEC, has established an appropriate and transparent relationship with the external auditors, where they meet at least once a year without the presence of Management.

- (b) Tanggungjawab khusus telah diagihkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan, berdasarkan terma rujukan masing-masing. Semua Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa semua perkara dalam skop tanggungjawab mereka dan mengemukakan saranan mereka kepada Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah bertanggungjawab mutlak untuk membuat keputusan akhir;
- (c) Pengagihan kuasa, termasuk had pada pelbagai peringkat pengurusan serta yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, didokumentasikan dan dibentuk bagi memastikan akauntabiliti dan tanggungjawab yang sewajarnya;
- (d) Manual polisi dan prosedur untuk proses utama didokumentasikan dan disemak serta dikemas kini secara berkala untuk diaplikasikan di seluruh Bank Islam;
- (e) AEC menyemak secara berkala laporan tentang kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Bank Islam, termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, arahan, perintah dan garis panduan terpakai seperti yang dikenal pasti oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak berkuasa kawal selia. AEC juga menjalankan semakan ke atas kecukupan dan keberkesanan proses audit dalaman, skop audit, kecekapan juruaudit dan kebebasan fungsi Audit Dalaman;
- (f) Pelan perniagaan dan belanjawan tahunan Bank Islam diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Selain itu, perbezaan antara keputusan sebenar dan sasaran juga dibentangkan setiap bulan. Ini membolehkan maklum balas segera dan tindakan pembetulan diambil bagi mengurangkan risiko;
- (g) Audit Dalaman melaporkan kepada AEC, menjalankan semakan berkala ke atas proses-proses bagi menilai keberkesanannya serta melaporkan apa-apa risiko penting yang memberi kesan kepada Bank Islam. AEC menyemak skop kerja dan sumber juruaudit dalaman setiap tahun menerusi Pelan Audit dan belanjawan yang diserahkan;
- (h) AEC menyemak dan mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan secara berkala tentang tindakan yang diambil bagi menangani kelemahan kawalan dalaman dan isu yang dikenal pasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak berkuasa kawal selia; dan
- (i) BRC menyemak profil risiko secara berkala menggunakan beberapa penunjuk risiko utama serta kaedah penilaian risiko yang lain.

### 6.3 Hubungan dengan Juruaudit Luar

Bank Islam, melalui AEC, telah mewujudkan hubungan yang wajar dan telus dengan juruaudit luar. Mereka bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

# Ethics, Integrity & Trust

## Etika, Integriti & Amanah

BANK ISLAM CONTINUES ITS EFFORTS TO MAINTAIN ITS GOOD STANDING AS AN ISLAMIC BANK THAT INTERLACES ETHICS, INTEGRITY AND TRUST IN EVERY FACET OF ITS BUSINESSES AND OPERATIONS. MAINTAINING PUBLIC'S CONFIDENCE AND TRUST TO SUSTAIN CREDIBILITY AND MINIMISE RISK OF UNETHICAL OR DISINGENUOUS CONDUCT BY THE BANK'S EMPLOYEES AND CUSTOMERS REMAINS AS ONE OF THE THE BANK'S PARAMOUNT FOCUS.

BANK ISLAM TERUS BERUSAHA MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA YANG BAIK SEBAGAI SEBUAH BANK ISLAM YANG MENJALINKAN ETIKA, INTEGRITI DAN AMANAH DALAM SETIAP ASPEK PERNIAGAAN DAN OPERASINYA. BANK TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH BAGI MEMASTIKAN KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN ORANG RAMAI TERPELIHARA DEMI MENGEKALKAN KREDIBILITI DAN MEMINIMUMKAN RISIKO DISEBABKAN AMALAN TIDAK BERETIKA ATAU KETIDAKJUJURAN OLEH KAKITANGAN DAN PELANGGAN BANK.

In advancing through the challenging and competitive business environment, the Bank leverages on the foundation of the greatness of Islamic conduct that values principles of integrity, honesty and responsibility. We meet customers' needs and realised their expectations through these principles which created trust and confidence.

The codes and policies which are issued to all employees represent the essential assurance in building a culture of trust and integrity. Amongst such codes are the Whistle-Blowing Procedure and the Anti-Money Laundering Policy.

### WHISTLE-BLOWING PROCEDURE

The Whistle-Blowing Procedure is established to provide an avenue for immediate reporting and/or disclosing any wrong doings, malpractices or irregularities, committed by employees and/or external parties against the Bank's interest, which includes the following:

- Breach of policies and procedures;
- Fraud, embezzlement, corruption or dishonesty;
- Actions which could cause physical danger to another person or give rise to a risk of damage to properties/assets;
- Forgery or alteration of any documents belonging to the Bank, customers, another financial institution, or agents of the Bank;
- Profiteering as a result of insider knowledge;
- Misuse of position;
- Breach of Bank Negara Malaysia Guideline BNM/GP7;
- Any other similar or related irregularities; and
- Any other wrongdoings as may be determined by Board Risk Committee to be included in the scope of this procedure, from time to time.

Dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang mencabar dan penuh saingan, Bank memanfaatkan asas kesyumuluan perlakuan Islam yang menghargai prinsip integriti, kejujuran dan tanggungjawab. Kami memenuhi keperluan pelanggan dan merealisasikan harapan mereka melalui prinsip ini yang mewujudkan kepercayaan dan keyakinan.

Kod dan dasar yang dikeluarkan kepada semua kakitangan merupakan jaminan penting dalam membina budaya beramanah dan berintegriti. Antara kod dan dasar tersebut ialah Prosedur Pemberian Maklumat dan Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

### PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT

Prosedur Pemberian Maklumat diwujudkan untuk menyediakan saluran bagi melaporkan dan/atau mendedahkan dengan segera apa-apa perbuatan salah laku, penyelewengan atau pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh kakitangan dan/atau pihak luar terhadap kepentingan Bank, termasuk yang berikut:

- Pelanggaran dasar dan prosedur;
- Penipuan, penggelapan wang, rasuah atau ketidakjujuran;
- Tindakan yang boleh menyebabkan bahaya fizikal kepada orang lain atau menimbulkan risiko kerosakan pada harta benda/aset;
- Pemalsuan atau pemindaan apa-apa dokumen milik Bank, pelanggan, institusi kewangan lain atau ejen Bank;
- Pengautan keuntungan hasil daripada maklumat orang dalam;
- Penyalahgunaan kedudukan;
- Pelanggaran Garis Panduan Bank Negara Malaysia BNM/GP7;
- Apa-apa tindakan luar aturan lain yang serupa atau yang berkaitan; dan
- Apa-apa perbuatan salah laku lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk dimasukkan dalam prosedur ini dari semasa ke semasa.

## ANTI-MONEY LAUNDERING POLICY

Bank Islam will conduct its business in conformity with high ethical standards and will adhere to all Shariah laws and regulations pertaining to financial institutions. While it is accepted that the Bank may not always be able to determine whether a transaction originates from, or is part of, any unlawful activities, the Bank will conduct its business in compliance with the following general principles:

- Comply with applicable anti-money laundering and terrorist financing laws and regulations as established by Bank Negara Malaysia;
- Maintain a system of internal control and establish procedure to ensure ongoing Anti Money Laundering/Counter Financing of Terrorism (“AML/CFT”) compliance and prompt actions;
- Appoint Designated Compliance Officers (“DCOs”) who are responsible to implement AML/CFT procedures and measures;
- Develop compliance programme to ensure awareness on AML/CFT procedures and requirements and monitoring of AML/CFT measures;
- Establish customer due diligence for all customers including implementation of KYC Policy and enhanced due diligence for customers and transactions presenting higher risk;
- Establish and maintain appropriate procedures to monitor customer accounts and activities for evidence of suspicious transactions that may be indicative of money laundering activities;
- Retain identification and transactional documentation as defined in the legislation;
- Report to relevant authority in a timely and comprehensive manner on all identified suspicious activities where there are reasonable grounds to suspect that a money laundering offence has been or is being committed; and
- Cooperate fully with law enforcement and regulatory authorities on AML/CFT issues.

## CORPORATE INTEGRITY PLEDGE

Bank Islam took the lead as the first Islamic bank to sign the Corporate Integrity Pledge on 20 March 2012. With the signing, the Bank is making a unilateral declaration that it will not commit corrupt acts, will work toward creating a business environment that is free from corruption and will uphold the Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia in the conduct of its business and in its interactions with its business partners and the Government.

The pledge signifies the Bank’s commitment to promote integrity, transparency and good governance in all aspects of its operations. A toll-free Integrity Hotline (1800-22-0091) has been created where external and internal parties can report any corruption cases at Bank Islam.

## DASAR PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Bank Islam akan menjalankan perniagaannya selaras dengan piawaian etika yang tinggi dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan Syariah yang berkaitan dengan institusi kewangan. Walaupun telah sedia maklum bahawa Bank mungkin tidak sentiasa dapat menentukan sama ada sesuatu urusan niaga berasal daripada, atau merupakan sebahagian daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank akan mengendalikan perniagaannya berlandaskan prinsip am yang berikut:

- Mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan pencegahan perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan seperti yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia;
- Mengekalkan sistem kawalan dalaman dan mewujudkan prosedur bagi memastikan pematuhan berterusan dan pengambilan tindakan segera berkaitan Pencegahan Perubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (“AML/CFT”);
- Melantik Pegawai Pematuhan Khusus (“DCO”) yang bertanggungjawab melaksanakan prosedur dan langkah-langkah AML/CFT;
- Mewujudkan program pematuhan bagi memastikan kesedaran tentang prosedur dan keperluan AML/CFT serta bagi memantau langkah-langkah AML/CFT;
- Mewujudkan usaha wajar untuk semua pelanggan termasuk pelaksanaan Dasar KYC serta usaha wajar yang dipertingkatkan untuk para pelanggan dan urusan niaga yang mempunyai risiko lebih tinggi;
- Mewujud dan mengekalkan prosedur yang bersesuaian bagi memantau akaun dan aktiviti pelanggan untuk mendapatkan bukti urusan niaga meragukan yang mungkin menunjukkan aktiviti perubahan wang haram;
- Menyimpan dokumentasi pengenalan dan urusan niaga seperti yang ditetapkan dalam perundangan;
- Melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan secara menyeluruh dan tepat pada masanya tentang semua aktiviti meragukan yang dikenal pasti jika terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kesalahan perubahan wang haram telah atau sedang dilakukan; dan
- Memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak penguat kuasa undang-undang dan pihak berkuasa kawal selia tentang isu AML/CFT

## IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Bank Islam mendahului yang lain sebagai bank Islam pertama menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 20 Mac 2012. Dengan menandatangani ikrar tersebut, Bank membuat pengisytiharan sehalu bahawa Bank tidak akan melakukan rasuah, akan berusaha mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas rasuah serta mendukung Prinsip-prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat di Malaysia dalam mengendalikan perniagaannya dan dalam interaksi dengan rakan kongsi perniagaan dan pihak Kerajaan.

Ikrar ini menunjukkan komitmen Bank untuk menggalakkan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam semua aspek operasinya. Talian ‘Hotline’ Integriti bebas tol (1800-22-0091) telah diwujudkan dan pihak luar dan dalam boleh melaporkan apa-apa kes rasuah di Bank Islam.

## IKRAR INTEGRITI KORPORAT WARGA KERJA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD



Bahwasanya kami, seluruh warga kerja Bank Islam Malaysia Berhad berikrar;

- akan sentiasa mengamalkan budaya kerja berintegriti sejajar dengan prinsip-prinsip Syariah yang menjadi tunjang operasi perbankan kami.
- akan sentiasa memperkukuhkan tahap mekanisma kawalan dan integriti operasi perniagaan, melalui penerapan budaya kerja yang amanah, bersih serta telus.
- tidak akan, melakukan apa-apa kesalahan rasuah, atau penyelewengan, di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, atau Kanun Keseksaan;
- tidak akan menjalankan, sebarang amalan perniagaan, atau aktiviti yang menggalakkan, mana-mana pekerja atau ejen, untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;
- akan bersama-sama, dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, agensi kawal selia, dan agensi penguatkuasaan undang-undang, bagi mewujudkan, persekitaran perniagaan, yang bebas daripada rasuah;
- akan mendukung, Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat Di Malaysia, dalam menjalankan perniagaan, dan interaksi dengan pelanggan.
- akan bertindak tegas dan membuat laporan, terhadap mana-mana pihak, yang melakukan perbuatan, yang boleh menggugat integriti, serta menjatuhkan imej Bank.

# ADVANCING

## Growth, Expanding Networks

30 years of operation has seen us grown to become nation's leading Islamic banking institution. Our continuing expansion across the country and beyond has enhanced our relationships with customers in addition to providing them with exceptional customer experiences, and we will keep on reaching out and welcome a multitude of new customers within the region.

### **Mempercepat Pertumbuhan, Memperluas Rangkaian**

Sepanjang 30 tahun beroperasi, kami berkembang menjadi institusi perbankan Islam utama di negara ini. Usaha berterusan untuk memperluas operasi di seluruh negara dan di luar negara telah mengukuhkan hubungan kami dengan pelanggan selain memberi mereka pengalaman yang luar biasa, dan kami akan terus mendekati dan mengalu-alukan lebih ramai pelanggan baharu di rantau ini.





**In 2012, our branch count increased from 121 to 127 and the number of self-service terminals rose to 1,190 from 1,130.**

Pada 2012, jumlah cawangan kami meningkat daripada 121 kepada 127 dan bilangan terminal layan diri meningkat kepada 1,190 daripada 1,130.

# Economic Review

## Ulasan Ekonomi

GLOBAL ECONOMIC GROWTH MODERATED TO ALMOST 3% IN 2012 AMID A MORE CHALLENGING ENVIRONMENT COMPARED WITH 3.9% IN THE PREVIOUS YEAR. THE BURST OF OPTIMISM THAT WE OBSERVED IN THE EARLIER PART OF 2012 HAS PROVEN TO BE SHORT-LIVED SO FAR. UNEVEN GROWTH WAS SEEN IN THE ADVANCED ECONOMIES MAINLY ATTRIBUTED TO FRAGILE ECONOMIC RECOVERY IN THE US AND PROLONGED RECESSION IN THE EURO AREA. CONCERNS WERE ALSO DUE TO SIGNIFICANT GROWTH MODERATION IN BRIC COUNTRIES IN PARTICULAR BRAZIL, INDIA AND CHINA, JOINING AN INCREASING LIST OF ONCE RESILIENT EMERGING-MARKET ECONOMIC POWERHOUSES SUCCUMBING TO THE GLOBAL SLOWDOWN. ECONOMIC STAGNATION AND DECLINE ARE MOST PRONOUNCED IN THE HIGH-INCOME REGIONS. IN ASIA, ECONOMIC ACTIVITIES CONTINUED TO EXPAND AT A MODERATE PACE, MAINLY DUE TO SLOWER EXPORT GROWTH. UNDER THESE UNFAVOURABLE CIRCUMSTANCES, INTERNATIONAL TRADE WAS ADVERSELY IMPACTED, WHICH IN TURN AFFECTED DOMESTIC ECONOMIC ACTIVITY IN THE EMERGING ECONOMIES.

PADA TAHUN 2012, EKONOMI GLOBAL BERTUMBUH PADA KADAR SEDERHANA SEBANYAK 3% DALAM PERSEKITARAN YANG LEBIH MENCABAR BERBANDING 3.9% PADA TAHUN SEBELUMNYA. SIKAP OPTIMIS YANG KITA PERHATIKAN PADA AWAL 2012 TERBUKTI TIDAK KEKAL LAMA. PERTUMBUHAN YANG TIDAK SEIMBANG DILIHAT DALAM EKONOMI MAJU, TERUTAMANYA DISEBABKAN OLEH PEMULIHAN EKONOMI YANG TIDAK KUKUH DI AMERIKA SYARIKAT DAN KEMELESETAN YANG BERPANJANGAN DI EROPAH. KEBIMBANGAN JUGA DISEBABKAN OLEH PERTUMBUHAN SEDERHANA YANG KETARA DI NEGARA BRIC, TERUTAMANYA BRAZIL, INDIA DAN CHINA, YANG MENYERTAI SENARAI KUASA EKONOMI PASARAN BARU MUNCUL YANG DAHULUNYA KUKUH TETAPI KINI MENGALAMI KEJATUHAN AKIBAT KEMEROSOTAN EKONOMI GLOBAL. KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK BERKEMBANG DAN MEROSOT PALING KETARA DI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI. DI ASIA, AKTIVITI EKONOMI TERUS BERKEMBANG PADA KADAR SEDERHANA, TERUTAMANYA DISEBABKAN OLEH PERTUMBUHAN EKSPORT YANG LEBIH PERLAHAN. DALAM KEADAAN YANG TIDAK MENGGALAKKAN INI, PERDAGANGAN ANTARABANGSA TERJEJAS, SETERUSNYA MENJEJASKAN AKTIVITI EKONOMI DOMESTIK DALAM EKONOMI BARU MUNCUL.

Despite the challenging international economic environment, Malaysia's financial stability remained intact throughout 2012, which supported the continued growth of the Malaysian economy. The Malaysian economy recorded a strong growth of 5.6% in 2012, exceeding expectations. The performance was driven by higher growth in domestic demand, which outweighed the negative impact from the weak external environment. Domestic demand recorded the highest rate of expansion over the recent decade, underpinned by higher consumption and investment spending. Private investment was particularly robust, recording a double digit growth of 22% bringing its share to 15.5% of Gross Domestic Product ("GDP") in 2012, the highest since 1998. Despite the uncertainties in the external environment, domestic consumer confidence picked up amidst positive income growth, continued strength in the labour market, the low inflation environment and supportive financing conditions. The increasing income and generally stable employment prospect continued to support the debt servicing capacity of household. Early precautionary macro-prudential measures such as the introduction of Responsible Financing Guidelines by Bank Negara Malaysia ("BNM") to promote the resilience of households and the sustainability of property market had a positive effect. Sustainable private consumption and continuous pump priming fiscal policy through construction of mega infrastructure projects under the Government's Economic Transformation Programme ("ETP") would continue to stimulate economic growth and provide some buffer against external economic downturn. Managing the downside risks to growth amid moderating inflation was the monetary policy's focus in 2012.

The macro-prudential measures and fiscal policy implemented in 2012, amongst others, have proven to be effective. During the year, the unemployment rate declined marginally to 3%. Headline inflation, as measured by the annual percentage change in the Consumer Price Index ("CPI"), averaged 1.6% in 2012 (2011: 3.2%). Inflation was lower than expected, on account of the slower rate of price increases in the food and non-alcoholic beverages and transport categories. Core inflation, an indicator of demand-driven price pressures, moderated to 2.4% in 2012 (2011: 2.7%). Overall, confidence in the domestic financial system remained firmly intact.

The Malaysian financial system continued to demonstrate high degree of resilience underpinned by robust capital ratios, strong assets quality and flush with liquidity. Monetary policy continues to be supportive in providing a stable environment to promote growth. BNM kept the Overnight Policy Rate at 3% and Statutory Reserve Requirement at 4% throughout 2012. In the banking sector, competition remains intense leading to margin compression. Loan growth in the banking sector moderated to 10.4% during the year (2011: 13.6%), supported mainly by lending to business, with lending primarily supporting expansion of domestic-oriented industries (i.e. working capital requirements), commodity-related sector and the ETP-related projects. Liquidity in the banking system remained ample with loan to deposit ("LD") ratio and financing to deposit ratio standing at 82.1% and 89.2% respectively.

Meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi antarabangsa yang mencabar, kestabilan kewangan Malaysia kekal utuh sepanjang 2012, menyokong pertumbuhan berterusan ekonomi Malaysia. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh melebihi jangkaan sebanyak 5.6% pada tahun 2012. Prestasi tersebut didorong oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam permintaan domestik, mengatasi kesan negatif daripada persekitaran luar yang lemah. Permintaan domestik mencatatkan kadar peningkatan tertinggi sepanjang satu dekad yang lalu, disokong oleh penggunaan dan perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi. Pelaburan swasta, terutamanya, sangat teguh, mencatatkan pertumbuhan yang tertinggi sejak tahun 1998 iaitu 22% dan meningkatkan sumbangannya sebanyak 15.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar ("KDNK") pada tahun 2012. Walaupun terdapat ketidakpastian dalam persekitaran luar, keyakinan pengguna domestik meningkat di tengah-tengah peningkatan pendapatan yang positif, pasaran buruh yang terus kukuh, persekitaran inflasi yang rendah dan syarat pembiayaan yang menggalakkan. Pendapatan yang semakin meningkat dan prospek pekerjaan yang pada umumnya stabil terus menyokong keupayaan khidmat bayar balik hutang untuk isi rumah. Pengawasan awal langkah kehematan makro seperti pengenalan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk menggalakkan daya tahan isi rumah dan kemampuan pasaran harta tanah memberikan kesan yang positif. Penggunaan swasta yang mampan dan dasar fiskal *pump priming* yang berterusan menerusi pelaksanaan projek infrastruktur mega di bawah Program Transformasi Ekonomi Kerajaan ("ETP") akan terus merangsang pertumbuhan ekonomi dan menyediakan penampan terhadap kemerosotan ekonomi luar. Pengurusan risiko bagi pertumbuhan dalam keadaan inflasi yang menyederhana merupakan tumpuan dasar monetari pada tahun 2012.

Langkah kehematan makro dan dasar fiskal yang dilaksanakan pada tahun 2012, antara lain, terbukti berkesan. Pada tahun itu, kadar pengangguran menurun sedikit kepada 3%. Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna ("CPI"), mencatatkan purata 1.6% pada tahun 2012 (2011: 3.2%). Inflasi lebih rendah daripada yang dijangka, disebabkan kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol serta pengangkutan. Inflasi teras, yang merupakan penunjuk tekanan harga yang didorong permintaan, menurun kepada 2.4% pada tahun 2012 (2011: 2.7%). Pada keseluruhannya, keyakinan terhadap sistem kewangan domestik tetap utuh.

Sistem kewangan Malaysia terus memperlihatkan daya tahan yang tinggi, disokong oleh nisbah modal yang teguh, kualiti aset yang kukuh dan kecairan yang tinggi. Dasar monetari terus menyokong penyediaan persekitaran yang stabil bagi menggalakkan pertumbuhan. BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3% dan Keperluan Rizab Berkanun pada 4% sepanjang 2012. Dalam sektor perbankan, persaingan kekal sengit, membawa kepada pemampatan margin. Pertumbuhan pinjaman dalam sektor perbankan menurun kepada 10.4% pada tahun itu (2011: 13.6%), disokong terutamanya oleh pemberian pinjaman kepada perniagaan, pemberian pinjaman membantu pengembangan industri berorientasikan dalam negeri (iaitu keperluan modal kerja), sektor berkaitan komoditi dan projek berkaitan ETP. Kecairan dalam sistem perbankan kekal tinggi dengan nisbah pinjaman kepada deposit ("LD") dan nisbah pembiayaan kepada deposit masing-masing pada 82.1% dan 89.2%.

In the retail segment, various macro-prudential measures have been introduced to ensure household indebtedness is well-contained. The level of household debt stood at 80.5% of GDP. Demand for loans/financings by households, while still remaining relatively strong, showed signs of moderation. Growth of household borrowings abated slightly to 13% in 2012 from 13.4% in 2011, driven mainly by loans/financings for purchase of residential properties. The quality of assets remains healthy with low delinquencies for household financing and gross impaired loan ratio improved to 1.5%. Pace of personal financing continued to increase. Personal Financing as a share of household debt increased to 17% (2011: 16%). However, credit risk for personal financing remained low as impairment stood at 1.8% for banks. Overall, delinquency ratios for household financing continued to trend downward at 2.5% (2011: 2.6%). The low delinquency ratios for household loans were also supported by an efficient collection process in place.

As for Malaysian capital market, there was a steady progress as the market grew by 19% from RM2.1 trillion at end-2011 to RM2.5 trillion at end-2012. The size of bond market grew by approximately 20% or RM166 billion to RM1,011 billion in 2012 compared to RM845 billion in 2011. This was mainly attributed to net issuance of 52 billion in Government Securities (“MGS/GII”), RM47 billion in Bank Negara Monetary Notes and RM69 billion in private debt securities. Asset backed securities market contracted by RM2 billion during the year. The Islamic capital market grew by 22.6% to RM1.4 trillion as at end-2012, spurred by the strong performance of both Sukuk and equities. The Malaysian Sukuk market continues to dominate the global Sukuk market with total market share of 68% as at end-2012.

During the year, the framework for retail Sukuk was introduced to broaden the range of investment products available to retail investors. Stamp duty exemption was also announced in the Budget 2013 as an incentive to promote participation from individual investors thus widens the investor base. For Sukuk issuers, double deduction (for tax purposes) on additional expenses incurred for the issuance of retail Sukuk was also proposed. This is expected to enhance cost competitiveness for domestic and foreign issuers to raise capital in Malaysia.

In June 2012, the Securities Commission announced a revised screening methodology to determine the Shariah-compliant status of listed companies. Comprising two-tier quantitative approach, it entails existing business activity and new financial ratio benchmarks. In order to maintain or be qualified for Shariah-compliant status, listed companies now must observe its exposure to interest bearing instruments or financing. The revised methodology is aimed at incentivising listed companies to secure new financing facilities from Islamic banks or refinance its existing loan to Islamic financing facilities. This new requirement is expected to boost competitiveness in the Islamic finance industry.

Dalam segmen runcit, pelbagai langkah kehematan makro telah diperkenalkan untuk memastikan keterhutangan isi rumah berada pada tahap terkawal. Paras hutang isi rumah mencatatkan 80.5% daripada KDNK. Permintaan isi rumah untuk pinjaman/pembiayaan, walaupun masih agak tinggi, menunjukkan tanda-tanda penurunan. Pertumbuhan pinjaman isi rumah menurun sedikit kepada 13% pada tahun 2012 daripada 13.4% pada tahun 2011, didorong terutamanya oleh pinjaman/pembiayaan untuk pembelian harta kediaman. Kualiti aset tetap kukuh dengan delinkuensi yang rendah untuk pembiayaan isi rumah dan nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat kepada 1.5%. Kadar pembiayaan peribadi terus meningkat. Pembiayaan Peribadi sebagai sebahagian daripada hutang isi rumah meningkat kepada 17% (2011: 16%). Walau bagaimanapun, risiko kredit untuk pembiayaan peribadi kekal rendah dengan pinjaman terjejas berada pada tahap 1.8% untuk bank. Pada keseluruhannya, nisbah delinkuensi untuk pembiayaan isi rumah terus memperlihatkan trend menurun pada 2.5% (2011: 2.6%). Nisbah delinkuensi yang rendah untuk pinjaman isi rumah juga disokong oleh proses pungutan sedia ada yang cekap.

Bagi pasaran modal Malaysia pula, terdapat kemajuan berterusan apabila pasaran berkembang sebanyak 19% daripada RM2.1 trilion pada akhir 2011 kepada RM2.5 trilion pada akhir 2012. Saiz pasaran bon berkembang sebanyak kira-kira 20% atau RM166 bilion kepada kira-kira RM1,011 bilion pada tahun 2012 berbanding RM845 bilion pada tahun 2011. Ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih Sekuriti Kerajaan (“MGS/GII”) sebanyak RM52 bilion, Nota Monetari Bank Negara sebanyak RM47 bilion dan sekuriti hutang swasta sebanyak RM69 bilion. Pasaran sekuriti berasaskan aset menguncup sebanyak RM2 bilion pada tahun itu. Pasaran modal Islam berkembang sebanyak 22.6% kepada RM1.4 trilion setakat akhir 2012, didorong oleh prestasi kukuh Sukuk dan ekuiti. Pasaran Sukuk Malaysia terus menguasai pasaran Sukuk global dengan 68% bahagian pasaran setakat akhir 2012.

Pada tahun yang sama, rangka kerja untuk Sukuk runcit diperkenalkan bagi menambah jenis produk pelaburan yang disediakan kepada pelabur runcit. Pengecualian duti setem juga diumumkan dalam Bajet 2013 sebagai insentif untuk menggalakkan penglibatan setiap pelabur, dengan itu meluaskan pangkalan pelabur. Bagi pengeluar Sukuk, potongan dua kali (untuk tujuan cukai) ke atas perbelanjaan tambahan yang ditanggung untuk pengeluaran Sukuk runcit juga dicadangkan. Ini dijangka meningkatkan daya saing kos bagi pengeluar domestik dan asing untuk meningkatkan modal di Malaysia.

Pada Jun 2012, Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan metodologi penapisan yang disemak semula untuk menentukan status patuh Syariah syarikat tersenarai. Merangkumi pendekatan kuantitatif dua tingkat, ia melibatkan aktiviti perniagaan sedia ada dan tanda aras nisbah kewangan yang baharu. Bagi mengekalkan atau melayakkan syarikat mendapat status patuh Syariah, syarikat tersenarai kini mestilah mengawasi pendedahannya kepada instrumen atau pembiayaan berfaedah. Metodologi yang disemak semula itu bertujuan untuk memberikan insentif kepada syarikat tersenarai bagi mendapatkan kemudahan pembiayaan baharu dari bank Islam atau membiayai semula pinjaman sedia ada menerusi kemudahan pembiayaan Islam. Keperluan baharu ini dijangka menggalakkan daya saing dalam industri kewangan Islam.

Private Retirement Schemes (“PRS”), a voluntary retirement savings schemes structured by private sector fund providers, licensed and approved by the SC, was also launched in 2012. In a nutshell, PRS is intended to complement the Employee Provident Fund, which enables contributors to select fund managers or providers and the type of funds in which to channel their contributions. This will provide additional avenues for employees and self employed to save for their retirement. The PRS is also expected to encourage the development and offering of Shariah-compliant funds and promote product innovation for different contributor risk profiles or retirement goals.

2012 marked the passing of the new legislation, the Financial Services Act 2012 and the Islamic Financial Services Act 2012 (“IFSA”), which have been designed to provide a more cohesive regulatory framework for the financial sector. The enactment of the IFSA will further strengthen the foundation for development of Islamic finance.

The Malaysian economy is expected to continue on a steady growth trajectory of 5-6% in 2013 driven by domestic demand. The sources of growth are projected to come from strong private consumption and resurgence of private investment. Headline inflation is expected to average 2-3% in 2013 while unemployment rate is projected to remain low at 3.1%. Healthy labour market and moderate inflation will continue to spur private consumption. Monetary policy is expected to remain accommodative to support economic growth. The ongoing rollout of Entry Point Projects (“EPPs”) under the ETP will continue to underscore growth, particularly in construction sector. To date, of the RM212 billion worth of committed ETP projects, RM21 billion had commenced by end-September 2012. The balance is expected to flow through from 2013 onwards. The private investment would be likely driven by commodity sector especially oil and gas while public investments will likely be focusing on construction sector involving ETP projects. It is projected that the fiscal policy in 2013 will continue to focus on sustaining the growth momentum of domestic economy and facilitating the long-term transformation of the economy. The 2013 budget places emphasis on ensuring the efficient use of fiscal resources, achieving inclusive growth and strengthening fiscal management. This will further enhance investors’ confidence.

Skim Persaraan Swasta (“PRS”), iaitu skim simpanan persaraan sukarela yang distrukturkan oleh penyedia dana sektor swasta yang dilesenkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, juga dilancarkan pada tahun 2012. Secara ringkasnya, PRS berfungsi sebagai pelengkap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang membolehkan pencarum memilih pengurus atau penyedia dana dan jenis dana untuk menyalurkan caruman mereka. Ini akan menyediakan cara lain bagi pekerja dan individu yang bekerja sendiri menyimpan wang untuk persaraan mereka. PRS juga dijangka menggalakkan pembangunan dan penawaran dana patuh Syariah serta inovasi produk untuk profil risiko pencarum atau matlamat persaraan yang berbeza.

Tahun 2012 menyaksikan dua undang-undang baharu diluluskan, iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 (“IFSA”), yang bertujuan untuk menyediakan rangka kerja kawal selia yang lebih padu bagi sektor kewangan. Penggubalan IFSA akan mengukuhkan lagi asas untuk pembangunan kewangan Islam.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mengalami trajektori pertumbuhan sebanyak 5-6% pada tahun 2013, didorong oleh permintaan domestik. Penggunaan swasta yang tinggi dan kebangkitan semula pelaburan swasta merupakan sumber pertumbuhan yang diunjurkan. Inflasi keseluruhan dijangka mencatat purata 2-3% pada tahun 2013, sementara kadar pengangguran diunjurkan kekal pada paras rendah, iaitu 3.1%. Pasaran buruh yang kukuh dan inflasi sederhana akan terus mendorong penggunaan swasta. Dasar monetari dijangka terus mengalami penyesuaian untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Projek Titik Permulaan (“EPP”) yang sedang dilaksanakan di bawah ETP akan terus menekankan pertumbuhan, terutamanya dalam sektor pembinaan. Setakat ini, daripada semua projek ETP bernilai RM212 bilion yang dijanjikan, sejumlah projek bernilai RM21 bilion telah dimulakan menjelang akhir September 2012. Projek selebihnya dijangka akan dilaksanakan bermula dari 2013. Pelaburan swasta berkemungkinan akan dipacu oleh sektor komoditi, terutamanya minyak dan gas, sementara pelaburan awam berkemungkinan akan memberikan tumpuan kepada sektor pembinaan yang melibatkan projek ETP. Berdasarkan unjuran, dasar fiskal pada tahun 2013 akan terus memberikan tumpuan kepada usaha untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi domestik dan memudahkan transformasi jangka panjang ekonomi. Bajet 2013 memberikan penekanan kepada usaha untuk memastikan sumber fiskal digunakan dengan berkesan, mencapai pertumbuhan yang menyeluruh dan mengukuhkan pengurusan fiskal. Ini akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur.

The banking industry outlook remains favourable. Financing growth is expected to remain healthy supported by sustainable economic activity and structural reforms to turn the country into a high-income economy. Demand for business funding will continue to be underpinned by working capital needs and capital investment requirement of domestic-oriented businesses, especially those involved in ETP-related projects and commodity-related sector. Demand for the financing of residential properties is expected to remain robust, particularly due to various Government incentives to increase home ownership for low and mid-range residential properties. The development of infrastructure projects such as the Mass Rapid Transit or MRT will further improve accessibility for suburban areas, hence stimulating demand for houses. Sales of motor vehicles are expected to improve as there are plans to remove import duty for imported cars. Favourable employment prospects and sustained income growth will continue to support the demand for household financings.

Banks are expected to continue their sound underwriting discipline, embarking on risk-based pricing. Risk management practices will be further enhanced to ensure sustainable asset quality. Meanwhile, buoyant property market will be closely monitored. To improve risk profiling and monitoring, banks will likely review their existing retail credit scorecards to capture additional and more granular information on the borrowers. In line with the Responsible Financing Guidelines, banks will remain vigilant in ensuring effective credit risk management and remain focused on more robust assessment of affordability.

For 2013 barring any unforeseen circumstances, banks will likely be well-positioned to sustain their performance given their healthy capital ratios, strong earnings-generation capacity and sustainable asset quality.


Prospek industri perbankan tetap menggalakkan. Pertumbuhan pembiayaan dijangka kekal teguh, disokong oleh aktiviti ekonomi yang mampan dan pembaharuan struktur untuk menjadikan negara ekonomi berpendapatan tinggi. Permintaan untuk dana perniagaan akan terus disokong oleh keperluan modal kerja dan keperluan pelaburan modal perniagaan berorientasikan dalam negeri, terutamanya perniagaan yang terlibat dalam projek berkaitan ETP dan sektor berkaitan komoditi. Permintaan untuk pembiayaan harta kediaman dijangka kekal teguh, terutamanya disebabkan oleh pelbagai insentif Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah bagi harta kediaman kos rendah dan sederhana. Pembangunan projek infrastruktur seperti Transit Aliran Massa atau MRT akan meningkatkan lagi kebolehcapaian untuk kawasan subbandar, dengan itu merangsang permintaan untuk rumah. Penjualan kenderaan bermotor dijangka meningkat kerana terdapat rancangan untuk memansuhkan duti import bagi kereta import. Prospek pekerjaan yang baik dan peningkatan pendapatan yang berterusan akan terus menyokong permintaan untuk pembiayaan isi rumah.

Bank dijangka meneruskan aktiviti penajajaminannya yang lengkap dengan memulakan penentuan harga berasaskan risiko. Amalan pengurusan risiko akan dipertingkatkan lagi untuk memastikan kualiti aset yang mampan. Dalam pada itu, pasaran harta tanah yang memberangsangkan akan dipantau dengan rapi. Bagi menambah baik pemprofilan dan pemantauan risiko, bank berkemungkinan akan mengkaji semula kad markah kredit runcitnya yang sedia ada untuk mendapatkan maklumat tambahan dan maklumat yang lebih terperinci tentang peminjam. Selaras dengan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab, bank akan sentiasa berwaspada dalam memastikan pengurusan risiko kredit yang berkesan dan mengekalkan tumpuan kepada penilaian kemampuan yang lebih mantap.

Pada tahun 2013, jika tiada aral melintang, bank berkemungkinan berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan prestasinya memandangkan nisbah modalnya yang kukuh, keupayaannya yang tinggi untuk menjana perolehan dan kualiti aset yang mampan.



**Internet  
Banking**



**Invoice/  
Bill/Fee  
Presentment  
Facility**



**Electronic  
Payment**



**Auto Debit  
Facility**



**Liquidity  
Management**



**Bankers  
Cheque  
Outsourcing**

# Achieve more by doing less

At Bank Islam, you can rest assured that our Cash Management Solution is flexible to cater to your organisation's specific needs in a seamless manner.

Our solutions cover a full suite of services encompassing Account Management, Receivables Management and Payables Management. We're focused on streamlining the way banking works for your organisation. Because that's what really matters to you.

## Our treasured partners include:

Government Bodies; Institutions of Higher Learning; Government Linked Companies (GLCs); Local Councils; leading players in private, corporate and business as well as reputable organisations.



For further enquiries, kindly email: [ebanker@bankislam.com.my](mailto:ebanker@bankislam.com.my)

*Terms and conditions apply.*

**03-2782 1315/1313**  
**[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)**

**BANK ISLAM**  
Pioneering Change

DEAR STAKEHOLDERS,

FROM A HUMBLE BEGINNING IN 1983 AS THE NATION'S SOLE ISLAMIC BANK, WE HAVE BECOME A LEADING STANDALONE ISLAMIC BANK WITHIN AN INCREASINGLY COMPETITIVE MARKETPLACE. AS THE INDUSTRY FLOURISHES, WE HAVE GROWN IN TANDEM. OUR SHAREHOLDERS' FUNDS HAVE SWELLED FROM LESS THAN RM100 MILLION TO RM3 BILLION AS AT END 2012.

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

BERMULA SEBAGAI SATU-SATUNYA BANK ISLAM DI NEGARA INI PADA TAHUN 1983, KAMI TELAH MENJADI BANK ISLAM KENDIRI YANG TERKEMUKA DALAM PASARAN YANG SEMAKIN KOMPETITIF DAN BERKEMBANG SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN INDUSTRI INI. DANA PEMEGANG SAHAM KAMI MENINGKAT DARIPADA KURANG RM100 JUTA KEPADA RM3 BILION SETAKAT AKHIR 2012.

# Managing Director's

## Operational Review





Dato' Sri Zukri Samat

Ulasan Operasi  
**Pengarah Urusan**

Approaching our 30th anniversary, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") has recorded more than half a billion of profit before zakat and tax ("PBZT") for its financial year ended December 2012. We are voted as the 'Best Islamic Bank in Malaysia' (Islamic Financial News 2011 and 2012 award). The Bank's key financial indicators such as Return on Equity ("ROE"), Return on Assets ("ROA") and Net Impaired Financing ratio are healthy and better than industry average. We continue to be rated A1/P1 with stable outlook by Rating Agency Malaysia ("RAM"). We are gaining distinct repute as a full-fledged Islamic bank that provides complete financial solutions in debt, equity and advisory services, and have been approved by the Securities Commission as principal adviser. These milestones indicate Bank Islam is on the right track to become a leading player in the Islamic financial industry.

With our fundamentals in place, and through continuous innovation, business reengineering, service excellence and a focus on competitive offerings, Bank Islam is set on further advancing Islamic banking, as we embark on our next growth blueprint - our Hijrah To Excellence ("H2E") which covers the period of 2013 to 2015.

## ADVANCING OUR PERFORMANCE

In 2012, the Bank delivered a record PBZT of RM600.3 million, an increase of RM107.3 million or 21.8% against the corresponding period in 2011. ROE stood at 20.4% against 18.5% in 2011, while ROA inched up to 1.7% from 1.6% in 2011.

The stronger performance was driven by strong double digit growth across most business divisions resulting in total net income growth of 18.3%. Net fund based income expanded by 18.6% whilst non-fund based income grew 16.8%, supported by growth in fee based income, foreign exchange related business and income from Ar-Rahnu. Total net income grew ahead of the increase in operating expenses (+13.1%) reflecting the continuous efforts of managing cost and optimising resources. This helped to reduce the cost-to-income ratio to 51.4% from 53.8% last year.

Menjelang ulang tahun kami yang ke-30, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") telah mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai ("PBZT") lebih daripada setengah bilion bagi tahun kewangannya yang berakhir pada Disember 2012. Kami telah dipilih sebagai 'Bank Islam Terbaik di Malaysia' oleh Islamic Financial News pada tahun 2011 dan 2012. Penunjuk kewangan utama Bank seperti Pulangan Ekuiti ("ROE"), Pulangan Aset ("ROA") dan nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih didapati lebih teguh dan lebih baik daripada purata industri. Kami terus diberikan penarafan A1/P1 dengan gambaran stabil oleh Rating Agency Malaysia ("RAM"). Reputasi kami semakin menyerlah sebagai bank Islam yang menyediakan penyelesaian kewangan yang lengkap dalam perkhidmatan hutang, ekuiti dan khidmat nasihat, dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai penasihat utama. Pencapaian ini menunjukkan Bank Islam berada di landasan yang betul untuk menjadi pemain utama dalam industri kewangan Islam.

Dengan asas yang disediakan secara rapi, dan melalui inovasi berterusan, rekayasa perniagaan, kecemerlangan perkhidmatan dan tumpuan kepada penawaran kompetitif, Bank Islam bersedia untuk memajukan lagi perbankan Islam, di samping memulakan rangka tindakan pertumbuhan yang berikutnya – Hijrah ke arah Kecemerlangan ("H2E") yang meliputi tempoh 2013 hingga 2015.

## MENINGKATKAN PRESTASI KAMI

Pada tahun 2012, Bank mencatatkan rekod PBZT sebanyak RM600.3 juta, pertambahan sebanyak RM107.3 juta atau 21.8% daripada PBZT pada tahun 2011. ROE kekal pada 20.4% berbanding 18.5% pada tahun 2011, manakala ROA naik sedikit kepada 1.7% daripada 1.6% pada tahun 2011.

Prestasi yang semakin kukuh didorong oleh pertumbuhan dua angka yang teguh dalam kebanyakan bahagian perniagaan, menyebabkan pertumbuhan jumlah pendapatan bersih sebanyak 18.3%. Pendapatan berasaskan dana bersih meningkat sebanyak 18.6%, manakala pendapatan berasaskan bukan dana pula meningkat sebanyak 16.8%, disokong oleh pertumbuhan dalam pendapatan berasaskan fi, perniagaan berkaitan pertukaran asing dan pendapatan daripada Ar-Rahnu. Jumlah pendapatan bersih terus meningkat melebihi pertambahan dalam perbelanjaan operasi (+13.1%) yang menggambarkan usaha berterusan dalam pengurusan kos dan sumber. Hal ini membantu mengurangkan nisbah kos kepada pendapatan kepada 51.4% daripada 53.8% pada tahun lepas.

It was a robust year on the financing front. Healthy growth was registered across consumer financing which grew 33.6%, commercial financing which increased 35.4%, and corporate financing which surged 74%. This contributed to a net financing growth of 37.8%. The strong financing growth was accompanied by an improvement in asset quality, a testament to the Bank's continued commitment to secure quality financings through prudent underwriting standards, stringent risk management practices and aggressive recovery efforts. Gross impaired financing ratio dropped to 1.6% from 2.6% last year. After taking into account the allowance for impaired financing, net impaired financing ratio fell to -0.7% from -0.2%. Bank Islam's financing loss coverage ratio stood at 142.6% up from 106.2% achieved last year.

Funding position remains strong too as customer deposits expanded by 15.1% bringing the year's total to RM32.6 billion from RM28.3 billion a year ago. Bank Islam continues to leverage on sourcing funds at a lower cost with the composition of Current Account Savings Account ("CASA") at 41.2%. With robust financing growth, the Bank was able to increase its financing-to-deposits ratio to 61.2% from last year's 51.5%. Bank Islam's Risk-Weighted Capital Ratio ("RWCR") remained healthy at 14.1% at end 2012, (2011: 16.9%), above the minimum regulatory capital adequacy ratio requirement of 8%.

During the year, the Bank has also distributed 34% of its PBZT or RM203.9 million to its shareholders. Total dividend payout was 9 sen per share. The Bank is committed and will continue to provide a reasonable and sustainable return to its shareholders.

Tahun ini merupakan tahun yang kukuh dari segi pembiayaan. Pertumbuhan yang teguh dicatatkan dalam pembiayaan pengguna yang meningkat sebanyak 33.6%, pembiayaan komersil yang meningkat sebanyak 35.4%, dan pembiayaan korporat yang meningkat sebanyak 74%. Pertumbuhan ini menyumbang kepada pertumbuhan pembiayaan bersih sebanyak 37.8%. Pertumbuhan pembiayaan yang kukuh disertai dengan peningkatan dalam kualiti aset sebagai bukti kepada komitmen Bank yang berterusan untuk mendapatkan pembiayaan yang berkualiti melalui piawaian taja jamin yang berhemat, amalan pengurusan risiko yang ketat serta usaha pemulihan yang agresif. Nisbah pembiayaan terjejas kasar bertambah baik kepada 1.6% daripada 2.6% pada tahun lepas. Selepas mengambil kira elaun bagi pembiayaan terjejas, nisbah pembiayaan terjejas bersih bertambah baik kepada -0.7% daripada -0.2%. Nisbah liputan kerugian pembiayaan Bank Islam berada pada 142.6%, iaitu peningkatan daripada 106.2% yang dicapai pada tahun lepas.

Kedudukan pendanaan juga kekal kukuh memandangkan deposit pelanggan berkembang sebanyak 15.1%, menjadikan jumlah tahun itu kepada RM32.6 bilion daripada RM28.3 bilion setahun yang lalu. Bank Islam terus memanfaatkan dana penyumberan pada kos yang lebih rendah dengan komposisi Akaun Semasa Akaun Simpanan ("CASA") pada 41.2%. Dengan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh, Bank berjaya meningkatkan nisbah pembiayaan kepada depositnya, iaitu 61.2% daripada 51.5% pada tahun lepas. Nisbah Modal Berwajaran Risiko ("RWCR") Bank Islam kekal teguh pada 14.1% pada akhir 2012, (2011: 16.9%), melebihi keperluan nisbah kecukupan modal kawal selia yang minimum, iaitu 8%.


Dalam tahun tersebut, Bank juga mengagihkan 34% daripada PBZTnya atau RM203.9 juta kepada pemegang sahamnya. Jumlah dividen yang dibayar ialah 9 sen sesaham. Bank komited dan akan terus menyediakan pulangan yang munasabah dan mampan kepada pemegang sahamnya.




The commendable financial performance of the Bank is underpinned by strong underlying fundamentals of our core businesses. We are continuing to focus efforts on increasing operational efficiencies and robust risk management to ensure sustainability of our performance.

We are pleased to inform that effective 1<sup>st</sup> January 2012, the Group's and Bank's financial statements were prepared in accordance with Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS").

**Asset Composition**




**Revenue Composition**




Prestasi kewangan Bank yang memberangsangkan disokong oleh asas kukuh perniagaan teras kami. Kami terus memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan risiko yang mantap bagi memastikan kemampunan prestasi kami.

Dengan sukacitanya kami ingin memaklumkan bahawa berkuat kuasa 1 Januari 2012, penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS").

**Komposisi Aset**



**Komposisi Hasil**



## ADVANCING THROUGH INNOVATION

Living up to our pioneering heritage as the first Islamic bank in Malaysia, Bank Islam has unwaveringly focused on constantly expanding and enhancing its portfolio of Shariah compliant products and services to provide more choice and value to its customers. The Bank is purposeful in maintaining its position as the flagbearer of the Islamic banking industry by being the first to innovate and market new Islamic offerings such as TAP Mobile Banking-i (“TAP-i”), Al-Awfar Investment and Savings-i and unique benefits such as Payment Holiday.

In 2012, we once again enjoyed first mover advantage by being the first Islamic bank to introduce floating rate personal financing. This proved to be popular with our customers and quickly made up about 50% of the Bank’s total personal financing portfolio. More than 95% of new personal financing disbursed in 2012 or RM3.1 billion are based on floating rate.

The Bank also launched its unique University Debit Card-i for University Malaysia Kelantan during the year under review, representing our commitment in meeting the goals of a cashless society. This multipurpose card not only serves as a debit card and a student card, its usage also allows the students to pay tuition fees and acts as an access card to certain areas in the university such as the library. It joins a growing portfolio of products and services that we have created specifically for Universities, which includes the co-branded Platinum MasterCard with Universiti Institut Teknologi MARA.

On the investment front, the Bank launched the Islamic Dual Currency Investment-i (“DCI-i”) a fixed deposit product linked to the performance of a pair of foreign currencies, while BIMB Investment Management Berhad (“BIMB Invest”), a wholly-owned subsidiary of Bank Islam, launched BIMB Dana Al-Fakhim, a money market fund that leverages on the increasing demand for Shariah-compliant funds.

Strategic initiatives are also in place and in progress to further improve branch productivity and transform our touch-points to better serve our customers. During the year, the Bank opened a branch that operates seven days a week at AEON Prai Shopping Centre in Penang. Launched on 18 May 2012, this represents our maiden venture towards offering services on par with conventional banks. Several branches were also remodelled to provide a better banking environment. To date, the Bank has a well-distributed branch network with 127 branches nationwide, four Ar-Rahnu outlets, eight consumer banking centres and four Bureau de Change. These are supported by 1,190 self-service terminals (Automated Teller Machines, Cash Deposit Machines and Cheque Deposit Machines).

In providing better customer access to its banking services, the Bank has expanded its mobile banking service capabilities and we are continuously working to enhance our Internet banking services.

## MELANGKAH MAJU MELALUI INOVASI

Bagi memenuhi warisan perintis kami sebagai bank Islam pertama di Malaysia, Bank Islam tetap memberikan tumpuan kepada pengembangan dan peningkatan portfolio produk dan perkhidmatan patuh Syariah supaya dapat menyediakan lebih banyak pilihan dan nilai kepada pelanggannya. Bank bertekad mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju industri perbankan Islam dengan menjadi bank yang pertama dalam inovasi dan pemasaran tawaran Islam baharu seperti Perbankan Mudah Alih TAP-i (“TAP-i”), Pelaburan dan Simpanan-i Al-Awfar serta manfaat unik seperti Penangguhan Bayaran.

Pada tahun 2012, kami sekali lagi menikmati kelebihan sebagai perintis dengan menjadi bank Islam pertama yang memperkenalkan pembiayaan peribadi kadar terapung. Pembiayaan ini terbukti popular di kalangan pelanggan dan dalam masa singkat membentuk 50% daripada jumlah portfolio pembiayaan peribadi Bank. Lebih 95% daripada pembiayaan peribadi baharu yang dibayar pada tahun 2012 atau RM3.1 bilion adalah berdasarkan kadar terapung.

Bank juga melancarkan Kad Debit Universiti-i bagi Universiti Malaysia Kelantan semasa tahun di bawah tinjauan bagi menunjukkan komitmen kami untuk memenuhi matlamat masyarakat tanpa tunai. Kad serba guna ini bukan sahaja berfungsi sebagai kad debit dan kad pelajar, tetapi pelajar juga boleh menggunakannya untuk membayar yuran tuisyen dan berfungsi sebagai kad akses di kawasan tertentu di universiti seperti di perpustakaan. Kad ini termasuk dalam portfolio yang semakin berkembang bagi produk dan perkhidmatan yang kami wujudkan khusus untuk Universiti, yang juga termasuk penjenamaan bersama MasterCard Platinum dengan Universiti Institut Teknologi MARA.

Dari segi pelaburan, Bank melancarkan Pelaburan Dwi-Mata Wang-i (“DCI-i”) Islam, iaitu produk deposit tetap yang dihubungkan dengan prestasi dua mata wang asing, manakala BIMB Investment Management Berhad (“BIMB Invest”), subsidiari milik penuh Bank Islam, melancarkan Dana Al-Fakhim BIMB, iaitu dana pasaran wang yang memanfaatkan permintaan yang semakin bertambah terhadap dana patuh Syariah.

Inisiatif strategik juga diatur dan sedang dijalankan untuk meningkatkan lagi produktiviti cawangan dan mengubah titik sentuh kami supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Dalam tahun itu, Bank telah membuka cawangan yang beroperasi tujuh hari seminggu di pusat membeli-belah AEON Prai di Pulau Pinang. Cawangan ini yang dilancarkan pada 18 Mei 2012 melambangkan usaha sama pertama kami dalam menawarkan perkhidmatan yang setara dengan bank konvensional. Beberapa cawangan telah diberi wajah baharu bagi mewujudkan persekitaran perbankan yang lebih selesa. Setakat ini, Bank mempunyai agihan lokasi rangkaian cawangan yang baik, dengan 127 cawangan di seluruh negara, empat saluran Ar-Rahnu, lapan pusat perbankan pengguna dan empat Biro Pertukaran Wang. Rangkaian ini disokong oleh 1,190 terminal layan diri (Mesin Teler Automatik, Mesin Deposit Tunai dan Mesin Deposit Cek).

Bagi menyediakan akses pelanggan kepada perkhidmatan perbankannya yang lebih baik, Bank telah menambah kemampuan perkhidmatan perbankan mudah alihnya dan terus berusaha meningkatkan perkhidmatan perbankan Internet kami.

Towards the end of the year, the 'Al-Awfar Million Ringgit Campaign' was launched whereby every RM1,000 deposited into an Al-Awfar account entitled a customer to one entry in a lucky draw in which the top prize was a million ringgit. The campaign was a resounding success. It attracted more than 17,000 new subscribers and encouraged existing customers to increase their savings under the account. Al-Awfar deposits rose by 62% during this period.

Given the aggressive drive for retail deposits, Al-Awfar Savings, launched way back in 2009, rose by 102%, recording a RM1.4 billion deposit balance at end 2012. Al-Awfar, which translates into "prosperous investment" has proven to be a hit with almost 600,000 existing account holders including Al-Awfar Junior account holders. Al-Awfar Savings made up 19.7% of the Bank's total retail deposits of RM7.2 billion in 2012.

Our Bank Islam Visa Debit Card-i which was launched in February 2011 has met with success too. By 2012, it set a new record for debit card issuance by an Islamic bank with a total of 1.3 million cards issued. In addition to the record number of debit card members, Bank Islam won an award for the Largest Payment Volume in Islamic Debit Card category at the Visa Malaysia Bank Awards 2012 ceremony. This is the second successive year Bank Islam has received the award in the same category by Visa Malaysia. With more retail purchases enabled in the past year, we expect transaction volume to grow more than 50% in 2013.

The Bank's pioneering TAP-i also continued to enjoy good growth. It has significantly attracted about 150,000 new customers to record over 300,000 subscribers as at end 2012. We target to realise 50% growth in subscribers in 2013 by introducing various incentives and feature enhancements.

## ADVANCING WITH PRIDE

The Bank's Corporate Investment Banking continued to be a feather in our cap with its distinctive performance in 2012. The Bank was awarded "Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia" by Alpha Southeast Asia for its role as the Joint Lead Manager of the DanaInfra Nasional's RM8 billion Islamic Commercial Papers/Medium Term Notes programme.

This joined a host of other awards achieved by Bank Islam during the year under review, including "Best Islamic Bank in Malaysia" for the second year running by Islamic Finance News in "Best Banks Poll 2012"; "Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad" by Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji; Gold Award for 'Best Annual Report in Bahasa Malaysia' by National Annual Corporate Report Awards; Platinum Award for Islamic Financial Services for four consecutive years in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2012; Malaysia Service to Care Awards 2012 for the second year running for Islamic bank category by MarkPlus, Inc; and The Brand Laureate Awards 2011-2012 for the third year running for best brands in Corporate Branding – Best Brands in Banking – Islamic Bank by The Asia Pacific Brands Foundation.

Menjelang akhir tahun, 'Kempen Al-Awfar Million Ringgit' telah dilancarkan. Bagi setiap RM1,000 yang didepositkan ke dalam akaun Al-Awfar, pelanggan layak menerima satu penyertaan dalam cabutan bertuah dengan hadiah utama sebanyak RM1 juta. Kempen ini mencapai kejayaan yang besar. Ia menarik lebih daripada 17,000 pelanggan baharu dan menggalakkan pelanggan sedia ada menambah simpanan mereka di bawah akaun ini. Deposit Al-Awfar meningkat sebanyak 62% dalam tempoh ini.

Dengan dorongan yang agresif oleh deposit runcit, Simpanan Al-Awfar yang dilancarkan pada tahun 2009 meningkat sebanyak 102%, mencatatkan baki deposit RM1.4 bilion pada akhir tahun 2012. Al-Awfar yang bermaksud "pelaburan makmur" terbukti popular dengan hampir 600,000 pemegang akaun sedia ada termasuk pemegang akaun Al-Awfar Junior. Simpanan Al-Awfar membentuk 19.7% daripada jumlah deposit runcit Bank, iaitu RM7.2 bilion pada tahun 2012.

Kad Debit-i Visa Bank Islam yang dilancarkan pada Februari 2011 juga mencapai kejayaan. Pada tahun 2012, ia mencatatkan rekod baharu bagi pengeluaran kad debit oleh bank Islam dengan 1.3 juta kad dikeluarkan. Selain bilangan ahli kad debit yang mencatat rekod, Bank Islam juga memenangi anugerah Jumlah Bayaran Tertinggi bagi kategori Kad Debit Islam dalam majlis Anugerah Visa Bank Malaysia 2012. Tahun ini merupakan tahun kedua berturut-turut Bank Islam menerima anugerah bagi kategori yang sama oleh Visa Malaysia. Dengan lebih banyak pembelian runcit yang dijalankan pada tahun lepas, kami menjangka jumlah urus niaga meningkat lebih daripada 50% pada tahun 2013.

Usaha perintis Bank, TAP-i, juga terus menikmati pertumbuhan yang baik. Kemudahan ini berjaya menarik kira-kira 150,000 pelanggan baharu untuk mencatatkan lebih daripada 300,000 pelanggan pada akhir tahun 2012. Kami mensasarkan untuk merealisasikan 50% pertambahan pelanggan pada tahun 2013 dengan memperkenalkan pelbagai insentif dan penambahbaikan ciri.

## MELANGKAH MAJU DENGAN PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN

Perbankan Pelaburan Korporat terus menjadi kebanggaan kami dengan prestasinya yang cemerlang pada tahun 2012. Bank dianugerahkan "Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia" oleh Alpha Southeast Asia kerana peranannya sebagai Pengurus Utama Bersama dalam program Kertas Perdagangan Islam/Nota Jangka Sederhana Islam bernilai RM8 bilion oleh DanaInfra Nasional.

Selain anugerah ini, banyak lagi anugerah lain yang diterima oleh Bank Islam sepanjang tahun di bawah tinjauan, termasuk anugerah "Bank Islam Terbaik di Malaysia" oleh Islamic Finance News dalam "Undian Bank Terbaik 2012" untuk dua tahun berturut-turut, "Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 – Kategori Syarikat Awam Berhad" oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji; Anugerah Emas untuk 'Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia' oleh National Annual Corporate Report Awards; Anugerah Platinum untuk Perkhidmatan Kewangan Islam selama empat tahun berturut-turut dalam Trusted Brand Awards Readers Digest 2012; Anugerah Malaysia Service to Care 2012 untuk kategori bank Islam oleh MarkPlus, Inc untuk dua tahun berturut-turut; dan The Brand Laureate Awards 2011-2012 untuk jenama terbaik dalam Penjenamaan Korporat – Jenama Terbaik dalam Perbankan – Bank Islam oleh The Asia Pacific Brands Foundation untuk tiga tahun berturut-turut.

## ADVANCING WITH PRUDENCE

Prudent risk management has vitally revived Bank Islam's health scorecard post-turnaround and continues to be a core focus for the Bank as we advance into a new phase of growth. In 2012 the Bank undertook various new initiatives to further enhance and strengthen the Risk Management oversight and control. These include:

### 1. Internal Capital Adequacy Assessment Process ("ICAAP")

In order to ensure that the Bank has sufficient capital to support all business and risk taking activities, the Bank has carried out the ICAAP to complement its current capital management practices. The Bank's ICAAP helps to suggest the minimum internal capital requirement for its current and future business strategies and financial plans for the next five years via a comprehensive risk assessment process on its portfolio risk exposures, its risk management practices towards its material risks and potential capital planning buffer required in the event of stress.

### 2. Stress Test Based on Financial Sector Assessment Programme ("FSAP") by the IMF/World Bank

As part of the ICAAP, the stress test methodology was revised to be in line with the FSAP which projects macroeconomic parameters based on three economic scenarios: a) a baseline scenario, b) a V-shaped growth path (i.e. a steep downturn followed by a quick and strong economic recovery) and c) an L-shaped growth path (i.e. a steep downturn followed by extended sluggish economic growth). The stress test covers a period of five years and the worst case result in any of the years under any stress scenario is added as capital buffer in the ICAAP.

## MELANGKAH MAJU DENGAN PENGHEMATAN

Pengurusan risiko yang berhemat telah mengukuhkan semula kad skor Bank Islam pasca baik pulih dan terus dijadikan tumpuan teras oleh Bank apabila kami melangkah ke fasa pertumbuhan yang baharu. Pada tahun 2012, Bank mengambil beberapa inisiatif baharu untuk terus meningkatkan dan mengukuhkan pengawasan dan kawalan Pengurusan Risiko. Ini termasuk:

### 1. Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam ("ICAAP")

Bagi memastikan Bank mempunyai modal yang cukup untuk menyokong semua aktiviti perniagaan dan pengambilan risiko, Bank telah menjalankan ICAAP untuk melengkapkan amalan pengurusan modal semasanya. ICAAP Bank membantu dalam menetapkan keperluan modal dalaman minimum untuk strategi perniagaan dan pelan kewangan semasa dan masa hadapannya bagi lima tahun yang akan datang melalui proses penilaian risiko yang menyeluruh ke atas pendedahan risiko portfolio, amalan pengurusan risikonya terhadap risiko penting dan penimbal bagi perancangan modal yang mungkin diperlukan jika berlaku tekanan.

### 2. Ujian Tekanan Berdasarkan Program Penilaian Sektor Kewangan ("FSAP") oleh IMF/Bank Dunia

Sebagai sebahagian daripada ICAAP, kaedah ujian tekanan telah disemak selaras dengan FSAP yang mengunjurkan parameter makroekonomi berdasarkan tiga senario ekonomi: a) senario garis dasar, b) laluan pertumbuhan bentuk V (iaitu, kemerosotan yang mendadak diikuti dengan pemulihan ekonomi yang cepat dan kukuh) dan c) laluan pertumbuhan bentuk L (iaitu, kemerosotan yang mendadak diikuti dengan pertumbuhan ekonomi yang lembap dan berlanjutan). Ujian tekanan ini meliputi tempoh lima tahun, dan kes terburuk yang berlaku dalam mana-mana tahun yang menghadapi apa-apa senario tekanan, akan ditambah sebagai penimbal modal dalam ICAAP.



### 3. Basel III Readiness

The Bank has undertaken a comprehensive gap analysis to ensure its readiness and compliance with Basel III. Based on the Bank's existing business strategies and financial plan, it will be able to meet the minimum capital requirement under Basel III. The Bank is also fully compliant with the Liquid Coverage Ratio ("LCR"), Net Stable Funding Ratio ("NSFR") and the Leverage Ratio under Basel III.

### 4. Recalibration of Application Scorecards

The Bank has recalibrated its Consumer Banking application scorecards (Housing Financing, Personal Financing, Vehicle Financing and Credit Card) to reflect the latest data and default experience, which enable the prediction of a customer's probability of default over the next 12 months from application date.

## ADVANCING AS THE EMPLOYER OF CHOICE

The biggest asset of any organisation is its people. Attracting and retaining the best talent is one of the biggest challenges in the current market environment. In this regard, our human capital development initiatives continued to focus on harvesting talent. As the Bank continues to grow and expand its business, nurturing our 4,082 strong workforce towards a high performance culture is crucial if outstanding results are to be produced. In 2012, a total of RM8.3 million was invested in year long comprehensive training and developmental programmes for all levels of employees. At the same time, resources were also extended to further develop the Bank's "Growing Our Own Timber" initiative where internal talents are groomed under the Talent Management Programme to become our future leaders.

Of equal importance is the need to attract new talent. The fast-tracked Young Leaders Programme ("YLP"), which was introduced in early 2012, attracted high caliber graduates into our talent pool. In 2012, the programme attracted 1,247 applications from local and international universities.

The Bank has further refined its performance management system to incentivise and drive better productivity among the staff. Key Performance and Risk-based Indicators are set to provide clear goals to every individual. At the same time the reward and remuneration system is constantly being reviewed to recognise hard work and talent, as the Bank is intent on inspiring our people towards greater achievements in productivity, service and positive relations.

Bank Islam is now recognised as a Top 10 employer in the banking & Financial Services industry. Towards becoming an "Employer of Choice" for the best and brightest talent, the Bank aims to further develop a culture of excellence to keep our employees motivated, inspired and productive.

During the year under review, the Bank's staff attrition rate was at 5%, which is below the industry average. This reflects a high level of commitment and employee satisfaction which dovetails with our aspiration to become an Employer of Choice.

### 3. Kesediaan Basel III

Bank telah menjalankan analisis jurang yang menyeluruh bagi memastikan kesediaan dan pematuhan Basel III. Berdasarkan strategi perniagaan dan pelan kewangan Bank yang sedia ada, ia mampu memenuhi keperluan modal minimum di bawah Basel III. Bank juga mematuhi sepenuhnya Nisbah Liputan Kecairan ("LCR"), Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih ("NSFR") dan Nisbah Keumpulan di bawah Basel III.

### 4. Menyelaras Semula Kad Skor Permohonan

Bank telah menyelaras semula kad skor permohonan Perbankan Pengguna (Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan Kenderaan dan Kad Kredit) untuk menggambarkan data terkini dan pengalaman ingkar, yang membolehkan ramalan dibuat tentang kebarangkalian ingkar oleh pelanggan dalam tempoh 12 bulan yang akan datang dari tarikh permohonan.

## MELANGKAH MAJU SEBAGAI MAJIKAN PILIHAN

Pekerja merupakan aset terbesar bagi mana-mana organisasi. Menarik dan mengekalkan bakat terbaik adalah salah satu cabaran terbesar dalam persekitaran pasaran semasa. Dalam hal ini, inisiatif pembangunan modal insan kami terus memberikan tumpuan kepada pengumpulan bakat. Dalam usaha Bank untuk terus memajukan dan mengembangkan perniagaannya, sangat penting bagi kami untuk memupuk 4,082 tenaga kerja yang kukuh ke arah budaya berprestasi tinggi jika pencapaian yang lebih cemerlang ingin dihasilkan. Pada tahun 2012, RM8.3 juta telah dilaburkan dalam program latihan dan pembangunan yang menyeluruh sepanjang tahun bagi semua peringkat pekerja. Pada masa yang sama, sumber juga diperuntukkan untuk terus membangunkan inisiatif membina bakat dalaman Bank di mana bakat dalaman diasah di bawah Program Pengurusan Bakat untuk menjadi pemimpin kami pada masa hadapan.

Keperluan menarik bakat baharu juga tidak kurang pentingnya. Program Pemimpin Muda ("YLP") yang diperkenalkan pada awal 2012, berjaya menarik siswazah berkaliber tinggi ke dalam kumpulan bakat kami. Pada tahun 2012, program ini menerima 1,247 permohonan daripada universiti tempatan dan antarabangsa.

Bank memperkemas lagi sistem pengurusan prestasinya untuk memberikan insentif dan mendorong produktiviti yang lebih tinggi di kalangan kakitangan. Penunjuk Prestasi Utama dan Penunjuk Berasaskan Risiko ditetapkan untuk menyediakan matlamat yang jelas kepada setiap individu. Pada masa yang sama, sistem ganjaran dan saaran dikaji semula secara tetap untuk mengenal pasti kakitangan yang tekun dan berbakat, kerana Bank berhasrat untuk memberikan inspirasi kepada pekerjaannya ke arah pencapaian yang lebih besar dalam produktiviti, perkhidmatan dan perhubungan yang positif.

Bank Islam kini diiktiraf sebagai 10 Majikan Teratas dalam industri Perkhidmatan Perbankan & Kewangan. Bagi menjadi "Majikan Pilihan" kepada bakat terbaik, Bank menetapkan matlamat untuk terus membangunkan budaya kecemerlangan supaya pekerja kami sentiasa mempunyai inspirasi serta bermotivasi dan produktif.

Semasa tahun di bawah tinjauan, kadar atrisi kakitangan Bank ialah 5%, lebih rendah daripada purata industri. Ini menggambarkan tahap komitmen dan kepuasan pekerja yang tinggi dan sesuai dengan aspirasi kami untuk menjadi Majikan Pilihan.

## ADVANCING ORGANIC GROWTH: REVIEW OF BUSINESS OPERATIONS

### CONSUMER BANKING:

#### 2012 Highlights

- Key business driver contributing 74% of the Bank's total financing portfolio and 53% of total revenue
- Robust growth of 33.6% for financing and 23.8% for revenue
- Healthy credit portfolio with gross impaired financing ratio of 1.1% and net impaired financing portfolio of -0.12%
- Awarded Biggest Islamic Visa Debit Payment Volume

Bank Islam continued to drive organic growth by adopting a consistent focus on consumer financing, retail deposit-taking and fee-based businesses during the year under review. In order to heighten business growth and increase our market share in retail banking, the Bank invested in the enhancement of branch network, delivery channels, innovative offerings, process improvements and IT infrastructure to deliver prompt and consistent service to meet the needs of our customers.

#### Total Financing Assets by Segments (RM million)



To date, the Bank has integrated its core banking system with its risk management system and is able to undertake a granular risk analysis to redefine its target market and improve customer product holding ratio. For house financing, the increase in average ticket size of customers which grew to RM244,000 in 2012 from RM191,000 in 2011, is a positive indicator of the Bank's efforts in this area.

The Bank has also invested in a Financing Collection System to facilitate a robust collection approach and implement measures to ensure better asset quality. A significant improvement was seen in its consumer banking asset quality in 2012 as gross impaired financing ratio improved to 1.1% in 2012 from 2.0% the previous year.

## MEMAJUKAN PERTUMBUHAN ORGANIK: KAJIAN SEMULA OPERASI PERNIAGAAN


### PERBANKAN PENGGUNA:

#### Sorotan 2012

- Pendorong utama perniagaan menyumbang sebanyak 74% daripada jumlah portfolio pembiayaan dan 50% daripada jumlah hasil Bank
- Pertumbuhan kukuh sebanyak 33.6% bagi pembiayaan dan 23.8% bagi hasil Bank
- Portfolio kredit yang teguh dengan nisbah pembiayaan terjejas kasar sebanyak 1.1% dan portfolio pembiayaan terjejas bersih sebanyak -0.12%
- Dianugerahkan Jumlah Pembayaran Tertinggi bagi Debit Visa Islam

Bank Islam terus mendorong pertumbuhan organik dengan memberikan tumpuan yang konsisten kepada pembiayaan pengguna, perniagaan pengambilan deposit runcit dan perniagaan berasaskan fi semasa tahun di bawah tinjauan. Bagi meningkatkan pertumbuhan perniagaan dan menambah bahagian pasaran kami dalam perbankan runcit, Bank membuat pelaburan dalam peningkatan rangkaian cawangan, saluran penghantaran, tawaran inovatif, penambahbaikan proses dan infrastruktur IT supaya dapat menyampaikan perkhidmatan yang cepat dan konsisten bagi memenuhi keperluan pelanggan kami.

#### Jumlah Aset Pembiayaan mengikut Segmen (RM juta)



Setakat ini, Bank telah mengintegrasikan sistem perbankan terasnya dengan sistem pengurusan risikonya dan dapat menjalankan analisis risiko secara terperinci untuk menetapkan semula pasaran sasarannya serta meningkatkan nisbah pemegang produk pelanggan. Bagi pembiayaan rumah, peningkatan saiz tiket purata pelanggan kepada RM244,000 pada tahun 2012 daripada RM191,000 pada tahun 2011, menjadi penunjuk positif bagi usaha Bank dalam bidang ini.

Bank juga telah melabur dalam Sistem Kutipan Pembiayaan bagi memudahkan kutipan secara agresif dan mengambil langkah untuk memastikan kualiti aset yang lebih baik. Peningkatan yang ketara dapat dilihat dalam kualiti aset perbankan pengguna pada tahun 2012 apabila nisbah pembiayaan terjejas kasar meningkat kepada 1.1% pada tahun 2012 daripada 2.0% pada tahun sebelumnya.

As part of our effort to maintain our leading position in consumer financing offerings and to ensure efficient customer service delivery standards, the Bank has also invested in a Financing Origination System which will enhance operational efficiency.

In an intensely competitive market environment, the Bank is differentiating itself through product innovation. In March 2012, we introduced floating rate personal financing, providing a great boost to the portfolio which grew by 62% from RM3.8 billion in 2011 to RM6.1 billion in 2012.

Almost 90% of the Bank's personal financing portfolio is gained from its tie-up with selected institutions for salary deduction at source. This forms a win-win bilateral approach where the Bank benefits from taking lower risk through salary deduction, while customers enjoy a better financing rate.

Financing for residential property grew by 17.3% from RM4.8 billion in 2011 to RM5.6 billion in 2012. This is supported by strong demand for homes and higher disposable income of property buyers. The residential property or house financing segment represents 38.1% of the Bank's total consumer financing portfolio. About 96% of the house financing portfolio was for owner-occupied and the Bank continues to focus on the mass market segment where residential properties cost between RM100,000 and RM500,000.

Within this key segment, Bank Islam's unique value propositions of "Payment Holiday" and "No Payment During Construction" have proven attractive. These features help ease the financial burden of our customers during the months of November and December (which usually incurs a rise in household expenditures) and during the construction phase. Government incentives on stamp duty exemption for Islamic home refinancing add further appeal.

Various campaigns and initiatives such as Home Financing Bonanza campaign, which ran from June to December 2012, were also embarked on during the year under review to sustain business growth in this segment.

Providing stalwart support for industry initiatives, the Bank remained committed to "Skim Rumah Pertamaku" ("My First Home Scheme"), which was launched by the Government in 2011 to promote greater home ownership. It also backs BNM's priority sector financing for properties costing RM100,000 and below, primarily in east coast states and eastern Malaysia.

In addition to these, the launch of new products such as House Financing coupled with Personal Cash Line-i ("HFA PCL-i") and Al-Waqf Home Financing-i, added fresh solutions to the Bank's existing portfolio. HFA PCL-i provides flexibility to customers for the purchase of assets and personal consumption. Al-Waqf Home Financing-i pioneers financing of property built on Waqaf land.

Going further, the Bank also continued to strengthen its relationship with reputable property developers and provide bridging financing facility for selected commercial and residential developments. Leveraging on our brand equity as a "Most Trusted Brand", we are working with real estate agents and solicitors for potential customer leads in further penetrating the residential property market.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan kedudukan kami untuk terus berada di hadapan dalam tawaran pembiayaan pengguna dan memastikan piawaian penyampaian perkhidmatan pelanggan yang cekap, Bank juga melabur dalam Sistem Originasi Pembiayaan yang akan meningkatkan kecekapan operasi.

Dalam persekitaran pasaran yang sangat kompetitif, Bank kini membuat kelainan melalui inovasi produk. Pada Mac 2012, kami memperkenalkan pembiayaan peribadi kadar terapung yang merangsang pertumbuhan portfolio dengan peningkatan sebanyak 62% daripada RM3.8 bilion pada tahun 2011 kepada RM6.1 bilion pada tahun 2012.

Hampir 90% daripada portfolio pembiayaan peribadi diperoleh daripada hubungannya dengan institusi terpilih bagi potongan gaji secara langsung dari sumber. Ini memberi manfaat bersama apabila Bank mengambil risiko rendah melalui potongan gaji, manakala pelanggan pula menikmati kadar pembiayaan yang lebih baik.

Pembiayaan bagi hartanah kediaman meningkat sebanyak 17.3% daripada RM4.8 bilion pada tahun 2011 kepada RM5.6 bilion pada tahun 2012. Peningkatan ini disokong oleh permintaan yang kukuh untuk rumah dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi bagi pembeli hartanah. Segmen pembiayaan hartanah kediaman atau rumah mewakili 38.1% daripada jumlah portfolio pembiayaan pengguna Bank. Kira-kira 96% daripada portfolio pembiayaan rumah adalah untuk penghuni sendiri dan Bank terus memberikan tumpuan kepada segmen pasaran massa bagi hartanah kediaman yang kosnya antara RM100,000 hingga RM500,000.

Dalam segmen penting ini, nilai saranan Bank Islam yang unik iaitu "Penangguhan Bayaran" dan "Tiada Bayaran Semasa Pembinaan" terbukti sangat menarik. Ciri ini membantu meringankan beban kewangan pelanggan kami pada bulan November dan Disember (yang biasanya terdapat kenaikan perbelanjaan isi rumah) dan semasa fasa pembinaan. Insentif Kerajaan ke atas pengecualian duti setem untuk pembiayaan semula rumah secara Islam menjadikan ia lebih menarik.

Pelbagai kempen dan inisiatif seperti kempen Bonanza Pembiayaan Rumah, yang bermula dari Jun hingga Disember 2012, turut diperkenalkan semasa tahun di bawah tinjauan untuk mengekalkan pertumbuhan perniagaan dalam segmen ini.

Dalam usaha menyediakan sokongan yang kuat kepada inisiatif industri, Bank terus komited dengan "Skim Rumah Pertamaku" yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2011 untuk menggalakkan kadar pemilikan rumah. Skim ini juga menyokong sektor keutamaan Bank yang membiayai hartanah dengan kos RM100,000 dan ke bawah, terutamanya di negeri pantai timur dan Malaysia Timur.

Selain itu, pelancaran produk baharu seperti Pembiayaan Rumah serta Aliran Tunai Peribadi-i ("HFA PCL-i"), dan Pembiayaan Rumah Al-Waqf-i memberikan penyelesaian baharu dalam portfolio Bank yang sedia ada. HFA PCL-i menyediakan fleksibiliti kepada pelanggan untuk membeli aset dan penggunaan peribadi. Pembiayaan Rumah Al-Waqf-i adalah yang pertama seumpamanya dalam pembiayaan hartanah yang dibina di atas tanah wakaf.

Selanjutnya, Bank juga terus mengukuhkan hubungannya dengan pemaju hartanah yang bereputasi dan menyediakan kemudahan pembiayaan titian bagi pembangunan komersil dan kediaman terpilih. Dengan memanfaatkan ekuiti jenama kami sebagai "Jenama Paling Dipercayai", kami bekerjasama dengan ejen dan peguam harta tanah untuk pelanggan berpotensi, dan membawa kepada kejayaan selanjutnya dalam penembusan pasaran hartanah kediaman.

For vehicle financing, which accounted for 16.9% of consumer financing portfolio, the Bank reaped results from its strong relationship with national car dealers, and “GradHitz” programme which helped fresh graduates to acquire their first car.

Moving ahead, the consumer financing market will remain challenging mainly due to the highly competitive banking environment and more stringent macro-prudential measures. Notwithstanding the competitive landscape, the Bank will continue to drive its retail business leveraging on its strong brand presence, sizable retail customer base, innovative offerings and multi-touch point distribution capability. The Bank will remain vigilant in ensuring effective credit risk management as well as maintaining its focus on more robust assessment of affordability in line with the Responsible Financing Guidelines.

#### COMMERCIAL BANKING:

##### 2012 Highlights

- Financing growth of 35%
- Revenue growth of 36.1%

Amidst a more competitive business environment, the Bank’s commercial banking division steered towards greater growth in 2012, by focusing on a clear sales and marketing strategy that targeted established businesses with proven track records. At the same time, emphasis continued to be placed on secured financing with risk based floating rate pricing. As a result the Bank made significant strides in improving its commercial banking asset quality, achieving more than 63% financing on a secured basis.

Bagi pembiayaan kenderaan yang berjumlah 16.9% daripada portfolio pembiayaan pengguna, Bank mendapat manfaat daripada hubungannya yang baik dengan pengedar kereta nasional serta program “GradHitz” yang membantu siswazah baharu membeli kereta pertama mereka.

Melangkah ke hadapan, pasaran pembiayaan pengguna akan terus mencabar terutamanya kerana persekitaran perbankan yang sangat kompetitif dan langkah kehematan makro yang lebih ketat. Walau apa pun lanskap persaingan, Bank akan terus memacu perniagaan runcitnya dengan memanfaatkan jenamanya yang kukuh, pangkalan pelanggan runcit yang besar, tawaran yang inovatif dan kemampuan pengagihan pelbagai titik sentuh. Bank akan terus berwaspada bagi memastikan pengurusan risiko kredit yang berkesan dan mengekalkan tumpuannya kepada penilaian yang lebih rapi ke atas kemampuan selaras dengan Garis Panduan Pembiayaan Bertanggungjawab.

#### PERBANKAN KOMERSIL:

##### Sorotan 2012


- Pertumbuhan pembiayaan sebanyak 35%
- Pertumbuhan hasil Bank sebanyak 36.1%

Di tengah-tengah persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif, bahagian perbankan komersil Bank bergerak ke arah pertumbuhan yang lebih besar pada tahun 2012, dengan memberikan tumpuan kepada strategi jualan dan pemasaran yang jelas yang menasaskan perniagaan yang mantap dengan rekod prestasi yang baik. Pada masa yang sama, penekanan terus diberikan kepada pembiayaan bercagar dengan penentuan harga kadar terapung berdasarkan risiko. Hasilnya, Bank mencapai kejayaan yang besar dalam meningkatkan kualiti aset perbankan komersilnya, mencapai lebih daripada 63% pembiayaan bercagar.



Overall, for the year under review, revenue grew by 36.1% to RM150.5 million and assets grew to RM2.45 billion (RM1.81 billion in 2011), driven by new approvals with total credit limit of more than RM3.4 billion. Driven by its pillars of Business Premises Financing (“BPF”), Procurement Contract Financing (“PCF”) and Emerging Corporate (“EC”), the commercial banking division contributed 7.6% of the Bank’s total revenue.

**Total Financing (RM million)**



Term financing showed an impressive increase of 52% or RM640 million. This was attributed to the BPF segment which attracted growing contributions from our small medium enterprises (“SME”) portfolio. As a result, both SME and BPF financing portfolios grew by 54% or RM343 million.

The PCF segment had a healthy growth of 60% or RM88.4 million reflecting the good progress made in developing products that meet growing business needs. EC portfolio chalked up growth of about 24% or RM223.2 million which is derived from secured term financing mainly to established companies focusing on the plantation, oil & gas, property development and construction industries. The ongoing implementation of the Government’s Economic Transformation Programme (“ETP”) continued to be a catalyst for business growth with substantial spillover benefits for our targeted SME customers.

To maintain the growth momentum, there is a need for a continuous investment in system and people to enhance the work process flow and hone staff skills via internal and external training. This will contribute towards achieving greater efficiency and better service delivery.


**CORPORATE INVESTMENT BANKING:**

**2012 Highlights**

- Financing asset growth of 74%
- Total revenue growth of 29.9%
- Awarded Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia

Secara keseluruhan, bagi tahun di bawah tinjauan, hasil meningkat sebanyak 36.1% kepada RM150.5 juta dan aset meningkat kepada RM2.45 bilion (RM1.81 bilion pada tahun 2011), didorong oleh kelulusan baharu dengan jumlah had kredit melebihi RM3.4 bilion. Didorong oleh tunggaknya iaitu Pembiayaan Premis Perniagaan (“BPF”), Pembiayaan Kontrak Pemerolehan (“PCF”) dan Korporat Baru Muncul (“EC”), bahagian perbankan komersil menyumbang 7.6% daripada jumlah hasil Bank.

**Jumlah Pembiayaan (RM juta)**



Pembiayaan bertempoh menunjukkan peningkatan yang membanggakan iaitu 52% atau RM640 juta. Peningkatan ini berpunca daripada segmen BPF yang berjaya menarik lebih banyak sumbangan daripada portfolio perusahaan kecil dan sederhana (“PKS”). Hasilnya, portfolio pembiayaan PKS dan BPF meningkat sebanyak 54% atau RM343 juta.

Segmen PCF mengalami pertumbuhan yang teguh sebanyak 60% atau RM88.4 juta, menggambarkan kemajuan yang baik yang dicapai dalam pembangunan produk yang memenuhi keperluan perniagaan yang sedang berkembang. Portfolio EC mencatatkan pertumbuhan kira-kira 24% atau RM223.2 juta yang diperoleh daripada pembiayaan bertempoh dan bercagar, terutamanya kepada syarikat mantap yang bertumpu kepada industri perladangan, minyak & gas, pembangunan dan pembinaan hartanah. Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (“ETP”) Kerajaan yang sedang dijalankan terus menjadi pemangkin bagi pertumbuhan perniagaan dengan manfaat limpahan yang cukup besar kepada pelanggan PKS yang disasarkan.

Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan, pelaburan berterusan dalam sistem dan pekerja diperlukan supaya dapat meningkatkan aliran proses kerja dan mengasah kemahiran kakitangan melalui latihan dalaman dan luaran. Langkah ini dapat menyumbang ke arah pencapaian kecekapan yang lebih tinggi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

**PERBANKAN PELABURAN KORPORAT:**

**Sorotan 2012:**


- Pertumbuhan aset pembiayaan sebanyak 74%
- Jumlah pertumbuhan hasil Bank sebanyak 29.9%
- Dianugerahkan “Best Project Financing Deal of the Year in Southeast Asia”

The year 2012 posed significant challenges for the corporate and investment banking sector, as weak global economic conditions and uncertainties took their toll on investors' risk appetite and corporations' capital and fundraising plans. The limited capital market activity in an already extremely competitive environment put added pressure on the Bank to generate new business without compromising on deal quality and transaction viability.


Faced with an uncertain economic landscape and an intensely competitive market in 2012, the Bank took a conservative stance and adopted a considered approach in pursuing new business opportunities, whilst leveraging on the enhanced profile of the Bank's corporate and investment banking franchise for a competitive edge in its quest to secure new mandates.

The Bank's strategy proved successful as impressive growth numbers were registered for 2012 across all key performance indicators. Most notably, financing assets saw a remarkable 74% increase from 2011 with a net addition of RM1.1 billion to reach RM2.6 billion at year end. In respect of the bottom line, despite competitive pressures on margins, fund based income grew by 27% to RM84.2 million for the year, while non-fund based income surged 48% to RM16.3 million, with project and structured finance transactions amongst the significant contributors.

#### Total Assets (RM million)



#### Fund-based Income (RM million)



Tahun 2012 memberikan cabaran yang besar kepada sektor perbankan korporat dan pelaburan, apabila keadaan ekonomi global yang lemah dan tidak menentu memberikan kesan ke atas tanggungan risiko pelabur serta pelan pengumpulan modal dan dana syarikat. Aktiviti pasaran modal yang terhad dalam persekitaran yang sememangnya sangat kompetitif memberikan tekanan yang lebih kepada Bank untuk menghasilkan perniagaan baharu tanpa menjejaskan kualiti urusan dan daya maju urus niaga.

Berhadapan dengan lanskap ekonomi yang tidak menentu dan pasaran yang sangat kompetitif pada tahun 2012, Bank mengambil pendirian konservatif dan menggunakan pendekatan berwaspada dalam merebut peluang perniagaan baharu, sambil memanfaatkan profil francais perbankan korporat dan pelaburan Bank yang ditambah baik untuk kelebihan daya saing dalam usahanya mendapatkan mandat baharu.

Strategi Bank terbukti berjaya apabila angka pertumbuhan yang menarik dicatatkan bagi tahun 2012 dalam semua penunjuk prestasi utama. Perkara yang paling ketara ialah aset pembiayaan menyaksikan peningkatan sebanyak 74% daripada tahun 2011 dengan penambahan bersih sebanyak RM1.1 bilion, menjadikan jumlahnya RM2.6 bilion pada akhir tahun. Bagi pendapatan bersih, walaupun wujud tekanan kompetitif ke atas margin, pendapatan berasaskan dana meningkat sebanyak 27% kepada RM84.2 juta bagi tahun itu, manakala pendapatan berasaskan bukan dana meningkat sebanyak 48% kepada RM16.3 juta, dengan urus niaga pembiayaan projek dan pembiayaan berstruktur antara penyumbang terbesar.


#### Jumlah Aset (RM juta)



#### Pendapatan berasaskan dana (RM juta)



**Non-Fund based Income (RM million)**



Several significant mandates were concluded by the Bank during 2012, namely Principal Adviser for the listing of Pestech International Berhad on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad (which was recognised by The Edge as the Best Performing IPO for 2012); Mandated Lead Arranger for RM497 million of Syndicated Islamic Project Financing Facilities for an independent power producer in Sabah; Joint Lead Manager for DanaInfra Nasional Berhad's RM8 billion Government Guaranteed Islamic Commercial Papers/Medium Term Notes Programme to fund the Klang Valley MRT Project; and Joint Lead Manager for Turus Pesawat Sdn Bhd's RM5.3 billion Government Guaranteed Islamic Securities Programme to fund the acquisition of aircrafts by Malaysia Airlines.

The project finance as well as other structured finance transactions closed during the year had a considerable impact on the Bank's performance, being major contributors towards not just non-fund based income but also financing assets and fund based income. At the same time, the equity and debt capital market mandates helped to generate further recognition of Bank Islam's presence and capabilities in the investment banking sphere to further enhance future business prospects.

In 2013, with signs of global uncertainties dissipating and confidence returning to the local economy, more opportunities may present themselves as capital and fund raising activities pick up and the level of deal flow improves. However, the expected entrance of new Islamic banks into an already overcrowded market will ensure that competition remains as intense as ever in the pursuit of mandates.

The Bank will seek to capitalise on potential opportunities by leveraging on its relatively large Islamic underwriting capacity in pitching for deals and enhancing collaboration with other players to further supplement capacity and manage credit exposure risks more effectively. Existing relationships with Government-linked companies ("GLCs"), top tier corporate bodies and other listed entities will also be nurtured for additional business prospects while initiatives are undertaken to penetrate and establish relationships with other public listed companies to generate new business.

**Pendapatan berasaskan bukan dana (RM juta)**



Beberapa mandat penting diterima oleh Bank pada tahun 2012, iaitu Penasihat Utama bagi penyenaian Pestech International Berhad di Pasaran Utama, Bursa Malaysia Securities Berhad (yang diiktiraf oleh The Edge sebagai "IPO dengan Prestasi Terbaik" bagi tahun 2012); Pengatur Utama Bermandat bagi Kemudahan Pembiayaan Projek Islam Bersindiket bernilai RM497 juta untuk pengeluar tenaga bebas di Sabah; Pengurus Utama Bersama bagi program Kertas Perdagangan Islam/Nota Jangka Sederhana Islam Jaminan Kerajaan bernilai RM8 bilion oleh DanaInfra Nasional untuk membiayai Projek MRT Lembah Klang; dan Pengurus Utama Bersama bagi Program Sekuriti Islam Jaminan Kerajaan bernilai RM5.3 bilion oleh Turus Pesawat Sdn Bhd untuk membiayai pembelian pesawat udara oleh Malaysia Airlines.

Urus niaga pembiayaan projek dan pembiayaan berstruktur lain yang dimeterai dalam tahun itu memberi kesan kepada prestasi Bank, yang menjadi penyumbang utama bukan sahaja kepada pendapatan berasaskan bukan dana tetapi juga pendapatan berasaskan pembiayaan aset dan dana. Pada masa yang sama, mandat pasaran modal ekuiti dan hutang memberi pengiktirafan selanjutnya terhadap kewujudan dan kemampuan Bank Islam dalam bidang perbankan pelaburan untuk meningkatkan lagi prospek perniagaan masa hadapan.

Pada tahun 2013, dengan petanda pemulihan keyakinan dalam ekonomi tempatan dan ketidaktentuan global yang semakin lenyap, lebih banyak peluang akan wujud apabila aktiviti pengumpulan modal dan dana pulih, dan tahap aliran urusan bertambah baik. Walau bagaimanapun, kehadiran bank Islam baharu yang dijangka masuk ke dalam pasaran yang sedia ada sesak, akan memastikan persaingan terus hebat dalam usaha mendapatkan mandat.

Bank akan berusaha mengambil kesempatan daripada peluang yang mungkin dengan memanfaatkan kapasiti taja jamin Islamnya yang besar dalam usaha mendapatkan perniagaan dan meningkatkan kerjasama dengan pesaing lain untuk menambah lagi kapasiti dan menguruskan risiko pendedahan kredit dengan lebih berkesan. Hubungan sedia ada dengan syarikat berkaitan kerajaan ("GLC"), badan korporat terkemuka dan entiti tersenarai yang lain juga akan dipelihara sebagai prospek perniagaan tambahan, manakala inisiatif terus dijalankan untuk memulakan dan mengadakan hubungan dengan syarikat tersenarai awam yang lain bagi membentuk perniagaan baharu.

## TREASURY:

### 2012 Highlights

- Treasury asset slightly declined by 2%
- Contributed 34.5% of total revenue

Bank Islam's treasury operations broadly include soliciting of deposits from institutional clientele, marketing of foreign exchange related services, and trading of Ringgit denominated Sukuk and marketable securities. It also acts as an Islamic Principal Dealer providing market liquidity for securities specified by BNM for Islamic government Sukuks and bills. The Bank's treasury undertakes the management of liquidity risks and profit rate risks in line with strategies formulated by the Bank's Asset and Liability Management Committee. In doing so, it ensures compliance with regulatory and internal risk limits established by the Board.

Treasury continued to deliver a strong performance in 2012 contributing 34.5% or RM686.2 million to Bank Islam's total revenue despite challenging market conditions arising from the global economic crisis which impacted intra-regional trade. Fund based income grew 15.3% to RM586 million, while non-fund based income remained stable at RM100.2 million. The non fund based income was primarily driven by higher foreign exchange ("Forex") income of RM51.6 million and securities income of RM43.1 million. To-date, treasury assets comprise 42.6% of the Bank's balance sheet. About 84.5% of its portfolio comprise highly-rated Sukuk, i.e. AAA, government bonds and government guaranteed bonds.

Forex sales volume for corporate clients has increased by RM1.3 billion over the last five years to RM10.8 billion in 2012. This was attributed to the acquisition of new clients as well as growing interest in the Bank's enhanced Forex Telegraphic Transfer product called "Money2Overseas".

## PERBENDAHARAAN:

### Sorotan 2012:

- Aset perbendaharaan menurun sedikit sebanyak 2%
- Menyumbang 34.5% kepada jumlah hasil Bank

Secara umumnya, operasi perbendaharaan Bank Islam termasuk mendapatkan deposit daripada pelanggan institusi, memasarkan perkhidmatan berkaitan pertukaran asing serta perdagangan Sukuk denominasi Ringgit dan sekuriti boleh pasar. Perbendaharaan juga bertindak sebagai Peniaga Utama Islam yang menyediakan kecairan pasaran bagi sekuriti yang ditetapkan oleh BNM untuk Sukuk dan bil secara kerajaan Islam. Perbendaharaan Bank menjalankan pengurusan risiko kecairan dan risiko kadar keuntungan selaras dengan strategi yang dirumuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti Bank. Dengan berbuat demikian, ia memastikan pematuhan kawal selia dan had risiko dalaman yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Perbendaharaan terus menunjukkan prestasi yang kukuh pada tahun 2012 dengan menyumbang 34.5% atau RM686.2 juta kepada jumlah hasil Bank Islam walaupun keadaan pasaran yang mencabar akibat krisis ekonomi global dan memberikan kesan kepada perdagangan serantau. Pendapatan berasaskan dana meningkat sebanyak 15.3% kepada RM586 juta, manakala pendapatan berasaskan bukan dana kekal stabil pada RM100.2 juta. Pendapatan berasaskan bukan dana dipacu terutamanya oleh pendapatan Forex berjumlah RM51.6 juta dan pendapatan sekuriti berjumlah RM43.1 juta. Setakat ini, aset perbendaharaan terdiri daripada 42.6% daripada kunci kira-kira Bank. Kira-kira 84.5% portfolionya terdiri daripada Sukuk kadaran tinggi, iaitu, AAA, bon kerajaan dan bon jaminan kerajaan.

Jumlah jualan Forex bagi pelanggan korporat meningkat sebanyak RM1.3 bilion dalam tempoh lima tahun yang lepas kepada RM10.8 bilion pada tahun 2012. Ini disebabkan pemerolehan pelanggan baharu dan minat yang semakin meningkat terhadap produk Pemindahan Telegrafik Forex Bank yang ditambah baik, iaitu "Money2Overseas".



The Bank's Treasury foreign exchange team together with the relationship managers stepped up their marketing efforts to market foreign exchange related services to the Bank's corporate and commercial clients. During the year, Bank Islam has also secured a significant mandate for foreign remittance from the Malaysian Government, which is expected to bring in a steady income from 2013 onwards.

In 2012, Bank launched its Islamic Dual Currency Investment-i ("DCI-i"), a deposit product that is expected to earn higher returns than regular foreign currency deposits. DCI-i is a fixed deposit product linked to the performance of a pair of foreign currencies based on the concept of Wakalah-lil-Istithmar – an agency contract for investment – that meets both local and international Shariah standards. The product is expected to appeal to the Bank's existing customers who are looking to invest in dual currency structured investments or those with foreign currencies commitments, such as payment for education abroad.

DCI-i will also be an alternative risk management tool for Malaysian institutions or corporations seeking to manage their foreign currency exposures using a Shariah compliant product. The product essentially allows investors the flexibility to determine their own parameters when planning investments. DCI-i is targeted at investors who have views on the price movements of foreign currencies and those seeking potentially higher short-term returns than traditional deposit products.

Next in the pipeline is the Bank's collaboration with Western Union in expanding its remittance business to create another revenue stream for both fee-based and Forex business by enhancing our remittance capabilities at a low cost.

Sale of securities increased by 29.1% resulting in a revenue of RM43.1 million in 2012. As an Islamic Principal Dealer, the Bank actively participates in primary and secondary market of Islamic government bonds/Sukuk and bills specified by BNM. The Bank also plays an active role in the daily money market.

Treasury operations remain focused on managing the Bank's liquidity to ensure funding requirements are met. We have been working towards the Basel III ratios, emphasising more stable and long-term funding for the balance sheet. The Bank continues to leverage on its strong brand franchise, close rapport with various institutions and customers built over the years, and extensive network of branches to grow its sustainable core deposit base. As a result, treasury deposits which mainly comprise Waheed-i, negotiable instruments of deposits and special investment account grew by 20.4% to RM16.5 billion as at end 2012.

The Bank continues to invest in its infrastructure platform to improve its risk management capability. During the year, the Bank has acquired a new Asset Liability Management System that enables full and multi-dimensional analysis of the balance sheet. The Bank will continue to focus on maintaining a liquid balance sheet by proactively building up its core customer deposit base and investing in high grade liquefiable securities.

Pasukan pertukaran asing Perbendaharaan Bank bersama dengan pengurus perhubungan meningkatkan usaha pemasaran mereka untuk memasarkan perkhidmatan berkaitan pertukaran asing kepada pelanggan korporat dan komersil Bank. Semasa tahun tersebut, Bank Islam juga berjaya mendapatkan mandat penting bagi kiriman wang asing daripada Kerajaan Malaysia, yang dijangka menjana pendapatan yang stabil bermula pada tahun 2013 dan seterusnya.

Pada tahun 2012, Bank melancarkan Pelaburan Dwi-Mata Wang-i ("DCI-i") Islamnya, iaitu produk deposit yang dijangka membawa pulangan yang lebih tinggi daripada deposit mata wang asing yang biasa. DCI-i ialah produk deposit tetap yang dikaitkan dengan prestasi dua mata wang asing berdasarkan konsep Wakalah-lil-Istithmar – sejenis kontrak agensi bagi pelaburan – yang memenuhi piawaian Syariah tempatan dan antarabangsa. Produk ini dijangka menarik pelanggan Bank sedia ada yang ingin melabur dalam pelaburan berstruktur dua mata wang atau mereka yang mempunyai komitmen mata wang asing, seperti bayaran untuk pengajian luar negara.

DCI-i juga merupakan alternatif bagi kaedah pengurusan risiko untuk institusi atau syarikat yang sedang berusaha menguruskan pendedahan mata wang asing mereka dengan menggunakan produk patuh Syariah. Produk ini pada dasarnya memberikan fleksibiliti kepada pelabur untuk menentukan parameter masing-masing apabila merancang pelaburan. DCI-i mensasarkan pelabur yang mempunyai pandangan tentang pergerakan harga mata wang asing dan mereka yang mencari pulangan jangka pendek yang lebih tinggi dan berpotensi berbanding produk deposit tradisional.

Usaha seterusnya yang akan dilaksanakan tidak lama lagi ialah kerjasama Bank dengan Western Union dalam mengembangkan perniagaan kiriman wangnya bagi mewujudkan satu lagi aliran hasil bagi perniagaan berasaskan fi dan Forex, dengan meningkatkan kemampuan kiriman wang kami pada kos rendah.

Jualan sekuriti meningkat sebanyak 29.1% dan memberikan hasil RM43.1 juta pada tahun 2012. Sebagai Peniaga Utama Islam, Bank aktif menyertai pasaran peringkat pertama dan kedua bagi bon/Sukuk dan bil secara kerajaan Islam yang ditetapkan oleh BNM. Bank juga memainkan peranan aktif dalam pasaran wang harian.

Operasi perbendaharaan terus memberi tumpuan kepada pengurusan kecairan Bank bagi memastikan keperluan pendanaan dipenuhi. Kami berusaha ke arah nisbah Basel III, memberikan lebih penekanan kepada pendanaan jangka panjang yang lebih stabil untuk kunci kira-kira. Bank terus memanfaatkan francais jenamanya yang kukuh, hubungan rapat dengan pelbagai institusi dan pelanggan yang telah lama dibina, dan rangkaian cawangan yang meluas untuk mengembangkan pangkalan deposit terasnya yang mampan. Hasilnya, deposit perbendaharaan yang terdiri terutamanya daripada Waheed-i, instrumen boleh runding bagi deposit dan akaun pelaburan khas meningkat sebanyak 20.4% kepada RM16.5 bilion setakat akhir 2012.

Bank terus melabur dalam platform infrastrukturnya untuk meningkatkan kemampuan pengurusan risikonya. Semasa tahun tersebut, Bank memperoleh Sistem Pengurusan Liabiliti Aset yang baharu yang membolehkan analisis penuh dan pelbagai dimensi dilakukan ke atas kunci kira-kira. Bank akan terus memberikan tumpuan kepada mengekalkan kecairan kunci kira-kira dengan membina pangkalan deposit pelanggan utamanya secara proaktif dan melabur dalam sekuriti boleh cair gred tinggi.

Moving forward, given the heightened global financial volatility, the Bank has implemented proactive controls to manage its counter-party exposures and limits. We will also continue to put emphasis on managing the asset-liability gap, profit rate risk and displaced commercial risk within the Bank's prescribed risk appetite.

#### RECOVERY & REHABILITATION:

##### 2012 Highlights

- Gross Impaired Financing Ratio of 1.55%
- Net Impaired Financing Ratio of -0.67%

The Bank achieved its lowest ever Gross Impaired Financing Ratio and Net Impaired Financing Ratio in 2012, which contributed significantly to its bottom line. Gross Impaired Financing Ratio improved to 1.55% in December 2012 from 2.61% the year before, while Net Impaired Financing Ratio improved from -0.17% in 2011 to -0.67% in 2012. These achievements were credited to the implementation of several fresh initiatives based on the Bank's 'preventive' and 'proactive' approach.

Adopting the philosophy of "Prevention is Better than Cure", the Bank identified early engagement and support as a key driver in averting accounts from turning delinquent. A variety of proactive approaches comprising a proposal for restructuring, rescheduling of installment, settlement of financing and disposal of assets were employed. A Centralised Collection Centre was established to focus on early care management. A robust collection system utilising auto dialer technology was employed within this centre to boost productivity.

Proactive campaigns such as "Kami Prihatin Kami Sayang" were launched to encourage customers to come forward and seek manageable solutions towards settling long overdue financing. The campaign, which also served to deliver our social responsibility objectives, helped our customers to resolve their debt service obligations.

Moving ahead, the Bank has more plans in hand to sustain and improve Gross Impaired Financing Ratio below 2%. New proposals have been outlined to promote attractive rebate campaigns to delinquent customers; establish new measures to drive the productivity of our debt collection agents; and centralise the corporate recovery operations for greater focus.

Seterusnya, dengan mengambil kira ketidakpastian kewangan global, Bank telah melaksanakan kawalan proaktif untuk menguruskan pendedahan dan had pihak bank lain. Kami akan terus memberikan penekanan ke atas pengurusan jurang aset-liabiliti, risiko kadar keuntungan dan risiko komersil teranjak dalam tanggungan risiko yang ditetapkan Bank.

#### PEMULIHAN & REHABILITASI:

##### Sorotan 2012

- Nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar sebanyak 1.55%
- Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih sebanyak -0.67%

Bank mencapai nisbah pembiayaan terjejas kasar dan nisbah pembiayaan terjejas bersihnya yang paling rendah setakat ini pada tahun 2012, yang menyumbang dengan ketara kepada pendapatan bersihnya. Nisbah pembiayaan terjejas kasar bertambah baik kepada 1.55% pada Disember 2012 daripada 2.61% pada tahun sebelumnya, manakala nisbah pembiayaan terjejas bersih pula bertambah baik daripada -0.17% pada tahun 2011 kepada -0.67% pada tahun 2012. Pencapaian ini dianggap berpunca daripada pelaksanaan beberapa inisiatif baharu berdasarkan pendekatan 'pencegahan' dan 'proaktif' Bank.

Menggunakan falsafah "Pencegahan Lebih Baik daripada Pengobatan", Bank mengenal pasti penglibatan dan sokongan awal sebagai pemacu penting dalam mengelakkan akaun daripada menjadi tertunggak. Beberapa pendekatan proaktif yang terdiri daripada cadangan penstrukturan semula, penjadualan semula ansuran, penyelesaian pembiayaan dan pelupusan aset telah digunakan. Pusat Pengumpulan Berpusat telah ditubuhkan untuk memberikan tumpuan kepada pengurusan penjagaan awal. Sistem kutipan yang kukuh yang menggunakan teknologi pendail auto telah digunakan di pusat ini untuk meningkatkan produktiviti.

Kempen proaktif seperti "Kami Prihatin Kami Sayang" telah dilancarkan untuk menggalakkan pelanggan tampil ke depan dan mendapatkan penyelesaian yang mudah diurus bagi menjelaskan pembiayaan yang telah lama tertunggak. Kempen ini yang juga berfungsi menyampaikan objektif tanggungjawab sosial kami, membantu pelanggan kami menyelesaikan obligasi pembayaran hutang mereka.

Pada masa hadapan, Bank mempunyai lebih banyak rancangan untuk mengekalkan dan menambah baik nisbah pembiayaan terjejas kasar di bawah 2%. Cadangan baharu telah digariskan untuk mempromosikan kempen rebat yang menarik bagi pelanggan yang gagal memenuhi obligasi, mengambil langkah baharu untuk mendorong produktiviti ejen pemungut hutang kami; dan memusatkan operasi pemulihan korporat supaya tumpuan dapat dipertingkatkan.

## ADVANCING INTO 2013

As stipulated under the Islamic Financial Services Masterplan, Islamic assets are expected to make up about 40% of total financial market by 2020. Islamic banking assets are also expected to grow at 15% per annum under the ETP. Therefore moving forward it is a distinct possibility for Islamic banking assets to surpass or at least be at par with the conventional banking assets in 20 to 30 years, especially with the supportive measures put in place by the Malaysian government and authorities. These include benefits such as stamp duty exemption, rebates for new financing and the new Securities Commission ruling whereby to be listed as a Shariah Compliant Counter, a certain percentage of financing has to be sourced from Islamic banks. Moreover, some of the features of Islamic financing solutions are more attractive than conventional offerings, such as no commitment fee required for cash line/Islamic overdraft facility, tax and stamp duty exemption for Sukuk issuance, as well as stamp duty exemption for refinancing.

The Malaysian banking industry is expected to be challenging given intense competition for both, financing as well as deposits. Banks will continue to strive for innovation in products and services to achieve competitive advantage and deliver prompt and consistent service to meet the needs of their customers. Consumers are becoming more sophisticated and more reliant on technology as a medium of transaction. Differentiation in the customer service experience will be a key factor in delivering consistent quality service. In line with its philosophy that the "Customer is King", Bank Islam is resolute in paving the way forward for the industry through high responsiveness to customer needs, above-par service standards, continued overall innovation, within reach delivery channel and across-the-board customer care initiatives, all for the sake of providing outstanding banking experience.

These spell a challenging yet exciting future for Bank Islam moving ahead.

Bank Islam has embarked on its new corporate plan for 2013-2015 where robust growth strategies are in place to lend support to overall earnings momentum. "Hijrah to Excellence" or H2E hinges on six pillars namely Robust Organic Growth, Service Excellence, Shariah-led Innovation, Resource Optimisation, Employer of Choice and Regionalisation.

In defining robust organic growth, the Bank has laid out the following targets:

- Asset growth of 15% per annum
- Financing growth of 25% per annum
- Financing to deposits ratio of 75% by 2015
- Non-fund based income contribution of 15%
- Pretax profit growth of 15% per annum
- Cost to income ratio to be reduced to 50%

Servicing our customers well is the cornerstone of the H2E Plan. Bank Islam aims to focus on service excellence as its key differentiating factor. A host of service-centered initiatives are planned by leveraging on technology to enable greater

## MELANGKAH MAJU KE TAHUN 2013

Seperti yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perkhidmatan Kewangan Islam, aset Islam dijangka membentuk kira-kira 40% daripada jumlah pasaran kewangan menjelang 2020. Aset perbankan Islam juga dijangka berkembang pada 15% setahun di bawah ETP. Oleh itu, pada masa hadapan, terdapat kemungkinan yang jelas bahawa aset perbankan Islam akan melebihi atau sekurang-kurangnya setanding dengan aset perbankan konvensional dalam tempoh 20 hingga 30 tahun, terutamanya dengan langkah sokongan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia dan pihak berkuasa. Ini termasuk manfaat seperti pengecualian duti setem, rebat untuk pembiayaan baharu dan peraturan Suruhanjaya Sekuriti yang baharu iaitu bagi penyenaian sebagai Kaunter Patuh Syariah, syarikat yang berkenaan perlu memastikan bahawa peratusan tertentu pembiayaannya diperolehi daripada bank Islam. Tambahan pula, sesetengah ciri bagi penyelesaian pembiayaan Islam lebih menarik daripada tawaran konvensional, seperti tiada fi komitmen diperlukan untuk kemudahan aliran tunai/overdraft Islam, pengecualian cukai dan duti setem bagi terbitan Sukuk, dan juga pengecualian duti setem untuk pembiayaan semula.

Industri perbankan Malaysia dijangka mencabar memandangkan persaingan yang sengit dalam pembiayaan dan deposit. Bank akan terus berusaha ke arah inovasi produk dan perkhidmatan untuk mencapai kelebihan daya saing dan memberi perkhidmatan cepat dan konsisten bagi memenuhi keperluan pelanggan kami. Pengguna kini semakin canggih dan lebih bergantung kepada teknologi sebagai medium urusan niaga. Perbezaan dalam pengalaman perkhidmatan pelanggan menjadi faktor penting dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan konsisten. Selaras dengan falsafah "Pengguna adalah Raja", Bank Islam tekad dalam menyediakan cara untuk memajukan industri dalam memenuhi keperluan pelanggan, piawaian perkhidmatan berkualiti, inovasi menyeluruh yang berterusan, saluran penyampaian yang mudah dijangkau, serta inisiatif khidmat pelanggan secara menyeluruh, kesemuanya untuk menyediakan pengalaman perbankan yang terbaik.

Melangkah ke hadapan, Bank Islam menjangkakan masa hadapan yang mencabar tetapi mengujakan.

Bank Islam telah memulakan rancangan korporatnya yang baharu bagi tahun 2013-2015, dengan menyediakan strategi pertumbuhan yang kukuh dalam usaha memberikan sokongan kepada momentum perolehan keseluruhan. "Hijrah ke arah Kecemerlangan" atau H2E berpaksikan enam tunggak iaitu Pertumbuhan Organik yang Kukuh, Kecemerlangan Perkhidmatan, Inovasi berteraskan Syariah, Pengoptimuman Sumber, Majikan Pilihan dan Regionalisasi.

Dalam menentukan pertumbuhan organik yang kukuh, Bank telah menetapkan sasaran yang berikut:

- Pertumbuhan aset sebanyak 15% setahun
- Pertumbuhan pembiayaan sebanyak 25% setahun
- Nisbah pembiayaan kepada deposit sebanyak 75% menjelang 2015
- Sumbangan pendapatan berasaskan bukan dana sebanyak 15%
- Pertumbuhan keuntungan sebelum cukai sebanyak 15% setahun
- Nisbah kos kepada pendapatan dikurangkan kepada 50%

Memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan ialah asas Rancangan H2E. Bank Islam berhasrat memberikan tumpuan kepada kecemerlangan perkhidmatan sebagai faktor pembezanya yang utama. Banyak inisiatif berteraskan perkhidmatan yang dirancang

efficiency and convenience. We are embarking on a major review of our key end-to-end business process and streamlining our business procedures to ensure consistent delivery of our brand promise. The Bank will continue to invest in its people, building a dynamic workforce that embrace a customer centric culture. In reaching out to our customers, Bank Islam is also aiming to open at least another six branches to widen its base to 133 by the end of 2013, and 150 by 2015.

Innovation continues to be a key ingredient of the H2E Plan. Apart from being efficient, the Bank has to be innovative as well. What is offered today may not be suitable for the younger generation tomorrow. There must be new products and new ways of doing things. Customers are looking for simple products, transparent and hassle-free transactions. These initiatives are vital in order to meet customers' expectations and remain competitive in the industry.

Shariah-led innovation is another critical agenda to place Bank Islam as a source of reference. Advancing in Shariah capabilities is one of the main thrust of the H2E Plan. The Bank is committed to develop its resources and infrastructure to ensure Bank Islam continues as a Center of Reference for Islamic banking. The Bank plays active roles to promote the establishment and development of Islamic banking in new markets and jurisdiction. With our 30 years of experience and being the pioneer Islamic bank in this region, the Bank would be in a position to share its knowledge, capabilities, practical approach and experience to players new to the industry. The Bank aspires to become a "Knowledge Centre" for applied Islamic finance through the establishment of a Shariah Centre of Excellence.

Bank Islam also seeks to provide innovative Shariah-based products through continuous research and development of prototype Shariah contracts. As part of our journey, the Bank is planning to introduce Ijarah Muntahiya Bithamlik ("IMBT") by end of 2013 for house financing. The Bank is also reviewing to finalise Istisna' and Parallel Istisna' as Shariah contracts for project financing. Vehicle Financing based on Murabahah to the Purchase Orderer will be introduced in 2013. Shariah-led innovation is part our undertaking to continuously develop and innovate universally accepted financial solutions leveraging on our IT infrastructure, robust risk management framework and guided by our Shariah Supervisory Council comprising renowned local and international scholars.

Last but not least, regionalisation will also be on the cards as we keep an eye out for opportunities for mergers and acquisitions of other Islamic banks. Focus will be on retail Islamic banks that would offer synergies to our business and create value for our stakeholders.

With our H2E plans in place and the support of our stakeholders, regulators, the Government, and the grace of Allah, I look forward to the exciting journey ahead of us as Bank Islam continues to advance for the good of all towards its vision 'To Be A Global Leader in Islamic Banking'.

**Dato' Sri Zukri Samat**  
Managing Director

dengan memanfaatkan teknologi bagi membolehkan kecekapan dan keselesaan yang lebih tinggi dicapai. Kami sedang menjalankan kajian semula secara komprehensif terhadap proses perniagaan utama dan memperkemas prosedur perniagaan bagi memenuhi janji jenama kami. Bank akan terus melabur dalam pekerjaannya dan membina tenaga kerja yang dinamik yang mengamalkan budaya mengutamakan pelanggan. Dalam usaha mendekati pelanggan kami, Bank Islam juga merancang untuk membuka sekurang-kurangnya enam lagi cawangan untuk meluaskan pangkalannya kepada 133 menjelang hujung 2013, dan 150 menjelang 2015.

Inovasi terus menjadi perkara penting dalam Rancangan H2E. Selain daripada kecekapan, Bank juga perlu menjadi inovatif. Produk yang ditawarkan pada hari ini mungkin tidak sesuai untuk generasi muda pada masa akan datang. Oleh itu, mesti ada produk dan cara baharu untuk melakukan sesuatu. Pelanggan mencari produk yang mudah, transaksi yang telus dan tidak menyukarkan. Inisiatif ini penting bagi Bank untuk memenuhi jangkaan pelanggan dan terus kompetitif dalam industri ini.

Inovasi berteraskan Syariah merupakan satu lagi agenda penting untuk meletakkan Bank Islam sebagai sumber rujukan. Meningkatkan kemampuan Syariah merupakan salah satu penggerak utama rancangan H2E. Bank komited membangunkan sumber dan infrastrukturnya bagi memastikan Bank Islam terus menjadi Pusat Rujukan perbankan Islam. Bank memainkan peranan penting dalam menggalakkan penubuhan dan pembangunan perbankan Islam dalam pasaran dan kawasan baharu. Berbekalkan 30 tahun pengalaman dan sebagai bank Islam perintis di rantau ini, Bank berada dalam kedudukan yang sesuai untuk berkongsi pengetahuan, kemampuan, pendekatan yang praktikal dan pengalamannya dengan pemain baharu dalam industri ini. Bank berhasrat menjadi "Pusat Ilmu" bagi aplikasi pembiayaan Islam melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Syariah.

Bank Islam juga berusaha menyediakan produk berasaskan Syariah yang inovatif melalui penyelidikan dan pembangunan berterusan bagi kontrak Syariah prototaip. Melangkah ke hadapan, Bank merancang untuk memperkenalkan Ijarah Muntahiya Bithamlik ("IMBT") pada hujung tahun 2013 bagi pembiayaan rumah. Bank juga sedang membuat kajian untuk memuktamadkan Istisna' dan Istisna' Selari sebagai kontrak Syariah bagi pembiayaan projek. Pembiayaan kenderaan berasaskan Murabahah untuk "Purchase Orderer" akan diperkenalkan pada tahun 2013. Inovasi berteraskan Syariah merupakan sebahagian daripada usaha kami untuk terus membangunkan dan menginovasi penyelesaian kewangan yang diterima secara universal dengan memanfaatkan infrastruktur IT, rangka kerja pengurusan risiko kami yang mantap dan bimbingan daripada Majlis Pengawasan Syariah, yang terdiri daripada cendekiawan tempatan dan antarabangsa yang terkenal.

Akhir sekali, kemungkinan besar regionalisasi juga akan dilaksanakan sambil kami mencari peluang untuk penggabungan dan pemerolehan bank Islam yang lain. Tumpuan akan diberikan kepada bank Islam runcit yang menawarkan sinergi kepada perniagaan kami dan mewujudkan nilai bagi pihak berkepentingan kami.

Dengan adanya rancangan H2E dan sokongan daripada pihak berkepentingan kami, pengawal selia, kerajaan dan dengan rahmat Allah, saya mengharapkan perjalanan masa hadapan yang menarik sambil Bank Islam terus maju demi kebaikan semua dalam usahanya mencapai visi "Menjadi Pemimpin Global dalam Perbankan Islam".

**Dato' Sri Zukri Samat**  
Pengarah Urusan

# ADVANCING

## Care, Touching Lives

For 30 years, we have been more than just a banking institution where our commitment to corporate and social responsibility serves to seek a better future for all. Constantly being responsible for the communities and environment we operate in, we strive to enrich the health and wealth of the society, and ensure a harmonious livelihood for all.

### **Menunjukkan Keprihatinan, Mengubah Kehidupan**

Selama 30 tahun, kami bukan sekadar institusi perbankan, malah komitmen kami terhadap tanggungjawab korporat dan sosial bertujuan untuk memastikan masa depan yang lebih baik untuk semua. Kami sentiasa bertanggungjawab terhadap komuniti dan persekitaran di mana kami beroperasi, dan terus berusaha meningkatkan taraf kesihatan dan kekayaan masyarakat serta memastikan kehidupan yang harmoni untuk semua.





**More than RM5 million worth of Zakat  
has been contributed for the benefit of  
the community in 2012.**

Pungutan Zakat melebihi RM5 juta telah disumbangkan  
untuk manfaat komuniti pada 2012.

# Calendar of Significant Events

## Kalendar Peristiwa Penting



### JANUARY

**07** Collaborated with BERNAMA in organising the annual Bank Islam – Bernama Media Bowling Tournament 2012 with participation from major members of the media.

Bekerjasama dengan BERNAMA untuk menganjurkan Kejohanan Boling antara Media Bank Islam-Bernama 2012 yang disertai oleh anggota utama media.

**09** Collaborated with Lembaga Tabung Haji for the official launch of Islamic Financial Centre (“IFIC”), which houses Bank Islam branch and Bureau de Change.

Bekerjasama dengan Lembaga Tabung Haji untuk pelancaran rasmi Pusat Kewangan Islam (“IFIC”), yang menempatkan cawangan Bank Islam dan Biro Pertukaran Wang.

**18** Celebrated “An Afternoon with Corporate Investment Banking” occasion which was attended by corporate investors and clients of Bank Islam.

Meraikan majlis “An Afternoon with Corporate Investment Banking” yang dihadiri oleh pelabur dan pelanggan korporat Bank Islam.

### FEBRUARY

**10** Signed the Memorandum of Understanding on “Strategic Collaboration” with the co-operative body Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (“KOPSYA”).

Menandatangani Memorandum Persefahaman “Kerjasama Strategik” dengan badan koperasi, Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (“KOPSYA”).

**16** Welcomed the visitation of delegates from Bank Syariah Mandiri, Indonesia.

Menerima lawatan delegasi dari Bank Syariah Mandiri, Indonesia.

**24** Organised a series of Street Feeding Programme for the year 2012 with the distribution of packed food and essential items to the homeless throughout the streets of Kuala Lumpur together with Reach Out Malaysia.

Menganjurkan “Street Feeding Programme” bagi 2012 bersama Reach Out Malaysia dengan mengedar bungkusan makanan dan barangan keperluan kepada gelandangan di jalan-jalan sekitar Kuala Lumpur.

## MARCH

**02** Inaugurated Menara Bank Islam's Surau Ahmad Dawjee Dadabhy with formal visitation by Minister in the Prime Minister's Department, YB Senator Dato' Mejar Jeneral (B) Jamil Khir bin Baharom.  
Merasmikan Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhy, Menara Bank Islam oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Mejar Jeneral (B) Jamil Khir bin Baharom.

Welcomed the visitation of delegates from Unity Bank Nigeria.  
Menerima lawatan delegasi dari Unity Bank Nigeria.

**15** Welcomed the visitation of delegates from Members of Iraq House of Representatives.  
Menerima lawatan delegasi dari Members of Iraq House of Representatives.

**20** Signed the Corporate Integrity Pledge which makes Bank Islam the first Islamic bank in the country to do so.  
Menandatangani Ikrar Integriti Korporat, yang meletakkan Bank Islam sebagai bank Islam pertama di negara ini yang berbuat demikian.


## APRIL

**05** Awarded the Service To Care Award Malaysia 2012 for service excellence in the Islamic banking category.  
Menerima anugerah "Service To Care Award" Malaysia 2012 atas kecemerlangan perkhidmatan dalam kategori perbankan Islam.

**12** Presented the "Financial Sector Assessment Programme: Islamic Banking" paper in conjunction with visitation by International Monetary Fund ("IMF") and World Bank.  
Membentangkan kertas kerja, "Financial Sector Assessment Programme: Islamic Banking" sempena lawatan Tabung Kewangan Antarabangsa ("IMF") dan Bank Dunia.

**13-14** Organised a series of environmental initiatives which include beach clean-up and environmental awareness activities at Dungun as well as underwater clean-up activities at Pulau Tenggol, Dungun, both at Terengganu.  
Menganjurkan beberapa inisiatif alam sekitar termasuk aktiviti pembersihan pantai dan aktiviti kesedaran alam sekitar di Dungun, Terengganu serta aktiviti pembersihan dalam air di Pulau Tenggol, Dungun.

**20** Presented housing aid to a poor family as part of the ongoing "Projek Bantuan Rumah Bank Islam" programme at Kampung Anak Ayer Garam, Mambau, Seremban, Negeri Sembilan.  
Menyerahkan rumah bantuan kepada sebuah keluarga miskin di Kampung Anak Ayer Garam, Mambau, Seremban, Negeri Sembilan sebagai sebahagian daripada program "Projek Bantuan Rumah Bank Islam" yang sedang dilaksanakan.





## MAY

**08** Declared winner of the BrandLaureate Best Brands Awards 2011-2012 for Best Brand in Banking (Islamic Banking) by Asia Pacific Brands Foundation for the third year in a row.

Memenangi anugerah BrandLaureate Best Brands Awards 2011-2012 untuk kategori Jenama Terbaik dalam Perbankan (Perbankan Islam) oleh Asia Pacific Brands Foundation untuk tahun ketiga berturut-turut.

**10** Organised the launch of PESTECH International Berhad prospectus in conjunction with its listing on the main market of Bursa Malaysia Securities Berhad.

Menganjurkan pelancaran prospektus PESTECH International Berhad sempena penyenaaraiannya di pasaran utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.

**18** Organised the opening of Bandar Baru Perda branch, the first Bank Islam branch to offer banking services seven days a week.

Menganjurkan pembukaan cawangan Bandar Baru Perda, iaitu cawangan Bank Islam pertama yang menawarkan perkhidmatan perbankan tujuh hari seminggu.

**29** Named winner of the Platinum Award for Islamic Financial Services in the annual Reader's Digest Trusted Brands Award 2012 for the fourth straight year.

Memenangi anugerah Platinum Award untuk Perkhidmatan Kewangan Islam dalam majlis anugerah Reader's Digest Trusted Brands Award 2012 untuk tahun keempat berturut-turut.

## JUNE

**04** Launched its Islamic Dual Currency Investment-i ("DCI-i"), a fixed deposit product linked to the performance of a pair of foreign currencies based on the concept of Wakalah-lil-Istithmar (an agency contract for investment) that meets both local and international Shariah standards.

Melancarkan produk pelaburan Dwi-Mata Wang Islam ("DCI-i"), produk deposit tetap yang dikaitkan dengan pelaksanaan sepasang mata wang asing yang berdasarkan konsep Wakalah-lil-Istithmar (kontrak agensi untuk pelaburan) yang memenuhi kedua-dua piawaian Syariah tempatan dan antarabangsa.

**09&13** Participated in the shooting of "Destinasi Prihatin Ustazah Pilihan" TV programme.

Menyertai penggambaran program TV, "Destinasi Prihatin Ustazah Pilihan".

**22** Signed agreement with “Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional” (“PTPTN”) for implementation of the T+1 system for SSPN-i accounts in conjunction with the launch of “Kempen Simpanan Bonanza! SSPN-i”.

Menandatangani perjanjian dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (“PTPTN”) untuk pelaksanaan sistem T+1 bagi akaun SSPN-i sempena pelancaran “Kempen Simpanan Bonanza! SSPN-i”.

**23-24** Organised Media Treasure Hunt 2012 in collaboration with BERNAMA, with participation from members of the media who got involved in various CR activities along the KL – Kuantan route.

Menganjurkan “Media Treasure Hunt 2012” dengan kerjasama BERNAMA dan disertai oleh anggota media yang terlibat dalam pelbagai aktiviti CR di sepanjang laluan KL – Kuantan.

**26** Celebrated the “Commercial Banking Customer Appreciation Day” occasion with major customers of the Bank.

Meraikan majlis “Commercial Banking Customer Appreciation Day” dengan pelanggan utama Bank.

**29** Opened a new branch at Meru Raya, Ipoh.  
Membuka cawangan baharu di Meru Raya, Ipoh.

## JULY

**03** Contributed nine hearses and multi-purpose vans to various mosques and charity organisations from the states of Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang and Perak.

Menyumbangkan sembilan buah kereta jenazah dan van serba guna kepada beberapa buah masjid dan pertubuhan amal dari negeri Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang dan Perak.

**04&06** Organised a series of visitation for patients with the members of *Imam Muda* Season 3 at Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Lembah Pantai, Kuala Lumpur and Wad Pediatrik, Hospital Besar Kuala Lumpur.

Menganjurkan sesi melawat pesakit bersama peserta Imam Muda Musim 3 di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Lembah Pantai, Kuala Lumpur dan Wad Pediatrik, Hospital Besar Kuala Lumpur.





## JULY

**12** Presented business zakat to representative of Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.  
Menyerahkan wang zakat perniagaan kepada wakil Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

**15&19** Organised various CR activities with the members of Imam Muda Season 3 for the benefits of villagers at Kg Jawa, Hulu Langat, Selangor as well as students of Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ADDIN.

Menganjurkan pelbagai aktiviti CR bersama peserta Imam Muda Musim 3 untuk manfaat penduduk Kampung Jawa, Hulu Langat, Selangor dan pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat ADDIN.

**16** Organised a Zakat Handover Ceremony with the orphans of "Rumah Anak Yatim Permata Camar" in celebration of the Ramadan month.  
Menganjurkan Upacara Penyerahan Zakat bersama anak yatim dari Rumah Anak Yatim Permata Camar sempena sambutan bulan Ramadan.

**19** Organised the Spend & Win Prize-giving Ceremony to celebrate the five winners of BMW & Proton Inspira.  
Menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah bagi kempen "Spend & Win" untuk meraikan lima orang pemenang BMW dan Proton Inspira.

**20** Opened a new branch at Cyberjaya.  
Membuka cawangan baharu di Cyberjaya.

**23** Distributed packed food to staff of Utusan Malaysia and Kosmo at Utusan Melayu's office in Kuala Lumpur, in conjunction with the Ramadhan month.  
Menedarkan bungkusan makanan kepada kakitangan Utusan Malaysia dan Kosmo di pejabat Utusan Melayu di Kuala Lumpur sempena sambutan bulan Ramadan.

**26** Organised a "Majlis Berbuka Puasa" event for the NSTP Group staff at Balai Berita, Bangsar, Kuala Lumpur.  
Menganjurkan Majlis Berbuka Puasa untuk kakitangan Kumpulan NSTP di Balai Berita, Bangsar, Kuala Lumpur.

Started a series of "Majlis Berbuka Puasa" events for the underprivileged nationwide at Kota Bharu, Kelantan; Segamat, Johor; Kepala Batas, Pulau Pinang as well as Labuan and Shah Alam, Selangor in conjunction with Ramadan month.  
Mengadakan Majlis Berbuka Puasa untuk golongan kurang bernasib baik di seluruh negara yang bertempat di Kota Bharu, Kelantan; Segamat, Johor; Kepala Batas, Pulau Pinang serta Labuan dan Shah Alam, Selangor sempena bulan Ramadan.

**27** Opened the 125<sup>th</sup> Bank Islam branch at Bukit Jelutong, Selangor.  
*Membuka cawangan Bank Islam yang ke-125 di Bukit Jelutong, Selangor.*

## AUGUST

**01** Handed zakat contribution to Majlis Zakat Melaka.  
*Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Majlis Zakat Melaka.*

**02** Distributed packed food to staff of TV3, TV9 and NTV7 in conjunction with the Ramadan month.  
*Mengedarkan bungkus makanan kepada kakitangan TV3, TV9 dan NTV7 sempena sambutan bulan Ramadan.*

**03** Organised a “Majlis Berbuka Puasa” event for the BERNAMA and BERNAMA TV staff at Wisma BERNAMA, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.  
*Menganjurkan Majlis Berbuka Puasa untuk kakitangan BERNAMA dan BERNAMA TV di Wisma BERNAMA, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.*

**08** Organised a “Majlis Berbuka Puasa” event for the RTM staff at Angkasapuri, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.  
*Menganjurkan Majlis Berbuka Puasa untuk kakitangan RTM di Angkasapuri, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.*

**11** Organised the “Program Semarak Ramadan” in collaboration with Berita Harian at Masjid Al-Ikhlasiah, Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur where 40 volunteers from Bank Islam participated to prepare the “Buka Puasa” feast for about 1,000 local residents.

*Menganjurkan “Program Semarak Ramadan” dengan kerjasama Berita Harian di Masjid Al-Ikhlasiah, Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur yang disertai oleh 40 orang sukarelawan dari Bank Islam yang ditugaskan untuk menyediakan juadah Buka Puasa untuk kira-kira 1,000 penduduk tempatan.*

**13** Distributed packed food to staff of Sinar Harian at Karangkraf, Shah Alam, Selangor in conjunction with the Ramadhan month.  
*Mengedarkan bungkus makanan kepada kakitangan Sinar Harian di Karangkraf, Shah Alam, Selangor sempena sambutan bulan Ramadan.*

*Handed zakat contribution to Majlis Agama Islam Negeri Johor. Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.*





## AUGUST

- 14** Organised a “*Majlis Berbuka Puasa*” event and handover of charitable donations to the orphans of Pahang.  
Menganjurkan Majlis Berbuka Puasa dan penyampaian derma amal kepada anak yatim di Pahang.
- 29** Celebrated “*Hari Raya Aidilfitri*” with the staff of Bank Islam Head Office at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.  
Menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama kakitangan Ibu Pejabat Bank Islam di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
- 31** Participated in “*Hari Perbarisan Kontinjen Institusi Kewangan*” with other banking institutions in conjunction with the 55<sup>th</sup> Merdeka celebration at Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.  
Menyertai “*Hari Perbarisan Kontinjen Institusi Kewangan*” dengan institusi perbankan lain sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-55 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

## SEPTEMBER

- 03** Started a series of “*Hari Raya Aidilfitri Open House*” celebration with corporate clients of all regions nationwide at Melaka, Terengganu, Sarawak, Perlis and Kuala Lumpur.  
Mengadakan majlis sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri bersama pelanggan korporat dari semua wilayah di seluruh negara di Melaka, Terengganu, Sarawak, Perlis dan Kuala Lumpur.
- 11** Handed zakat contribution to Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah.  
Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah.
- 12** Organised a ceremony for the prospective Hajj pilgrims of Bank Islam staff.  
Menganjurkan majlis bagi kakitangan Bank Islam yang akan menunaikan haji.
- 13** Launched the BIMB Dana Al-Fakhim investment products by BIMB Investment Management Berhad.  
Melancarkan produk pelaburan BIMB Dana Al-Fakhim oleh BIMB Investment Management Berhad.

**16** Celebrated “*Hari Raya Aidilfitri*” with the homeless and poor in conjunction with Bank Islam – Reach Out Street Feeding Programme at New Bus Stand Klang, Kuala Lumpur.

Menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama gelandangan dan orang miskin sempena Bank Islam – *Reach Out “Street Feeding Programme”* di Hentian Bas Klang baharu, Kuala Lumpur.

**19** Launched Al-Awfar RM1 Million Campaign at Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Melancarkan Kempen Sejuta Ringgit Al-Awfar di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Participated in Global Islamic Finance Forum (“GIFF”) at Kuala Lumpur.

Menyertai Forum Kewangan Islam Global (“GIFF”) di Kuala Lumpur.

**24** Handed zakat contribution to Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak Darul Ridzuan.

Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak Darul Ridzuan.

**25** Welcomed the visitation of delegates from Saudi Credit & Savings Bank, Saudi Arabia.

Menerima lawatan delegasi dari Saudi Credit & Savings Bank, Arab Saudi.

**27** Handed zakat contribution to Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

## OCTOBER

**01** Participated in IFN Asia Forum 2012 at KL Convention Centre, Kuala Lumpur.

Menyertai IFN Asia Forum 2012 di Pusat Konvensyen KL, Kuala Lumpur.

Handed zakat contribution to Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.





## OCTOBER

**27** Started a series of “Ibadah Korban Bank Islam 2012” programme with local residents nationwide at Melaka, Perak, Pahang, Selangor and Sabah.

Mengadakan program “Ibadah Korban Bank Islam 2012” bersama penduduk setempat di seluruh negara di Melaka, Perak, Pahang, Selangor dan Sabah.

**31** Launched the University Debit Card-i (“UNIDEBIT”) for Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”) which was officiated by UMK’s Vice Chancellor, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Bin Haji Che Rose.

Melancarkan Kad Debit Universiti-i (“UNIDEBIT”) bagi Universiti Malaysia Kelantan (“UMK”) yang dirasmikan oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Bin Haji Che Rose.

Organised the Ar-Rahnu Zakat Handover ceremony to 46 students of Maahad Tahfiz Darul Quran Wal Qiraat, Pasir Mas; Markaz Al-Aitam, Pasir Puteh and SK Demit 2, Pengkalan Chepa, Kelantan, where zakat contribution was also made to several mosques within the vicinity and Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Kelantan.

Menganjurkan upacara Penyerahan Zakat Ar-Rahnu kepada 46 orang pelajar dari Maahad Tahfiz Darul Quran Wal Qiraat, Pasir Mas; Markaz Al-Aitam, Pasir Puteh dan SK Demit 2, Pengkalan Chepa, Kelantan. Sumbangan wang zakat juga disampaikan kepada beberapa buah masjid di kawasan sekitar dan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Kelantan.

## NOVEMBER

**08** Organised the Trade Customers Appreciation Luncheon Central Region event for major clients of Trade Services Management.

Menganjurkan majlis *Trade Customers Appreciation Luncheon Central Region* untuk pelanggan utama Trade Services Management.

**26** Welcomed the visitation by delegates of Islamic Bank of Thailand.

Menerima lawatan delegasi dari Islamic Bank of Thailand.

## DECEMBER

**04** Received the Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 (Public Company category) award by Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (“JAWHAR”).

Menerima Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 (kategori Syarikat Awam) oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (“JAWHAR”).

**05** Organised the “2012 Review & Outlook for 2013” luncheon talk for major corporate clients and business analysts.

Menganjurkan Luncheon Talk: “2012 Review & Outlook for 2013” untuk pelanggan korporat utama dan penganalisis perniagaan.

**10** Organised the handover ceremony of “Rumah Bantuan Bank Islam” to 23 poor families from Pahang state, which was graced by Menteri Besar Pahang, YAB Dato’ Sri DiRaja Haji Adnan Bin Haji Yaakob.

Menganjurkan upacara penyerahan Rumah Bantuan Bank Islam kepada 23 buah keluarga miskin dari negeri Pahang, yang dihadiri oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato’ Sri DiRaja Haji Adnan Bin Haji Yaakob.

**12** Organised the official launch of Bank Islam branch in conjunction with the grand opening of Plaza Merdeka Consumer Business Centre at Kuching, Sarawak.

Menganjurkan pelancaran rasmi cawangan Bank Islam sempena pembukaan besar-besaran Pusat Perniagaan Konsumer Plaza Merdeka di Kuching, Sarawak.

**21** Opened a new branch at Bandar Kinrara, Puchong, Selangor.  
Membuka cawangan baharu di Bandar Kinrara, Puchong, Selangor.

Opened Sarawak’s sixth branch in Sibul.  
Membuka cawangan Sarawak yang keenam di Sibul.

**27** Handed zakat contribution to Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Menyerahkan sumbangan wang zakat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.



# Advancing Corporate Responsibility

Memajukan Tanggungjawab  
Korporat

30 years of continuous growth have seen Bank Islam become a significant financial institution it is today. Yet, more significantly, it is the Bank's ability to touch lives that has become the cornerstone of its operations. The very idea of Corporate Responsibility ("CR") has been embedded into the Bank's culture, where Islamic core values shape the heart of the Bank's business and anchor its success.

Pertumbuhan yang berterusan selama 30 tahun telah menyaksikan Bank Islam menjadi institusi kewangan yang penting hari ini. Namun, yang lebih ketara lagi adalah keupayaan bank untuk menyentuh aspek kehidupan yang menjadi asas operasinya. Tanggungjawab Korporat ("CR") itu sendiri tertanam dalam budaya bank dan nilai teras islam membentuk intipati perniagaan bank dan menjadi asas kejayaannya.





*“By committing to corporate and social responsibility, we travel the path of excellence in creating a better world for everyone”*

By supporting our stakeholders and encouraging positive development of the environment where they live, work and play, Bank Islam helps realise a stable society, on which it can then nurture long-term business success. Guided by the philosophy that enhancement of the society leads to sustainable growth, Bank Islam’s CR activities and initiatives encompass four core pillars namely, workplace, marketplace, community and environment.

#### **MARKETPLACE – ENRICHING THE INDUSTRY**

Being the first Islamic bank in Malaysia, Bank Islam naturally embraces its responsibility in sharing its knowledge, experience and raising public awareness about Shariah-based banking products and services in its continuous effort to promote development of Islamic finance. The Bank also seeks to communicate effectively with its stakeholders and lead the industry forward by adhering to the best standards of governance – both international and Shariah spheres.

*“Dengan komitmen kami terhadap tanggungjawab korporat dan sosial, kami melalui jalan kecemerlangan bagi mewujudkan dunia yang lebih baik untuk semua”*

Dengan menyokong pihak berkepentingan kami dan menggalakkan perkembangan positif dalam persekitaran di mana mereka tinggal, bekerja dan menjalani kehidupan, Bank Islam membantu merealisasikan masyarakat yang stabil, yang melaluinya Bank boleh memupuk kejayaan perniagaan jangka panjang. Berpandukan falsafah bahawa penambahbaikan masyarakat membawa kepada pertumbuhan yang mampan, aktiviti dan inisiatif CR Bank Islam merangkumi empat tonggak utama, iaitu tempat kerja, kegiatan pasaran, komuniti dan alam sekitar.

#### **PASARAN – MEMPERKUKUH INDUSTRI**

Sebagai bank Islam pertama di Malaysia, Bank Islam sewajarnya memikul tanggungjawab untuk berkongsi pengetahuan dan pengalamannya serta meningkatkan kesedaran orang ramai tentang produk dan perkhidmatan perbankan berasaskan Syariah dalam usaha berterusan untuk menggalakkan pembangunan kewangan Islam. Bank juga berusaha untuk berkomunikasi secara berkesan dengan pihak berkepentingannya dan menerajui industri ke hadapan dengan mematuhi standard tadbir urus yang terbaik – di peringkat antarabangsa serta menurut Syariah.

### Ethical & Responsible Banking

Bank Islam's good reputation in the industry is sustained by the trust held by its customers. To this end, the Bank has seen to it that a formal code of conduct and policies were implemented to uphold the principles of integrity, honesty and responsibility as well as ensure transparency and disclosure in all its business dealings. Central to those include the following:

- **Ethical Banking** – The Bank is committed to creating socially and environmentally conscious banking practices in that any businesses undertaken with or by the Bank will not have any adverse effects on the society and environment.
  - **Responsible Banking** – The Bank takes responsibility in ensuring that its customers are not overleveraged when making use of the banking facilities on offer, thus making certain that the customers are not overextended when, among other things, paying off financing amount and ensuring their well-being.
  - **Corporate Integrity Pledge\*** – The first Islamic banking institution in Malaysia to sign the pledge, the Bank has formally declared its commitment towards preventing corruption and promoting a high standard of integrity. With the declaration, the Bank has formalised the act of asset declaration by its management staff as well as the no gift policy, whereby corporate gifts received are given away to charity during festive season.
- \* *More information on the above can be found in the "Ethics, Integrity & Trust" section at page 126.*

### Products & Services

In fulfilling its role as the flag bearer of the Islamic banking industry, Bank Islam strives to create a banking system that leads to a fair and balanced society as envisioned by Islamic economy. Bank Islam's products and services reflect the foremost Islamic principle, in which all business transactions should be undertaken in good faith that benefits all parties involved and conform to the moral objectives of the society.

### PERBANKAN BERETIKA & BERTANGGUNGJAWAB

Reputasi baik Bank Islam dalam industri dikekalkan melalui kepercayaan pelanggannya. Justeru itu, Bank memastikan bahawa tatakelakuan dan dasar rasmi dilaksanakan untuk menegakkan prinsip integriti, kejujuran dan tanggungjawab serta memastikan ketelusan dan pendedahan dalam semua urusan perniagaannya. Perkara berikut merupakan teras tatakelakuan dan dasar tersebut:

- **Perbankan Beretika** – Bank komited untuk mewujudkan amalan perbankan yang peka terhadap masyarakat dan alam sekitar, iaitu apa-apa urusan niaga yang dilakukan dengan Bank atau oleh Bank tidak akan mendatangkan apa-apa kesan buruk terhadap masyarakat dan alam sekitar.
- **Perbankan Bertanggungjawab** – Bank bertanggungjawab untuk memastikan agar ia tidak mengambil kesempatan ke atas pelanggan yang menggunakan kemudahan perbankan yang ditawarkan, dengan itu memastikan pelanggan tidak terlalu terbeban apabila, antara lain, melangsaikan amaun pembiayaan dan memastikan kesejahteraan mereka.
- **Ikrar Integriti Korporat\*** – Sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang menandatangani ikrar, Bank mengisytiharkan secara rasmi komitmennya untuk mencegah rasuah dan menggalakkan standard integriti yang tinggi. Dengan perisytiharan itu, Bank memformalkan tindakan pengisytiharan aset oleh kakitangan pengurusan serta dasar larangan pemberian dan penerimaan hadiah, yang menetapkan hadiah korporat yang diterima akan diberikan kepada pertubuhan amal semasa musim perayaan.

\* *Maklumat lanjut tentang perkara di atas boleh didapati di bahagian 'Etika, Integriti & Amanah' pada halaman 126.*

### Produk & Perkhidmatan

Dalam memenuhi peranannya sebagai peneraju industri perbankan Islam, Bank Islam berusaha untuk mewujudkan sistem perbankan yang membawa kepada masyarakat yang saksama dan seimbang seperti yang dihasratkan oleh ekonomi Islam. Produk dan perkhidmatan Bank Islam mencerminkan prinsip Islam yang terpenting, iaitu semua urusan niaga harus dilakukan dengan jujur supaya ia memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan menepati objektif moral masyarakat.





The Bank's focus on promoting social and economic development has led to, among other things, several products that facilitate a greater number of house ownership among the nation's populations. The products include:

- **Payment Holiday Scheme** – Customers are entitled to skip their monthly payments for the months of November and December every year until the maturity of the financing tenure. Instead of 12, they are only required to pay 10 monthly installments. The scheme is designed to lessen the customers' financial burden where they are typically faced with higher-than-usual financial requirements towards the year-end.
- **No Payment During Construction Scheme** – Under this scheme, the repayment of the house financing will commence only upon completion of the construction and after delivery of vacant possession by the developer. This has the effect of easing the financial burden of house-buyers who are likely to be paying monthly rental while the purchased house is under construction.

The introduction of Housing Credit Guarantee Scheme is in line with the government's effort to encourage house ownership among the population. A joint community project with the Ministry of Finance, the scheme is conceived to provide assistance to individuals who have difficulties in providing evidence to substantiate their incomes when it comes to home financing applications. Continuing the theme of opening up more opportunities for house ownership, the Bank is also an active participant of the government's PR1MA initiative, developed to assist middle income earners to own residential property.

In helping to ease the customers' burden upon purchasing their houses, a Home Financing Bonanza campaign has been introduced, which offers participating customers an opportunity to win home appliances and health products. Another effort includes the introduction of 'Wahdah' (refinancing) term, which offers value proposition to house owners such as larger financing amount, debt consolidation and reduction in monthly installment, hence allowing house owners to have extra cash for other needs.

The Bank had collaborated with Universiti Institut Teknologi MARA ("UiTM") in introducing a co-branded Platinum MasterCard, which enables users to contribute to a special scholarship fund (*Tabung Mengubah Destinasi Anak Bangsa*). The fund is used to help poor rural students pursue their tertiary education at UiTM. Under this initiative, each time the card is used for retail purchases, 0.3% of the amount transacted is donated to the fund. Upon its introduction in 2010, Bank Islam has already contributed a total sum of RM600,000 to UiTM, benefitting about 15,000 students.

The same principle applies to the Bank's yearly 'Amal Jariah' programme, where the fund is specially distributed in the month of Ramadan for a variety of noble causes. These include helping out the needy and initiating the *Waqaf Al-Quran* programme, an *Al-Quran* donation drive for identified mosques and 'surau'.

Tumpuan Bank pada usaha untuk menggalakkan pembangunan sosial dan ekonomi telah membawa kepada, antara lain, beberapa produk yang memudahkan lebih banyak pemilikan rumah dalam kalangan penduduk negara. Produk ini termasuk:

- **Skim Penangguhan Pembayaran ('Payment Holiday')** – Pelanggan dibenarkan menangguhkan pembayaran bulanan bagi bulan November dan Disember setiap tahun sehingga tarikh matang tempoh pembiayaan. Mereka hanya perlu membayar 10 ansuran bulanan, bukannya 12. Skim ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelanggan yang biasanya berhadapan dengan keperluan kewangan yang lebih tinggi daripada biasa menjelang akhir tahun.
- **Skim Tiada Pembayaran Semasa Pembinaan** – Di bawah skim ini, pembayaran balik pembiayaan rumah hanya akan bermula setelah rumah siap dibina dan selepas penyerahan pemilikan kosong oleh pemaju. Skim ini meringankan beban kewangan pembeli rumah yang mungkin perlu membayar sewa bulanan sementara rumah yang dibeli masih dalam pembinaan.

Pengenalan Skim Jaminan Kredit Perumahan adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan penduduk. Skim ini merupakan projek komuniti bersama dengan Kementerian Kewangan, yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada individu yang menghadapi kesukaran dalam menyediakan bukti untuk mengesahkan pendapatan mereka apabila mereka memohon pembiayaan perumahan. Bagi meneruskan tema membuka lebih banyak peluang untuk pemilikan rumah, Bank juga terlibat secara aktif dalam inisiatif PR1MA kerajaan, yang diwujudkan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki kediaman sendiri.

Bagi membantu meringankan beban pelanggan apabila mereka membeli rumah, kempen Bonanza Pembiayaan Rumah telah diperkenalkan, yang menawarkan peluang kepada pelanggan yang menyertainya untuk memenangi peralatan rumah dan produk kesihatan. Usaha lain termasuk memperkenalkan istilah 'Wahdah' (pembiayaan semula), yang memberikan tawaran nilai kepada pemilik rumah seperti amaun pembiayaan yang lebih besar, penyatuan hutang dan pengurangan ansuran bulanan, dengan itu membolehkan pemilik rumah mempunyai wang lebih untuk keperluan lain.

Bank telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi MARA ("UiTM") dalam memperkenalkan Platinum MasterCard jenama bersama, yang membolehkan pengguna menyumbang kepada tabung biasiswa khas (Tabung Mengubah Destinasi Anak Bangsa). Dana ini digunakan untuk membantu pelajar miskin di luar bandar meneruskan pengajian mereka di UiTM. Di bawah inisiatif ini, setiap kali kad digunakan untuk pembelian runcit, 0.3% daripada amaun urus niaga akan didermakan kepada tabung. Sejak tabung ini diperkenalkan pada 2010, Bank Islam telah menyumbang sejumlah RM600,000 kepada UiTM yang memberi manfaat kepada kira-kira 15,000 pelajar.

Prinsip yang sama juga digunakan untuk program 'Amal Jariah' tahunan Bank. Dana diagihkan khas dalam bulan Ramadan untuk pelbagai amal jariah, termasuk membantu golongan yang memerlukan dan memulakan program Waqaf Al-Quran, iaitu kempen menderma al-Quran kepada masjid dan surau.

In providing its *Ar-Rahnu* service, Bank Islam supports the government's initiative to promote financial inclusion to the small business community. The service offers fair, transparent and interest-free pawnshop facility, especially useful for small-time or petty traders who have difficulty gaining financing access from typical financial institutions. The year 2012 saw the number of *Ar-Rahnu* outlets expanding to four with the latest one opened in Tanah Merah, Kelantan.

Our award-winning Transact-at-Palm Mobile Banking solution ("TAP-i") is a further demonstration of the Bank's dedication to making the latest banking innovations and products available to a wider segment of the population. With TAP-i, customers are able to partake in electronic banking transactions only by using a typical mobile phone and requiring no Internet access; ensuring that customers without Internet access are not left behind when it comes to accessing the latest in mobile banking trends or solutions.

Our TAP-i service has certainly made banking more convenient and hassle-free to the members of *Amanah Ikhtiar Malaysia* ("AIM"). They can now manage their accounts even while actively on the move especially for the payment of micro-financing installments.

#### Source of Reference

As the first bank in Malaysia to be given the mandate to implement Islamic banking practices, Bank Islam has assumed the responsibility of becoming the source of reference for Shariah-based financial products and services. The Bank has been active in raising awareness on Islamic banking and driving the development of the Islamic economy.

The Bank feels duty bound to share its knowledge and experience among other fledgling or established financial and related institutions. These were exemplified by the number of engagements made with established corporations within and outside the country, with the aim of advocating the benefits of Islamic banking and finance. A number of financial and Shariah experts, including key management figures from Bank Islam, have been invited to share their views and knowledge on specific subject matters and this include the Islamic Banking Operations and Regulatory Framework Workshop organised by Centre of Banking Studies, Central Bank of Sri Lanka. The workshop featured the Bank's Head of Shariah division, presenting an overview of Shariah guidelines for '*Sukuk*' or Islamic bonds. The Bank's Chief Risk Officer has been invited to give the "Risk Awareness" talk to Prokhas and was selected as a panellist during the Global Islamic Finance Forum 2012 ("GIFF 2012"). Additionally the Bank's Head of Treasury division had also been engaged to give talks at notable events such as GIFF 2012 and the World Islamic Banking Conference in Bahrain, and had also been invited to discuss "Reaching Consensus on Sukuk Trading" during the Securities Commission – Oxford Centre Islamic Studies forum.

Dalam memberikan perkhidmatan *Ar-Rahnu*, Bank Islam menyokong inisiatif kerajaan untuk menggalakkan rangkuman kewangan, khususnya bagi komuniti perniagaan kecil. Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan pajak gadai tanpa faedah yang saksama dan telus, yang amat berguna kepada peniaga kecil yang biasanya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan biasa. Pada 2012, jumlah cawangan *Ar-Rahnu* meningkat kepada empat buah. Cawangan terbaharu dibuka di Tanah Merah, Kelantan.

Penyelesaian Perbankan Mudah Alih Transact-at-Palm ("TAP-i") yang memenangi anugerah merupakan satu lagi contoh dedikasi Bank dalam memastikan inovasi dan produk perbankan terbaharu boleh didapati secara meluas oleh sebilangan besar penduduk. Dengan TAP-i, pelanggan boleh melakukan urusan niaga perbankan elektronik hanya dengan menggunakan telefon bimbit biasa tanpa memerlukan akses internet. Selain itu, Bank memastikan bahawa kumpulan pelanggan tertentu tidak ketinggalan dalam mengakses trend atau penyelesaian perbankan mudah alih yang terkini.

Perkhidmatan TAP-i kami sememangnya menjadikan urusan perbankan lebih selesa dan mudah untuk ahli Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Kini, mereka boleh mengurus akaun mereka tidak kira di mana sahaja, terutamanya untuk pembayaran ansuran pembiayaan mikro.

#### Sumber Rujukan

Sebagai bank pertama di Malaysia yang diberikan mandat untuk melaksanakan amalan perbankan Islam, Bank Islam memikul tanggungjawab sebagai sumber rujukan bagi produk dan perkhidmatan kewangan berasaskan Syariah. Bank giat meningkatkan kesedaran tentang perbankan Islam dan memacu pembangunan ekonomi Islam.

Menjadi kewajiban Bank untuk berkongsi pengetahuan dan pengalamannya dengan institusi kewangan dan institusi berkaitan yang lain, sama ada yang baru ditubuhkan atau pun yang telah bertapak. Kewajiban ini ditunjukkan melalui urusan yang dibuat dengan syarikat yang telah bertapak di dalam dan di luar negara, dengan tujuan untuk menyokong manfaat perbankan dan kewangan Islam. Beberapa pakar kewangan dan Syariah, termasuk tokoh pengurusan penting daripada Bank Islam, telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan pengetahuan mereka tentang perkara tertentu, dan ini termasuk Bengkel Operasi dan Rangka Kerja Kawal Selia Perbankan Islam yang dianjurkan oleh Centre for Banking Studies, Central Bank of Sri Lanka. Bengkel tersebut menampilkan ketua bahagian Syariah Bank, yang membentangkan gambaran keseluruhan garis panduan Syariah untuk '*Sukuk*' atau bon Islam. Ketua Pegawai Risiko Bank telah dijemput untuk memberikan ceramah tentang "Kesedaran Risiko" kepada Prokhas dan dipilih sebagai ahli panel Forum Kewangan Islam Global 2012 ("GIFF 2012"). Selain itu, ketua bahagian Perbendaharaan Bank juga telah dijemput untuk memberikan ceramah di acara penting seperti GIFF 2012 dan Persidangan Perbankan Islam Dunia di Bahrain, dan juga telah dijemput untuk membincangkan "Reaching Consensus on Sukuk Trading" semasa forum anjuran Suruhanjaya Sekuriti dan Oxford Centre of Islamic Studies.

Bank Islam has also continued to receive foreign delegations that have shown keen interest in learning more about Bank Islam and Islamic banking in general. One of the visitations last year included a briefing by the Bank's Head of Legal & Secretarial division to delegates from the Islamic Bank of Thailand. 2012 also saw visitations from Bank Syariah Mandiri of Indonesia, Saudi Credit and Saving Bank, Unity Bank Nigeria and Member of Iraq House of Representative.

Efforts to further promote knowledge on Islamic banking and finance among the public and industry were complemented by the Bank's continued participation and sponsorship of various world renowned finance conferences and exhibitions such as IFN Asia Forum 2012 and Asian Finance Forum 2012. These efforts have brought global attention to the significance of the Islamic banking and finance industry. The Bank has also contributed to a number of specially-selected events aimed at developing society in general, such as the UPM's My Career Fair 2012, Selangor MATTA Islamic Travel, IBBM Careers 2012 and BN Youth Job Fair 2012.

## WORKPLACE – FACILITATING THE EMPLOYEES

Over the years, the Bank has nurtured a conducive working environment that not only engages its staff but also strives to look after their well-being. The focus is on promoting a balanced lifestyle for the staff as well as getting them engaged with activities other than work. These efforts have resulted in an enhanced employer-employee relationship which maximises its staff's potential to be leaders in the Islamic financial industry.

### Kelab Kebajikan Bank Islam

'Kelab Kebajikan Bank Islam' was born out of the need to help the Bank in dealing with issues pertaining to the welfare of its employees. It also plays a role in fostering and preserving the spirit of brotherhood among the Bank's staff through a number of activities and initiatives such as the annual Bank Islam Sports Carnival, which not only seeks to promote the importance of having work-life balance but also fosters the spirit of unity and camaraderie among employees who come from different corners of the country. Regional Family Day events have also been organised which further strengthen relationships among the Bank's staff.

### Health & Safety

Bank Islam is committed to providing a safe, secure and healthy working environment for not just its staff, but also its customers, vendors and visitors. By implementing the Occupational Safety & Health guideline, the Bank has organised a number of seminars, which focused on imparting knowledge for the staff to maintain a healthy lifestyle. A seminar with Fitness First has been conducted at the office premises where staff were exposed to the importance of maintaining a fit and healthy body. Additionally, training programmes have also been conducted with relevant authorities with the aim of achieving zero accidents and reducing disease risk in the offices and branches of Bank Islam.

Bank Islam juga terus menerima delegasi asing yang menunjukkan minat yang mendalam untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Bank Islam dan perbankan Islam secara am. Salah satu lawatan pada tahun lepas termasuk taklimat oleh ketua bahagian Perundangan & Kesetiausahaan Bank kepada delegasi dari Islamic Bank of Thailand. Tahun 2012 juga menyaksikan lawatan delegasi dari Bank Syariah Mandiri, Indonesia; Saudi Credit and Savings Bank; Unity Bank Nigeria dan Members of Iraq House of Representatives.

Usaha untuk menggalakkan lagi pengetahuan tentang perbankan dan kewangan Islam dalam kalangan orang ramai dan industri disokong oleh penyertaan dan penajaan berterusan Bank dalam pelbagai persidangan dan pameran kewangan terkemuka dunia seperti IFN Asia Forum 2012 dan Forum Kewangan Asia 2012. Usaha ini telah menarik perhatian dunia kepada kepentingan industri perbankan dan kewangan Islam. Bank juga telah menyumbang kepada beberapa acara yang telah dipilih khas bertujuan untuk membangunkan masyarakat secara umum, seperti My Career Fair 2012 di UPM, Selangor MATTA Islamic Travel Fair, IBBM Careers 2012 dan Karnival Kerjaya Pemuda BN 2012.

## TEMPAT KERJA – MEMBANTU KAKITANGAN

Sejak sekian lama, Bank memupuk persekitaran kerja yang baik yang bukan sahaja memastikan pelibatan kakitangan tetapi juga berusaha untuk menjaga kesejahteraan mereka. Tumpuan Bank adalah pada usaha untuk menggalakkan kakitangan mengamalkan gaya hidup yang seimbang serta memastikan mereka melibatkan diri dalam aktiviti luar selain kerja. Usaha ini mengukuhkan hubungan antara majikan dengan pekerja yang memaksimumkan potensi kakitangan untuk menjadi pemimpin dalam industri kewangan Islam.

### Kelab Kebajikan Bank Islam

'Kelab Kebajikan Bank Islam' ditubuhkan untuk membantu Bank menangani isu yang berkaitan dengan kebajikan kakitangan. Ia juga berperanan memupuk dan memelihara semangat persaudaraan dalam kalangan kakitangan Bank melalui beberapa aktiviti dan inisiatif seperti Karnival Sukan Bank Islam tahunan, yang bukan sahaja bertujuan untuk menekankan kepentingan mempunyai keseimbangan antara kehidupan dengan kerja tetapi juga memupuk semangat perpaduan dan keakraban dalam kalangan kakitangan yang datang dari seluruh pelosok negara. Acara Hari Keluarga di peringkat wilayah juga dianjurkan untuk mengukuhkan lagi hubungan antara kakitangan Bank.

### Kesihatan & Keselamatan

Bank Islam komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, terjamin dan sihat, bukan sahaja kepada kakitangan, tetapi juga kepada pelanggan, vendor dan pelawat. Dengan melaksanakan garis panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Bank telah menganjurkan beberapa seminar yang memberi tumpuan pada penyampaian ilmu kepada kakitangan untuk mengekalkan gaya hidup yang sihat. Seminar yang dianjurkan bersama dengan Fitness First telah diadakan di premis pejabat. Dalam seminar ini, kakitangan didedahkan kepada kepentingan mengekalkan badan yang cergas dan sihat. Selain itu, program latihan juga telah dijalankan dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan dengan tujuan untuk mencapai sasaran kemalangan sifar dan mengurangkan risiko penyakit di pejabat dan cawangan Bank Islam.

## Spiritual Support

The formal opening of *Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy*, in Menara Bank Islam has enabled the Bank's staff to perform their prayer right at the doorstep of the office. It has also opened up another venue for Muslims working around the area to perform their Friday prayer. Additionally, staff from the Shariah division are given the opportunity to recite "*Khutbah*" for the Friday prayer. More than that however, the venue has been the location where various '*ceramah*' have been conducted in support of spiritual awakening and realisation. The "*surau*" is the venue where "*buka puasa*" and "*solat terawih*" have been conducted during the holy month of Ramadan.

## Career Development

With the mission to become the "Employer of Choice", the Bank is committed to providing its employees with attractive work propositions and further advance the Islamic banking knowledge among them. Towards this end, it has conducted a number of employee-centric programmes designed for workplace enhancement and attracts talents in the related industry.\*

\* Find out more about the initiatives by Human Resources at page 188.

## COMMUNITY – SERVING THE SOCIETY

Elevating the livelihood and well-being of communities in areas in which the Bank operates, Bank Islam's chosen focus is in creating value for underprivileged communities through education, welfare, enrichment initiatives as well as financial and medical aid. The Bank also firmly believes in the acts of volunteerism where staff and their family are fully encouraged to spend their time in getting engaged with the less fortunate and make effort to improve their quality of life.

### Housing Aid for the Needy

The Bank's dedication to improving lives is best exemplified by its annual '*Projek Bantuan Rumah Bank Islam*', which provides proper living conditions for marginalised Malaysians. This annual project has been in place since 2008, where the community, especially the poor and the destitute, has benefitted. As shelters are one of the basic necessities of life, Bank Islam believes this effort will enable those affected to be independent enough to improve their quality of lives and ensure that their livelihoods are well taken care of. To date, nearly RM4 million has been devoted towards building and rehabilitating houses for this targeted community nationwide, and further efforts will be expended to identify future beneficiaries of this project.

## Sokongan Rohani

Pembukaan rasmi Surau Ahmad Dawjee Dadabhoy di Menara Bank Islam membolehkan kakitangan Bank menunaikan solat betul-betul berhampiran dengan pejabat. Ia juga menjadi tumpuan umat Islam yang bekerja di sekitar kawasan tersebut untuk menunaikan solat Jumaat. Selain itu, kakitangan dari Bahagian Syariah diberi peluang memberi khutbah Jumaat. Lebih daripada itu, surau ini menjadi lokasi pelbagai ceramah yang diadakan untuk menyokong kebangkitan dan kesedaran rohani. Majlis buka puasa dan solat terawih juga diadakan di surau ini semasa bulan Ramadan.

## Pembangunan Kerjaya

Dengan misinya untuk menjadi "Majikan Pilihan", Bank komited untuk menyediakan tawaran kerja yang menarik kepada kakitangannya dan mengembangkan lagi pengetahuan mereka tentang perbankan Islam. Bagi mencapai matlamat ini, Bank telah menjalankan beberapa program bertumpu kepada pekerja yang direka bentuk untuk menambah baik tempat kerja dan menarik bakat dalam industri yang berkaitan.\*

\* Ketahui lebih lanjut tentang inisiatif oleh Sumber Manusia di halaman 188.

## KOMUNITI – BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

Demi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat di kawasan di mana Bank beroperasi, fokus yang dipilih oleh Bank Islam adalah dalam mencipta nilai bagi komuniti yang kurang bernasib baik melalui pendidikan, kebajikan, inisiatif pengayaan serta bantuan kewangan dan perubatan. Bank juga amat percaya dengan tindakan kesukarelaan dengan menggalakkan kakitangan dan keluarga mereka untuk meluangkan masa dengan golongan yang kurang bernasib baik dan berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

### Bantuan Perumahan untuk Golongan yang Memerlukan

'Projek Bantuan Rumah Bank Islam' tahunan merupakan contoh terbaik dedikasi Bank dalam memperbaiki kehidupan. Ia menyediakan tempat tinggal yang sewajarnya untuk rakyat Malaysia yang terpinggir. Projek tahunan ini yang dilancarkan pada 2008, memberi manfaat kepada komuniti, terutamanya golongan miskin dan melarat. Memandangkan tempat tinggal adalah salah satu keperluan asas kehidupan, Bank Islam percaya usaha ini akan membolehkan golongan tersebut berdikari untuk meningkatkan kualiti hidup mereka dan memastikan mereka mendapat pekerjaan yang baik. Sehingga kini, hampir RM4 juta telah disumbangkan bagi membina dan memulihkan rumah untuk komuniti sasaran ini di seluruh negara, dan lebih banyak usaha akan dilakukan untuk mengenal pasti benefisiari projek ini pada masa hadapan.

YEAR	STATE	NO. OF HOUSES BUILT/ REHABILITATED
2008	Kelantan	36
2009	Terengganu	37
2010	Kedah	31
2011/2012	Pahang	23

This project has also been conceived to promote stakeholders' involvement by enriching and empowering the whole community. In addition to providing a roof over the heads of the poor and destitute, the project opens up opportunities for local contractors, materials suppliers as well as local skilled and semi-skilled villagers, instilling an entrepreneurial spirit among the community. The programme is also unique in that it encourages employee volunteerism from top down in the entire project cycle. The Bank's staff in the vicinity are fully involved in identifying members of the community who are most in need and assist in the selection of contractors. They are to monitor the project and ensure the completion and delivery of the completed and rehabilitated houses to the affected families. In a nutshell, the project fosters a caring culture among the Bank's employees.

#### Festive Programmes

The month of Ramadan has always provided an extra incentive for the Bank to intensify its efforts in contributing to the community. It is also noteworthy that the Ramadan month is recognised by the Bank for its significance in nurturing the virtue of charity among the Muslims. Organised as a series of '*Majlis Berbuka Puasa*' sessions, the programme provides an opportunity for the Bank's staff to celebrate the blessed month together with the less fortunate and further raise awareness of their plights.

The nationwide programme conducted annually during this month are a way for Bank Islam to further touch lives by making zakat contributions to the less fortunate, who include the needy, orphans, single mothers and senior citizens. 2012 saw the programme conducted at Labuan, Kepala Batas in Pulau Pinang, Segamat in Johor, Kota Bharu in Kelantan and Shah Alam in Selangor, where more than RM200,000 worth of zakat contributions were made to 1,139 '*asnaf*' individuals and 12 welfare organisations.

The Bank had also collaborated with Berita Harian in organising '*Semarak Ramadan*' programme, which saw about 1,000 residents of Kampung Kerinchi in Lembah Pantai, Kuala Lumpur, being treated to '*Buka Puasa*' meals which were specially prepared by employees from both Bank Islam and Berita Harian. Donations comprising '*duit raya*', dates, rice and Raya clothings were also distributed to the less fortunate during the occasion.

TAHUN	NEGERI	BILANGAN RUMAH YANG DIBINA/DIPULIHKAN
2008	Kelantan	36
2009	Terengganu	37
2010	Kedah	31
2011/2012	Pahang	23

Projek ini juga dirancang untuk menggalakkan pelibatan pihak berkepentingan dengan memperkaya dan memperkasa seluruh komuniti. Selain menyediakan tempat tinggal untuk golongan miskin dan melarat, projek ini membuka peluang kepada kontraktor dan pembekal bahan tempatan serta penduduk kampung tempatan yang mahir dan separa mahir, untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan komuniti. Program ini juga unik kerana ia menggalakkan semangat kesukarelaan pekerja sepenuhnya dalam keseluruhan kitaran projek. Kakitangan Bank di kawasan sekitar terlibat sepenuhnya dalam mengenal pasti anggota komuniti yang paling memerlukan dan membantu dalam pemilihan kontraktor. Mereka dikehendaki memantau projek dan memastikan ia selesai serta rumah yang telah siap dibina atau dipulihkan diserahkan kepada keluarga yang terjejas. Pendek kata, projek ini memupuk budaya penyayang di kalangan kakitangan Bank.

#### Program Perayaan

Bulan Ramadan sentiasa memberikan insentif tambahan kepada Bank untuk memperhebat usahanya dalam menyumbang kepada komuniti. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa Bank mengakui kepentingan bulan Ramadan dalam memupuk amal jariah di kalangan umat Islam. Satu siri program Majlis Berbuka Puasa, memberi peluang kepada kakitangan Bank untuk menyambut bulan yang diberkati ini bersama dengan golongan yang kurang bernasib baik dan meningkatkan lagi kesedaran tentang penderitaan mereka.

Program yang dijalankan di seluruh negara setiap tahun semasa bulan ini merupakan cara Bank Islam untuk terus menyentuh aspek kehidupan dengan menyampaikan sumbangan wang zakat kepada golongan yang kurang bernasib baik, yang termasuk golongan yang memerlukan, anak yatim, ibu tunggal dan warga emas. Tahun 2012 menyaksikan program ini dijalankan di Labuan; Kepala Batas, Pulau Pinang; Segamat, Johor; Kota Bharu, Kelantan dan Shah Alam, Selangor. Sumbangan wang zakat bernilai lebih daripada RM200,000 disampaikan kepada 1,139 individu asnaf dan 12 pertubuhan kebajikan.

Bank juga telah bekerjasama dengan Berita Harian untuk menganjurkan program '*Semarak Ramadan*', yang menyaksikan kira-kira 1,000 penduduk Kampung Kerinchi di Lembah Pantai, Kuala Lumpur dijamu dengan juadah Buka Puasa yang disediakan khas oleh pekerja Bank Islam dan Berita Harian. Derma yang terdiri daripada duit raya, kurma, beras dan baju Raya juga disampaikan kepada golongan yang kurang bernasib baik semasa majlis itu.

Bank Islam has always celebrated *Eid ul-Adha* with its own particular CR initiative, and the year 2012 was no different. The traditional *Qurban* rituals saw full participation from the Bank's staff who contributed the sacrificed animals for the benefit of the poor and the needy at Sandakan, Sabah; Gunong Semangol, Perak; Sungai Besar, Selangor; Sungai Udang, Melaka and Temerloh, Pahang.

The festive season also affords opportunities for the Bank to foster closer relationship with its clients where annual Regional Hari Raya gatherings were organised for stakeholders nationwide.

### **Promoting Education**

Bank Islam continues to support the initiatives of the PINTAR Foundation which aims to promote academic and non-academic excellence especially among underserved students. Since 2008, the Bank has spent about RM1.5 million, enriching the learning experiences of the students of its adopted schools. Year 2012 saw Bank Islam adopting five schools nationwide.

One of the components of this initiative included the Zero-to-Hero programme, which was designed to reduce illiteracy. Under this programme, the Bank helped many special children with dyslexia, ADHD and "slow learning disability" to master the skills of reading and writing. Additionally, the Bank has been active in contributing to the J-QAF initiative that seeks to provide schools with better learning environment, by providing books which enhance Arabic knowledge.

Befitting its pioneering spirit, Bank Islam is a strong proponent of inculcating innovative thinking among the future generation. Since 2006, the Bank has contributed to the success of the Invention, Innovation & Design ("IID") programme organised by UiTM.

### **Social Development**

In implementing its CR activities and initiatives, the Bank is aligning its business operations by promoting the idea of social enrichment and care. The Bank's many CR programmes have always been geared towards reducing poverty and helping out the underprivileged which include the poor, the elderly, the disabled and single mothers.

Additionally, its activities and initiatives are testament to the Bank's dedication to giving back to the society while appealing to the staff's sense of compassion for the needy.

Bank Islam sentiasa menyambut Aidiladha dengan inisiatif CR-nya yang tersendiri, dan tahun 2012 juga tiada bezanya. Upacara tradisi Korban menyaksikan pelibatan sepenuhnya kakitangan Bank yang turut menyumbangkan haiwan korban untuk manfaat golongan miskin dan yang memerlukan di Sandakan, Sabah; Gunong Semangol, Perak; Sungai Besar, Selangor; Sungai Udang, Melaka dan Temerloh, Pahang.

Musim perayaan juga memberi peluang kepada Bank untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan pelanggannya melalui majlis sambutan Hari Raya peringkat Wilayah tahunan untuk pihak berkepentingan yang dianjurkan di seluruh negara.

### **Menggalakkan Pendidikan**

Bank Islam terus menyokong inisiatif Yayasan PINTAR yang bertujuan untuk menggalakkan kecemerlangan akademik dan bukan akademik terutamanya dalam kalangan pelajar yang kurang bernasib baik. Sejak 2008, Bank telah membelanjakan kira-kira RM1.5 juta, memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar di sekolah angkatnya. Tahun 2012 menyaksikan Bank Islam memilih lima sekolah di seluruh negara sebagai sekolah angkat.

Salah satu komponen inisiatif ini termasuk program Zero-to-Hero, yang direka bentuk untuk mengurangkan kadar buta huruf. Di bawah program ini, Bank telah membantu ramai kanak-kanak istimewa yang menghidap disleksia, ADHD dan "ketidakupayaan pembelajaran" menguasai kemahiran membaca dan menulis. Selain itu, Bank giat menyumbang kepada inisiatif J-QAF yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik di sekolah, dengan menyediakan buku-buku yang dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

Sepadan dengan semangat perintisnya, Bank Islam menyokong kuat usaha memupuk pemikiran inovatif dalam kalangan generasi masa depan. Sejak 2006, Bank telah menyumbang kepada kejayaan program Rekacipta, Inovasi dan Rekabentuk ("IID") yang dianjurkan oleh UiTM.

### **Pembangunan Sosial**

Dalam melaksanakan aktiviti dan inisiatif CR-nya, Bank menyelaraskan operasi perniagaannya dengan mempromosikan idea peningkatan dan keprihatinan sosial. Program CR Bank sentiasa menjurus ke arah usaha mengurangkan kemiskinan dan membantu golongan yang kurang bernasib baik yang termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal.

Selain itu, aktiviti dan inisiatifnya menjadi bukti kepada dedikasi Bank dalam membantu masyarakat, pada masa yang sama, membangkitkan rasa belas kasihan kakitangan terhadap golongan yang memerlukan.

Bank Islam had already given its pledge to support Reach-Out organisation in its effort to help out the homeless in 2011. In 2012, the Bank's staff sustained this endeavour with the distribution of essential items including food, clothing, medications and toiletries to the homeless people living on the streets of Kuala Lumpur.

Bank Islam understands the importance of the role of media in helping to further its reach among the society and achieve its CR vision and mission. In collaboration with BERNAMA, Bank Islam organised its second "Media Treasure Hunt" initiative, which integrated CR-based activities and engagement with the disenfranchised group together with treasure-hunting activities. With participation from almost all major media organisations in the country, the initiative managed to make significant contributions to the welfare of the house for the blind (*Rumah Orang Buta*) at Tanjung Harapan, Temerloh. Members of the media also had the opportunity to visit the children's shelter at Kuantan and provide donations as well as moral support to the children personally.

The Bank has been active in contributing to charity organisations nationwide. Year 2012 saw Bank Islam helping out NGOs in the states of Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Perak and Pahang with its contribution of nine multipurpose vans and hearses.

Befitting its status as the icon of Islamic banking, Bank Islam donated about RM250,000 to the *Sahabat Korporat Tabung Haji* programme to look after the basic needs of pilgrims performing the Hajj. In addition, Bank Islam's staff had been involved in assisting these pilgrims in performing their Hajj in Makkah.

#### **Zakat Contribution**

Zakat forms a big part of Bank Islam's endeavour to share its wealth among the community and reinvigorate the country's social development. It is also the key element that supports the Bank's key CR initiatives and activities. Promoting a more equitable redistribution of wealth thus fostering a sense of solidarity among the society, the Bank has always fulfilled its responsibility in distributing zakat fund for a variety of noble causes. More than RM5 million worth of zakat fund had been contributed last year with focus on poverty-reduction projects, education initiatives, health & welfare support and unity programmes.

Bank Islam telah memberikan ikrarnya untuk menyokong organisasi Reach-Out dalam usahanya untuk membantu golongan gelandangan pada 2011. Tahun 2012 menyaksikan kakitangan Bank meneruskan usaha ini dengan pengedaran barangan keperluan asas termasuk makanan, pakaian, ubat dan kelengkapan dandanan diri kepada gelandangan di sekitar Kuala Lumpur.

Bank Islam memahami kepentingan peranan media dalam membantu Bank meluaskan jangkauannya dalam kalangan masyarakat dan mencapai visi dan misi CR-nya. Dengan kerjasama BERNAMA, Bank Islam menganjurkan inisiatif "Media Treasure Hunt" kali keduanya, yang mengintegrasikan aktiviti CR, pelibatan dengan golongan terpinggir dan aktiviti mencari harta karun. Dengan penyertaan oleh hampir semua organisasi media utama di negara ini, inisiatif tersebut berjaya memberikan sumbangan besar kepada kebajikan Rumah Orang Buta di Tanjung Harapan, Temerloh. Anggota media juga berpeluang melawat rumah perlindungan kanak-kanak di Kuantan dan menyampaikan sendiri derma serta sokongan moral kepada kanak-kanak tersebut.

Bank giat menyumbang kepada pertubuhan amal di seluruh negara. Tahun 2012 menyaksikan Bank Islam membantu NGO di negeri Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Perak dan Pahang dengan menyumbangkan sembilan van serba guna dan kereta jenazah.

Sepadan dengan statusnya sebagai ikon perbankan Islam, Bank Islam telah menyumbangkan kira-kira RM250,000 kepada program Sahabat Korporat Tabung Haji untuk menjaga keperluan asas jemaah haji. Di samping itu, kakitangan Bank Islam juga terlibat dalam membantu jemaah menunaikan haji di Mekah.

#### **Sumbangan Wang Zakat**

Zakat membentuk sebahagian besar usaha Bank Islam untuk berkongsi kekayaannya dengan komuniti dan menggiatkan semula pembangunan sosial negara. Zakat juga merupakan elemen penting yang menyokong inisiatif dan aktiviti CR utama Bank. Dengan menggalakkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama, ia memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat, Bank sentiasa memenuhi tanggungjawabnya dalam mengagihkan wang zakat untuk pelbagai amal jariah. Wang zakat bernilai lebih daripada RM5 juta telah disumbangkan tahun lepas dengan tumpuan kepada projek pengurangan kemiskinan, inisiatif pendidikan, bantuan kesihatan dan kebajikan serta program perpaduan.

## ENVIRONMENT – SUSTAINING THE PLANET

Bank Islam's operations and business are conducted with a conscious effort to protect and preserve the environment. These are best represented by the simple fact that the Bank's staff are encouraged to use recycled paper and save electricity when not in use. Looking beyond mere compliance or public perceptions, the Bank has also embarked on initiatives to enhance environmental awareness among school children towards realising a future of sustainability.

### Sustainability Awareness

In raising awareness on the importance of sustainable living, Bank Islam had collaborated with NST in organising School Garden Project schools adopted by the Bank under the PINTAR Foundation. The project, in effect, allows students to learn more about plants in addition to assessing the impact of human activities upon plant life. In this way, the students learn to engage their acquired knowledge in creating their own green gardens which can lead to sustainable living.

### Maintaining Biodiversity

The Bank had initiated a two-day environmental programme as an effort to raise awareness on the importance of environmental preservation as well as encourage public's participation in environmental activities in Dungun, Terengganu. More than 450 volunteers comprising students from Politeknik Dungun and Universiti Teknologi MARA as well as workforce of police, fire department and Civil Defence worked together with Bank Islam staff and the Dungun Council staff in cleaning up the beaches around the area, including Pantai Teluk Gadong, Pantai Tanah Lot, Pantai Teluk Lipat and Pantai Sura.

The programme also saw Bank Islam contributing to Project Aquatic World Awareness (Project AWARE), organised by Ocean Elements. Project AWARE brought awareness on the importance of marine life to students and the public. In collaboration with Ocean Elements, Bank Islam staff participated in the underwater clean-up activities which took place under the sea surrounding Pulau Tenggol, Terengganu. All in all, the programme yielded almost one tonne of collected rubbish.

Other environmental preservation efforts during the year 2012 include the tree-replanting programme, which took place at Taman Rimba Riang at Kota Damansara, Selangor.

Moving forward, Bank Islam will continue to integrate CR values into its business philosophy, nurturing a synergistic relationship between our business and the society. The Bank's continued involvement and investment in the community and environment it operates in shall be a platform for shared progress and mutual benefit, consistent with Bank Islam's innate nature as a responsible and caring corporate body.

## ALAM SEKITAR – KELESTARIAN PLANET

Operasi dan urusan perniagaan Bank Islam dikendalikan dengan kesedaran untuk melindungi dan memelihara alam sekitar. Kakitangan Bank digalakkan untuk menggunakan kertas kitar semula dan menjimatkan elektrik apabila tidak digunakan. Bank juga telah memulakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar dalam kalangan murid sekolah ke arah merealisasikan masa depan yang lestari.

### Kesedaran tentang Kelestarian

Bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjalani kehidupan yang lestari, Bank Islam telah bekerjasama dengan NST untuk menganjurkan Projek Taman Sekolah bagi sekolah angkat Bank di bawah Yayasan PINTAR. Projek itu membolehkan pelajar mengetahui dengan lebih lanjut tentang tumbuh-tumbuhan di samping menilai kesan aktiviti manusia terhadap tumbuh-tumbuhan. Dengan cara ini, mereka belajar menggunakan pengetahuan yang diperoleh untuk mewujudkan taman hijau mereka sendiri yang boleh membawa kepada kehidupan yang lestari.

### Mengekalkan Biodiversiti

Bank telah memulakan program alam sekitar selama dua hari sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menggalakkan penyertaan orang ramai dalam aktiviti alam sekitar di Dungun, Terengganu. Lebih daripada 450 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Politeknik Dungun dan Universiti Teknologi MARA serta anggota polis, bomba dan Pertahanan Awam bekerjasama dengan kakitangan Bank Islam dan kakitangan Majlis Perbandaran Dungun untuk membersihkan pantai di sekitar kawasan itu, termasuk Pantai Teluk Gadong, Pantai Tanah Lot, Pantai Teluk Lipat dan Pantai Sura.

Program ini juga menyaksikan Bank Islam menyumbang kepada Project AWARE (Aquatic World Awareness, Responsibility and Education) yang dianjurkan oleh Ocean Elements. Project AWARE meningkatkan kesedaran pelajar dan orang ramai tentang kepentingan hidupan laut. Dengan kerjasama Ocean Elements, kakitangan Bank Islam menyertai aktiviti pembersihan dalam air yang dijalankan di bawah laut sekeliling Pulau Tenggol, Terengganu. Secara keseluruhannya, hampir satu tan sampah-sarap dikutip melalui program ini.

Usaha pemeliharaan alam sekitar yang lain pada 2012 termasuk program penanaman semula pokok, yang berlangsung di Taman Rimba Riang, Kota Damansara, Selangor.

Melangkah ke hadapan, Bank Islam akan terus mengintegrasikan nilai-nilai CR ke dalam falsafah perniagaannya dan memupuk perhubungan bersinergi antara perniagaan kami dengan masyarakat. Pelibatan dan pelaburan berterusan Bank dalam komuniti dan persekitaran di mana ia beroperasi akan menjadi platform untuk kemajuan dan manfaat bersama, selaras dengan sifat semula jadi Bank Islam sebagai badan korporat yang bertanggungjawab dan prihatin.

# Advancing Service Excellence

Meningkatkan Kecemerlangan  
Perkhidmatan

*"Real service is driven by integrity and honesty"*

*"Perkhidmatan terbaik didorong oleh integriti dan kejujuran"*

Guided by targets in the Bank's Sustainable Growth Plan ("SGP"), a great leap forward was made in optimising customer service as well as service support for the Bank's business divisions. Greater convenience, faster turnaround time and a more conducive and supportive environment are some of the advancements we have delivered for the good of our customers and our staff.

Berpandukan sasaran dalam Pelan Pertumbuhan Mampan ("SGP") Bank, kemajuan yang pesat berjaya dicapai dalam mengoptimumkan perkhidmatan pelanggan dan sokongan perkhidmatan untuk bahagian perniagaan Bank. Keselesaan yang lebih, tempoh tindakan yang lebih pantas serta persekitaran yang lebih kondusif dan menggalakkan adalah antara beberapa kemajuan yang dapat kami berikan demi kebaikan pelanggan dan kakitangan kami.



## IMPROVING THE CUSTOMER EXPERIENCE

Reaping the positive impact of results delivered through the Bank's key pillars of Service Transformation, the year sees Bank Islam advancing towards numerous operational initiatives which has led to an increase in operational efficiency and improved customer experiences.

## EXPANDING NETWORK PRESENCE

We aim to get closer to our customers. In 2012, as part of the Bank's continuous exercise to expand its network and reach out to an ever-growing customer base, Bank Islam established five new branches in strategic locations, and rolled out 77 more self-service terminals ("SSTs"). Additional offsite SSTs were installed at universities, offices of statutory bodies, as well as state and federal government agencies to better serve their banking needs 24 hours a day, seven days a week.

As at end-2012, Bank Islam recorded a total of 1,190 SSTs, 10 banking service centres and 127 branches with at least six more branches planned for 2013.

A further enhancement to the Bank's regional presence was contributed by the deployment of relationship managers to every region we serve. Assigned to maintain rapport with local government, statutory bodies and valued clients, the relationship managers pave the way forward in helping the Bank understand regional needs better in order to sustain satisfactory service levels among our customers.

## MEMPERBAIK PENGALAMAN PELANGGAN

Dengan memanfaatkan kesan positif daripada hasil yang diperoleh melalui tunggak utama Transformasi Perkhidmatan Bank, tahun ini menyaksikan Bank Islam menuju ke arah kemajuan operasi yang begitu besar yang membawa kepada peningkatan dalam kecekapan operasi dan pengalaman pelanggan.

## MEMPERLUASKAN KEWUJUDAN RANGKAIAN

Kami berhasrat untuk lebih rapat dengan pelanggan kami. Pada 2012, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan berterusan Bank untuk memperluas rangkaianannya dan mendekati pelanggan yang pangkalannya sentiasa berkembang, Bank Islam menubuhkan lima buah cawangan baharu di lokasi yang strategik, dan melancarkan 77 buah lagi terminal layan diri ("SST"). SST tambahan di luar cawangan telah dipasang di universiti, pejabat badan berkanun serta agensi kerajaan negeri dan persekutuan supaya dapat memenuhi keperluan perbankan mereka, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.

Pada akhir 2012, Bank Islam mencatatkan sejumlah 1,190 SST, 10 buah pusat perkhidmatan perbankan dan 127 buah cawangan dengan sekurangnya enam lagi cawangan yang dirancang untuk 2013.

Peningkatan selanjutnya dalam kehadiran serantau Bank disumbangkan melalui penempatan pengurus perhubungan di setiap wilayah perkhidmatan kami. Pengurus perhubungan yang ditugaskan untuk mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan tempatan, badan berkanun dan pelanggan yang dihargai, membuka jalan ke arah membantu Bank memahami keperluan pelanggan wilayah dengan lebih baik dalam usaha mengekalkan tahap perkhidmatan yang memuaskan.

### UPLIFTING BRAND IDENTITY

The Bank is migrating towards a more appealing high-end banking experience. To raise our service to top competitive levels, 19 branches have been remodelled to enhance branding as well as improve customer convenience and comfort. We are at our final leg of branch remodelling, having completed seven branches. Thirteen remaining branches are due for remodelling in 2013.

Other than a more appealing fresh ambiance, we are also moving towards implementing more technology driven services at our branches. In 2012 we introduced our interactive touch screen services at our first branch in a mall in Perda, Penang. This enables our customers to gain instant information on banking product queries as well as make appointments with our branch officers at their convenience.

Towards the same end, we continued to review the Bank's Internet Banking ("IB") platform and efforts are underway to implement the enhanced IB platform for a more consumer friendly IB experience.

### ENHANCING CUSTOMER EXPERIENCE

We want to surpass expectations. Building a positive customer experience is an important catalyst in reaching Bank Islam's business goals as it creates customer loyalty as well as contributes to greater Return on Investment ("ROI").

In 2012, we embarked on several business process reengineering initiatives to streamline processes, heighten productivity, reduce cost and improve turnaround time.

At branch level, key goals were reached during the course of the year as Bank Islam made significant improvements in customer turnaround time with Straight Through Processing initiatives and putting in place new processes to create more convenience for our customers.

The Bank's account opening process was further improved with the direct integration of MyKad into our account opening system. This shortened account opening turnaround time and enabled more customers to be served within a comparative span of time. Measures were also put in place to increase speed of frontline service at every branch. As a result, most of our branches are now delivering standard average waiting time and serving time of five and ten minutes respectively.

### MENGUKUHKAN IDENTITI JENAMA

Bank sedang beralih ke arah pengalaman perbankan bertaraf tinggi yang lebih menarik. Dalam usaha menaikkan tahap perkhidmatan kami ke paras kompetitif teratas, 19 buah cawangan telah dibentuk semula bagi meningkatkan penjenamaan dan menambah baik kemudahan serta meningkatkan keselesaan pelanggan. Kami sedang dalam peringkat akhir rancangan pembentukan semula cawangan, selepas menyiapkan pembentukan semula tujuh buah cawangan. Tinggal 13 buah cawangan lagi untuk dibentuk semula pada 2013.

Selain suasana baharu yang lebih menarik, kami juga sedang bergerak ke arah melaksanakan perkhidmatan yang lebih berteraskan teknologi di cawangan kami. Pada 2012, kami memperkenalkan perkhidmatan skrin sentuh interaktif di cawangan pertama kami di pusat membeli-belah Perda, Pulau Pinang. Sistem ini membolehkan pelanggan kami memperoleh maklumat segera berkenaan produk perbankan serta membuat janji temu dengan pegawai cawangan kami mengikut keselesaan mereka.

Ke arah matlamat yang sama, kami terus mengkaji semula platform Perbankan Internet ("IB") Bank dan usaha sedang dijalankan untuk melaksanakan platform IB yang ditambah baik supaya dapat memberikan pengalaman IB yang lebih mesra pengguna.

### MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN


Kami ingin melangkaui jangkaan. Membina pengalaman pelanggan yang positif merupakan pemangkin penting dalam mencapai matlamat perniagaan Bank Islam kerana ia dapat mewujudkan kesetiaan pelanggan serta menyumbang ke arah Pulangan Pelaburan ("ROI") yang lebih besar.

Pada 2012, kami telah memulakan beberapa inisiatif penyusunan semula proses perniagaan untuk memperkemas proses, meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan menambah baik tempoh tindakan.

Pada peringkat cawangan, matlamat utama berjaya dicapai sepanjang 2012 apabila Bank Islam membuat penambahbaikan yang ketara dalam tempoh tindakan terhadap pelanggan melalui inisiatif Pemprosesan Langsung (STP) dan menyediakan proses baharu supaya dapat mewujudkan lebih keselesaan untuk pelanggan kami.

Proses pembukaan akaun Bank ditambah baik lagi dengan penyepaduan MyKad terus ke dalam sistem pembukaan akaun. Kaedah ini memendekkan tempoh tindakan untuk pembukaan akaun dan membolehkan lebih ramai pelanggan dilayan dalam suatu masa tertentu. Langkah juga diambil untuk meningkatkan kepantasan perkhidmatan barisan hadapan di setiap cawangan. Hasilnya, kebanyakan cawangan kami kini menyediakan purata masa menunggu dan masa perkhidmatan standard masing-masing lima dan sepuluh minit.





In improving Contact Centre services, the Bank implemented an Automated Call back system that is targeted to reduce our drop call rate to less than 10%. This move also proactively enhanced the centre's capabilities in coping with an increase in inbound calls.

The Contact Centre's operating hours were also rescheduled to 7am to 12 midnight while all critical calls after midnight are diverted to our 24 hour Credit Card Centre. This strategic move not only reduced cost but increased the efficiency of our staff.

Centralisation of frontline processes to the back office also frees up our front liners to concentrate on optimising customer experience thus increasing overall productivity of the branch. At the same time, leveraging on the ease of information flow that automation provides, our back office benefits from improved branch day end reporting which ensures better data accuracy.

## EMPOWERING OUR PEOPLE

We take pride in our service. Positive interaction between front liners and customers is integral to good customer service. The year saw a continued emphasis on staff training and efforts to improve productivity.

The Bank once again implemented a nationwide regional workshop and operations workshop to re-skill and re-train all front liners and Banking Service Managers from all regions. The impact of this training is evident from the sharp increase of the number of branches achieving satisfactory audit rating, and a significant reduction in operational loss.

The Bank extended its full-fledged 'mock branch' training to its existing staff which opened up a pool of ready supply of well-trained back-up staff for full counter service operations at all times.

As our market continues to expand and the Bank continues to pioneer change and lead the way forward for Islamic banking, our transformation initiatives will continue to elevate performance and sharpen Bank Islam's competitive edge.

The Bank's Hijrah to Excellence ("H2E") plan leads us forward in achieving our goals for 2013. We seek to improve our cost to income ratio, improve operational efficiency and inculcate a service excellence culture that supports business growth. Key initiatives in process improvements, customer relationship and cost management have been identified and will be the key drivers towards this end.

Dalam menambah baik perkhidmatan Pusat Panggilan, Bank melaksanakan sistem Panggilan Balik Automatik dengan sasaran mengurangkan kadar panggilan terputus kepada kurang daripada 10 peratus. Langkah ini secara proaktifnya telah meningkatkan kemampuan pusat melayan pertambahan panggilan masuk.

Waktu operasi Pusat Panggilan juga telah dijadualkan semula dari 7 pagi hingga 12 tengah malam, manakala semua panggilan penting selepas tengah malam akan disambungkan ke Pusat Kad Kredit 24 jam. Langkah strategik ini bukan sahaja mengurangkan kos tetapi juga meningkatkan kecekapan kakitangan kami.

Pemusatan proses barisan hadapan ke pejabat pentadbiran juga membenarkan kakitangan barisan hadapan kami memberikan tumpuan kepada mengoptimalkan pengalaman pelanggan dan oleh itu dapat meningkatkan produktiviti cawangan secara keseluruhan. Pada masa yang sama, menggunakan aliran maklumat yang dimudahkan melalui automasi membolehkan pejabat pentadbiran kami mendapat manfaat daripada laporan akhir hari cawangan yang bertambah baik, yang memastikan ketepatan data yang lebih tinggi.

## MEMPERKASAKAN KAKITANGAN KAMI

Kami berbangga dengan perkhidmatan kami. Interaksi positif antara kakitangan barisan hadapan dengan pelanggan adalah penting bagi perkhidmatan pelanggan yang baik. Tahun 2012 menyaksikan penekanan berterusan diberikan terhadap latihan kakitangan dan usaha meningkatkan produktiviti.

Bank sekali lagi mengadakan bengkel wilayah dan bengkel operasi di seluruh negara untuk memberikan kemahiran baharu dan melatih semula kakitangan barisan hadapan dan Pengurus Perkhidmatan Perbankan dari semua wilayah. Kesan latihan ini dapat dilihat dengan jelas melalui peningkatan mendadak dalam bilangan cawangan yang mencapai penarafan audit yang memuaskan serta pengurangan ketara pada kerugian operasi.

Bank melanjutkan latihan 'cawangan olok-olok' yang lengkap kepada kakitangan sedia ada yang menyediakan sumber kakitangan sokongan yang cukup terlatih dan sentiasa tersedia untuk operasi perkhidmatan kaunter penuh pada setiap masa.

Serentak dengan pasaran kita yang terus berkembang dan Bank yang terus merintis perubahan dan mendahului laluan ke arah perbankan Islam, inisiatif transformasi kami akan terus meningkatkan prestasi dan meneguhkan kelebihan daya saing Bank Islam.

Pelan Hijrah ke arah Kecemerlangan ("H2E") Bank mendorong kami ke arah mencapai matlamat 2013. Kami berusaha menaikkan nisbah kos dengan pendapatan, meningkatkan keberkesanan operasi dan memupuk budaya kecemerlangan perkhidmatan yang menyokong pertumbuhan perniagaan. Inisiatif utama dalam menambah baik proses, perhubungan pelanggan dan pengurusan kos telah dikenal pasti dan akan menjadi pemacu utama ke arah pencapaian rancangan ini.

## PROVIDING PREMIUM SUPPORT SERVICES

*“We strive to serve you better always”*

The Bank strives to provide operational efficiency through continuous process improvements and collaborative initiatives with the business units, fortified with a ready and open feedback channel to the customers.

In 2012, the Bank invested in enhancing its processes and building stronger relationships with both internal and external stakeholders. This helped achieve more cost savings, increased productivity and better deliverables.

Bank Islam has made continuous headway in improving productivity and service efficiency towards customer service excellence out of the re-engineered and centralised Credit Administration Department (“CAD”). This saw a significant growth of productivity and volume as compared to the same corresponding period in 2011.

The centralisation of identified back office functions at branches and Head Office as well as system automation and enhancement were core drivers in enhancing turnaround time, reducing cost and mitigating risks.

To ensure that the Bank’s Feedback Channel & Distribution (“FCD”) department continues to effectively monitor the enhancement of customer service standards, internal Mystery Calls were initiated in 2012. The study uncovered areas of improvement that could be made in the Bank’s Phone Etiquette culture.

Since 2011, the Bank has increased its accessibility to our customers. In 2012 the Bank expanded this to include Facebook as a feedback channel. In realising the importance of listening to the Voice of Customer, the Bank developed its own feedback management system. This platform ensured all queries raised by customers are attended to and properly tracked until closure.

Gearing up towards our H2E in 2013, the Bank will continue to design, develop and provide tools and ideas that will drive the delivery of an exceptional service model. This will enable our employees, stakeholders and customers to thrive along with the Bank, in accelerating growth.

## MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN TERBAIK

*“Kami terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik”*

Bank berusaha menyediakan kecekapan operasi melalui penambahbaikan proses yang berterusan dan inisiatif kerjasama dengan unit perniagaan, diperkuatkan dengan saluran maklum balas yang tersedia dan terbuka untuk pelanggan.

Pada 2012, Bank membuat pelaburan untuk menambah baik prosesnya dan membina hubungan yang lebih kukuh dengan pihak berkepentingan dalaman dan luar. Tindakan ini membantu menjimatkan lebih banyak kos, meningkatkan produktiviti dan kecemerlangan perkhidmatan.

Bank Islam sentiasa bergerak ke hadapan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan ke arah kecemerlangan perkhidmatan pelanggan melalui Jabatan Pentadbiran Kredit (“CAD”) yang disusun semula dan dipusatkan. Usaha ini menyaksikan pertumbuhan ketara dalam produktiviti dan jumlah jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada 2011.

Pemusatan fungsi pentadbiran pejabat yang dikenal pasti di cawangan dan Ibu Pejabat serta automasi dan penambahbaikan sistem menjadi pemacu teras dalam meningkatkan tempoh tindakan serta mengurangkan kos dan risiko.

Bagi memastikan jabatan Saluran & Pengedaran Maklum Balas (“FCD”) Bank terus memantau dengan berkesan peningkatan standard perkhidmatan pelanggan, kajian Panggilan Misteri dalaman telah dimulakan pada 2012. Kajian ini mendedahkan bidang penambahbaikan yang boleh dimulakan dari segi budaya Etiket Telefon Bank.

Sejak 2011, Bank telah menambah akses kepada pelanggan. Pada 2012, Bank telah memperluaskan akses ini dengan menambah Facebook sebagai saluran maklum balas. Bagi merealisasikan pentingnya mendengar Suara Pelanggan, Bank membangunkan sistem pengurusan maklum balasnya sendiri. Platform ini memastikan semua pertanyaan yang dikemukakan oleh pelanggan dilayan dan disusul sewajarnya sehingga selesai.

Sebagai persediaan menghadapi Pelan H2E pada 2013, Bank akan terus mereka bentuk, membangunkan, menyediakan alat dan idea yang akan memacu penyampaian model perkhidmatan luar biasa yang membolehkan kakitangan, pihak berkepentingan dan pelanggan kami berkembang maju selari dengan usaha Bank untuk memacu pertumbuhan pesat.

# Advancing Human Resources Memajukan Sumber Manusia

*"Our greatest assets are the people that we have nurtured and placed at the right job."*

*"Aset kami yang paling berharga ialah pekerja yang dibimbing dan diberikan jawatan yang sepadan."*



Our people are our priceless assets. They are the key drivers that have been responsible for the Bank's continuous achievements, and the prime movers that strive towards bringing the Bank to even greater heights. They have been an integral part of the Bank's record success, and remain fundamentally crucial in strengthening the Bank's position amidst an ever challenging environment.

Pekerja kami ialah aset yang tidak ternilai. Mereka merupakan pemacu utama yang bertanggungjawab terhadap pencapaian berterusan Bank, dan penggerak utama yang akan berusaha membawa Bank ke kedudukan yang lebih tinggi. Mereka bersama-sama menjadi bahagian penting dalam kejayaan tertinggi Bank, dan kekal menjadi asas yang sangat penting dalam mengukuhkan kedudukan Bank dalam persekitaran yang sentiasa mencabar.



It is vital for the Bank to always be well-resourced, with the right people at the right job supporting the delivery of the Bank's strategic priorities. Of equal importance is to also focus on fostering a workforce that is motivated, well-trained and geared for success. Hence at the heart of our agenda, we seek to ensure that our pool of diverse cadres in Islamic banking is continuously developed with the appropriate competencies and leadership skills that are complemented with solid commitment towards delivering their best.

### ATTRACTING TALENTS

Our people are crucial to delivering the Bank's strategies which then determine the Bank's success. During the year, much emphasis has been given in recruiting, retaining and developing the Bank's talent pool which is an essential element in sustaining the Bank's leadership position in the Islamic banking industry.

As a leader in Islamic banking, we are uniquely positioned to attract talents across the industry. The fast-tracked Young Leaders Programme and Financial Sector Talent Enrichment Programme are some of our initiatives in attracting fresh talents to be a part of Bank Islam's workforce. For these programmes, we have looked beyond banking and finance, welcoming ideas and perspectives from talented graduates of all fields.

The success of these initiatives have been reflected by the Bank's significant leap from 62<sup>nd</sup> place in 2011 to rank 38<sup>th</sup> in a listing of the 100 Most Popular Graduate Recruiters of 2012 (annual trendence Graduate Barometer Survey by GTI Media). Bank Islam is now recognised as a Top 10 employer in the Banking & Financial Services industry, a fitting testimony to the Bank's aspiration towards becoming the "Employer of Choice".

Adalah penting bagi Bank untuk sentiasa mempunyai sumber yang baik, dengan pekerja yang sesuai untuk jawatan yang sepadan bagi menyokong pelaksanaan keutamaan strategik Bank. Tumpuan yang juga sama pentingnya diberikan kepada usaha memupuk tenaga kerja yang bermotivasi, cukup terlatih dan terdorong untuk mencapai kejayaan. Oleh itu, dalam agenda penting kami, kami berusaha memastikan kumpulan pekerja kami yang pelbagai dalam perbankan Islam dikembangkan secara berterusan dengan kecekapan yang sesuai dan kemahiran kepimpinan yang mencukupi serta dilengkapi dengan komitmen yang utuh bagi melaksanakan tugas mereka sebaik mungkin.

### MENARIK PEKERJA BERBAKAT

Pekerja kami adalah penting dalam pelaksanaan strategi Bank, yang kemudiannya menentukan kejayaan Bank. Sepanjang 2012, banyak penekanan diberikan kepada pengambilan, pengekalan dan pembangunan kumpulan bakat Bank, iaitu unsur penting dalam mengekalkan kedudukan kepimpinan Bank dalam industri perbankan Islam.

Sebagai perintis dalam perbankan Islam, kami berada di tempat yang unik untuk menarik bakat dalam industri ini. Program Pemimpin Muda ("YLP") dan Program Pengayaan Bakat Sektor Kewangan ("FSTEP") adalah beberapa inisiatif kami dalam menarik bakat baharu supaya menjadi sebahagian daripada tenaga kerja Bank Islam. Bagi program ini, kami menjalankan pencarian di luar bidang perbankan dan kewangan, mengalu-alukan idea dan perspektif daripada siswazah berbakat dalam semua bidang.

Kejayaan inisiatif ini dapat dilihat apabila Bank melonjak dengan ketara dari tempat ke-62 pada Tahun 2011 ke tempat ke-38 dalam senarai 100 Perekrut Siswazah Paling Popular pada 2012 (kaji selidik tahunan Trendence Graduate Barometer yang dijalankan oleh GTI Media). Bank Islam kini diiktiraf sebagai Sepuluh Majikan Teratas dalam industri Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan, dan sewajarnya menjadi bukti aspirasi Bank untuk menjadi "Majikan Pilihan".

## BUILDING CAPABILITY AND CAPACITY

The Bank's sustainable financial achievements and competitive edge throughout the years are underpinned by the valuable skills and experience of our people. As on-going professional developments are important given the rapidly changing environment in which we operate, a total of RM8.3 million has been invested in comprehensive training and developmental programmes for all levels of employees in 2012. These structured programmes are held throughout the year to train and retrain our people and enhance their knowledge and skills.

## GROWING OUR OWN TIMBER

We believe in 'Growing our Own Timber' – identifying and grooming potential successors for the Bank's critical positions and management team to become our future leaders through rigorous leadership developmental programmes, on-the-job trainings as well as job rotations. These ensure that they are well-equipped with leadership capabilities and the expected competency level as they progress up the ladder.

This self-sustaining strategy, expected to reach fruition in years to come, will provide the Bank a larger resource of leaders in the Islamic Financial industry to drive more pioneering breakthroughs.

## INCULCATING A PERFORMANCE DRIVEN CULTURE

In our constant effort to develop a high performing workforce, a revised Performance Management & Development System ("PMD") has been implemented. This has aligned our people's goals, skills and behaviour to the Bank's strategic objectives and core values. Much more than just a tool for performance appraisal, the system creates an environment where encouragement and support are in abundance for them to achieve their best.

In addition to the enhanced PMD system, an improved mechanism has been put in place to measure and link performance outcomes with the Bank's remuneration strategies. We endeavour to ensure that individuals who contribute to the Bank's business success are recognised and fairly rewarded. A Salary Revision Exercise for Non-Unionised employees was carried out in the second quarter of 2012, to maintain internal equity within the Bank and align our pay structure with that of the industry. This pay structure enhances the Bank's competitiveness in employee compensation, in line with the Bank's aspiration of becoming the "Employer of Choice".

The Bank is also actively embarking on providing unique incentives and benefits to reward hard work and performance among business units and project teams.

## MEMBINA KEMAMPUAN DAN KAPASITI

Pencapaian kewangan Bank yang mampan dan kelebihan daya saing selama bertahun-tahun disokong oleh kemahiran dan pengalaman pekerja kami yang sangat bernilai. Memandangkan pembangunan profesional yang berterusan adalah penting dalam keadaan persekitaran operasi kami yang berubah dengan pantas, sejumlah RM8.3 juta telah dilaburkan dalam program latihan dan pembangunan yang komprehensif untuk setiap peringkat pekerja pada 2012. Program berstruktur ini dijalankan sepanjang tahun untuk melatih dan melatih semula pekerja kami serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

## MEMBINA KUMPULAN BAKAT DALAMAN

Kami percaya dalam Membina Kumpulan Bakat Dalam – mengenal pasti dan mengasah bakat pengganti berpotensi untuk jawatan penting Bank dan kumpulan pengurusan untuk menjadi pemimpin masa hadapan melalui program pembangunan kepimpinan yang ketat, latihan semasa kerja dan pusingan kerja. Perkara ini memastikan mereka dilengkapi kemampuan kepimpinan dan tahap kecekapan yang diharapkan ketika mereka menunjukkan kemajuan dalam usaha meningkatkan kedudukan.

Strategi mampan sendiri ini dijangka akan membuahkan hasil dalam tahun-tahun yang akan datang, dan menyediakan sumber pemimpin dalam industri Kewangan Islam yang lebih ramai kepada Bank untuk memacu lebih banyak kejayaan perintis.

## MENERAPKAN BUDAYA BERTERASKAN PRESTASI

Dalam usaha kami yang berterusan untuk membentuk tenaga kerja berprestasi tinggi, Sistem Pengurusan & Pembangunan Prestasi ("PMD") yang disemak semula telah dilaksanakan. Usaha ini menjajarkan matlamat, kemahiran dan tingkah laku pekerja dengan objektif strategik dan nilai utama Bank. Sistem tersebut bukan sekadar menjadi alat untuk penilaian prestasi, tetapi juga mewujudkan persekitaran yang memberikan banyak galakan dan sokongan supaya mereka boleh melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin.

Selain Sistem PMD yang lebih menyerlah, mekanisme yang lebih baik telah diwujudkan untuk mengukur dan mengaitkan prestasi dengan strategi saraan Bank. Kami berusaha memastikan mereka yang menyumbang kepada kejayaan perniagaan Bank diiktiraf dan diberikan ganjaran yang setimpal. Pelaksanaan Semakan Gaji untuk kakitangan yang Bukan Ahli Kesatuan Sekerja telah dijalankan pada suku kedua 2012 bagi membantu mengekalkan kesaksamaan dalaman Bank dan menjajarkan struktur gaji kami dengan struktur gaji industri ini. Struktur gaji ini meningkatkan daya saing Bank dalam pampasan kakitangan, sejajar dengan aspirasi Bank untuk menjadi "Majikan Pilihan".

Bank juga aktif memulakan insentif dan manfaat unik sebagai ganjaran bagi usaha gigih dan prestasi di kalangan unit perniagaan dan pasukan projek.

## HARMONIOUS WORKING ENVIRONMENT

We are committed in making Bank Islam the best place to work. It is important to us that our People are working together towards greater achievements within an inspiring and conducive working environment. For instance, we took great concerns of preserving the cordial relationships that we had with the employees' Unions. Regular meetings with the Unions as well as proper attentions to grievance and conflict management at root level have allowed us to foster a harmonious employee relations climate in the Bank.

More initiatives illustrating our efforts towards enhancing Bank Islam as the best workplace can be found on page 176 under our Corporate Responsibility report.

## RETAINING OUR PEOPLE THROUGH EMPLOYEE ENGAGEMENT

Retention of our People matters most to us as they are the key to the long term success of the Bank. All of our initiatives mentioned earlier are designed with our People in mind, and are aimed at boosting our People's engagement to help foster high performance and improved productivity. Activities such as Bank Islam's Sports Carnival and Team Building sessions involving all of our People nationwide have been carried out in order to create a sense of belonging, strengthen solidarity and promote camaraderie amongst our People.

Our efforts towards gaining our People's loyalty have begun to show encouraging results as the Bank's attrition rate stood below 5% in 2012, much lower than the industry's average of between 12% to 15% per annum.

In October 2012, Bank Islam's good practice in nurturing its talents and retaining leaders was once again recognised by the Putrajaya Committee on GLC Performance in its Leadership Development Audit. Based on the benchmarks set, Bank Islam scored "Best Practice" for its initiatives in taking charge of the leadership development, recruitment of future leaders, engaging and retaining leaders' initiatives, deploy strategically to develop leaders, develop leadership and high potential talent and building HR capabilities and line ownership.

## MOVING AHEAD

As we advance through yet another of the Bank's Hijrah to Excellence Corporate Master Plan, we remain committed in our quest to be the responsible "Employer of Choice" and to place the Bank amongst the Top 50 Malaysian Employers. Embedding best HR practices into our daily operations and services showcases our dedication of turning this quest into a reality. We are proud of our People – and we believe that with the right People, we can move mountains.

## PERSEKITARAN KERJA YANG HARMONI

Kami komited menjadikan Bank Islam sebagai tempat kerja terbaik. Kerjasama antara Pekerja ke arah pencapaian yang lebih tinggi dalam persekitaran kerja yang memberikan inspirasi dan kondusif sangat penting bagi kami. Contohnya, kami sangat mementingkan pemeliharaan hubungan yang mesra dengan Kesatuan pekerja. Mesyuarat tetap bersama Kesatuan serta perhatian sewajarnya yang diberikan kepada pengurusan kilanan dan konflik pada peringkat akar umbinya membolehkan kami memupuk suasana perhubungan pekerja yang harmoni di Bank.

Inisiatif lain yang menggambarkan usaha kami ke arah memajukan Bank Islam sebagai tempat kerja terbaik boleh didapati pada halaman 176 dalam laporan Tanggungjawab Korporat kami.

## MENGEKALKAN PEKERJA KAMI MELALUI PENGLIBATAN KAKITANGAN


Pengekalan Pekerja kami adalah sangat penting kerana mereka merupakan kunci kejayaan jangka panjang Bank. Semua inisiatif kami yang dinyatakan sebelum ini direka dengan menumpukan kepada Pekerja kami, dan disasarkan untuk meningkatkan penglibatan Pekerja kami untuk membantu memupuk prestasi tinggi dan produktiviti yang lebih baik. Aktiviti Bank Islam seperti Karnival Sukan dan sesi Pembinaan Pasukan yang melibatkan semua Pekerja kami di seluruh negara telah dijalankan bagi mewujudkan semangat kekitaan, mengukuhkan perpaduan dan menggalakkan keakraban dalam kalangan Pekerja kami.

Usaha kami untuk memperoleh kesetiaan Pekerja mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan memandangkan kadar atrisi Bank kekal di bawah 5% pada 2012, iaitu lebih rendah berbanding purata dalam industri iaitu 12% hingga 15% setahun.

Amalan baik Bank Islam dalam membimbing bakatnya dan mengekalkan pemimpin sekali lagi diiktiraf oleh Jawatankuasa Putrajaya terhadap Prestasi GLC dalam Audit Pembangunan Kepimpinannya pada Oktober 2012. Berdasarkan tanda aras yang ditetapkan, Bank Islam mendapat "Amalan Terbaik" bagi inisiatifnya dalam pengurusan pembangunan kepimpinan, pengambilan pemimpin masa depan, penglibatan dan pekekalan inisiatif pemimpin, penempatan yang strategik untuk membangunkan pemimpin, pembangunan kepimpinan dan bakat berpotensi tinggi serta pembinaan keupayaan Sumber Manusia dan pemilihan saluran.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Selepas mencapai kemajuan melalui satu lagi Pelan Induk Korporat Bank, iaitu Hijrah ke arah Kecemerlangan, kami kekal komited dalam usaha menjadi "Majikan Pilihan" yang bertanggungjawab dan menempatkan Bank dalam senarai 50 Majikan Malaysia Teratas. Penerapan amalan terbaik Sumber Manusia dalam operasi dan perkhidmatan harian kami menunjukkan dedikasi kami untuk menjadikan usaha ini suatu kenyataan. Kami bangga dengan Pekerja kami – dan kami percaya dengan Pekerja yang sesuai, kami boleh mencapai apa sahaja.



# Advancing Information Technology


## Memajukan Teknologi Maklumat

*“Accelerating to be on par with the best.”*

*“Mempercepat kemajuan untuk setanding dengan yang terbaik.”*

Information technology (“IT”) is a key driver for the Bank’s business advancement. With the completion of many key initiatives in 2012, Bank Islam is on a fast track to elevate the reliability and robustness of its core banking system. As a fundamental business enabler, the advancement of IT continues to feature as a key agenda in Bank Islam’s transformation in 2012. Many initiatives initiated in 2011 were completed during the year under review.

Teknologi maklumat (“IT”) adalah pemacu utama bagi memajukan perniagaan Bank. Setelah banyak inisiatif utama disempurnakan pada 2012, Bank Islam berada dalam laluan pantas untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kekukuhan sistem perbankan terasnya. Sebagai pendorong utama perniagaan, kemajuan IT terus ditonjolkan sebagai agenda utama dalam transformasi Bank Islam pada 2012. Banyak inisiatif yang dimulakan pada 2011 dapat disempurnakan sepanjang tahun di bawah tinjauan.



## COMPLETION OF CORE BANKING TRANSFORMATION INITIATIVE

Vital projects implemented comprise the Financing Origination System (“FOS”) and Asset Liability Management (“ALM”) system to automate the financing process of our financial services.

FOS empowers the Bank to manage all financing applications more efficiently through a standardized work flow process based on imaging technology. The results are increased productivity, reduced need for hard copies, faster financing application processing and better credit decision-making. This is because the FOS enables the Bank to perform a complete financial analysis of applicants and credit approval process using automated credit score cards. It also allows the Bank to create and track cross-selling activities to support customised product bundling for preferred customers.

The ALM system helps treasury management professionals gather information from all auxiliary systems to perform calculations for risk assessment on interest rates. The software produces standard reports on maturity matching and tools allow users to design custom reports and do data mining. The new Bank Negara Malaysia’s (“BNM”) Integrated Statistical System (“ISS”) meets the new requirement for International Financial Report Standards 29 (“IFRS 29”) reporting under BNM’s Financial Institutions Statistical System (“FISS”). The Anti Money Laundering Act (“AMLA”) ensures compliance to Anti-Money Laundering guidelines.

## IT SOLUTIONS FOR NEW PRODUCTS AND SERVICES

Leveraging on a more secure, efficient and high performance IT infrastructure, IT solutions supported the introduction of new banking products such as Bank Islam Debit Card-i and Ar-Rahnu microcredit facility for gold and jewellery in 2012. The year also saw enhanced support for cross selling of BIMB Invest new Unit Trust with Bank Islam’s products via the IT-based Integrated Unit Trust System. The system was also enhanced to support IT banking for Tawarruq facility and the Bank’s cash management and wealth management products. Another project that took off in 2011 and was completed in 2012 was the enhancement of the financing feature to automate ‘ibra in accordance to Shariah principals.

### PENYEMPURNAAN INISIATIF TRANSFORMASI PERBANKAN TERAS

Antara projek penting yang dilaksanakan termasuk Sistem Originasi Pembiayaan (“FOS”) dan sistem Pengurusan Liabiliti Aset (“ALM”) untuk mengautomasikan proses pembiayaan dalam perkhidmatan kewangan kami.

FOS membolehkan Bank menguruskan semua permohonan pembiayaan secara lebih cekap melalui proses aliran kerja standard berdasarkan teknologi imbasan. Hasilnya, produktiviti meningkat, keperluan untuk salinan bercetak berkurangan, pemrosesan permohonan pembiayaan menjadi lebih cepat dan proses membuat keputusan kredit menjadi lebih baik. Hal ini kerana FOS membolehkan Bank menjalankan analisis kewangan pemohon dengan lengkap dan melaksanakan proses kelulusan kredit menggunakan kad skor kredit automatik. FOS juga membolehkan Bank mewujudkan dan mengesan aktiviti penjualan silang bagi menyokong pemberkasan produk tersuai untuk pelanggan utama.

Sistem ALM membantu golongan profesional dalam pengurusan perbendaharaan mengumpulkan maklumat daripada semua sistem bantuan untuk melakukan pengiraan bagi penilaian risiko terhadap kadar faedah. Perisian ini mengeluarkan laporan standard tentang padanan kematangan dan alat yang membolehkan pengguna menghasilkan laporan tersuai dan melakukan perlombongan data. Sistem Statistik Bersepadu (“ISS”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) yang baharu memenuhi keperluan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa 29 (“IFRS 29”) yang melapor di bawah Sistem Statistik Institusi Kewangan (“FISS”) BNM. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (“AMLA”) memastikan garis panduan Pengubahan Wang Haram dipatuhi.

The Bank's continuous focus on branch transformation initiatives ensures improved turnaround time for better front-end service delivery. This transformation further simplified the customer registration process to provide a one-stop centre for account opening. Leveraging further on technology to improve customer convenience and shorten customer waiting time, in 2012 we introduced more banking features to our ATM channels, one of which was to enable self service haj registration.

#### IT INFRASTRUCTURE ENHANCEMENT FOR BUSINESS SUPPORT

Further automation was also introduced to the Bank's collection and recovery system to drive back room process improvements. These include an auto dialing facility, automated follow up process and web based automated legal agency system. The IT infrastructure was enhanced further via automation of the data back-up process which provides automated daily end-of-day data back-up.

New technologies were also introduced to prolong the life span of existing investments, particularly in the area of bandwidth capacity management. Such innovations not only contribute to increasing system availability and improved performance, but also lower IT maintenance cost.

Investments were also made to shield the systems from security threats and upgrade the capabilities and skills of IT staff. The Bank will continue to review and refresh its IT infrastructure as well as further enhance IT support services, in an ongoing effort to strengthen our capabilities.

#### MOVING FORWARD

On our "Hijrah to Excellence" ("H2E"), key short and medium-term plans have been put in place to ensure the improvement of front-end services, heightened robustness of internet services, improving our FOS to achieve higher service levels and establishing a loyalty programme for our cardholders.

Various projects have been identified to span over the three year H2E blueprint. Implemented based on business initiatives, compliance requirements and operational requirements, these projects will further our journey and fortify Bank Islam's repute as a pioneering leader by enabling continuous development of groundbreaking products and services.

#### PENYELESAIAN IT BAGI PRODUK DAN PERKHIDMATAN BAHARU

Bagi memanfaatkan infrastruktur IT yang lebih selamat, cekap dan berprestasi tinggi, penyelesaian IT menyokong pengenalan produk perbankan baharu seperti Kad Debit-i Bank Islam dan kemudahan mikro kredit Ar-Rahnu untuk emas dan barang kemas pada 2012. Tahun ini juga menyaksikan sokongan dipertingkatkan untuk penjualan silang Amanah Saham yang baharu bagi BIMB Invest dengan produk Bank Islam melalui Sistem Amanah Saham Bersepadu berasaskan IT ("IUTS"). Sistem ini juga dipertingkatkan bagi menyokong perbankan IT untuk kemudahan Tawarruq dan sistem pengurusan tunai serta produk pengurusan harta Bank. Projek lain yang telah dilancarkan pada 2011 dan disempurnakan pada 2012 ialah penambahbaikan ciri pembiayaan untuk mengautomasikan 'ibra menurut prinsip Syariah.

Tumpuan berterusan Bank terhadap usaha transformasi cawangan memastikan penambahbaikan masa penyempurnaan bagi penyampaian perkhidmatan bahagian hadapan yang lebih baik. Transformasi ini memudahkan lagi proses pendaftaran pelanggan bagi menyediakan pusat sehenti untuk pembukaan akaun. Bagi memanfaatkan lagi teknologi untuk menambah baik kemudahan dan memendekkan masa menunggu pelanggan, pada 2012 kami memperkenalkan lebih banyak ciri perbankan melalui saluran ATM. Salah satu daripadanya adalah untuk membolehkan pendaftaran haji dilakukan secara layan diri.

#### PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR IT BAGI SOKONGAN PERNIAGAAN

Pengautomasian juga diperkenalkan untuk sistem kutipan dan pemulihan Bank bagi memacu peningkatan proses sokongan. Ini termasuk kemudahan dail automatik, proses susulan automatik dan sistem agensi perundangan automatik berasaskan web. Infrastruktur IT ditambah baik lagi melalui pengautomasian proses sandaran data yang menyediakan sandaran data akhir hari harian secara automatik.

Teknologi baharu juga diperkenalkan untuk memanjangkan jangka hayat pelaburan yang ada, terutamanya dalam bidang pengurusan kapasiti jalur lebar. Inovasi seumpamanya bukan sahaja menyumbang kepada penambahan ketersediaan sistem dan peningkatan prestasi, bahkan mengurangkan kos penyelenggaraan IT.

Pelaburan juga dibuat untuk melindungi sistem daripada ancaman keselamatan dan meningkatkan keupayaan dan kemahiran kakitangan IT. Bank akan terus mengkaji semula dan memperbaharui infrastruktur ITnya serta meningkatkan lagi perkhidmatan sokongan IT dalam usaha berterusan untuk mengukuhkan keupayaan Bank.

#### MELANGKAH KE HADAPAN

Melalui "Hijrah ke arah Kecemerlangan" ("H2E"), pelan utama bagi tempoh jangka pendek dan jangka sederhana telah disediakan untuk memastikan perkhidmatan bahagian hadapan dipertingkatkan dan kemantapan perkhidmatan internet diperkukuh untuk menambah baik FOS kami bagi mencapai tahap perkhidmatan yang lebih tinggi dan mewujudkan program kesetiaan untuk pemegang kad kami.

Pelbagai projek telah dikenal pasti sepanjang rangka tindakan tiga tahun H2E. Kesemua projek ini yang dilaksanakan berdasarkan inisiatif perniagaan, keperluan pematuhan dan keperluan operasi akan mempercepat perjalanan kami dan memperkukuh reputasi Bank Islam sebagai pemimpin perintis melalui pembangunan berterusan produk dan perkhidmatan yang berinovatif.





A photograph of two men in business attire, including dark suits and black caps, looking at a tablet together. The man on the left is wearing glasses and a patterned tie. The man on the right is also wearing glasses. They are standing in front of a large window with a white metal frame. A red semi-transparent box is overlaid on the left side of the image, containing text.

# Advancing Shariah Compliance

## Memajukan Pematuhan Syariah

*“Actively ensuring a sound Shariah risk management framework.”*

*“Bersungguh-sungguh memastikan kesempurnaan rangka kerja pengurusan risiko Syariah”*

The fundamental requirement of an Islamic bank is that its whole business practices and operations are based on Shariah rules and principles. Islamic finance draws its value proposition from the application of a diverse spectrum of Shariah contracts in financial transactions that provide for different risks and return profile. The adherence by Islamic banks to Shariah principles under such distinct contract preserves the validity and sanctity of Islamic banking transactions.

Keperluan penting sesebuah bank Islam adalah agar keseluruhan amalan dan operasi perniagaannya adalah berdasarkan peraturan dan prinsip Syariah. Kewangan Islam menjana nilai saranan daripada penggunaan pelbagai spektrum kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan yang bersedia untuk menghadapi profil risiko dan pulangan yang berbeza. Kepatuhan perbankan Islam kepada prinsip Syariah di bawah kontrak yang berbeza tersebut mengekalkan kesahihan dan kesucian urus niaga perbankan Islam.



Therefore, Islamic banks are at all times obliged to ensure its products, activities and operations are Shariah compliant. Any Shariah non-compliances within an Islamic bank will potentially lead to financial or non-financial losses. For that reason, Shariah Compliance Risk Management (“SCRM”) is essential in any Islamic bank.

In the Malaysian Islamic banking industry, SCRM is part of the internal Shariah compliance functions as required by the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (“SGF”) established by Bank Negara Malaysia. The SGF specifically outlines the SCRM’s role including its definition, risk officer qualification and focal functions.

In Bank Islam (“the Bank”), the SCRM was established back on 1 June 2004 as a second line of defence. It systematically identifies, measures, monitors and controls Shariah compliance risks to mitigate any possible non-compliance events occurring within the Bank. The systematic approach of managing SCRM enables the Bank to ensure alignment of business activities and behaviours to Shariah rules and principles. To ensure effective implementation of the SCRM function, there is a total integration with the Bank’s risk management framework that results in a sound and robust oversight.

Oleh itu, perbankan Islam pada setiap masa bertanggungjawab untuk memastikan produk, aktiviti dan operasinya mematuhi Syariah. Apa-apa ketidakpatuhan Syariah dalam sesebuah bank Islam berkemungkinan membawa kepada kerugian kewangan ataupun bukan kewangan. Bagi tujuan itu, Pengurusan Risiko Pematuhan Syariah (“SCRM”) adalah penting untuk mana-mana bank Islam.

Dalam industri perbankan Islam di Malaysia, SCRM adalah sebahagian daripada fungsi pematuhan Syariah dalaman seperti yang dikehendaki oleh Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk Institusi Kewangan Islam (“SGF”) yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia. SGF menggariskan dengan khusus peranan SCRM termasuk takrif, kelayakan pegawai risiko dan fungsi tumpuannya.

SCRM diwujudkan di Bank Islam (“Bank”) pada 1 Jun 2004 sebagai lapisan pertahanan kedua. Ia mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko pematuhan Syariah secara sistematik bagi mengurangkan apa-apa kemungkinan berlakunya kejadian ketidakpatuhan di dalam Bank. Pendekatan yang sistematik dalam menguruskan SCRM membolehkan Bank memastikan penjajaran aktiviti perniagaan dan tatalaku terhadap peraturan dan prinsip Syariah. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan fungsi SCRM, terdapat integrasi secara menyeluruh dengan rangka kerja pengurusan risiko Bank yang menghasilkan pengawasan yang teguh dan mantap.

A sound Shariah risk management framework encompasses the following:

- Identifies the full range of Shariah risks arising from all aspects of Bank operations;
- Specifies internal controls to ensure Shariah compliance on products and operations;
- Ensures Shariah approval process flows and checks are clearly documented;
- Requires risks and controls to be understood and implemented by staff;
- Identify remedial measures to minimise, remove and prevent the recurrence of non-compliance events;
- Requires periodic reviews to detect and address operational deficiencies;
- Require independent Shariah audit coverage and assessment;
- Requires escalation of reports on non-compliance risk indicators to the management, Board of directors and Shariah board;
- Periodically updates to take into consideration developments in the Islamic banking industry and regulatory framework.

### MANAGING SHARIAH COMPLIANCE RISK IN BANK ISLAM

BNM's SGF highlights three main functions of SCRM, which involve (i) establishing risk management processes; (ii) formulating appropriate SCRM policies and guidelines; and (iii) developing and implementing Shariah compliance risks awareness in the Bank. These specified functions are formally embedded in the Bank's internal Shariah Compliance Policy and SCRM Guidelines to ensure adherence by relevant personnel.

#### i. SCRM Processes

The SCRM processes are structured approaches in managing Shariah compliance risks within the Bank which ultimately facilitates the Bank in complying with Shariah rules and principles in its operations. The four key processes of SCRM are depicted in the following diagram:



The SCRM process begins with the identification of inherent Shariah compliance risks in all products, activities, processes and systems. All identified Shariah compliance risks are documented, profiled and brought to the attention of the management, the Shariah Supervisory Council and the Board.

Rangka kerja pengurusan risiko Syariah yang lengkap merangkumi perkara berikut:

- Mengetahui pasti semua risiko Syariah yang timbul daripada segenap aspek operasi Bank;
- Menetapkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan Syariah ke atas produk dan operasi;
- Memastikan aliran proses dan semakan kelulusan Syariah didokumenkan dengan jelas;
- Menghendaki kakitangan memahami risiko dan melaksanakan kawalan;
- Mengetahui pasti langkah-langkah pemulihan untuk mengurangkan, menghapuskan dan mencegah berulangnya kejadian ketidakpatuhan;
- Memerlukan ulasan berkala untuk mengesan dan menangani kekurangan operasi;
- Memerlukan liputan dan penilaian audit Syariah bebas;
- Memerlukan peluasan laporan tentang penunjuk risiko ketidakpatuhan kepada pihak pengurusan, Lembaga pengarah dan lembaga Syariah;
- Mengemaskini secara berkala dengan mengambil kira perkembangan dalam industri perbankan Islam dan rangka kerja kawal selia.

### MENGURUSKAN RISIKO PEMATUHAN SYARIAH DI BANK ISLAM

SGF yang diwujudkan oleh BNM menerangkan tiga fungsi utama SCRM, yang termasuk (i) memantapkan proses pengurusan risiko; (ii) menggubal dasar dan garis panduan SCRM yang sesuai, dan (iii) membangun dan melaksanakan kesedaran risiko pematuhan Syariah di Bank. Fungsi yang ditetapkan ini secara rasminya terkandung dalam Dasar Pematuhan Syariah dalaman Bank dan Garis Panduan SCRM bagi memastikan pematuhan oleh kakitangan yang berkaitan.

#### i. Proses SCRM

Proses SCRM ialah pendekatan berstruktur dalam pengurusan risiko pematuhan Syariah di dalam Bank yang akhirnya memudahkan Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah dalam operasinya. Empat proses utama SCRM ditunjukkan dalam rajah berikut:



Proses SCRM bermula dengan pengenalpastian risiko pematuhan Syariah yang terdapat dalam semua produk, aktiviti, proses dan sistem. Semua risiko pematuhan Syariah yang dikenalpasti didokumentasi, diprofil dan dikemukakan untuk pengetahuan pihak pengurusan, Majlis Pengawasan Syariah dan Lembaga Pengarah.

These risks are assessed based on their level of severity and their potential impact on the Bank. Key risk indicators are then developed to facilitate the identification and prioritisation of risk mitigation strategies.

Subsequently, the Shariah compliance risks are controlled and monitored to ensure the respective owners of the risk implement all mitigation efforts. This is carried out through a Shariah review and Shariah audit exercise conducted by the Shariah Division and the Internal Audit Division, respectively.

The Shariah compliance issues are then reported to the Operational Risk Control Committee, Management Risk Control Committee, Board Risk Committee and the Shariah Supervisory Council. In performing their oversight function, these committees will review the adequacy of mitigating strategies implemented.

## ii. Guideline Formulation

Apart from the Shariah Compliance Policy which contains the Bank's internal Shariah governance framework; specific and general Shariah compliance requirements; and the roles and responsibilities of the respective management and board committees in performing their oversight function; the Bank has also formulated the SCRM Guideline which sets out the SCRM framework. The guideline serves to provide a consistent bank-wide framework for managing Shariah compliance risks across the Bank.

Additionally, in order to ensure that the planning, development, and implementation of the Bank's products are in accordance with Shariah rules and principles, the Bank has issued more than 10 Shariah contract guidelines to serve as a standard guide for the Bank's personnel in dealing with products based on the respective Shariah contracts.

## iii. Shariah Compliance Risk Awareness

The key to sound risk management within the Bank lies in creating awareness on Shariah compliance risk among the Bank's personnel. In creating Bank-wide awareness, newly recruited staffs are exposed to Shariah rules and principles governing the Bank's products and business operations through the 'Hijrah to Excel' training programme. In addition to that, special training and briefings on Shariah compliance risk are conducted regularly to ensure proper controls and mitigations are effectively implemented.

## CONCLUSION

Acknowledging that Shariah is the foundation of an Islamic bank, Bank Islam is committed to strengthening its SCRM across the organisation. The relative complexity of contracts, combined with fiduciary obligations of Islamic banks, mean that SCRM becomes a critical process in ensuring at all times, that all activities and products are in conformity with Shariah rules and principles.

Shariah non-compliant income derived from Shariah non-compliance events are not recognised as Bank income and are subsequently channeled to charity upon approval by the Shariah Supervisory Council.

